SYIAH

IMAMIYAH MAZHAB KE 5?

Prosiding Seminar

Disunting oleh:
Dr. Sulaiman Nordin. Dr. Mohd. Zawawi Abdullah.
Mohamad Sabri Haron.

AHLI SUNNAH DAN SYI'AH IMAMIYYAH

(Prosiding Seminar)

Aspek Persamaan Dan Perbezaan

Pada 26 dan 27 Disember 1992

Di Dewan Mu'tamar
Pusat Islam, Jalan Perdana
Kuala Lumpur.

Anjuran
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.

Cetakan Pertama :1993
Cetakan Kedua :1994
Cetakan Ketiga :1996
Cetakan Keempat :1996

Kebenaran Untuk Mencetaknya Boleh
Didapati Daripada Penerbit Atau Penyunting

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalog-dalam-Penerbitan

Seminar Ahli Sunnah dan Syi'ah Imamiyyah
1992: Kuala Lumpur

Aspek-aspek Persamaan dan Perbezaan:
Prosiding Seminar, 26 dan 27 Disember
dianjurkan oleh Pusat Pengajian Umum,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
Di Dewan Mu'tamar Pusat Islam
Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

ISBN 983-99661-8-9

1. Shi'ah-Congress 2. Sunnites-Congresses
3. Islamic Sects-Congresses 4. Universiti Kebangsaan Malaysia. Pusat Pengajian Umum

II. Judul
297.82

Diterbitkan Oleh:
NUUR PUBLICATIONS
Kajang, Selangor.

Dicetak Oleh:
Majujaya Indah Sdn. Bhd.

KANDUNGAN **MUKASURAT**

SEPATAH KATA DARIPADA NAIB CANSELOR

Sejak akhir-akhir ini kita dapati masyarakat umum telah mendengar berkenaan masalah kegiatan Syiah di kalangan penuntut-penuntut baik di institusi-institusi pengajian tinggi mahupun di sekolah-sekolah agama tertentu.

Minat untuk mengetahui berkenaan agama Syiah ini di kalangan para intelek dan orang awam meningkat khasnya selepas kejayaan Revolusi yang dipimpin oleh Imam Khomeini menjatuhkan kerajaan Shah Iran pada tahun 1979. Dari segi politiknya, gambaran yang diberi memaparkan kejayaan satu revolusi Islam menentang satu kerajaan yang zalim. Ada pihak menganggap bahawa Khomeini adalah seorang perwira Islam yang membimbing revolusi itu. Ada pihak yang lain pula menganggap bahawa revolusi itu mempunyai perhubungan dengan rancangan pakatan pemodal elit antarabangsa. Benar atau tidak benarnya pernyataan ini memerlukan penyelidikan dan bacaan yang teliti dengan berhati-hati. Sungguhpun demikian, perbincangan dari segi aspek akidah dan kepercayaan Syiah mungkin boleh memberi lebih manfaat dan gambaran yang lebih jelas kerana Islam mempunyai piawai atau rujukan yang kukuh lagi senang dan mudah difahami tidak berdasarkan politik, suasana, atau emosi. Oleh kerana itu pihak Pusat Pengajian Umum telah mengadakan forum atau seminar ini yang membincangkan berkenaan aspek-aspek persamaan dan perbezaan antara ahli Sunnah dan Syiah Imamiyyah dari segi kepercayaan masing-masing.

Seminar seperti ini perlu digalakkan khasnya di institusi-institusi pengajian tinggi memandangkan bahawa pengaruh 'mazhab' Syiah kian bertambah di kalangan penuntut-penuntut di institusi dan sekolah berkenaan di mana terdapat sebilangan kecil pelajar dan mungkin juga pensyarah telah dipengaruhi dengan ajaran dan diayah orang-orang Syiah.

Dengan tidak diduga seminar ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai, para pelajar dan ahli akademik. Sekurang-kurangnya mereka ingin mengetahui tentang kepercayaan kaum Syiah dan memikirkan implikasinya jika sekiranya mazhab ini berjaya mempengaruhi ramai rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Seminar tersebut telah membincangkan isu-isu seperti: Adakah benar bahawa mazhab Syiah ini mazhab yang mu'tabar (diterima) di

sisi ahli Sunnah wal Jamaah? Adakah perbezaan antara ahli Sunnah dan Syiah Imamiyyah merupakan perbezaan hanya di peringkat furu' atau rantingnya dan bukannya di peringkat aqidah atau pokok?

Alhamdulilah, penceramah-penceramah telah berjaya menunjukkan kata sepakat terhadap masalah-masalah tersebut di atas. Semoga buku pascasidang ini boleh menjadi satu daripada bahan-bahan rujukan ilmiah mengenai tajuk yang dibahaskan itu

Wabillahi at-taufik wal hidayah

Prof. Tan Sri Dato'
Dr. Hj. Abdul Hamid b. Hj. Abdul Rahman
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.

9hb. Jun 1993.

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد المرسلين وخاتم النبيين ، محمد وآله وصحبه أجمعين ، ومن تبعهم باحسان إلى يوم الدين .

PRAKATA

Segala puji bagi Allah s.w.t. selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarganya serta sahabat-sahabatnya.

Dalam buku Prosiding seminar ini terdapat tajuk yang dibincangkan menyentuh aspek akidah, syariah, akhlak, ummah dan negara. Banyak persoalan-persoalan telah timbul daripadanya. Umapamanya:

Apakah perbezaan antara Syiah Imamiyyah dengan ahli Sunnah dari segi kepercayaan? Mengapakah ulama' silam menggolongkan mazhab Syiah sama dengan mazhab mu'tazilah, Jahmiah, Khawarij dan Murji'ah. Adakah mazhab syiah Imamiyyah mazhab mu'tabar (mazhab yang boleh diterima) disisi ahli Sunnah wal Jamaah?

Dalam akidah Syiah Imamiyyah terdapat kepercayaan seperti konsep Imam dua belas yang maksum (معصوم) daripada kesalahan dan Imam-Imam tersebut mengetahui berkenaan perkara-perkara di dalam alam ghaib. Kepercayaan ini adalah salah satu daripada lima rukun iman di sisi Syiah Imamiyyah. Dalam rukun Islam Syiah terdapat konsep 'Wilayah' iaitu para Imam-Imam dipilih dan ditentukan oleh Allah s.w.t. Perkara-perkara tersebut membabitkan pesoalan di manakah terdapat di dalam al-Quran dan di dalam hadis sahih perkara 'Imam' dan 'Wilayah' yang di sebutkan itu? Lantaran itu timbullah tuduhan 'tahrif al-Quran' iaitu al-Quran telah diubah dan tuduhan daripada pengikut Syiah bahawa kebanyakan sahabat-sahabat utama Rasulullah s.a.w. adalah tidak adil, pengkhianat

malah murtad!. Semua tuduhan-tuduhan termasuk di dalam perkara-perkara aqidah iaitu perkara asas dan bukannya perkara kecil atau ranting. Kerana Allah telah berfirman:

وَالسَّٰبِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَٰجِرِينَ وَالْأَنصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

Bermaksud:

"Orang-orang Muhajirin dan Ansar yang awal dan orang-orang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, Allah redha kepada mereka dan mereka redha kepada Allah..." (At-Taubah, 9:100)

Semenjak tercetusnya revolusi Iran, terdapat kumpulan-kumpulan di Malaysia yang menamakan diri mereka sebagai Ahlul Bait yang berterusan menyebarkan risalah-risalah di masjid-masjid dan kepada individu-individu. Risalah-risalah berkenaan menyebar kandungan ajaran-ajaran seperti berikut:

1. Kebanyakan sahabat-sahabat utama yang terdekat kepada Rasulullah s.a.w. adalah golongan munafiq, mengkhianati dan memalsukan hadis dan kitab suci al-Quran. (Kashful- Asrar Hlm. 114).

2. Mereka menganggap bahawa hanya segelintir sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. sahaja yang tidak murtad, di antaranya:

   (a) Miqadad bin Aswad
   (b) Abu Dharr al-Ghifari
   (c) Salman Al-Farisi (Hayatul al-Qulub. J.2, Hlm 640; Al-Raudhah Min Al-Kafi. J.8. Hlm. 245)

3. Usul perundangan mereka berdasarkan kepada kitab bernama 'AL-KAAFI' oleh al-Kulaini. Bagi mereka kitab ini setaraf dengan kitab as-Sahih al-Bukhari. Bahkan bagi mereka kitab

Sahih al-Bukhari tidak boleh menjadi asas pegangan pada amnya.

4. Kepercayaan bahawa kesemua Imam yang berjumlah dua belas itu mengetahui semua ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada para Malaikat, para nabi dan Rasul-Rasul." (Al-Kaafi. Jilid. 1, Al-Usul, Bhg. dua (4) (1), World Organization for Islamic Services, Tehran).

5. Perkara kemuncak dalam konsep keimanan ialah kepercayaan kepada Imam yang Ghaib, iaitu Imam yang ke dua belas bernama Imam Muhamad bin al-Hasan al-Askari, masih hidup dan akan muncul pada akhir zaman sebagai Imam Mahdi yang dinanti untuk memerintah seluruh dunia. (Usul Kafi: Hlm 202, 207)

Adakah ajaran-ajaran tersebut selaras dengan nas-nas terdapat daripada al-Quran dan as-Sunnah?

Adakah ajaran-ajaran tersebut menggambarkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah gagal dalam usaha dakwahnya selama dua puluh tiga tahun?

Kalaulah seorang Rasulullah s.a.w. telah gagal dalam usaha tablighnya siapa lagi yang lebih unggul daripada baginda?

Betulkah Imam Khomeini menegakkan Negara Islam? Adakah kemenangan sesuatu kumpulan menunjukkan kebenaran mereka?

Penjelasan mengenai persoalan-persoalan ini Insya Allah boleh didapati menerusi kertas-kertas kerja di dalam buku prosiding ini.

Seramai lebih kurang lima ratus para peserta telah menghadiri seminar ini termasuk para ilmuan dan ahli akademik, wakil-wakil dari Jabatan Agama Islam Negeri, wakil-wakil institusi pengajian tinggi, wakil-wakil majlis agama Islam negeri, wakil-wakil bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, wakil-wakil pelajar dan guru-guru sekolah agama.

Saya bagi pihak urusetia seminar mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu dan institusi yang telah memberi kerjasama dan bantuan secara langsung atau tidak langsung khasnya Y.Bhg. Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan Y.M. Pengarah Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur yang telah memberi kerjasama untuk menjayakan seminar selama dua hari itu. Semoga Allah s.w.t. memberkati usaha-usaha mereka dan cendekiawan kita yang memberi penjelasan yang baik dalam perkara yang menyentuh akidah, syariat, akhlak, ummah dan negara.

Daripada Allah Taala sahajalah kita dapat taufik dan hidayah.

Prof. Madya Dr. Sulaiman Noordin 9hb Jun 1993.
Pengarah
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, 43600
Selangor.

KATA PENGANTAR BAGI EDISI KEDUA

Segala pujian hanya bagi Allah, Pencipta seluruh alam, selawat dan salam atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarga serta sahabat dan pengikutnya.

Tanpa disangka buku ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Islam. Oleh itu, pada cetakan kedua (edisi ke-2) ini, beberapa pembetulan telah dibuat. Pembetulan ini adalah untuk memperbaiki mana-mana bahagian yang tersalah atau tidak sempurna.

Pada 3-4 Julai 1993 satu seminar telah diadakan di hotel di Kuala Lumpur dianjurkan oleh mereka yang termaklum dengan bertujuan untuk mendekatkan (taqrib) antara golongan Syiah dengan Sunnah wal Jamaah di Malaysia. Persoalannya ialah,sekiranya maksud 'taqrib' itu adalah untuk bekerjasama dengan negara Syiah Iran dalam bidang ekonomi atau sebagainya, itu tidak menjadi masalah, kerana Malaysia mengamalkan dasar bekerjasama dengan sebarang negara dalam bidang itu walaupun negara tersebut berideologi komunis, asalkan mereka tidak menyebarkan ideologi mereka di kalangan rakyat Malaysia.

Tetapi sekiranya taqrib itu bermaksud untuk mendekatkan umat Islam di Malaysia dengan pengikut Syiah Imamiyyah dari segi AKIDAH ia akan mewujudkan beberapa masalah besar. Pertama, rukun iman di kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah ENAM dan rukun iman di kalangan Syiah Imamiyyah adalah LIMA.

Kedua, andaikata mazhab Syiah dapat mempengaruhi mereka yang kurang faham tentang sejarah dan latar belakang Syiah itu, pada masa hadapan, umat Islam di Malaysia akan berpecah kepada dua puak seperti mana yang telah berlaku di negara Iraq, India, Pakistan, Iran dan Lebanon. Pergeseran yang sering berlaku di antara puak Syiah dan ahli Sunni di tempat-tempat tersebut selalunya menjadi peristiwa yang menumpahkan darah.

Ketiga, sekiranya puak Syiah ingin bekerjasama dengan ahli Sunni mengapakah kerajaan Iran tidak mengadakan lujnah pendekatan tersebut di Iran juga? Dan mengapa pula Syiah Iran melakukan kekejaman ke atas ulamak-ulamak Sunni di negaranya? Dan mengapa pula disyaratkan dalam perlembagaan negara bahawa Presiden Iran perlu bermazhab Syiah? Dan mengapakah orang Sunni dilarang dengan keras di Iran untuk mengajar 'Aqidah mereka yang sahih, walaupun di kalangan penganut-penganut Sunni sahaja!!!

Keempat, isu yang lebih penting ialah Iran pernah mengisytiharkan untuk mengeksport 'revolusinya' ke negara Islam yang lain dan sedang giat menyebarkan ajarannya di negara-negara Nusantara termasuk Thailand, Indonesia, Singapura dan Filipina.

Masalah-masalah tersebut perlu diteliti dan diselidik dengan cermat dan objektif tanpa dipengaruhi oleh suasana politik semasa.

Semoga buku ini dapat dimenfaatkan dari segi mendedahkan kepada para pembaca, sejarah, ajaran dan latar belakang mazhab Syiah ini. "Ya Tuhan kami hanya kepada Engkaulah kami bertawakkal dan hanya kepada Engkaulah kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami kembali (al-Mumtahanah, 60:4).

Sulaiman Noordin

Sulaiman Noordin
1hb Februari 1994. Bangi.

1. BAHAYA SYIAH KEPADA AQIDAH, SYARIAH, AKHLAK, UMMAH DAN NEGARA

Oleh

Ustaz Mohd Asri Yusof

Pendahuluan

Ajaran Syiah pada hakikatnya adalah satu ajaran yang dirancang dan disusun sekian lama oleh musuh Islam. Ia merupakan hasil dan buah daripada pokok-pokok beracun yang ditanam oleh musuh-musuh Islam di bumi Islam.

Untuk mengetahui betapa bahayanya ajaran Syiah kepada aqidah, Syariah dan umat Islam kita perlu merenung kembali sejarah silam di zaman khalifah Islam ketiga, ketika pergerakan menentang khalifah dan usaha-usaha menggugat perpaduan umat di setiap wilayah yang dikuasai Islam pada masa itu dilancarkan dengan begitu hebat sehingga akhirnya khalifah umat Islam Uthman bin 'Affan yang telah dikahwinkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan dua orang cahaya matanya terkorban syahid, seorang khalifah yang berkali-kali dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai ahli syurga kerana jasanya dan sumbangannya yang besar terhadap Islam antaranya mencurahkan harta benda yang banyak untuk melengkapkan 'jaisy al 'usrah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

ما يضرّ عثمان ما عمل بعد اليوم.

Bermaksud:
"Selepas hari ini tiada amalan lagi yang boleh merosakkan Uthman".

(Riwayat Ahmad - Tirmidzi).

Umat Islam setelah itu tidak lagi menumpukan perhatian mereka kepada musuh Islam dan pedang mereka tidak lagi terhunus ke muka musuh-musuh itu yang terdiri daripada orang Yahudi, Nasrani, Majusi dan sebagainya, tetapi sebaliknya mereka mula bercakaran sesama sendiri. Pedang dan lembing mereka mula bergemerincing di medan perang saudara sehingga beberapa lama.

Jika di zaman masyarakat Islam yang sebilangan besarnya terdiri daripada orang-orang yang dididik oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dan masih ramai yang teguh imannya dan begitu yakin tentang Islam, racun-racun yang disemburkan oleh mereka itu telah dapat melemahkan sebahagian anggota masyarakat Islam sehingga menimbulkan huru-hara yang berpanjangan, bayangkan bagaimana agaknya jika racun yang begitu berbisa itu di semburkan ke tubuh masyarakat Islam hari ini yang mana anggotanya terdiri daripada orang-orang yang lemah akidahnya, cetek pengetahuannya tentang selok-belok ajaran Islam dan tidak pula mendapat pendidikan Islam yang sempurna. Tentu sekali dalam masa yang singkat wajah masyarakat Islam akan berubah kepada rupa yang sungguh menakutkan.

Apakah intisari ajaran Syiah permulaan yang dikepalai oleh Ibn Saba' itu? Apakah fahaman-fahaman Syiah permulaan yang telah berjaya menggugat Islam dari dalam dan telah melemahkan ikatan persaudaraan Islam pada ketika itu? Jawapannya dapat kita temui dalam ajaran dan fahaman Syiah hari ini ...

Umat Islam hari ini perlu menjadikan sejarah yang lampau sebagai pengajaran dan iktibar, supaya sejarah tidak akan berulang lagi. Tidak mungkin umat Islam yang berpegang dengan Al-Quran dan Sunnah boleh terperangkap dengan jerangkap-jerangkap yang dipasang oleh musuh-musuh yang telah tercatat dalam sejarah muram mereka. Mukmin sejati mustahil akan terjebak ke dalam fahaman-fahaman salah yang dikemukakan oleh musuh-musuh yang pernah menikam nenek moyang mereka dahulu kerana Rasullullah s.a.w. telah bersabda:

لا يلدغ المؤمن من جحر واحد مرتين.

Bermaksud:
"Orang Mukmin tidak disengat dua kali di lubang yang sama".

Walaupun golongan Syiah hari ini menafikan hubungannya dengan gerakan Abdullah ibn Saba' dan menyatakan ajaran mereka tidak sama dengan ajaran yang dibawa oleh Ibn Saba' dan rakan-rakannya namun penafian itu tidaklah membawa apa-apa erti jika persamaan antara kedua-duanya diketahui dan diakui oleh umum termasuk Syiah sendiri. Lihatlah kepada Al-Tusi, seorang tokoh ulamak mutaqaddimin Syiah yang dianggap sebagai tokoh yang mendalam ilmunya tentang riwayat dan rijal telah menulis kitab 'Rijal Kasysyi' yang dianggap sebagai kitab yang terpenting tentang rijal Syiah . Sebahagian ahli ilmu menyebut bahawa Abdullah ibn Saba' adalah seorang Yahudi yang kemudiannya memeluk Islam dan membela Saidina Ali a.s. Semasa beliau beragama Yahudi ia berpendapat Yusya' bin Nun merupakan wasi bagi Nabi Musa a.s secara ekstrim. Setelah dia masuk Islam (secara pura-pura), dialah orang yang mula-mula mengisytiharkan kewajipan melantik Ali sebagai Imam; dan menyatakan secara terbuka penentangannya terhadap musuh-musuh Ali dan melepaskan diri daripada mereka bahkan mengkafirkan mereka. Bermula dari sinilah orang yang menentang Syiah mengatakan sumber bagi ajaran Syiah dan Rafidah ialah agama Yahudi *(Rijal Kasysyi, Hal: 108).*

Antara tokoh-tokoh Syiah yang juga telah menyebutkan perkara yang sama ialah An-Naubakhti dalam *'Firaq Asy Syiah*, hal 43-44', Al Hulli dalam *Kitab Al Rijal,* Hal: 469. "Mamaqani seorang tokoh ulama mutakhir Syiah tentang Rijal kitabnya *Tanqih al Maqal* J.2 Hal. 184 " 'al-Ustarabadi dalam *Kitab Manhaj al-Maqal,* Hal. 203'. Ibn Abi al Hadid dalam *Syarh Nahj al-Balaghah,* J.2 Hal. 309' Syeikh Abbas al-Qummi dalam kitabnya *Tuhfat al -Ahbab,* Hal. 184 dan lain-lain.

Di kalangan tokoh-tokoh ahli Sunnah yang telah menyebutkan ajaran Ibn Saba' dan peranannya dalam memecahbelahkan umat Islam ialah Abu Hasan al -Asy'ari dalam *Maqalat al Islamiyyin,* J.1 Hal, 50 Abdul Qahir Al Baghdadi dalam *Al-Farq Bayn al Firaq,* hal. 233-235' Al Isfiraini dalam *At-Tabsir Fi al Din,* Hal. 108-109, al-Syahrastani dalam *Al Milal Wa al Nihal,* J.2 Hal, 11 al Tabari dalam *Tarikh al Umam Wa al Muluk,* J.5 Hal. 90 Ibn Kathir dalam *Al Bidayah Wa al Nihayah,* J.7 Hal. 167, Hafiz Ibn Hajar dalam *Lisan al Mizan,* J.3 hal. 289 dan lain-lain.

Sebenarnya jika kita perhatikan dengan teliti dan kita mengkaji ajaran Syiah dari semua aspek, aqidah, Syariah, akhlak dan lain-lain maka kita akan mendapati ajaran-ajaran itu telah dirancang sebegitu rupa untuk mengambil alih agama Islam yang sedia ada supaya umat Islam secara tidak sedar menganut dan mengamalkan ajaran-ajaran yang bukan berasal daripada Islam sama sekali, pada ketika itu Islam yang dianuti pada hakikatnya hanya pada nama semata-mata atau Islam yang palsu dan Islam yang palsu ini tentu sekali tidak membimbangkan atau menggugat kedudukan agama-agama dan fahaman-fahaman lain yang terdapat di dunia, tetapi segala-galanya disusun dan direncanakan sehingga umat Islam sendiri yang pengetahuannya tidak begitu mendalam tentang Islam dapat menerima ajaran yang dikemukakan oleh mereka sebagai ajaran Islam.

Walau bagaimanapun di dalam kertas kerja ini kita akan mendedahkan kepalsuan ajaran Syiah, percanggahannya dengan agama Islam yang suci dan bahayanya kepada umat Islam di setiap tempat supaya agama yang mereka mahu hapuskan dan lenyapkan dari muka bumi ini tetap akan mengibarkan bendera kemenangannya sesuai dengan firman Allah :

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ

Yang bermaksud:

> "Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (Al-Quran) dan agama yang benar untuk dimenang-Nya atas segala agama walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukainya".
>
> (Surah al-Taubah ayat 33)

Antara bahaya dan percanggahan ajaran Syiah dengan Islam yang akan di kemukakan dalam kertas kerja ini ialah:-

1. Bahayanya kepada aqidah
2. Bahayanya kepada Syariah
3. Bahayanya kepada akhlak
4. Bahayanya kepada ummah
5. Bahayanya kepada negara.

1. Bahayanya Kepada Aqidah

1.1 Aqidah Syirik Dengan Allah

1.1.1 Muhammad bin Yaaqub Al Kulayni meriwayatkan dalam *Usul al-Kafi* daripada Abi Abdillah dan berkata, *'Sesungguhnya dunia dan akhirat adalah kepunyaan Imam, dia boleh meletakkannya di mana dikehendakinya dan memberikan nya kepada sesiapa yang dikehendakinya. Itu adalah satu kebenaran daripada pihak Allah kepadanya* ('al -Kafi J.1 Hal.409, Bab Dunia ini semuanya kepunyaan Imam). Sebenarnya Allah telah berfirman di dalam Al-Quran :

Yang bermaksud:

> "Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah. Diberikan-Nyakepada sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada hamba-hamba-Nya.
>
> (Surah al-A^c raf ayat 128)

Allah berfirman lagi :

لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

Yang bermaksud:

"Kepunyaan-Nyalah kerajaan langit dan bumi........."

(Surah al -Hadid ayat 2)

1.1. 2 Allah menyatakan sifat-Nya dalam Al-Quran sebagai yang awal dan yang akhir, yang zahir dan yang batin sebagaimana firman- Nya :

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ

Yang bermaksud;

'Dialah yang awal dan yang akhir, yang zahir dan yang batin'

(Surah al-Hadid ayat 3.)

Syiah pula meriwayatkan bahawa Saidina Ali r.a berkata :

'Akulah yang awal dan yang akhir, akulah yang zahir dan akulah yang batin, akulah pewaris bumi.........' (*Rijal al Kasyi,* Hal. 211) sedangkan Allah telah berfirman yang bermaksud:

إِنَّا نَحْنُ نَرِثُ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا وَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ

'Kamilah pewaris bumi dan sekalian makhluk yang ada di atasnya.........'

(Surah Maryam ayat 40).

1.1.3 Al-Kulayini menyebutkan dalam *Usul al-Kafi* bahawa Imam Muhammed Al Baqir berkata: *' Kami adalah wajah Allah, kami adalah mata Allah di kalangan makhluk-Nya dan kami adalah tangan -Nya yang terhampar menghulurkan rahmat kepada hamba-Nya'. (Usul al-kafi ,Hal.83).*

Begitu juga diriwayatkan daripada Abi Abdillah (Ja'far al Sadiq) bahawa Amirul Mukminin Ali a.s. selalu berkata; *'Akulah pembahagi Syurga dan neraka bagi pihak Allah ....aku dikurniakan beberapa keistimewaan yang tidak pernah dikurniakan kepada sesiapa pun sebelumnku aku mengetahui kematian dan bencana yang menimpa manusia, keturunan mereka dan aku mampu memutuskan perkara dengan tepat. Sesuatu yang telah berlaku tidak terlepas daripada pengetahuanku dan tidak tersembunyi daripada pengetahuanku apa yang tidak ada di hadapanku'* (Kitab Al- Hujjah Min al-Kafi, J.1 Hal. 197).

Seorang ahli tafsir Syiah yang terkenal bernama Maqbul Ahmad dalam tafsirannya ketika mentafsirkan ayat yang:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ

Yang bermaksud:

'Segala sesuatu akan binasa kecuali wajah-Nya...........'

(surah al -Qasa's ayat 88).

Meriwayatkan bahawa Ja'afar Al-Sadiq mentafsirkan ayat ini dengan *"Kamilah wajah Allah itu"*.

1.1.4 Al-Kulayni mengadakan satu bab yang tajuknya berbunyi: *'Para Imam mengetahui perkara yang lalu dan akan datang dan tidak tersembunyi daripada pengetahuan mereka sesuatupun'*.

Di dalam bab ini beliau mengemukakan satu riwayat daripada Ja'afar Al-Sadiq bahawa beliau berkata bermaksud:

'Sesungguhnya aku mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi. Aku mengetahui apa yang ada di Syurga dan di neraka. Aku mengetahui perkara yang berlalu dan perkara yang akan datang '.

(Ibid, J.1 Hal. 261).

1.1. 5 Di dalam kitab yang sama disebut bahawa para imam boleh menghalalkan dan mengharamkan apa yang mereka kehendaki (*Al-Usul Min al Kafi,* J.1 Hal 44) sedangkan Allah berfirman di dalam Al-Quran :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ

Yang bermaksud:
'Hai Nabi, mengapa kamu mengharamkan apa yang Allah halalkan bagimu........'

(Surah al - Tahrim ayat 1).

Ini bermakna Syiah menyengutukan Allah dengan para Imam mereka dalam mengharam dan menghalalkan sesuatu. Di dalam kitab itu juga Al-Kulaini meriwayatkan bahawa Ja'afar Al Sadiq berkata: *"Mana-mana imam yang tidak mengetahui sesuatu yang akan menimpanya dan ke mana mereka akan pergi maka dia bukanlah hujjah daripada pihak Allah kepada makhluk-Nya (Al-Usul Min al-Kafi*, J.1 Hal 285) sedangkan Allah berfirman

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ

Yang bermaksud:
"Katakan tiada siapapun mengetahui perkara ghaib di langit dan di bumi melainkan Allah........"

(Surah al- Naml ayat 65).

Di sini Syiah menyengutukan Allah dengan Imam-Imam mereka dalam mengetahui perkara ghaib.

1.2 Antara Aqidah Syiah yang sungguh menyesatkan ialah aqidah bada'. Aqidah ini juga telah dipopularkan oleh Ibn Saba'.

1.2.1 Al-Bada' bermakna:

a) Nyata atau jelas sesuatu setelah tersembunyi seperti yang terpakai dalam firman Allah :

وَبَدَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا۟ يَحْتَسِبُونَ

Bermaksud:
'Dan jelaslah bagi mereka azab daripada Allah yang tidak pernah terfikir oleh mereka'.

(Surah al-Zumar ayat 47).

b) Timbul fikiran baru tentang sesuatu setelah berlalu sesuatu keadaan yang berlainan daripada apa yang ada dalam pengetahuan seseorang sebelumnya. Ini terpakai dalam firman Allah yang berbunyi:

ثُمَّ بَدَا لَهُم مِّنۢ بَعْدِ مَا رَأَوُا۟ ٱلْءَايَٰتِ لَيَسْجُنُنَّهُۥ حَتَّىٰ حِينٍ

Maksudnya:
'Kemudian timbul fikiran pada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusof) bahawa mereka mesti memenjarakannya hingga ke suatu masa'.

(Surah Yusof ayat 35).

Kesimpulannya al-Bada' bererti jahil tidak mempunyai ilmu yang meliputi. Golongan Syiah mempercayai Allah bersifat dengan Al-Bada'. Di dalam Al-Kafi terdapat satu riwayat yang dikemukakan oleh al-Kulayni daripada al- Rayyan ibn Al-Salt, dia berkata: *"Aku mendengar Ar Rida a.s. berkata, Tidak ada seorang pun Nabi yang diutus Allah melainkan dia membawa ajaran tentang haramnya arak dan ajaran yang memperakui Allah bersifat dengan al -Bada'. (Al -Usul Min al -Kafi* ,J.1 Hal. 148).

Hakikat al-Bada' ini dihuraikan oleh satu riwayat lain dengan lebih jelas lagi iaitu riwayat yang dikemukakan oleh Al-Kulaini juga daripada Abu Hasyim Al Ja'afar' katanya:

"Pernah aku berada di samping Abu Al -Hasan a.s. sepeninggalan anaknya Abu Ja'afar. Ketika itu aku berfikir di dalam diriku dan mahu menceritakan kepadanya (Abi Al-Hassan) apa yang terlintas di hatiku, mengenai Abu Ja'afar dan Abu Muhammad.

Kisah kedua-duanya sama kerana Abu Muhammad yang diharapkan (menjadi imam sepeninggalan Abu Ja'far)". Tiba-tiba Abu al- Hasan menghadap ke arahku sebelum sempat aku menceritakan isi hatiku kepadanya, terus dia berkata:

"Ya , wahai Abu Hasyim memang telah berlaku Bada' kepada Allah berhubung dengan Abu Muhammad sepeninggalan Ismail. Perkara ini memang seperti apa yang terlintas di hatimu walau pun tidak disenangi oleh orang-orang yang sesat. Abu Musa adalah anakku yang akan menjadi pengganti sesudahku kerana padanya ada pengetahuan yang diperlukan dan bersamanya ada alat Imamah". (al -Usul Min Al-Kafi ,J.1 Hal. 327).

An-Naubakhti menyebut bahawa Ja'afar bin Muhammad al-Baqir telah menentukan anaknya Ismail sebagai Imam sesudahnya dan beliau telah mengisytiharkan kepadanya semasa hidup lagi, tiba-tiba Ismail mati ketika beliau masih hidup. Maka Ja'afar pun berkata: *"Tidak pernah berlaku al-Bada' kepada Allah berhubung dengan sesuatu perkara (kecuali) seperti mana berlaku kepadan-Nya berhubung dengan Ismail anakku".(Firaq al-Syiah* ,Hal.84).

1.2.2 Untuk menguatkan lagi aqidah al-Bada' ini golongan Syiah mengemukakan riwayat yang kononnya berasal daripada Muhammad al-Baqir bahawa Nabi Lut a.s. juga bimbang akan berlaku Bada' pada Allah sehingga Baginda tidak sabar-sabar lagi meminta para Malaikat yang diutuskan untuk menyiksa kaumnya supaya menyegerakan penyiksaan terhadap mereka sebelumnya dan baru nyata kemudian setelah berlaku sebab itu (al-Bada'). Inilah dialog Nabi Lut dengan para Malaikat yang tersebut di dalam riwayat itu:-

Lut berkata kepada mereka: *" Wahai utusan-utusan Tuhanku apakah perintah Tuhanku kepada kamu terhadap mereka?"*

Para Malaikat menjawab:

"Ia memerintah kami supaya menimpakan azab ke atas mereka pada hari ini nanti".

Nabi Lut berkata: *" Aku ada hajat dengan kamu"*.
Mereka bertanya: *"Apakah hajatmu itu?"*

Nabi Lut berkata: *"Kamu timpakanlah azab ke atas mereka sekarang juga kerana aku bimbang akan berlaku Bada' kepada Tuhanku tentang mereka"*.

Para Malaikat berkata:
"Wahai Lut,sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab ke atas mereka itu ialah waktu Subuh, bukankah Subuh itu sudah hampir?" (Al -Furu' Min al -Kafi, J.5 Hal. 546).

1.2.3 Al-Bada' mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam aqidah Syiah sehingga mereka menganggapnya sebagai pernyataan Ubudiyyah terhadap Allah yang tidak ada tolok bandingnya. Mereka meriwayatkan daripada Muhammad al-Baqir bahawa beliau berkata:-

'Tidak ada satu pun pernyataan Ubudiyyah kepada Allah yang menyamai Al -Bada'. (Al -Usul Min al- Kafi , J.1 Hal. 146).

Daripada Ja'far al-Sadiq pula mereka meriwayatkan beliau berkata:
"Tiada suatu pun cara pengagungan terhadap Allah yang menyamai Al-Bada'(Ibid)."

Dan katanya lagi
"Sekiranya manusia mengetahui pahala yang didapatinya kerana memperkatakan dan mempercayai al-Bada' tentulah mereka tidak jemu-jemu memperkatakannya. (Al-Usul Min al -Kafi ,J.1 Hal. 148).

Lihatlah bagaimana Syiah menghubungkan sifat jahil kepada Allah s.w.t. dan menganggapnya sebagai puncak pernyataan Ubudiyyah kepada Allah sedangkan Allah s.w.t. telah berfirman:

وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا

Bermaksud:
"Dan sesungguhnya Allah ilmu-Nya meliputi segala sesuatu".
(Surah al -Talaq ayat 12).

وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Bermaksud:
" Dan Allah Maha Mengetahui tentang segala sesuatu".
(Surah al -Nisa' ayat 176).

Bermaksud:
"Sesungguhnya tidak ada satu pun yang tersembunyi kepada Allah baik di bumi mahu pun di langit".
(Surah Al-ᶜ Imran ayat 5).

Bermaksud:
"Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, yang mengetahui yang ghaib dan nyata, Dialah yang maha pengasih lagi maha penyayang".
(Surah al- Hasyr ayat 22).

1.3. Antara aqidah Syiah ialah At-Tahrif Fi Al-Quran, iaitu satu aqidah tentang Al-Quran yang ada di tangan umat Islam hari ini sudah diubah, di tokok tambah dan di selewengkan.

1.4. Aqidah Al-Imamah dan Al-Walayah, iaitu kepercayaan bahawa imam-imam dua belas itu dilantik berdasarkan nas dan mereka adalah ma'sum serta wajib dita'ati.

1.5. Aqidah Takfir al-Sahabah, iaitu satu Akidah yang mengkafirkan kebanyakan para sahabat dan menganggap mereka telah murtad setelah wafatnya Rasulullah s.a.w. kecuali tiga atau empat orang daripada mereka sahaja.

1.6. Aqidah al-Raj'ah, iaitu satu aqidah dan kepercayaan Syiah tentang para imam akan dibangkitkan sebelum qiamat untuk menuntut bela dan menghukum orang-orang zalim yang telah merampas hak-hak mereka.

2. Bahaya Kepada Syari'at

Sememangnya musuh-musuh Islam yang merupakan pengasas Syiah melalui ajaran yang diada-adakan oleh mereka bermaksud supaya diketepikan dan diperkecilkan syari'at yang dibawa oleh Nabi s.a.w, sebaliknya Syariat yang dikemukakan oleh mereka tentu sekali akan bertentangan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah.

2.1 Al-Quran menyatakan bahawa seseorang akan diberi balasan dan ganjaran mengikut amal yang dilakukan olehnya (Al-Naml ayat 39). Seseorang manusia tidak menanggung dosa seseorang yang lain(Al- An'am ayat 164).(2) Tiap-tiap diri bertanggungjawab atas apa yang telah dibuatnya (surah Al-Muddaththir, ayat 38), orang-orang yang tidak sembahyang akan dimasukkan ke dalam neraka (Surah Al Muddaththir ayat 41 dan 42) dan orang-orang yang menyengutukan Allah dengan sesuatu yang lain dan membunuh orang-orang yang tidak bersalah dan orang-orang yang berzina akan diisi ke dalam neraka pada hari qiamat nanti kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal saleh (Surah Al-Furqan,ayat 68,69,70), Mereka meriwayatkan bahawa Ja'afar al-Sadiq berkata kepada golongan Syiah, *"ketahuilah demi Allah! tidak akan masuk ke dalam neraka dua orang pun daripada kalangan kamu, Tidak! Demi Allah! tidak seorangpun!* (Ar Raudah, J.8. Hal 78).

Ja'afar al-Sadiq berkata kepada Syiah (menurut riwayat Syiah) sesungguhnya suratan amalan setiap orang daripada kamu akan di- penuhkan (dengan pahala tanpa sebarang amalan) (*Ibid* - jilid 8 hal. 3150). Lebih daripada itu Ja'afar al-Sadiq berkata bahkan dia akan <u>bersama Nabi dalam darjat mereka</u> (Nabi) pada hari kiamat nanti (*Muqaddimah al Burhan*, Hal. 21).

Ibn Babwaih Al-Qummi meriwayatkan daripada Ali Rida (Imam Ma'sum yang kelapan di sisi Syiah): *"Qalam diangkat (tidak di catitkan dosa) daripada Syi'ah kita. Tidak seseorang pun daripada Syi'ah kita melakukan dosa atau kesalahan melainkan pasti akan ada perkara yang menghapuskan dosa-dosanya itu walaupun dia melakukan dosa sebanyak titisan hujan, sebanyak bilangan anak batu dan pasir, sebanyak bilangan duri pada pokok.(Uyunu Akhbar al Rida,- J.2 Hal. 236).*

Mereka juga meriwayatkan satu hadith qudsi (satu pembohongan daripada mereka) bahawa Allah berfirman:*" Ali bin Abi Talib adalah hujah-ku atas makhlukku dan cahayaku dalam kerajaan-Ku dan pemegang amanah ilmu-Ku. Tidak akan masuk ke dalam neraka orang yang mengenalinya walau pun dia menderhakai-Ku. Tidak akan masuk ke dalam syurga mereka yang menolaknya (tidak menerimanya sebagai imam ma' sum). Walaupun dia menta'ati-Ku. "(Muqaddimah al-Burhan hal 23 dan kitab al-khisal al- Qummi,* J.2 hal 583).

Ini bererti untuk masuk ke Syurga seseorang itu tidak perlu terikat kepada syariat asalkan dia telah mencintai Ali dan imam-imam sesudahnya dan untuk menghindarkan diri daripada neraka tidak perlulah seseorang itu meninggalkan maksiat asalkan dia telah mengenali dan menerima imam dua belas. Setelah itu dia bebas melakukan apa sahaja yang dikehendakinya kerana Allah akan mengampunkannya , dan dia akan dimasukkan ke dalam syurga.

2.2 Golongan Syi'ah juga tidak memandang berat terhadap

sembahyang, zakat dan haji kerana mereka ada meriwayatkan daripada Ja'afar al-Sadiq bahawa beliau berkata: *"Sesungguhnya Allah menghindarkan azab dan kebinasaan daripada orang yang tidak sembahyang daripada kalangan kita dengan orang yang sembahyang daripada Syiah kita. Dan sesungguhnya Allah menghindarkan (azab dan siksaan) daripada Syi'ah yang tidak mengeluarkan zakat dengan syi'ah kita yang mengeluarkan zakat, dan sesungguhnya Allah menolak azab dan siksaan daripada syi'ah kita yang tidak mengerjakan haji dengan syi'ah kita yang mengerjakannya " (Tafsir al-Qummi,* J.1 hal. 83 dan 84 dan *Tafsir al Ayyasyi*, J.1 hal. 135).

Mereka tidak memandang berat terhadap sembahyang, zakat dan haji kerana sudah mencukupi jika segolongan yang mengerjakan sembahyang dan menunaikan haji . Tetapi disebalik pandangan mereka yang sepi terhadap ajaran dan syari'at yang ditekankan dan digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk dikerjakan, mereka mengadakan syari'at yang lain sebagai gantinya. Mereka di galakkan supaya mengerjakannya dan diperbanyakkan pula fadhilat dan keutamaan orang yang mengerjakannya iaitu syari'at cintakan Ahlul Bait, ziarah kubur para imam, mengisi dan meratapi kematian mereka, menyebarluaskan perhubungan seks yang bebas atas nama kahwin mut'ah, mewajibkan khumus atas nama imam mereka yang ghaib, mengutamakan tanah karbala berbanding dengan tanah Mekah dan Madinah, menambah ucapan syahadah dalam azan dan lain-lain lagi.

2.3. Untuk membuktikan syariat yang diada-adakan oleh mereka itu, mereka mengembangkan riwayat-riwayat (yang direka oleh mereka) dan mentakwilkan ayat-ayat sebagai alasan syar'i atau sebagai surat-surat pengampunan dan keredaan daripada pihak Allah dan Nabi untuk masuk ke syurga.

2.3.1 Mereka meriwayatkan bahawa menziarahi Husin a.s. (kuburnya) menyamai seratus haji mabrur dan seratus umrah yang diterima Allah. (*Al- Irsyad-Syikh Mufid*, hal. 252).

2.3.2 Mereka meriwayatkan juga bahawa Nabi ada bersabda: *"Seseorang yang menziarahi Husin selepas kematiannya pastilah dia mendapat syurga". (Ibid).*

2.3.3 Untuk mendapat syurga, seseorang yang tidak mampu menziarahi kubur Sayyidina Husin, cukuplah dia menangis kesyahidan beliau sebagaimana yang diriwayatkan daripada Muhammad al-Baqir bahawa beliau berkata, *"tidak jatuh setitik air mata kerana menangisi Al-Husin melainkan pasti Allah akan mengampunkan dosa seseorang itu walaupun banyaknya dosa itu seperti buih-buih di laut dan pastilah dia mendapat syurga "(Jila al-Uyun-al Majlisi,* J.2. hal 464-468).

2.3.4 Begitu juga mereka meriwayatkan seseorang yang menangisi Ali Al Rida (imam ma'sum yang kelapan) pasti akan diharamkan Allah neraka ke atasnya. Ali Ar-Rida berkata: *"Tiada seorang Mu'min pun yang menziarahi kuburku dan mukanya dibasahi setitik air mata melainkan Allah akan mengharamkan tubuhnya atas neraka. (Uyun Akhbar al-Rida,* J.2 hal 227).

2.3.5 Mereka meriwayatkan daripada Imam Musa Al-Kazim (Imam Ma'sum yang ketujuh) bahawa beliau berkata: *"Sesiapa yang menziarahi kubur anakku Ali pahalanya di sisi Allah menyamai pahala tujuh puluh haji mabrur. " Aku berkata (kata perawi), " Tujuh puluh haji? "Dia berkata70,000 haji. "Kemudian dia berkata" Alangkah banyak haji yang tidak diterima. Dan sesiapa yang menziarahinya (Ali) lalu bermalam di kuburnya, dia seperti menziarahi Allah di 'arasy-Nya': (Kata perawi: "seperti menziarahi Allah di 'arasy-Nya'? "Dia menjawab "ya". (Ibid, J.2 hal 259).*

2.4. Islam mengadakan institusi perkahwinan demi menjaga keturunan manusia dan kemurnian hidup berkeluarga dalam satu ikatan tanggungjawab tetapi sebaliknya Syi'ah mahu menghidupkan amalan jahiliah atas nama Islam dengan mengemukakan Syari'ah mut'ah, meminjam dan menyewakan seks dan menghalalkan amalan kaum Lut dengan isteri-isteri mereka. Kedudukan mut'ah ini begitu penting dalam Syi'ah

kerana tidak dikira seseorang itu sebagai Syi'ah selagi ia tidak menganggap halal amalan mut'ah.

2.4.1 Al-Kulaini meriwayatkan daripada Ja'afar bin Muhammad Al-Baqir bahawa beliau berkata:

Bermaksud:

"Bukan daripada kalangan kami orang yang tidak mempercayai ra'jah (kebangkitan semula para Imam sebelum kiamat untuk menghukum orang yang menentang dan memusuhi Ahlul Bait) dan tidak menganggap halal mut'ah kita".

(*Man la Yahdhuruh al Faqih,* J.3 hal 458; *Muntaha Al-Amal* - Syeikh Abbas Al-Qummi, J.2 Hal 341)

Untuk menggalakkan amalan mut'ah ini mereka mengadakan sekian banyak hadith palsu atas nama para Imam mereka yang dua belas dan kepada Nabi s.a.w sendiri di mana mereka meriwayatkan daripada Nabi bahawa baginda bersabda: *"Sesiapa yang keluar dari pada dunia (mati) dalam keadaan tidak pernah melakukan mut'ah, dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan rompong"(tidak ada hidung).*

Ketika Nabi s.a.w mi'raj ke langit baginda telah ditemui oleh Jibrail, lalu dia berkata,"*Wahai Muhammad, Allah s.w.t.berkata: "Sesungguhnya Aku mengampunkan orang yang melakukan mut'ah dengan perempuan daripada kalangan umatmu"(Manla Yahdhuruh al Faqih,* J.3, hal 463).

2.4.2 Perkahwinan mut'ah tidak memerlukan kepada saksi, wali dan perisytiharan (*Tahdhib Al-Ahkam,* J.7 hal 254; *An-Nihayah,* hal 489)

Ia boleh dilakukan antara seorang perempuan dengan seorang lelaki di mana-mana sahaja, boleh dilakukan dengan perempuan Majusi, Nasrani dan Yahudi dan dengan perempuan pelacur sekalipun seperti kata Khomeni di dalam kitabnya *Tahrir Al-Wasilah,* J.2 hal 292 dan tidak perlu disoal dan

diambil tahu sama ada perempuan itu mempunyai suami atau tidak (*al-Nihayah al-Thusi*, hal. 489; *Tahdhib al-Ahkam*, J.7 hal 253).

At-Tusi meriwayatkan daripada Fadhal Maula Ahmad ibn Rasyad bahawa dia menceritakan kepada Ja'afar As-Sadiq a.s, *"Bahawa aku telah berkahwin dengan seorang perempuan secara mut'ah setelah itu timbul dalam hatiku bahawa perempuan itu mempunyai suami. Maka aku menyelidiki keadaan yang sebenarnya. Tiba-tiba aku dapati memang benar dia mempunyai suami"*. Dia (Ja'afar) berkata, *"kenapa kamu selidiki?" (Tahdhib al -Ahkam* ,J.7 hal 253).

Pernah Abdullah bin Umair Al-Laithi menemui Abu Ja'afar(Muhammad Al-Baqir) lalu Abdullah berkata kepadanya, *"Apa pendapatmu tentang mut'ah?* Beliau berkata, *" Allah telah menghalalkan dalam kitab-Nya dan melalui Nabi. Ia adalah halal sampai hari kiamat* . "Lalu Abdullah bin Umair Al -Laithi berkata, *"Wahai Abu Jaafar, adakah orang sepertimu berkata begini sedangkan Umar mengharamkan dan melarang daripada melakukannya?* Berkata Abu Jaafar, *"Walaupun Umar mengharamkan dan melarang daripadanya,"* Abdullah bin Umair berkata *" Aku minta supaya engkau dilindungi Allah daripada menghalalkan sesuatu yang diharamkan Umar,"* Maka Abu Jaafar berkata kepadanya ," *Engkau berada di atas pendapat ikutanmu dan aku berada di atas keputusan Rasulullah s.a.w. Mari kita saling memohon kepada Tuhan supaya dilaknatkan (orang yang tidak benar antara kita). Aku yakin yang benar apa yang diputuskan oleh Rasulullah s.a.w dan yang salah apa yang diputuskan oleh ikutanmu"*. Berkata perawi, Abdullah bin Umair pun mengadap Abu Jaafar seraya berkata *"Adakah sepupu perempuanmu melakukan mut'ah?"* . Berkata perawi, maka berpalinglah Abu Ja'far daripada Abdullah bin Umair ketika ia menyebutkan isteri-isterinya dan sepupu-sepupu perempuannya (*Al-Furu' Min al-Kafi*, J.5 hal. 449; *Tahdhib al-Ahkam*, J.7.hal 251).

2.4.3 Abu Jaafar telah ditanya tentang sekurang-kurang umur

perempuan yang boleh dilakukan mut'ah. Beliau menjawab, *iaitu kanak-kanak yang tidak tertipu*. Berkata perawi, *aku pun berkata; Semoga Allah mendamaikan anakmu, berapakah minima umur perempuan yang tidak tertipu? "Beliau menjawab ," Sepuluh tahun ."(Al-Istibar*, J.3 hal 145;*Tahdhib Al Ahkam*, J.7, hal 225; *Al Furu'Min al Kafi* , J.5, hal 463).

Al-Hulli dalam kitab Fiqahnya *Syarai 'al-Islam*, (J.2 hal 186) mengatakan," *Seorang gadis cerdik yang sudah baligh mengaqadkan mut'ahnya sendiri. Walinya tidak berhak membantah, sama ada ia masih dara atau janda."*

2.4.4 Perempuan boleh dikahwini secara mut'ah mengikut Syiah tanpa had. Ia tidak terbatas sampai empat orang sahaja, tetapi mengikut apa yang mereka riwayatkan daripada Ja'far al Sadiq, beliau ada berkata, *"Berkahwinlah dengan mereka secara mut'ah walaupun sampai seribu orang kerana mereka itu termasuk di antara perempuan yang disewakan".(Al-Istibar*, J.3 hal , 147 ; *Tahdhib Al Ahkam* ,J.7 hal 259).

2.4.5 Mas kahwin untuk nikah mut'ah pula tidak terlalu besar, hanya memadai dengan segenggam gandum atau segenggam makanan atau buah tamar, (*Al Furu Min al Kafi*, J.5 hal 457; *Tahdhib al Ahkam*, J.7 hal 260).

2.4.6 Berkenaan dengan jangka masa mut'ah itu boleh dilakukan dapat kita ketahui daripada riwayat yang dikemukakan oleh mereka daripada Abu Hasan Ali Muhammad al-Jawad bahawa beliau pernah ditanya,

" Berapa lamakah sekurang-kurangnya tempoh mut'ah itu boleh di lakukan ? Adakah harus seseorang melakukannya dengan syarat sekali persetubuhan? Beliau menjawab *"Ya, tidak mengapa tetapi bila selesai hendaklah memalingkan mukanya dan tidak memandang lagi (kepada perempuan itu) "(Al-Furu' Min al-Kafi* J.5, hal 460 ,*Al-Istibsar* J.3 hal 151).

2.4.7 Selain daripada itu seseorang lelaki boleh berkahwin secara mut'ah dengan seorang perempuan beberapa kali sebagaimana

yang di riwayatkan daripada Ja'far al-Sadiq bahawa beliau berkata, *"Tidak mengapa, seseorang boleh melakukan mut'ah dengan seorang perempuan seberapa kali yang dikehendakinya". (Al-Furu' Min al- Kafi, J.5,* hal 460)

2.4.8 Bahkan lebih daripada itu golongan Syiah berpendapat harus menyewakan faraj dan menghadiahkannya kepada sahabat handai. At Tusi meriwayatkan daripada Abu Hasan bahawa dia berkata, *"Aku bertanya Abu Abdullah a.s. tentang peminjaman faraj, dia menjawab, ' tidak mengapa" (Al Istibsar* ,J.3 hal 141) .
Dengan pembohongan dan pendustaan yang sedemikian itu pada hakikatnya Syiah mahu membuka pintu pelacuran dan perhubungan seks secara bebas tanpa sebarang sekatan dengan seluas-luasnya.

2.4.9 Lebih daripada itu golongan Syiah mengharuskan seseorang mengamalkan amalan kaum Lut dengan isterinya atas nama ahlul bait. Al-Kulaini meriwayatkan daripada Al-Rida bahawa beliau ditanya oleh Safwan b. Yahya, *" Salah seorang hamba bebasanmu menyuruh aku bertanya engkau ".* (Al Rida) berkata, *"Apa pertanyaan itu".* Aku berkata, *"Bolehkah seseorang mendatangi isterinya pada duburnya?"."Itu haknya "* , berkata Safwan. Maka aku pun bertanya dia. *"Adakah engkau melakukannya? ."* Al Rida menjawab *"Kami tidak melakukannya" .(Al Furu Min al-Kafi* J.5, Al -Istibsar, hal 243-244).

Diriwayatkan juga daripada Abu Hasan Ar-Rida (Imam Ma'sum yang kelapan) satu riwayat yang lebih jelas dan lebih jelik daripada riwayat di atas kerana Al-Tusi meriwayatkan bahawa beliau (Al- Rida) ditanya oleh seorang lelaki tentang seorang yang mendatangi isterinya daripada belakang(pada duburnya). Al-Rida menjawab, *"Satu ayat dalam kitab Allah telah menghalalkannya, iaitu kata-kata nabi Lut a.s yang di ceritakan oleh Allah".* Bermaksud" *Ini anak-anak perempuanku lebih suci untuk kamu" (Surah Hud,ayat 78).* Sedangkan Nabi Lut sudah maklum bahawa mereka tidak mengkehendaki faraj. Sebagaimana mereka meriwayatkan

bahawa beliau berkata *"aku bertanya Abu Abdillah (Ja'far As-Sadiq) tentang seorang yang mendatangi isteri pada duburnya"*, dia berkata di mana firman Allah:

Bermaksud:
"Datangilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu".

(Surah Al-Baqarah, ayat 223).

Lalu Ja'far As-Sadiq menjawab, "tempat itu untuk mencari anak" (*Tahdhib Al-Ahkam*, J.7. Hal 414, *Al-Istibsar* J.3 hal 243).

3. Bahaya Kepada Akhlak

3.1 Kebiadaban Dan Penghinaan

3.1.1 Kebiadaban dan penghinaan terhadap Nabi-nabi dan Rasul-Rasul.

Orang-orang Syiah dan orang-orang yang diracuni fikirannya oleh fahaman Syiah pasti akan bersifat biadab terhadap Nabi-nabi dan Rasul-rasul.

Mulla Baqir Al- Majlisi meriwayatkan dalam kitabnya Biharu Al-Anwar (secara dusta) daripada Nabi s.a.w. bahawa Nabi s.a.w berkata kepada Ali, *"Wahai Ali ! Engkau memiliki apa yang tidak dimiliki olehku, Fatimah isterimu, sedangkan aku tidak mempunyai isteri yang seumpamanya. Daripadanya engkau memperolehi dua anak lelaki yang mana tidak ada bagiku dua orang anak lelaki seumpamanya. Khadijah pula ibu mertuamu sedangkan aku tidak mempunyai ibu mertua yang penyayang seumpamanya. Aku sendiri bapa mertuamu. sedangkan aku tidak mempunyai bapa mertua yang penyayang seperti bapa mertuamu. Ja'far adalah saudaramu sedangkan aku tidak mempunyai saudara seumpama Jaafar. Fatimah*

Al-Hasyimiyyah adalah ibumu, di mana akanku dapat ibu seumpamanya."
(Kitab Fi bihar al-Anwar-Kitab al-Syahadah, J.5 hal.511*)*.

Al-Kulaini menyebut bahawa darjat Imamah adalah lebih tinggi daripada darjat Kenabian, Kerasulan dan Khullah. Untuk maksud itu dia (Al-Kulaini) telah berdusta atas nama Jaafar As-Sadiq, bahawa beliau berkata, *"Sesungguhnya Allah menjadikan Ibrahim sebagai hamba sebelum menjadikan Ibrahim sebagai Nabi dan menjadikannya sebagai Nabi sebelum menjadikannya sebagai Rasul dan sesungguhnya Allah telah menjadikannya sebagai Rasul sebelum menjadikannya sebagai Khalil dan sesungguhnya Allah menjadikannya sebagai Khalil sebelum menjadikannya sebagai Imam."* (Kitab al-Hujjah Min al-Kafi, J.I hal. 175).

Al Kulaini meriwayatkan lagi daripada Saif al-Tammar bahawa beliau berkata, *"Kami pernah bersama Abu Abdillah a.s. dalam satu kumpulan di Hijir Ismail, maka Abu Abdullah berkata, "Adakah mata-mata gelap mengikut kita?" kami pun berpaling ke kanan dan ke kiri, tidak kelihatan kepada kami sesiapapun. Maka beliau pun berkata, "Demi Tuhan Ka'bah! Demi Tuhan binaan ini: (3 kali) kiranya aku berada di antara Musa dan Khidir a.s. tentu aku menceritakan kepada mereka berdua bahawa aku lebih 'alim daripada mereka berdua apa yang tidak diketahui oleh mereka kerana sesungguhnya mereka telah dikurniakan ilmu tentang masa lampau tetapi mereka berdua tidak dikurniakan ilmu tentang apa yang akan terjadi dan apa yang berlaku sampai hari qiamat."*
(Usul al-Kafi, J. 1 hal. 261*)*

Diriwayatkan juga daripada Jaafar As-Sadiq, *"Sesungguhnya aku mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi. Aku mengetahui apa yang ada di Syurga dan di Neraka. Aku mengetahui ilmu tentang zaman silam dan ilmu tentang zaman akan datang." (Ibid).*

Mereka menganggap bala yang menimpa Nabi Ayyub dan Nabi Yunus yang ditelan ikan sehingga terpaksa terkurung di

dalam perut ikan sampai beberapa lama itu, tidak kerana sebab lain melainkan kerana mereka mengingkari walayah Ali (*Tafsir Nur al-Thaqalayn,* J.3, hal. 435)

3.1.2 Kebiadapan dan Penghinaan Terhadap Isteri-Isteri Nabi s.a.w.

Mulla Baqir al-Majlisi mengadakan satu bab yang khusus dalam kitabnya, *Hayat al-Qulub* bertajuk *"Bab Yang ke-55 pada menyatakan Kecelakaan Aisyah dan Hafsah."* J.2 hal. 610-612. *Di dalam bab ini berkali-kali* pengarangnya mengatakan Aisyah dan Hafsah sebagai munafik dan kafir. Beliau mengemukakan riwayat yang kononnya muktabar bahawa Aisyah dan Hafsahlah yang telah meracuni Nabi s.a.w. sehingga mengakibatkan kewafatan baginda. **Al-Aiyyasyi telah meriwayatkan dengan sanad yang muktabar daripada Imam Ja'afar Sadiq bahawa Aisyah dan Hafsah telah membunuh Rasulullah s.a.w. dengan meracuni baginda.**

Di satu tempat yang lain di dalam kitab yang sama Mulla Baqir Al Majlisi meriwayatkan daripada tokoh tafsir Syiah yang terkemuka daripada kalangan Mutaqaddimin iaitu Ali ibn Ibrahim al-Qummi bahawa Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar bersama anak perempuan mereka masing-masing telah mengadakan pakatan membunuh Nabi s.a.w. dengan meracuni baginda, begini bunyinya, *" maka dua munafik lelaki itu dan dua munafik perempuan itu (Aisyah dan Hafsah) telah mengadakan pakatan untuk membunuh baginda dengan memberikan racun kepada Baginda." (Ibid).*

3.1.3 Kebiadapan dan penghinaan terhadap sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain

Golongan Syiah mempercayai bahawa para sahabat telah murtad sepeninggalan Rasulullah s.a.w. kecuali tiga atau empat orang daripada kalangan mereka. Tidak ada lagi kebiadapan dan penghinaan yang lebih dahsyat daripada ini.

Al-Kulaini yang dianggap sebagai Bukhari di kalangan Syiah telah meriwayatkan bahawa para Sahabat telah murtad sepeninggalan Nabi kecuali tiga daripada mereka, iaitu Miqdad bin Aswad, Abu Zar al-Ghifari dan Salman al-Farisi (*Al Rawdah Min al Kafi*, J. 8, hal 245).

Perkara yang sama telah disebut oleh Al-Majlisi yang dianggap sebagai Khatimatu Al-Muhaddithin di kalangan Syiah yang bermaksud: *"Para sahabat semuanya binasa selepas wafat Rasulullah s.a.w. kecuali tiga orang iaitu Abu Zar, Miqdad dan Salman" (Hayat al Qulub, J*. 2, hal 640).

3.2 Antara ciri yang tidak dapat dipisahkan daripada Syiah ialah "Taqiyyah".

Taqiyyah pada hakikatnya ialah berdusta dan berbohong. Ulamak Islam di zaman lampu tidak mahu menerima riwayat yang dikemukakan oleh mereka lantaran jelas mereka mengamalkan pembohongan dan kerana itu Imam Syafie berkata, **"Tidak pernah aku melihat golongan yang menurut hawa nafsu yang lebih pembohong daripada golongan Syiah".**

3.2.1 Syiah ada meriwayatkan hadith daripada Imam mereka tentang pentingnya mengamalkan taqiyyah dan tiada agama bagi orang yang tidak mengamalkan taqiyyah.

Al- Kulaini meriwayatkan dalam kitabnya Al-Kafi bahawa Jaafar As- Sadiq berkata,
"Taqiyyah adalah antara ajaran agamaku dan agama nenek moyang-ku. Tiada agama bagi orang yang tidak mengamalkan taqiyyah". (Al-Kafi, J.2 hal. 223).

3.2.2 Taqiyah adalah amalan yang disukai oleh imam ma'sum dan satu amalan yang meninggikan darjat seseorang di sisi Allah. Al Kulaini meriwayatkan lagi daripada Ja'far al-Sadiq bahawa beliau berkata, *"Demi Allah, tiada sesuatu di atas muka bumi ini yang disukai olehku daripada Taqiyyah"*.

3.2.3 Sesungguhnya seseorang yang mengamalkan Taqiyyah akan di angkat darjatnya oleh Allah dan Allah merendahkan darjat orang yang tidak mengamalkannya.

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Abdillah bahawa beliau berkata, *"Allah mengangkat darjat orang yang mempunyai Taqiyyah dan merendahkan orang yang tidak mempunyai Taqiyyah". (Usul al Kafi*, J. 2 Hal 217).

3.2.4 Taqiyyah perlu dilakukan dalam kebanyakan kehidupan beragama sehingga ia diamalkan dalam sembilan persepuluh kehidupan beragama.

Al-Kulaini meriwayatkan lagi daripada Ja'far al-Sadiq bahawa beliau berkata,*"Sesungguhnya sembilan persepuluh agama terletak dalam Taqiyyah, tiada agama bagi orang yang tidak bertaqiyyah"*. Taqiyyah boleh dilakukan dalam semua hal, kecuali dalam masalah nabiz dan menyapu khuf.

3.2.5 Bahkan ajaran agama Syiah sebenarnya ditegakkan di atas taqiyyah. Al-Kulaini meriwayatkan daripada Ja'far al Sadiq bahawa beliau berkata, *"Sesungguhnya kamu berada di atas agama yang sesiapa menyembunyikannya akan dimuliakan Allah dan sesiapa menyebarkannya akan dihina Allah". (Al Kafi*, J.2, hal 222).

3.2.6 Taqiyyah adalah sesuatu yang wajib diamalkan oleh seseorang yang berfahaman Syiah. Seterusnya akan terkeluar daripada Syiah jika tidak mengamalkannya. Diriwayatkan daripada Imam kelapan Ali bin Musa bahawa beliau berkata, *"Tiada agama bagi orang yang tidak wara' dan tiada iman bagi orang yang tidak bertaqiyyah."* Maka beliau ditanya, *"Wahai cucunda Rasulullah, sampai bilakah (perlu bertaqiyyah)?* Beliau menjawab,*" Sampai hari tertentu, iaitu hari munculnya Imam Mahadi. Sesiapa yang tidak mengamalkan taqiyyah sebelum keluarnya Imam Mahdi, bukanlah dia daripada kalangan kami". (Kasyf al-Ghummah Al -Ardabili,* hal 341).

Merekalah yang akan memaki hamun pejuang-pejuang Islam masa lampau yang terdiri daripada para sahabat dan tabi'in, yang telah begitu berjasa kepada mereka dan juga kepada umat Islam seluruhnya dengan membawa Islam dengan penuh rasa tanggungjawab generasi demi generasi sehingga ke hari ini.

4.1 Memecahbelahkan Ummah

4.1.1 Kehadiran Syiah akan memecahbelahkan umat Islam kerana mereka menganggap golongan Ahli Sunnah yang berpegang dengan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah sebagai kafir dan lebih dahsyat kekufurannya daripada iblis.

Syeikh Mufid berkata,*"golongan Imamiah sepakat bahawa semua pendokong-pendokong bidaah adalah kafir".(Awaail al-Maqalat,* hal :15)

Ibn Babwaih Al-Qummi yang dianggap sebagai Syeikh Saduq (Syeikh yang sangat benar) berkata,*" orang yang tidak menerima (tidak mempercayai Imam Ghaib adalah lebih kafir dari Iblis."(Ikmal al-Din,* hal 13).

4.1.2 Ahli Sunnah khususnya dan semua masyarakat Islam pada pandangan Syiah adalah anak zina .

Al-Kulaini meriwayatkan dalam *Al-Kafi* bahawa manusia semuanya adalah anak zina kecuali Syiah kita.*(Ar-Rawdah Min al-Kafi,* hal 135).

Riwayat yang sama dikemukakan juga oleh Al Majlisi di dalam *Bihar al-Anwar,* J.24 hal 311.

4.1.3 Ahli Sunnah lebih hina daripada anjing di sisi Syiah. Mulla Baqir al-Majlisi menulis;

Bermaksud: *"Mereka (Nasibi atau Ahli Sunnah) lebih jelik daripada anak zina, sesungguhnya Allah tidak mencipta binatang yang lebih hina daripada anjing tetapi Nasibi adalah lebih hina daripadanya lagi." (Haqq al-Yaqin,* J.2 hal 536).

4.1.4 Golongan Syiah menganggap harta Ahli Sunnah adalah halal, boleh dicuri dan boleh dirampas. Mereka hanya perlu

mengeluarkan Khumus daripada harta Ahli Sunnah yang dirampas itu.

At-Tusi meriwayatkan daripada Abu Abdillah, kata beliau*"ambillah harta Nasibi di mana sahaja kamu temui dan keluarkanlah 1/5 daripada harta yang diambil itu kepada kami. '(Tahdhib al-Ahkam,* J.2 hal.48)

Tokoh-tokoh Syiah juga berpendapat bahawa harta Nasibi dan segala sesuatu yang dimilikinya adalah halal. *(Tahdhib al-Ahkam,* J.2 hal 48).

Perkara yang sama disebutkan juga oleh al-Hurr Al-Amili dalam kitabnya *Wasail al-Syiah,* (J.6 hal 340)

4.1.5 Golongan Syiah juga menganggap Ahli Sunnah sebagai najis.

Khomeini berkata , *"Adapun Nawasib (Ahli Sunnah) dan Khawarij (semoga mereka dilaknat oleh Allah) adalah najis dan ini tidak terhenti kepada penafian mereka terhadap risalah."(Tahrir al-Wasilah,* J.1 hal. 118).

4.1.6 Sembelihan Ahli Sunnah tidak halal di sisi Syiah seperti kata Khomeini, *"Halal sembelihan semua golongan-golongan dalam Islam kecuali sembelihan nasibi walaupun dia menyatakan Islamnya. "(Ibid,* J.2 hal 146).

Tidakkah ajaran-ajaran yang seperti ini akan memecahbelahkan umat manusia? Tidakkah fahaman-fahaman yang seperti ini akan menimbulkan permusuhan, suasana bagi membenci dan menyimpan dendam kesumat yang berpanjangan antara satu dengan yang lain?

Tentu sekali ! Inilah yang akan merupakan natijah dari kehadiran ajaran Syiah ke dalam masyarakat umat Islam.

4.2 Mempercayai perkara-perkara bidaah Khurafat dan Tahyul serta mengamalkannya.

4.2.1 Golongan Syiah menganggap Kufah adalah tanah haram. Bersembahyang dan berbuat kebajikan di situ pasti mendatangkan pahala yang besar.

Mereka meriwayatkan daripada Abu Abdillah a.s. bahawa

beliau berkata,"Sesungguhnya Mekah adalah Tanah Haram Allah dan Madinah adalah Tanah Haram Muhammad dan Kufah adalah Tanah Haram Ali a.s. Sesungguhnya Ali a.s. mengharamkan di Kufah apa yang diharamkan oleh Ibrahim di Mekah dan apa yang diharamkan oleh Muhammad di Madinah. (Syeikh Abbas al-Qummi - *Safinatu Al Bihar* J.2. hal. 498 dan Mulla Mohsein *al-kasyani al- Wafi*, J.8 hal 215). Diriwayatkan daripada Abu Abdillah bahawa beliau berkata,"*Membelanjakan satu dirham di Kufah sama dengan membelanjakan 100 dirham di tempat lain dan mengerjakan dua rakaat sembahyang padanya dikira sama dengan mengerjakan 100 rakaat di tempat lain." (Ibid).*

4.2.2 Tanah Karbala dianggap sebagai tanah yang suci. Tanahnya juga digunakan oleh orang-orang Syiah sebagai tempat sujud di mana-mana sahaja di dunia ini. Jarang sekali ditemui rumah Syiah yang tidak mempunyai tanah Karbala di dalam berbagai-bagai bentuknya.

Mereka juga menganggap tanah Karbala itu boleh dimakan sebagai penawar .

Keutamaan yang seperti ini tidak dipercayai ada pada tanah-tanah yang lain termasuklah tanah kubur Rasulullah s.a.w. dan para Imam yang lain.
Khomeini berkata,"*Kecualikan daripada tanah (yang tidak harus dimakan) tanah kubur Penghulu kita Abu Abdillah Al-Husain a.s. sebagai ubat dan tidak harus dimakan tanah ini dengan tanah lain dan tidak boleh juga dimakan lebih daripada kadar kacang tanah putih yang sederhana, tidak termasuk di dalam hukum boleh memakan tanah ini, tanah kubur orang lain walaupun tanah kubur Nabi s.a.w. dan tanah kubur para Imam a.s. yang lain". (Tahrir al-Wasilah,* J.2 hal. 164).

4.2.3 Golongan Syiah juga merayakan hari-hari besar orang-orang Majusi dan menggangap sunat mandi pada hari itu.
Khomeini berkata," *Antaranya (antara mandi-mandi yang disunatkan itu) ialah mandi dua hari raya dan antaranya lagi ialah mandi pada hari Nauruz." (Tahrir al-Wasilah,* J.1 hal

98-99)

4.2.4 Mereka juga mengadakan hari perkabungan kerana kesyahidan Sayyidina Husin di Karbala pada 10hb Muharram di mana mereka melakukan bermacam-macam bidaah, Khurafat dan kekufuran.

4.3 Keganasan Akan Berlaku Di kalangan Ummah

4.3.1 Syiah menggangap orang-orang Islam daripada kalangan Ahli Sunnah halal darahnya dan harus dibunuh terutama dengan cara yang tidak diketahui oleh sesiapapun. Diriwayatkan daripada Daud bin Farqad katanya, *"Aku berkata kepada Abu Abdillah a.s apa katamu tentang membunuh Nasibi'." Beliau berkata, "Halal darahnya tetapi aku bimbangkan dirimu. Sekiranya engkau boleh merobohkan dinding kertasnya atau engkau menenggelamkannya ke dalam air supaya tiada sesiapapun menyaksikan pembunuhan itu maka lakukanlah. (Ibid Bab Waih'llalu al-Syara'i* ,hal 200, *Wasail al-Syiah,* J.18 hal. 63, *Bihar al Anwar,* J.27 hal 231).

At-Tusi mengemukakan satu cerita yang mengisahkan Abu Al-Buhari telah membunuh 13 orang Islam kemudian datang bertemu Ja'far al-Sadiq dan menceritakan kepadanya cara-cara pembunuhannya namun ia tidak menyalahkannya . Abu Buhari menceritakan ,"*Antara mereka ada yang aku naik ke atas rumahnya dengan menggunakan tangga kemudian membunuhnya. Ada juga antara mereka yang aku panggil dimuka pintunya pada waktu malam, apabila keluar aku terus membunuhnya. Ada juga diantara mereka yang aku temaninya dalam perjalanan, bila sampai di tempat yang sunyi aku membunuhnya. Pembunuhan mereka itu tidak diketahui oleh sesiapapun". (Rijal Kasysyi,* hal 34).

4.3.2 Sifat Imam Mahdi yang ditunggu oleh Syiah begitu ganas dan kejam sehingga kerjanya tidak lain selain daripada membunuh dan menyembelih manusia, terutama bangsa Arab dan kalangan Ahli Sunnah.

Mereka menyatakan apabila muncul Imam Mahdi nanti orang-orang Syiah akan menghadapkan setiap Nasibi di hadapan Imam Mahadi. Jika Nasibi itu mengakui Islam iaitu wilayah, maka dia akan dibebaskan, jika tidak akan dipenggal lehernya atau dia bersedia membayar jizyah sebagai ahli zimmi.(*Bihar al-Anwar*, J.52 hal 373, tafsir Furat ibn Ibrahim, hal. 100).

4.3.3 Imam Mahdi yang dinantikan kemunculannya yang mengikut kepercayaan Ahli Sunnah akan memenuhi bumi dengan keadilan setelah ia dipenuhi dengan kezaliman dianggap oleh Syiah sebagai orang yang akan merobohkan Kaabah dan akan memotong tangan dan kaki penjaga Tanah Haram.
Syeikh Mufid menyebut bahawa, *"Apabila Imam Mahdi muncul ia akan merobohkan masjid al-Haram dan memotong tangan Bani Syaibah kemudian menggantungkannya di Kaabah serta dituliskan kepadanya , mereka inilah pencuri-pencuri Kaabah" (Al-Irsyad,* hal. 411,*At-Tusi-Kitab al-Ghaibah*, hal.282*).*

4.4 Memusnahkan Imej Islam

4.4.1 Islam yang suci murni dengan ajaran tauhidnya akan tercemar dengan kepercayaan syirik yang dibawa oleh Syiah atas nama satu golongan daripada Islam seperti yang telah kita kemukakan sebelum ini.

4.4.2 Dengan mengamalkan upacara-upacara seperti upacara pada 10 Muharram yang sungguh memalukan setiap orang Islam, perbuatan-perbuatan yang ditunjukkan oleh golongan Syiah di awal bulan Muharram dan kemuncaknya pada 10 Muharram itu, tidak ada bezanya bagi orang-orang bukan Islam dengan upacara-upacara keagamaan Hindu seperti Thaipusam dan Kavadi atau upacara-upacara yang dilakukan oleh orang-orang jakun di Afrika.

4.4.3 Setiap orang Islam merasa sedih di atas kesyahidan Sayyidina Umar ditangan Abu Lu'luah yang beragama Majusi itu tetapi Syiah yang mendakwa dirinya Islam sebaliknya merasa

gembira dengan tragedi itu. Mereka gelarkan Abu Lu'luah dengan Baba Syuja'uddin (Wira Agama) sebagai menghargai keberaniannya.(Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas: Shah Abdul Aziz al-Dahlawi. DBP. Hlm 455).

Ali bin Muzahir al-Wasiti meriwayatkan daripada Ahmad ibn Ishaq (seorang tokoh Syiah di Qum dan dianggap telah mendapat kehormatan yang besar kerana bertemu dengan Imam Hasan al-Askari, Imam kesebelas Syiah) bahawa dia berkata,*"Hari ini (hari Abu Lu'luah membunuh Sayyidina Umar) adalah Hari Raya besar, hari Kebangsaan, hari berkat dan hari hiburan."*

Sungguh ganjil kepercayaan yang dianuti oleh Syiah kerana kematian pejuang Islam disambut dengan keseronokan dan perayaan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Majusi.

4.5 Ajaran Syiah juga akhirnya akan mengakibatkan hilangnya keyakinan umat kepada agama itu sendiri apabila agama yang benar sudah tidak dipercayai lagi kerana pembawa-pembawanya sudah dianggap sebagai perosak, pengkhianat dan perampas hak Ali dan ahlul bait selain daripada orang yang bertanggungjawab mengubah kandungan Al-Quran dan memalsukan hadith-hadith.

Ajaran Syiah yang dianuti ini pula akan membingungkan mereka lantaran penuh dengan kekarutan dan khurafat yang tidak mungkin dapat diterima oleh orang-orang yang mempunyai akal yang waras.

Pada ketika itu mereka akan menganggap agama tidak lebih daripada candu seperti yang dipercayai oleh orang-orang komunis.

5. Bahaya kepada Negara

5.1 Bahayanya kepada negara dapat dilihat daripada bagaimana perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam di zaman permulaan Islam hasil fitnah yang dicetuskan oleh mereka.

5.1.1 Gerakan Ibn Saba' yang mencetuskan huru hara di dalam pemerintahan Islam pada zaman Sayyidina Usman.

5.1.2 Peperangan saudara yang dicetuskan oleh mereka di dalam Peperangan Jamal (yang pertama seumpamanya di dalam sejarah Islam), Peperangan Siffin dan sebagainya.

5.2 Mereka merupakan golongan yang memainkan peranan dalam menjatuhkan kerajaan-kerajaan yang lalu dengan menyokong atau membuka jalan kepada musuh-musuh Islam.

5.2.1 Nasiruddin al-Tusi (w 672H), Ibn al-Qami dan penasihatnya Ibn Abil Hadid telah merancang pembunuhan umat Islam secara beramai-ramai yang sungguh mengerikan dengan membuka jalan kepada Hulaku Khan pada tahun 656H untuk menyerang Baghdad, ibu negara Islam pada masa itu. (*Hasyiah Al-Muntaqa- Muhibbuddin Al-Khatib*, hal 20 Ibn Qayyim, *Ighathat al Lahfan* J.2 hal 263, *al- Bidayah Wa al-Nihayah.* J.3 hal 200 -266).

Walaupun Nasiruddin At-Tusi dianggap sebagai seorang yang kejam oleh sejarawan-sejarawan Islam namun Khomeini sebaliknya menyanjung tinggi Nasiruddin At-Tusi ini dan orang-orang yang seumpamanya dengan mengatakan mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada Islam.(*Al-Hukumah al-Islamiyyah*, hal, 128).

5.2.2. Negara Syiah akan bertindak kejam terhadap umat Islam daripada kalangan Ahli Sunnah umumnya dan golongan ulamak khususnya. Syah Waliyullah misalnya telah direnggangkan pergelangan tangannya semata-mata kerana beliau mengarang sebuah kitab yang bernama '*Izalat al Khafa* untuk menghilangkan kekeliruan yang ditimbulkan oleh Syiah tentang Khilafah para Khulafa al-Rasyidin.

5.3 Peranan Syiah di dalam menjatuhkan sesebuah negara tidak boleh dipandang kecil kerana Negara Iran yang dahulunya merupakan sebuah negara yang dikuasai oleh Ahli Sunnah

dan telah melahirkan begitu ramai tokoh-tokoh dan ulamak-ulamak Islam di dalam berbagai-bagai bidang ilmu agama seperti Imam Tarmidzi, Imam Abu Daud, Imam Razi dan lain-lain lagi, tetapi apabila Agama Islam lemah kerana pengetahuan penganut-penganutnya tidak mendalam lagi dan pengaruh kebendaan serta dunia pula kuat, maka mereka telah dapat dikuasai oleh Syiah dengan mengemukakan hujah-hujah yang berupa ilmiah sehingga akhirnya Iran telah bertukar menjadi negara Syiah.

Begitu juga Mesir yang disuatu masa dahulu merupakan negara Ahli Sunnah tetapi kemudian bertukar tangan menjadi Syiah. Walaupun Syiah itu bukan Syiah Imamiyyah tetapi Syiah Fatimiyyah namun tidak kurang juga dahsyat dan bahayanya daripada Syiah Imamiyyah Ithna Asyariyyah.

Bagaimana pula agaknya negara kita Malaysia yang rata-rata pengetahuan penduduknya masih lemah tentang aqidah dan syariah Islam yang dianuti mereka?

5.4 Di zaman-zaman akhir ini pun mereka tetap memainkan peranan dalam menganggu kelahiran sebuah negara Islam seperti di Afghanistan.

5.5 Sebuah negara Syiah begitu mudah menjadi pusat kepada kelahiran berbagai-bagai bentuk bidaah, khurafat dan kekarutan. Ini ialah kerana agama mereka dibina di atas asas-asas yang karut.

5.5.1 Pemimpin-pemimpin Negara Syiah selalunya merupakan pelopor kepada amalan-amalan bidaah.

5.5.2 Orang yang dikatakan mula-mula mengadakan upacara perkabungan terhadap kematian Husin dan mengadakan majlis-majlis nyanyian ratapan dengan diiringi muzik, mendirikan kubur-kubur yang besar sebagai tempat kunjungan ialah maharaja yang zalim Taimurlang (Tamerlane) dan orang-orang seperti Syah Ismail Safawi (907 H) bahkan sampai sekarang ini pun pemimpin-pemimpin mereka menganggap

perkara ini sebagai perkara biasa. (*Nahnamah al-Marifat* - Hyderabad, Muharram 1389H).

5.6 Kuasa negara mengikut teori 'Walayatul Faqih' merupakan kuasa ketuhanan dan mutlak sehingga boleh membatalkan mana-mana ketentuan syariat.

5.6.1 Walayatul Faqih adalah satu teori baru dalam menegakkan sebuah kerajaan Syiah kerana mengikut Syiah tidak ada sebuah kerajaan Syiah pun yang boleh ditubuhkan atau ditegakkan sebelum kemunculan Imam Mahdi.

Al-Kulaini meriwayatkan menerusi Abu Basir daripada Abi Abdillah (Ja'far al-Sadiq) beliau berkata, "*Setiap orang yang menjulang bendera sebelum kemunculan Al-Qaim, adalah Taghut yang disembah selain daripada Allah 'Azzawajalla "(Ar-Rawdah Min al-kafi* ,J.8 hal 295).

Pensyarah kitab *Al-Kafi* Maulana Muhammad Saleh Al-Mazandarani (w 1080H) di dalam syarahnya terhadap kitab *Al-Kafi* yang dianggap antara syarah al-Kafi yang terpilih menulis "*Walaupun orang yang menjulangnya itu menyeru kepada kebenaran*". (*Syarh al -Kafi*, J12 hal. 371).

5.6.2. Walayatul Faqih adalah satu teori penubuhan negara yang dikemukakan oleh Khomeini dengan alasan Naib Imam boleh menggantikan Imam dalam menubuhkan sesebuah negara dan penubuhan itu dianggap sah setelah mereka putus asa pada hakikatnya dengan kemunculan Imam Mahadi yang tiada kunjung datang. (Lihat *al-Hukumah al-Islamiah*, hal.74)

5.6.3 Kerana itu kami lihat kuasa negara yang tegak di atas Walayatul Faqih adalah mutlak dan bersifat ketuhanan seperti yang dinyatakan oleh Khomeini sendiri dalam sepucuk suratnya yang ditujukan kepada Presiden Republik Iran, Ali Khomeini yang kemudiannya disebarkan oleh sebuah akhbar rasminya *Iran Kayhan* Bil 182, yang diterbitkan pada 23 Jumadal Ula, 1408H dengan tajuk:"*Sesungguhnya kerajaan boleh menyepikan masjid-masjid atau merobohkannya dan kerajaan*

lebih utama daripada sembahyang".

Dalam surat itu Khomeini menulis:

"*Sesungguhnya kerajaan merupakan cabang daripada kekuasaan Rasulullah s.a.w. yang lurus dan antara hukum-hukum Islam yang utama dan lebih diutamakan daripada semua hukum-hukum cabang termasuk solat, puasa dan haji*".

Oleh itu harus bagi penguasa-penguasa menyepikan masjid-masjid ketika perlu dan merobohkan masjid. Penguasa juga boleh membatalkan mana-mana hukum Islam walaupun yang berkaitan dengan perkara ibadat atau bukan ibadah jika hukum itu bercanggah atau bertentangan dengan kepentingan-kepentingan Islam.

"*Penguasa boleh menghentikan ibadah Haji yang merupakan kewajipan Islam yang penting apabila Maslahat Negara Islam mengkehendaki demikian kerana kerajaan ini adalah kekuasaan Ilahi yang mutlak*". (Dipetik dari pada *al- Murtada*, hal 249).

6. Penutup

Setelah kita meneliti perbincangan yang lalu, kita tidak dapati sesuatu percanggahan antara Syiah yang dipropagandakan hari ini dengan Syiah yang dikenali oleh ulama-ulama Islam dahulu sebagai Syiah Ghulat yang telah mereka hukumkan terkeluar daripada Islam.

Adakah Syiah yang sedemikian ajarannya tidak merbahaya kepada aqidah, syariah, akhlak, ummah dan negara Islam?

Dan adakah Syiah yang fahamannya seperti yang telah kita kemukakan tadi tidak tepat jika dikatakan bahawa sebenarnya mereka adalah satu gerakan musuh yang telah dirancang untuk menghancurkan Islam?

Apalah yang ada lagi pada akidah, syariah dan nilai akhlak

umat manusia seperti yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda yang mulia jika ajaran Syiah yang begini dianggap sebagai ajaran Islam.

Tentu sekali tiada lagi yang tinggal daripada ajaran Islam yang masih berbaki sesudah itu dan inilah yang dikehendaki oleh mereka.

Sesungguhnya para imam yang terdiri daripada anak cucu Rasulullah s.a.w. yang dianggap sebagai Imam oleh Syiah tidak terlibat sama sekali dengan ajaran-ajaran yang diperkenalkan oleh Syiah kepada dunia atas nama mereka.

Malah mereka itu telah pun mengetahui gelagat-gelagat dan jiwa-jiwa orang-orang yang mendakwa sebagai Syiah atau pendokong setia mereka.

Nah! Imam Jaafar As-Sadiq sendiri pernah berkata tentang Syiah bahawa, *"Tidak ada satu pun ayat yang diturunkan oleh Allah tentang golongan munafiqin melainkan kandungan ayat itu pasti ada pada orang yang mendakwa Syiah."* (Rijal Kasysyi, hal 299).

Oleh itu di dalam menghadapi golongan yang mempunyai fahaman yang seumpama ini semestinya setiap Muslim menyatakan pendiriannya seperti yang pernah dinyatakan oleh Nabi Ibrahim a.s. bahawa,
"Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain daripada Allah. Kami engkari (kekufuran)mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah semata-mata....." (Al-Mumtahanah, ayat 4).

2 SOALAN PESERTA DAN JAWAPANNYA

Oleh

Ust. Mohd Asri

Soalan 1:

i) Siapakah imam-imam Syiah yang berjumlah dua belas itu? benarkah Syiah memercayai adanya tujuh belas ribu ayat Al-Quran?

ii) Negara Iran ialah sebuah negara yang kuat menentang negara-negara Barat tetapi adalah sebuah negara Syiah. Negara-negara Sunni pula menjadi 'pak turut' sahaja. Apakah pandangan Ustaz tentang orang-orang Sunni mengikut ajaran Syiah?

iii) Benarkah kahwin mutaah diharuskan pada zaman Nabi dan Abu Bakar dan diharamkan pada zaman Umar atas alasan berleluasanya zina?

Jawapan:

i) Jawapan kepada soalan pertama ini jawapannya ada dalam buku saya yang bertajuk 'Syiah Rafidhah : Di Antara Kecuaian Ulama dan Kebingungan Ummah' di halaman 2.

ii) Adalah menjadi hakikat pada masa kini bahawa golongan ahli Sunnah adalah lemah kerana tidak berpegang kepada Al-

Quran dan As-Sunnah dalam erti kata yang sebenar. Syiah hanya terkenal selepas Iran berjaya menegakkan Negara Syiah. Ukuran kebenaran atau keislaman sesuatu negara tidak boleh dibuat dengan 'keberanian' mencabar sesuatu pihak. Kejayaan revolusi tidak membuktikan sesuatu itu benar. Revolusi Iran dipopularkan (melalui Media Massa Zionis juga) untuk menipu umat Islam dengan slogan atas nama Islam. Masjid Ahli Sunnah tidak dibenarkan dibina di Ibu Kota Iran di Tehran tetapi gereja dibenarkan dibina disitu. Iran memainkan isu antarabangsa untuk menarik perhatian dunia Islam untuk percaya bahawa sistemnya adalah sistem Islam. Musuh Islam merancang supaya adanya sebuah negara yang namanya Islam tetapi hakikatnya bukan Islam yang boleh mengelirukan umat Islam buat seketika dan digunakan bagi memporak-perandakan umat Islam.

iii) Kahwin mutaah jelas diharamkan oleh Rasulullah s.a.w. semasa hidupnya. Bagi orang-orang yang berpengaruh dengan Syiah saya mengemukakan fatwa Sheikh Shaltut kerana orang Syiah sering mengambil fatwa Sheikh Shaltut yang menguntungkan mereka.

Sheikh Shaltut mengatakan bahawa Syariat yang mengharuskan perempuan berkahwin dengan lelaki sebanyak sembilan belas orang dalam satu tahun dan lelaki boleh berkahwin dengan perempuan sebanyak mana yang dikehendakinya, peraturan itu tidak mungkin datang dari langit kerana syariat itu tidak menjaga maruah perempuan. Oleh itu mengapakah orang Syiah tidak menyiarkan fatwa Sheikh Shaltub ini? Saidina Omar hanya menguatkuasakan apa yang telah diputuskan oleh Rasulullah s.a.w. tentang kahwin mutaah.

Soalan 2:

Mengapa Kerajaan Arab Saudi masih membenarkan orang-orang Syiah menjejaki bumi Arab jika mereka dianggap sudah keluar daripada Islam?

Jawapan:

Kewujudan golongan Syiah adalah sesuatu yang baru diperkenalkan kepada umat Islam dalam bentuk yang menarik yang tidak bercanggah dengan Islam. Syiah hanya memgemukakan persamaan-persamaan dan percanggahan-percanggahan dengan Islam dan akidah Islam tidak disebutkan. Umat Islam dan negara-negara Islam sudah keliru kerana Iran naik sebagai sebuah republik Islam. Kalau Kerajaan Arab Saudi mengharamkan orang-orang Syiah daripada pergi ke Mekah, ia mungkin akan menimbulkan kemarahan atau bantahan daripada orang yang belum faham tentang akidah Syiah dan mereka akan menuduh bahawa ini adalah dipengaruhi oleh sentimen perkauman atau politik. Ataupun mereka mempunyai tanggapan bahawa ianya merupakan masalah furu' semata-mata dan bukannya akidah.

Arab Saudi juga menyebarkan buku-buku tentang kerosakan akidah Syiah. Masalah ini mengambil masa dan terserahlah kepada Kerajaan Arab Saudi untuk mengatasinya.

Adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa orang kafir dihalau oleh anjing atau akan cirit-birit jika berada di Mekah (ini adalah hujah terdapat di kampung), kerana di sekeliling Kaabah sebelum datangnya Islam terdapat 360 buah berhala dan orang dahulu mengelilingi Kaabah dalam keadaan telanjang. Hadis riwayat Muslim dan Bukhari ada menyebut bahawa Dajal dan pengikut-pengikutnya serta Nabi Isa dan pengikut-pengikutnya juga mengelilingi Kaabah . Rasulullah telah berkata bahawa

Dajal tidak mungkin boleh masuk ke dalam dua tanah haram. Jadi apa maksud hadis ini? Ia adalah isyarat bahawa orang yang mengikut Dajal yang sudah rosak akidahnya juga boleh mengelilingi Kaabah bersama pengikut-pengikutnya.

Soalan 3:

i) Kalau Abdullah bin Saba' wujud, berikan tahun hidupnya, wafatnya dan kitab rujukannya. Adakah dia sama dengan Abdullah bin Ubai?

ii) Mengapa Ustaz tidak merujuk kepada kitab yang ditulis oleh Jaafar Siddiq (jika ada)?

iii) Ali atau Aisyahkah yang memihak kepada Syiah? Adakah Ali atau Aisyah? Jika sekiranya perang Jamal dicetuskan oleh kaum Syiah.

Jawapan:

i) Perkara yang penting ialah Abdullah bin Saba' telah cuba memainkan peranan besar dalam menghancurkan umat Islam dahulu dan ini diakui oleh Ahli Sunnah dan Syiah sendiri.

ii) Tulisan Jaafar Siddiq yang tulin tidak diketahui kecuali tulisan-tulisan yang dikembarkan dalam kertas kerja saya ini.

iii) Setengah ahli sejarah keliru dengan mengatakan bahawa Perang Jamal berlaku antara puak-puak Saiyidatina Aisyah dengan puak-puak Saidina Ali. Mereka dikatakan sengaja menyerbu dan menyerang antara satu sama lain .

Sebenarnya mereka kesana bukan untuk berperang tetapi <u>mencari titik perdamaian</u>. Apabila tiba pada saat-saat akhir dimana Ali dan Aisyah sudah bersetuju, golongan Munafik yang telah menyusup ke dalam kedua-dua pihak ini pun berkata, "Kalau mereka ingin bersepakat (Ali dan Aisyah), tentu kita tidak akan selamat. Kita telah membunuh Saidina Usman dan rahsia kita akan terbongkar dan kita akan ditangkap dan dihukum. Oleh itu kita perlu menyamar. Mereka yang berada dalam puak Aisyah pun menyerang puak Ali dan sebaliknya. Sebenarnya bukan Ali dan Aisyah yang mencetuskan peperangan itu.

Soalan 4 :

i) Soalan ini ditujukan kepada pihak penganjur. Apakah sebenarnya pokok perbincangan dalam seminar ini? Adakah untuk mencari titik persamaan antara Ahli Sunnah dn Syiah Imamiyyah atau menyatakan pokok-pokok pertembungan antara kedua-dua golongan ini?

ii) Adakah kesemua atau sebahagian daripada Syiah itu kafir?

Jawapan:

i) Adalah tidak salah untuk membezakan perbezaan kerana perbezaannya banyak. Yang penting ialah sejauhmana perbezaan tersebut boleh membawa kepada mencacatkan akidah. Tajuk seminar ini tidak bertentangan dengan apa yang sedang kita bincangkan.

ii) Tidak dinafikan bahawa ramai perawi kitab-kitab sahih adalah dari kalangan orang Syiah. Syiah yang diterima oleh Islam adalah Syiah Tafdhiliyyah sahaja pada masa itu belum ada

Syiah Imamiyyah.

Soalan 5:

i) Ustaz masih belum menjawab satu soalan yang telah dikemukakan dengan sepenuhnya. Benarkah wujud hadis yang mengatakan adanya Imam Dua Belas dan andai kata ada, sila kemukakan Imam Dua Belas itu.

Jawapan:

i) Tidak ada hadis yang sahih berkenaan Imam Dua Belas dalam kitab hadis Ahli Sunnah. Kalau ia begitu penting dalam Islam, tentu ada sekurang-kurangnya satu ayat tentang Imam Dua Belas dalam Al-Quran. Yang ada hanya Amir atau Khalifah dua belas. Kalau ada, ia ditakwilkan oleh Ahli Syiah dan ia tidak boleh menjadi akidah. Jangan samakan Imam dengan Amir dan khalifah. Di sisi Syiah, Imam adalah maksum, dilantik oleh Allah, tidak lupa dan tidak salah tetapi Amir atau Khalifah tidak bersifat begitu.

Soalan 6:

Apa bezanya antara kita Ahli Sunnah berbanding dengan Ahli Syiah?

Jawapan:

Syiah terang-terangan menolak hadis mutawatir yang diriwayatkan oleh Umar Ibn Khatab r.a. Oleh itu Syiah sememangnya dirancang oleh musuh Islam untuk menghancurkan Islam atas nama Islam.

Golongan Syiah boleh mengelirukan ulamak. Golongan Ahli as-Sunnah wal Jamaah harus membaca dengan lebih mendalam dari kitab-kitab ulamak as-Sunni yang lama sebelum tercetusnya Revolusi Iran.

3 SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN BAGI

Bagi Kertas Kerja II (Kertas Kerja Tidak Di terima)
Bertajuk "Perkembangan Syiah Di Indonesia"

OLEH

Drs. Mohd.Nabahan Hussien

Soalan 1:

Adakah Ustaz Husein al Habsyi, penulis buku "Dialog Syiah Sunnah" seorang Ahli Sunnah atau Syiah:?

Jawapan:

Syiah memang berkembang di Indonesia dan sudah ada 50 judul buku yang ditulis oleh tokoh-tokoh Syiah di Indonesia. Hussein al Habsyi memang seorang tokoh Syiah di Indonesia. Ahli Syiah menggunakan nama Ahlul Bait. Oleh itu Ahli Sunnah harus menggunakan segala tenaga, kekuatan dan kekayaan untuk bangkit semula dan memberi bantuanNya. Sejarah membuktikan banyak berlakunya kebangkitan Ahli Sunnah.

Soalan 3:

Kenapakah kita tidak melihat Syiah secara positif?

Jawapan:

Sudah ada ribuan orang yang cuba menyatukan Syiah dan Ahli Sunnah. Orang munafik tidak mempunyai kata kemenangan dan di akhirat nanti, mereka akan masuk ke neraka. Peganglah pada Al-Quran dan Sunnah Rasul untuk menjadi seorang mukmin yang sebenar-benarnya dan pelajarilah Al-Quran dan Sunnah Rasul sedalam-dalamnya. Kalau orang Syiah mempunyai buku-buku politik, Ahli Sunnah pula boleh membaca buku-buku politik karangan al-Mawardi,

mengkafirkan Ahli Sunnah yang lain walaupun dia meninggalkan solatnya kerana malas.

Soalan 4:

Sunnah dan Syiah manakah yang disebut di dalam Al-Quran?

Jawapan:

Syiah tidak boleh disatukan dengan Ahli Sunnah kerana:

i) Orang Islam tidak boleh mengambil orang Yahudi atau Nasrani untuk menjadi pemimpin orang Islam. Al-Quran menetapkan hukumnya haram. Di sisi Syiah, mereka beriman kepada al-Quran yang lain iaitu mushaf Faimah yang pada masa ini disembunyikan. Ia adalah tiga kali ganda lebih besar daripada mushaf Uthman pegangan Ahli Sunnah. Syiah menuduh Al-Quran mushaf Uthman adalah palsu, sekurang-kurangnya 219 ayat Al-Quran adalah palsu. Kita beriman secara total kepada Al-Quran. Apabila orang-orang Islam mendengar satu ayat Al-Quran, mereka akan tunduk kepada ayat itu.

ii) Rukun Iman bagi orang Islam adalah berbeza dengan rukun Iman Syiah. Rukun iman bagi orang Islam ada enam di mana satu daripadanya adalah berdasarkan hadis iaitu beriman kepada Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar. Rukun Iman bagi Syiah Imamiyyah, adalah: (a) Tauhid (unity of God), (b) Nubuwah (rasul-rasul Allah), (c) Imamiyyah (Dua belas imam-imam sebagai penganti Rasulullah), (d) Hari Kiamat dan (e) Keadilan Al-Imam Al-Asrani Al-Qumi (seorang Syiah) dalam kitabnya ada menyebut tentang lima rukun iman Syiah iaitu beriman kepada Allah, Hari Akhir, beriman kepada Imam dua belas, Keadilan Nabi serta Rasul Allah. Kepercayaan ini merupakan rukun untuk menjadi seorang Muslim dan anggota jemaah. Kitab-kitab Syiah yang lain seperti "Ringkasan Tentang Iktikad Kaum Syiah" juga menyebut lima rukun iman Syiah ini.

4 AHLUL BAIT MENURUT PANDANGAN SUNNAH DAN SYIAH

Oleh

Wan Zahidi Wan Teh

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد المرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين.

Muqaddimah

Sebelum judul ini dibahaskan dengan lebih lanjut, rasanya perlu dijelaskan asas-asas dan sebab mengapa persoalan Ahlul Bait ini perlu dibincangkan. Bagi menjelaskan persoalan ini saya suka memetik penjelasan yang ditulis oleh Al-Faqih Hajar Al-Haitami dalam muqaddimah kitabnya "as-Sawaiq al-Muhriqah".
(الصواعق المحرقة):

> "Ketahuilah bahawa yang mendorong saya menulis dalam perkara ini sekalipun saya merasa kurang mampu ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam kitab al-Jami'dan lainnya, bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

اذا ظهر الفتن أو قال البدع وسب أصحابى فليظهر العالم
علمه ،فمن لم يفعل ذلك فعليه لعنة الله والملائكة والناس
اجمعين لا يقبل الله منه صرفا ولا عدلا

"Apabila timbul fitnah atau (bidah) dalam mana sahabat-sahabatku dimaki, maka orang yang berilmu hendaklah melahirkan ilmunya. Sesiapa yang tidak melakukannya, maka ke atasnya laknat Allah, Malaikat dan manusia seluruhnya, Allah tidak akan terima daripadanya amalan fardu mahupun sunat".
Imam Rafiei meriwayatkan:

عمل قليل فى سنة خير من عمل كثير فى بدعة (اخرجه
الديلمى)

Amal yang sedikit dalam Sunnah adalah lebih baik daripada amal yang banyak dalan bidah.
Al-Tabarani meriwayatkan:

من وقر صاحب بدعة فقد أعان على هدم الاسلام

"Barangsiapa yang memuliakan ahli bidah, maka sesungguhnya dia telah menolong meruntuhkan Islam".
Al-Baihaqi meriwayatkan:

لا يقبل الله لصاحب بدعة صلاة ولا صوما ولا صدقة ولا حجا ولا
عمرة ولا جهادا ولا صرفا ولا عدلا، يخرج من الاسلام كما يخرج
الشعرة من العجين (أخرجه ابن ماجه)

"Allah tidak akan menerima daripada bidah sembahyang, puasa, sedekah, haji, umrah dan jihad, tidak juga amalan fardu dan sunat. Dia keluar daripada Islam seperti keluarnya rambut daripada tepung ubi.
Ibnu Hajar selanjutnya menjelaskan:

وسنتلو عليك ما تعلم منه علما قطعيا أن الرافضة والشيعة
ونحوهما من أكابر أهل البدعة ،فيتناولهم هذا الوعيد الذى
فى هذه الاحاديث على أنه ورد فيهم أحاديث بخصوصهم

> "Dalam kitab ini saya akan kemukakan kepada anda nas-nas yang daripadanya anda akan ketahui secara pasti bahawa golongan Rafidah, Syiah dan yang seumpamanya adalah daripada kalangan ahli bidah yang terbesar. Oleh itu amaran-amaran yang terdapat

dalam hadis-hadis yang dikemukakan itu meliputi golongan ini; malah terdapat hadis-hadis yang khusus mengenai mereka".[1]

Golongan Ahlul Bait mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam berasaskan nas-nas daripada Quran dan Sunnah. Sebahagian ulama memperuntukan bab khusus dalam kitab yang mereka karang mengenai kelebihan Ahlul bait seperti Ibnu Hajar dalam kitabnya "as-Sawaiq al-Muhriqah" bab 11. Sebahagiannya pula menulis kitab khusus mengenai kelebihan Ahlul Bait, seperti kitab "Huquq Ahlul Bait" oleh Ibnu Taimiyyah, dan kitab "Fadhl Ahlul Bait" oleh al-Maqrizi. Dalam mazhab Syafie, salawat ke atas keluarga Nabi s.a.w adalah sunat pada tahiyyat akhir. Setengah pula mengatakannya sebagai wajib.[2]

Kedudukan Ahlul Bait seperti yang disebutkan di atas adalah merupakan satu kepercayaan dan amalan yang menjadi pegangan umum di kalangan orang-orang Ahli Sunnah. Oleh yang demikian persoalanan mengenai kedudukan Ahlul Bait ini tidak pernah dibangkitkan selama ini.

Namun demikian, di akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan risalah-risalah layang[3] menggunakan nama Ahlul Bait dengan tujuan merosakkan kepercayaan terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w. serta sumber-sumber utama yang menjadi pegangan umat Islam seperti Sahih Bukhari, Muslim dan sebagainya.

Memandangkan perkembangan yang tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan setiap muslim untuk bangkit mempertahankan akidah Islam daripada serangan golongan bid'ah yang bertujuan memesongkan umat daripada akidah yang hak. Kewajipan ini adalah satu kewajipan yang besar seperti yang dijelaskan dalam hadis-hadis yang dipetik oleh Ibnu Hajar dalam muqaddimah kitabnya "as-Sawaiq al-Muhriqah". Bertolak daripada kesedaran tentang tanggungjawab inilah sebenarnya kertas kerja ditulis; malah seminar inipun diadakan atas tujuan yang sama.

PENGERTIAN AHLUL BAIT DAN MARTABAT MEREKA MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Orang-orang Syiah mendakwa mereka adalah pengikut Ahlul

Bait. Sebelum persoalanan ini dibahaskan dengan lebih lanjut, perlu ditentukan terlebih dahulu siapakah yang dikatakan sebagai Ahlul-Bait. Memandangkan bahasa Quran dan Sunnah adalah bahasa Arab, kita perlu melihat terlebih dahulu pengertiannya dari sudut bahasa.

Menurut az-Zabidi, perkataan al-ahl bagi mazhab ialah orang yang menganutinya manakala al-ahl bagi lelaki ialah istrinya, termasuk juga anak-anaknya. Dengan inilah ditafsirkan firman Allah Taala (وسار باهله)[4] :"Dan berjalan Musa dengan ahlinya" yakni dengan isterinya dan ahlinya. Al-ahl bagi Nabi s.a.w. ialah isterinya, anak-anaknya, menantunya Ali r.a."[5]

Menurut Ibnu al-Manzur, "Ahli bagi lelaki ialah orang yang paling dekat dengannya. Ahlul Bait Nabi s.a.w. ialah isteri-isterinya, anak-anaknya dan menantunya, yakni Ali r.a. Kata setengah pendapat Ahlul Bait ialah perempuan-perempuan Nabi s.a.w."[6]

Al-Imam as-Raghib al-Asfahani menyatakan: "Ahli bagi laki-laki ialah mereka yang seketurunan dan seagama dengannya. Ahli bagi seseorang lelaki pada asalnya dipakai pada mereka yang tinggal serumah dengannya, kemudian dipakai secara 'majaz' seperti dikatakan "Ahli rumah seseorang, bagi mereka yang serumah dan senasab dengannya. Perkataan ini kemudiannya dijadikan istilah untuk keluarga Nabi s.a.w. secara mutlak."[7]

Berasaskan petikan-petikan daripada kitab-kitab lughah yang muktabar di atas jelas bahawa "Ahlul Bait" bagi seseorang dalam bahasa Arab bermaksud: Isteri, anak, menantu dan orang yang sama keturunan dengannya (baitunnasab).

Mengenai Ahlul Bait yang menjadi istilah khusus kepada Rasulullah s.a.w. Al-Quran menyebut dalam surah Al-Ahzab ayat 33:

وقرن فى بيوتكن ولا تبرجن تبرج الجاهلية الأولى، واقمن
الصلاة وآتين الزكوة وأطعن الله ورسوله، انما يريد الله
ليذهب عنكم الرجس أهل البيت ويطهركم تطهيرا (٣٣) واذكرن
ما يتلى فى بيوتكن ...

"Hendaklah mereka (para isteri Nabi s.a.w. menetap

di rumah-rumah, dan janganlah mereka berlagak mendedahkan aurat seperti lagak orang-orang jahiliah dahulu, dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat, serta taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya; Sesungguhnya Allah hendak menghilangkan kekejian daripada kamu Ahlul Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya".

PENDAPAT PARA ULAMA TENTANG PENGERTIAN AHLUL BAIT

Al-Qurthubi ketika mentafsir ayat ini menyatakan: "Firman Allah: [8]

و اذكرن ما يتلى فى بيوتكن من • ايت الله و الحكمة

"Ingatlah (wahai isteri-isteri Nabi) apa yang dibaca di rumah-rumah kamu sekalian (yakni isteri-isteri Nabi s.a.w. daripada ayat-ayat Allah dan al-Hikmah (Sunnah)".

Perkataan-perkataan ini menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait ialah isteri-isteri Nabi s.a.w. Para ahli ilmu telah berselisih pendapat tentang Ahlul Bait, siapakah mereka? Ata', Ikramah dan Ibnu Abbas berpendapat mereka ialah isteri-isterinya sahaja, tidak ada sebarang lelaki bersama mereka. Mereka mengatakan bahawa maksud al-bait ialah tempat tinggal Nabi s.a.w. berdasarkan firman Allah "dan ingatlah (wahai isteri-isteri Nabi) apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu". Setengah golongan seperti al-Kalbi [9] berkata mereka ialah Ali, Fatimah, Hasan dan Husin sahaja. Yang nyata daripada ayat ini ialah umum untuk semua Ahlul Bait yang meliputi isteri-isteri dan keluarga yang lain. Adapun tentang perkataan ويطهركم (penggunaan jamak muzakkan), ialah kerana Rasulullah s.a.w. Ali, Hasan dan Husin termasuk dalam Ahlul Bait; kerana (menurut kaedah Bahasa Arab), apabila berkumpul "muzakkar" (laki-laki) dan "muannas" (perempuan), maka dimenangkan lelaki. Dengan demikian jelaslah ayat ini menunjukkan isteri-isteri Rasulullah s.a.w. adalah daripada kalangan Ahlul Bait kerana ayat ini menyentuh tentang mereka. Orang yang dihalakan

cakap juga adalah mereka berasaskan urutan dan kontek percakapan.

"As-Sa'labi berkata: Mereka (Ahlul Bait) adalah Bani Hashim; ini menunjukkan yang dimaksudkan dengan al-Bait (rumah) ialah "baitunnasab" (rumah keturunan). Dengan demikian, Al-Abbas, bapa-bapa saudaranya dan anak-anak mereka termasuk dalam Ahlul Bait". [10]

Imam Muslim meriwayatkan bahawa Zaid bin Arqam di tanya, "Adakah isteri-isterinya (Rasulullah s.a.w.) daripada Ahlul Bait?" Zaid menjawab: "isteri-isterinya adalah daripada Ahlul Bait..."

Imam Bukhari meriwayatkan Rasulullah s.a.w. pergi ke bilik Aisyah lalu memberi salam: السلام عليكم أهل البيت ورحمة الله

Daripada keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa Ahlul Bait menurut pandangan Ahlus-Sunnah termasuk: isteri-isteri Rasulullah, anak menantunya, serta kaum kerabatnya daripada keturunan Bani Hashim dan Bani Muttalib.

KELEBIHAN AHLUL BAIT

Menurut Ibnu Hajar, ayat 33 Surah Al-Ahzab ini menunjukkan kelebihan Ahlul Bait, kerana Allah menyatakan secara khusus keinginan membersihkan mereka daripada dosa atau syak dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan iman, dan juga membersihkan mereka daripada akhlak yang keji. Setengah riwayat mengatakan maksud "tathir" ialah mengharamkan mereka daripada api neraka iaitu dengan ilham daripada Allah kepada mereka untuk bertaubat dan mengekalkan amal soleh.

Selain daripada itu, pengharaman zakat ke atas mereka adalah sebahagian maksud pembersihan dalam ayat di atas kerana zakat atau sedekah wajib adalah sisa-sisa pembersihan manusia (awsakh an-nas). Sebagai gantinya mereka diberi harta "khumus" (1/5 harta rampasan perang) atau harga negara. [11]

Dalam sunnah Rasulullah s.a.w. terdapat hadis-hadis yang menyatakan kewajipan kewajipan mengasihi Ahlul Bait dan menjaga kepentingan mereka. Berikut ini diperturunkan sebahagian daripada nas-nas berkenaan:

من احب الله احب القرآن،ومن احب القرآن احبنى ومن احبنى احب اصحابى وقرابتى (رواه الديلمى)

"Sesiapa yang kasih kepada Allah pasti dia kasih kepada Al-Quran, sesiapa yang kasih kepada Al-Quran pasti dia mengasihi aku, barangsiapa yang mengasihi aku, pasti dia mengasihi sahabat-sahabat dan kaum kerabatku".

أحبوا الله لما يغذوكم به من نعمة وأحبوني لحب

الله وأحبوا أهل بيتي لحبي (رواه الترمذي والحاكم)

"Kasihlah akan Allah kerana segala nikmat yang dikurniakan kepada kamu, kasihilah aku kerana kasihkan Allah, dan kasihilah keluargaku kerana kasihkan aku."(Diriwayatkan oleh at-Termizi dan al-Hakim)

أثبتكم على الصراط أشدكم حبا لأهل بيتي ولأصحابي (أخرجه

ابن عدي والديلمي عن علي رع)

"Orang yang paling tetap perjalanannya di atas as-Sirat (titian di hari kiamat) ialah orang yang paling kasih kepada Ahlul Bait aku dan sahabat-sahabatku."

عن ابن عمر: آخرما تكلم به النبي صلى الله عليه

وسلم: "اخلفوني في أهل بيتي" (رواه الطبراني).

Daripada Ibnu Umar r.a. perkataan akhir yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. ialah: "Gantikanlah aku pada (menjaga kepentingan) Ahli Bait aku."

استوصوا بأهل بيتي خيرا (أخرجه ابن سعد)

"Berbuat baiklah kamu terhadap Ahli Bait aku."

Berasaskan nas-nas di atas para ulama Ahlus-Sunnah sependapat mengatakan bahawa kewajipan umat Islam terhadap Ahlul Bait ialah menaruh rasa kasih sayang terhadap mereka, menjaga kepentingan serta berbuat baik terhadap mereka.

Inilah ajaran dan pegangan Ahlus-Sunnah tentang Ahlul-Bait. Saidina Abu Bakar mengatakan: "Sesungguhnya menghubungi kerabat

Rasulullah s.a.w. lebih aku kasihi daripada kerabat aku sendiri".[12] Abu Abid meriwayatkan bahawa Saidina Umar ketika membahagikan harta rampasan perang Iraq dan Syams bertanyakan para sahabat siapakah yang patut dimulakan. Sahabat-sahabat r.a. menjawab: "Mulakanlah dengan diri kamu sendiri". Saidina Umar berkata: " Tidak, aku akan mulakan Aisyah r.a. sebanyak 12,000, dan isteri-isteri Rasul s.a.w. yang lain sebanyak 10,000. Kemudian kepada Saidina dan anak-anaknya serta golongan Bani Hashim yang menyertai perang Badar sebanyak 5,000. [13] (Tidak disebutkan di dalam kitab sama ada ia adalah dinar atau tidak)

Qadi ʿIyad berkata, "Hadis-hadis yang lalu menunjukkan wajib mengasihi Ahlul Bait dan haram yang sangat berat jika membenci mereka". Ini juga adalah pendapat Baihaqi, Baghawi dan lain-lain, malah Imam Syafie telah menyatakan dengan jelas tentang hukum ini dengan katanya:

يا أهل بيت رسول الله حبكم فرض من الله في القرآن انزله

"Wahai Ahli Bait Rasulullah, sesungguhnya kasihkan kamu adalah fardu yang diturunkan Allah di dalam Al-Quran." [14]

Imam Syafie sangat terkenal dengan kecenderungan dan kasihnya kepada keturunan Saidina Ali r.a. sehingga beliau dituduh sebagai Syiah atau Rafidah. Menjawab tuduhan tersebut, beliau dengan tegas menyatakan:

اذا كان رفضا حب آل محمد فليشهد الثقلان أني رافضي

"Sekiranya kasihkan keluarga Muhammad s.a.w. itu dianggap sebagai Rafidah, maka biarlah jin dan manusia menyaksikan bahawa saya adalah seorang Rafidah." [15]

AHLUL BAIT SELAIN DARIPADA RASULULLAH TIDAK MAKSUM

Menurut akidah Ahlus-Sunnah, sifat "ismah" (terpelihara daripada dosa) khusus kepada para Nabi dan Rasul a.s. sahaja. Selain daripada mereka termasuklah Ahlul Bait adalah tidak maksum:

Ayat 33 Surah Al-Ahzab ini tidak membawa pengertian demikian. Berkata Ibnu Taimiah:

"Adapun ayat ويطهركم تطهيرا bukanlah merupakan khabar yang memberitahu bahawa Ahlul Bait telah bersih daripada kekejian dan dosa: malah ayat ini mengandungi perintah kepada mereka untuk mengerjakan amalan yang boleh membawa kepada hilang kekejian dan pembersihan. Ayat ini seperti juga ayat-ayat:

ما يريد الله ليجعل عليكم من حرج ولكن يريد ليطهركم

(المائدة : ٦)

يريد الله ليبين لكم ويهديكم (النساء: ٢٦)

maka perkataan يريد (hendak) di sini mengandungi perintah kasih dan reda tetapi ia (iradah yang mengandungi erti perintah, kasih dan reda) tidaklah bermakna mesti berlaku."

"Antara dalil yang menunjukkan bahawa yang demikian itu (menghilangkan keji dan pembersihan) itu adalah merupakan perintah (melakukan amalan yang membawa kepada pembersihan), dan bukannya khabar berlakunya perkara tersebut ialah Nabi s.a.w. melingkungkan kain pada Ali, Fatimah, Hasan dan Husin r.a kemudian mendoakan: "Ya Allah! Mereka adalah Ahlul Bait aku; maka hilangkanlah daripada mereka sifat-sifat yang keji dan bersihkanlah mereka sebersih-bersihnya."[16] Bukti yang lain ialah ayat ini berada di tengah-tengah ayat yang mengandungi perintah dan larangan (sila baca al-Ahzab 30-34). Urutan dan kontek ini jelas menunjukkan ia adalah perintah dan larangan; dan bahawa isteri-isteri Nabi s.a.w, adalah daripada Ahlul Bait kerana ayat ini ditujukan kepada mereka."[17]

Selepas turun ayat ini selama enam bulan Rasulullah s.a.w. lalu ikut rumah Fatimah r.a. setiap kali keluar kerana menunaikan sembahyang dan berkata:

الصلاة أهل البيت

"Tunaikan sembahyang wahai Ahlul Bait",

Kemudian Rasulullah s.a.w. membaca ayat 33 surah Al-Ahzab.[18] Hadis ini jelas menunjukkan perkaitan ayat al-Tathir dengan amalan, seperti hadis:

اعملى يا فاطمة فانى لا أغنى عنك من الله شيئا

"Beramallah wahai Fatimah, kerana aku tidak dapat berbuat apapun di sisi Allah bagi pihak diri kamu".

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda memperingatkan kaum daripada Bani Hashim:

يا بنى هاشم لا يجيئنى الناس بالأعمال وتجيئونى بالأنساب

(رواه الطبرانى)

"Wahai Bani Hashim, janganlah nanti manusia lain datang kepadaku dengan amalan, sedangkan kamu datang dengan keturunan".

Sekiranya ayat dalam surah at-Tathir membawa erti Ahlul Bait maksum, maka ini bermakna semua sahabat, malah seluruh umat Islam adalah maksum, kerana Allah berfirman:

ولكن يريد ليطهركم وليتم نعمته عليكم (المائدة : ٦)

"Tetapi Allah hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu."

ليطهركم به ويذهب عنكم رجس الشيطان (الانفال: ١١)

"Untuk mensucikan kamu dengan hujan itu dan menghilangkan dari kamu gangguan-gangguan syaitan".

Ayat 6 dalam surah Al-Maidah ini jelas ditujukan kepada seluruh umat Islam kerana ia dimulakan dengan ايها الذين امنوا Perkaitan ayat ini dengan amal juga adalah jelas kerana dalam ayat ini Allah memerintahkan umat Islam supaya bersuci ketika hendak sembahyang. Oleh itu ayat: يريد ليطهركم Allah hendak

membersihkanmu bermakna: Hendaklah kamu bersuci supaya kamu bersih; kerana Allah suka dan reda kamu menjadi bersih.

Manakala ayat 11 surah Al-Anfal pula turun ketika perang Badar, namun begitu ia tidak membawa erti bahawa sahabat-sahabat yang menyertai Perang Badar adalah maksum. Ayat ini seperti juga ayat 6 surah Al-Maidah menghendaki supaya para sahabat menyucikan diri mereka zahir dan batin kerana Allah reda, kasih dan perintah mereka menjadi manusia yang bersih zahir dan batin.

Jaminan seseorang itu akan masuk syurga tidak bermakna dia maksum daripada sebarang dosa kerana seseorang itu masuk syurga hanya dengan rahmat Allah Taala seperti yang tersebut dalam hadis, dan Allah berkuasa mengampunkan dosa sesiapa yang dikehendaki-Nya:

يغفر لمن يشاء ويعذب من يشاء

"Allah mengampunkan dosa bagi sesiapa yang Ia kehendaki, dan mengazab sesiapa yang Ia kehendaki."

AHLUL BAIT DI SISI SYIAH IMAMIYYAH ITHNAᶜASYARIAH JAᶜFARIAH [19]

Ahlul Bait menurut pandangan Syiah Imamiyyah Ithnaᶜasyariah ialah Saidina Ali, Fatimah, Hasan dan Husin r.a. sahaja. Mereka mengeluarkan isteri-isteri, dan kaum kerabat Rasulullah s.a.w. (selain daripada yang disebutkan di atas) daripada pengertian Ahlul Bait yang terdapat dalam Surah Al-Ahzab ayat 33 seperti yang telah dihuraikan sebelum ini. Al-Majlisi menjelaskan:

> "Ketahuilah bahawa ayat ini (Al-Ahzab: 33) adalah antara dalil yang menunjukkan sifat 'ismah' (terpelihara daripada dosa) bagi 'ashabulkisa' (mereka yang disebutkan di atas r.a.) kerana seluruh umat sependapat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait adalah ahli rumah Nabi s.a.w. sekalipun terdapat khilaf dalam menentukan siapakah mereka. Ulama-ulama kita (Syiah) r.a. dan banyak daripada kalangan ulama Jumhur (Ahlus- Sunnah) berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada Ali, Fatimah, Hasan dan Husin a.s. sahaja dan tidak termasuk ahli keluarga yang lain daripada mereka.

Ada dua dakwaan penting yang menjadi pegangan umat Syiah bersabit dengan ayat at-Tahthir iaitu: 1) penentuan Ahlul Bait, dan 2) mereka adalah maksum. Kedua-dua pegangan inilah sebenarnya yang menjadi asas kepada seluruh ajaran bidah yang terdapat dalam mazhab Syiah serta pertentangannya dengan ajaran Sunnah. Oleh kerana kedua-dua perkara ini sangat penting, berikut ini dikemukakan sebahagian daripada hujah-hujah dan jawapan-jawapan terhadapnya.

HUJAH-HUJAH SYIAH TENTANG PENENTUAN AHLUL BAIT

Menurut al-Majlisi, sekiranya ayat at-Tathir itu untuk isteri-isteri Nabi s.a.w, tentulah ayat itu berbunyi ويطهركن (gantinama bagi perempuan). Oleh kerana ayat ini turun pada Ahlul Bait (selain daripada isteri-isteri Nabi s.a.w., maka ayat ini menggunakan gantinama lelaki (ويطهركم). [21]

Hujah ini sebenarnya menunjukkan kejahilan mereka dalam Bahasa Arab (kerana kebanyakan mereka daripada bangsa Parsi yang tidak memahami Bahasa Arab secara mendalam). Dhamir "muzakkar" digunakan di sana kerana dua sebab. Pertama, lafaz al-ahl adalah <u>muzakkar</u>. Orang-orang Arab menggunakan lafaz <u>muzakkar</u> sekalipun pada perempuan sekiranya yang diperhatikan ialah perkataan tersebut. Penggunaan seperti ini terdapat dalam ayat-ayat yang lain dalam Al-Quran seperti:

قال لاهله امكثوا (طه : ١١)

"Berkata Musa kepada Ahlinya (isteri anak Nabi Syuaib a.s), Tunggulah kamu di sini."

اتعجبين من أمر الله رحمة الله وبركاته عليكم اهل البيت انه حميد مجيد (هود : ٧٣)

"Apakah kamu (isteri Nabi Ibrahim a.s.) hairan tentang kekuasaan Allah; rahmat Allah dan berkat-Nya ke atas kamu Ahlul-Bait, sesungguh-Nya Ia amat terpuji lagi Mulia."

Di dalam hadis juga terdapat penggunaan seperti ini, seperti hadis berikut:

..... فانطلق الى حجرة عائشة فقال: السلام عليكم يا أهل البيت ورحمة الله، فقالت : وعليك السلام ورحمة الله، كيف وجدت اهلك ؟ بارك الله لك

"Lalu Rasulullah s.a.w. pergi ke bilik Aisyah r.a. dan berkata: 'Assalamu Alaikum Ya Ahlul Bait Wa Rahmatullah, maka Aisyah menjawab: Wa Alaikassalam Wa Rahmatullah, bagaimana dengan Ahli (isteri) kamu (Zainab Bt. Jahsy), semoga Allah memberi berkat kepada mu,'" [22]

Dalam hadis ini ada dua petunjuk penting yang membatalkan hujah Syiah. Pertama penggunaan "dhamir muzakkar" kepada perempuan iaitu Aisyah r.a. kerana meraikan lafaz "ahl". Kedua isteri-isteri Rasulullah s.a.w. yang dimaki dan dikafirkan oleh Syiah [23] adalah daripada kalangan Ahlul Bait.

Sebab kedua mengapa "dhamir muzakkar" digunakan dalam ayat at-Tathir di atas ialah kerana yang dimaksudkan dengan Ahlul Bait dalam ayat ini bukan sahaja isteri-isteri Rasulullah s.a.w., tetapi juga anak menantu dan cucunya, malah setengah pendapat memasukkan juga Bani Muttalib dan Bani Hashim. Menurut kaedah Bahasa Arab, apabila berhimpun lelaki dan perempuan, digunakan lafaz "muzakkar".

Antara hujah Syiah dalam menegak pendapat mereka mengenai siapakah yang dimaksudkan Ahlul Bait ialah hadis riwayat Tirmizi daripada Ummu Salamah r.a., katanya: Ayat ini turun di rumahku. Selepas turun ayat ini Rasulullah s.a.w. memanggil Ali, Fatimah, Hasan dan Husin, lalu Rasulullah s.a.w. masuk bersama mereka ke

dalam kain (kisa) Khaibar dan berkata "mereka ini adalah Ahli Bait Aku". Rasulullah s.a.w. membaca ayat (at-Tathir) dan berdoa:

اللهم اذهب عنهم الرجس وطهرهم تطهيرا

"Ya Allah hapuskanlah daripada mereka kekejian dan bersihkanlah mereka sebersih-bersihnya."

Ummu Salamah berkata maksudnya: "Ya Rasulullah tidakkah aku daripada Ahli kamu?" Jawab Rasulullah s.a.w. maksudnya: Kamu di tempat kamu, kamu telah berada dalam kebaikan". Riwayat yang lain menyebutkan: Aku (Ummu Salamah) berkata: "Ya Rasulullah, tidakkah aku daripada Ahli kamu?" Rasulullah menjawab: (بلى) 'ya'.

Ketika mengulas hadis ini, Shah Abdul Aziz al-Dahlawi berkata: "Hadis ini merupakan dalil yang sangat jelas bahawa ayat ini turun pada hak isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sahaja. Rasulullah s.a.w. telah memasukkan mereka berempat r.a. dalam kelebihan ini dengan doanya yang berkat. Sekiranya ayat ini turun pada mereka (Ali, Fatimah, Hasan dan Husin r.a., maka tentulah doa tidak perlu; kerana Rasulullah tidak melakukan sesuatu yang telah berhasil (tahsilul Hasil) Pemahaman ini disokong oleh hadis sahih riwayat Imam Baihaqi bahawa Rasulullah berbuat demikian juga terhadap al-Abbas dan anak-anaknya. [24]

Hadis-hadis al-Kisa kebanyakannya daif dari segi sanad. Walaupun demikian ulama Ahlus-Sunnah tidak keberatan meriwayat dan beramal dengan hadis dhaif sekiranya ia berkaitan dengan perkara fadilat.

Perlu dijelaskan di sini bahawa dalam ajaran Syiah, persoalan <u>'ismah</u> dan penentuan Ahlul Bait adalah persoalan akidah yang menjadi asas penting bagi kesahihan mazhab mereka. Satu persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana dalil yang sangat dhaif boleh dipergunakan untuk menegakkan satu asas penting dalam akidah?

Sekiranya diterima tafsiran mereka tentang Ahlul Bait dan sifat ismah mereka, maka akan timbul rentetan soalan yang memerlukan jawapan berasaskan dalil-dalil yang sah seperti: Manakah dalil yang menunjukkan selain daripada empat orang (Ali, Fatimah, Hasan dan Husin r.a.), anak cucu mereka juga maksum. Sekiranya dikatakan keturunan Ali dan Fatimah a.s. maksum mengapakah dua belas orang

sahaja yang maksum; dan manakah dalil yang menentukan setiap orang daripada imam mereka selepas Saidina Husin iaitu maksum. Apakah perkaitannya sifat ismah dengan hak memerintah umat sehingga hari kiamat. Saidina Ali dan anak cucunya tidak pernah mendakwa mereka adalah maksum, dan keluarga mereka sahajalah yang berhak memerintah umat hingga ke hari akhirat.

AKIDAH-AKIDAH SYIAH YANG DIBINA ATAS PANDANGAN MEREKA TERHADAP AHLUL BAIT

Berasaskan pandangan mereka terhadap Ahlul Bait seperti yang dihuraikan sebelum ini, Syiah telah membina asas-asas ajaran mereka yang bercanggah dengan ajaran Sunnah. Antaranya ialah:

A. Al-Imamah (al-Wilayah) dan al-Wasayah

Al-Imamah atau al-Wilayah ialah hak memerintah umat Islam selepas Nabi Muhammad s.a.w. Mereka menjadikan hak memerintah selepas Nabi s.a.w. bagi Saidina Ali r.a. dan keturunannya daripada zuriat Fatimah sebagai salah satu daripada rukun imam yang penting sehingga tidak sah iman seseorang itu tanpa beriman dengannya. Al-Kulaini[25] yang mereka gelarkan dengan(ثقة الإسلام) meriwayatkan dalam kitabnya "al-Kafi" daripada Jaafar as-Sadiq katanya:

أثافيّ الاسلام ثلاثة : الصلاة ، الزكاة ، والولاية ، لا تصح
واحدة منها الا بصاحبتيها .

"Tonggak Islam itu tiga, Sembahyang, Zakat dan Wilayah; tidak sah salah satunya, melainkan dengan yang dua lagi".[26]

Dalam satu riwayat yang lain disebutkan yang paling afdhal ialah al-Wilayah.[27]

Ibnu Babuyah al-Qummi yang bergelar as-Saduq (yang sangat benar) menyatakan: "Iktiqad kita pada orang yang mengingkari imamah Amirul Mukminin Ali bin Abu Talib r.a. dan imam-imam

yang selepasnya, bahawa ia seperti orang yang mengingkari kenabian semua Anbia' a.s. dan Iktiqad kita pada orang yang mengakui imamah Amirul Mukminin tetapi mengingkari salah seorang daripada imam-imam selepasnya, adalah seperti orang yang mengiktiraf semua Anbia a.s. tetapi mengingkari kenabian Nabi kita Muhammad s.a.w."[28]

Seorang ulama besar mereka al-Mufid mengatakan:

اتفقت الامامية على ان من أنكر امامة احد من الأئمة وجحد
ما أوجبه الله تعالى من الطاعة فهو كافر ضال مستحق
الخلود فى النار. (٢٩)

"Ulama Imamah ijmak mengatakan bahawa siapa yang mengingkari imamah salah seorang daripada imam-imam (dua belas) dan mengingkari kewajipan taat kepadanya, maka dia adalah kafir lagi sesat dan kekal dalam neraka."[29]

Imam-Imam Lebih Mulia Daripada Para Anbia'

Dalam bab yang berjudul: "Kelebihan Para Imam Ke atas Para Anbia", al-Majlisi membawa beberapa riwayat antaranya:

ما من نبى نبى، ولا من رسول ارسل الا بولايتنا
وتفضيلنا على من سوانا .

"Tiada seorang Nabipun yang diwahyukan dan tiada seorang Rasulpun yang diutuskan melainkan dengan Wilayah kami dan dengan kelebihan kami ke atas yang lain daripada kami."

عن ابن سعيد الخدرى قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه
وسلم يقول: يا على ما بعث نبيا الا وقد دعاه الى ولايتك
طائعا أو كارها

"Daripada Abi Said al-Khudri katanya: ' Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Wahai Ali, Allah tidak mengutuskan seorang Nabipun melainkan Allah menyerunya kepada Wilayah kamu, sama ada secara sukarela atau paksa."[30]

Al-Wasayah

Al-Wasayah bererti setiap Nabi mesti mewasiatkan penggantinya sebagai Imam sebelum wafat, dan Imam berikutnya akan mewasiatkan penggantinya pula. Al-Majlisi membawa satu riwayat daripada Nabi s.a.w.:[31]

ما قبض الله نبيا الا أمره أن يوصى الى عشيرته من عصبته
وامرنى أن اوص

"Allah tidak mewafatkan seorang Nabi hinggalah Allah perintahkannya berwasiat kepada keluarganya daripada kalangan ʿasabahnya, dan Allah perintahkan aku supaya berwasiat."

عن ابى عبدالله قال : عرج النبى طلى الله عليه وسلم السماء
مائة وعشرين مرة ،ما من مرة الا وقد أوصى الله عزوجل فيهما
الى النبى طلى الله عليه وسلم بالولاية لعلى و الأئمة من
بعده عليهم السلام أكثر مما أوصاه بالفرائض

"Daripada Abu Abdullah katanya: Nabi Mikraj ke langit 120 kali. Pada setiap kali mikraj Allah wasiat kepada Nabi tentang Wilayah bagi Ali dan Imam-imam selepasnya a.s. lebih banyak daripada wasiat Allah tentang amalan fardu."

B. Menolak Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin dan Menghukum Mereka dan Sahabat-Sahabat Yang Mengakui Pemerintahan Khulafa Sebagai Kafir.

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Abu Abdullah mengenai tafsir ayat 138 Surah An-Nisa:

ان الذين آمنوا ثم كفروا ثم آمنوا ثم كفروا ثم ازدادوا
كفرا لن تقبل توبتهم

"Kata Abu Abdullah:'Ayat ini turun pada fulan dan fulan, mereka pada mulanya telah beriman dengan Nabi s.a.w. kemudian mereka jadi kafir ketika dikemukakan kepada mereka Wilayah'. Maksud 'fulan' di sini dijelaskan oleh ulama yang menghurai kitab ini dengan katanya: "Maksud 'fulan', fulan itu ialah Abu Bakar, Umar dan Usman."[32]

Mengenai tafsir ayat 7 surah al-Hujurat, al-Kulain meriwayatkan daripada Imam Jaafar As-Sadiq:

قوله (حبب اليكم الايمان وزينه فى قلوبكم) يعنى أمير
المؤمنين عليه السلام، (وكره اليكم الكفر والفسوق
والعصيان) الاول والثانى والثالث

"Katanya; (Allah menjadikan kamu kasih kepada iman dan menghiaskannya di hati kamu), yakni Amirul Mukminin a.s. (Dan menjadikan kamu benci kepada kufur, amalan fasik dan maksiat), yakni; yang Pertama, Kedua dan Ketiga". Ketiga-tiga yang dimaksudkan itu tidak lain daripada tiga Khalifah Islam sebelum Ali a.s.

Al-Majlisi, ketika mengulas satu hadis tentang kelebihan mereka yang melihat Nabi s.a.w. berkata:

وينبغى أن نعلم أن هذه الفضائل انما هى لمن كان مؤمنا منهم لا للمنافقين،كما صبى الخلافة واضرابهم واتباعهم .

"Hendaklah anda ketahui bahawa kelebihan-kelebihan ini hanyalah bagi siapa yang beriman daripada kalangan mereka, bukan bagi golongan munafiqin seperti mereka yang merampas jawatan Khalifah, dan yang seumpama mereka serta pengikut-pengikut mereka". [33]

SYIAH TIADA HUBUNGAN DENGAN AHLUL BAIT [34]

Melihat kepada pegangan serta amalan mereka yang bertentangan dengan Quran, Sunnah, Khulafa' al-Rasyidin serta para sahabat dan Ahlul Bait r.a., adalah jelas golongan Syiah ini pada hakikatnya tidak ada hubungan dengan Ahlul Bait. Terdapat riwayat-riwayat yang banyak daripada kalangan Ahlul Bait sendiri yang mengutuk tindakan mereka menyebarkan ajaran bid'ah, sesat dan kufur atas nama Ahlul Bait. Salah seorang daripada Ahlul Bait, iaitu Ali Bin Al-Husin Zainul Abidin (cucu Saidina Ali yang didakwa oleh Syiah sebagai Imam keempat mereka), ketika menyifatkan hubungan Syiah dengan Ahlul Bait berkata:

"Sesungguhnya Yahudi kasih kepada Uzair hingga mereka kata apa yang mereka kata tentangnya; Uzair bukan daripada mereka dan mereka bukan daripada Uzair. Kaum Nasrani mengasihi Nabi Isa hingga mereka kata padanya apa yang mereka kata; Isa bukan daripada mereka dan mereka bukan daripada Isa. Keadaan kami (Ahlul Bait) juga demikian. Segolongan daripada pengikut kami akan mengasihi kami sehingga mereka kata pada kami apa yang dikata oleh Yahudi pada Uzair dan Nasrani pada Isa; pada mereka bukan daripada golongan kami dan kami bukan daripada mereka". [35]

Imam Jaafar As-Sadiq berkata kepada salah seorang yang mendakwa sebagai pengikutnya, "Wahai Jabir, sampai kepadaku bahawa segolongan mereka yang mendakwa mengasihi kami di Iraq, mencerca Abu Bakar dan Umar r.a. mereka mendakwa aku yang menyuruhnya. Sampaikan kepada mereka bahawa aku dengan nama Allah membersihkan diriku daripada mereka. Demi Allah, sekiranya aku mempunyai kuasa, pasti aku bertaqarrub kepada Allah dengan darah mereka."[36]
Berkata Saidina Ali r.a.

يهلك فىّ محب مفرط يقرظنى بما ليس فى ومبغض مفتر يحمله شنانى على أن يبهتنى بما ليس فى

"Akan binasa padaku yang kasihkan aku secara melampau, dia mendewa-dewakan aku dengan apa yang tidak ada padaku; dan juga orang yang benci padaku, sehingga kebencian itu mendorongnya menuduh aku dengan perkara-perkara yang tidak ada padaku."

Ad-Daruqutni meriwayatkan daripada Ali r.a. daripada Rasulullah s.a.w.:

سيأتى من بعدى قوم لهم نبز يقال لهم الرافضة،فان أدركتهم فاقتلهم فانهم مشركون. قال،قلت يا رسول الله،ما العلامة فيهم ؟ قال: يقرظونك بما ليس فيك ويطعنون على السلف

"Akan datang selepasku satu kaum, bagi mereka gelaran yang dipanggil ar-Rafidah. Kata Saidina Ali 'Ya Rasulullah! Apakah alamat pada mereka.' Jawab Rasulullah,'Mereka memuji kamu dengan apa yang tidak ada pada kamu, dan mereka mencerca golongan salaf(seperti sahabat Rasulullah s.a.w.)'.

PANDANGAN ULAMA ISLAM TENTANG GOLONGAN RAFIDHAH

Berkata Harmalah,"aku dengar Imam Syafie berkata":

لم أر احدا أشهد بالزور من الرافضة

'Aku tidak pernah melihat orang yang paling banyak bersaksi dusta daripada golongan Rafidhah.'

Al-Baghdadi ketika menyebut pendapat al-Jarudiah yang mengkafirkan sahabat-sahabat kerana tidak membaiahkan Saidina Ali r.a. (selepas wafat Rasulullah s.a.w.) berkata: [37]

فهذا قول الجارودية ،وتكفيرهم واجب لتكفيرهم أصحاب النبى صلى الله عليه وسلم

"Inilah pendapat al-Jarudiah; mengkafirkan mereka adalah wajib kerana mereka mengkafirkan sahabat-sahabat Nabi s.a.w.

Ketika menyebut al-Jaririah, beliau berkata:

واهل السنة يكفرون سليمان بن جرير من اجل أنه كفر عثمان رضى الله عنه .

"Ahli Sunnah menghukum kafir terhadap Sulaiman Bin Jarir kerana dia mengkafirkan Saidina Usman."[38]

Imam Muhammad bin Abdul Wahab, ketika mengulas pandangan Syiah bahawa Saidina Ali lagi afdhal daripada para Anbia, selain daripada Nabi Muhammad berkata: [39]

ومن اعتقد فى غير الانبياء كونه افضل من الانبياء ومساويا لهم فقد كفر وقد نقل على ذلك الاجماع غير واحد من العلماء

"Barangsiapa yang beriktiqad pada selain daripada Anbia, bahawa ia afdhal daripada mereka dan menyamai mereka, sesungguhnya jadi kufur dia; dan yang demikian itu adalah ijmak seperti disebut oleh sebilangan ulama."

Almarhum Said Hawa ketika mengulas Khumaini dalam kitabnya "Kasyful Asrar" [40] bahawa sahabat-sahabat r.a. telah mengubah Al-Quran berkata:[41]

وهذا من خمينى كفر بواح ونقض للاسلام كله

"Perkataan ini daripada Khumaini adalah satu kekufuran yang sangat jelas dan membatalkan Islam keseluruhannya."
Berkata Ibnu Hajar dalam "as-Sawaiq al-Muhriqah":

وفى الفتاوى البديعية : ون انكر امة أبى بكر رضى الله عنه فهو كافر ،وقال بعضهم مبتدع ،والصحيح أنه كافر ،وكذلك من انكر خلافة عمر (رضى الله عنه) فى أصح الاقوال ..
وأما تكفير أبى بكر ونظرائه ممن شهد لهم النبى صلى الله عليه وسلم بالجنة فلم يتكلم فيها أصحاب الشافعى والذى أراه الكفر قطعا موافقة لمامر

"Tersebut dalam kitab "al-Fatawa al-Badi^c^iyah": sesiapa yang mengingkari kesahihan pemerintahan Khalifah Abu Bakar r.a., maka jadi kafir dia; setengah ulama berkata: dia seorang ahli bid^c^ah. Menurut pendapat yang sahih, dia adalah kafir. Demikian juga orang mengingkari kesahihan Khalifah Umar r.a. mengikut pendapat yang lebih sahih... Adapun hukum mengkafirkan Abu Bakar dan sahabat-sahabat yang seumpamanya daripada kalangan mereka yang disaksikan akan masuk syurga oleh Rasulullah s.a.w., sahabat-sahabat Syafiei tidak memperkatakannya, pada pendapat saya hukumnya kufur tanpa khilaf."[42]

Adalah jelas daripada ajaran-ajaran Syiah yang dibentangkan di atas, mereka adalah termasuk dalam golongan "ghulat"(pelampau). Kerana pegangan golongan "pelampau" di zaman dahulu telah menjadi pegangan Syiah zaman ini, dan tokoh-tokoh mereka juga telah di terima sebagai tokoh syiah Imamiyyah kini. Ini diakui sendiri oleh seorang ulama Syiah al-Mamqani:[43]

ان ما كان يعتبر يومئذ غلوا صار بعد الآن من
ضروريات المذهب

> "Sesungguhnya apa-apa yang dianggap pada ketika itu sebagai "ghulul" (keterlaluan), sekarang telah menjadi sebahagian daripada pegangan asas mazhab."

PENUTUP

Saidina Ali r.a. berkata:

سيأتى عليكم بعدى زمان ليس فيه شىء آخفى من الحق ولا
أظهر من الباطل

> "Akan datang kepadamu selepasku satu masa dalam mana kebenaran menjadi begitu tersorok dan kebatilan sangat menonjol."[44]

Pada hemat saya fenomena sekarang ini menepati yang disebut oleh Saidina Ali k.w itu. Kekeliruan mengenai Syiah ini bukan saja melanda orang-orang yang tidak berpelajaran tetapi juga orang-orang yang berpelajaran dan berilmu.

Dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian kaum muslim khususnya daripada kalangan mereka yang berilmu, dan juga mereka yang berada di tampok kuasa bahawa gerakan sulit Syiah sedang berjalan dengan rapi dan teratur untuk merosakkan akidah umat Islam. Kesan-kesan kegiatan mereka dapat dilihat daripada pengedaran risalah-risalah secara sulit yang memakai nama "Markaz Ahlul Bait."[45]

Risalah-risalah tersebut mengandungi serangan dan cercaan termasuk mengkafirkan para sahabat Rasulullah r.a. dan juga terhadap sumber-sumber yang muktabar seperti kitab hadis Sahih Bukhari dan lain-lain.

Pengaruh gerakan sulit Syiah ini telah merebak di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia sendiri. Risalah-risalah yang disebutkan di atas dilekatkan dari semasa ke semasa di pintu-pintu bilik pensyarah (temasuk penulis sendiri) secara sulit.

Memandangkan perkembangan yang disebutkan itu, belumkah lagi sampai masanya kita umat Islam menghadapi gerakan ini secara teratur dan berkesan bagi melaksanakan amanah memelihara dan mempertahankan akidah Islam? Di sini saya suka menarik perhatian para pembaca sekali lagi terhadap hadis-hadis yang disebutkan oleh Ibnu Hajar seperti yang dimuatkan dalam muqaddimah kertas kerja ini.

اللهم بلغته.. اللهم فاشهد

Yaa Allah, saya telah menyampaikan.
Yaa Allah persaksikanlah.

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين.

NOTA KAKI

1. "As-Sawa'iq Al-Muhriqah": 10-11.
2. Al-Khatib al-Syarbini, "Mughni al-Muhtaj",1:174.
3. Lihat lampiran 4 (salinan asal) dan 5 (cetakan semula).
4. Al-Qasas: 29.
5. "Taj al-ᶜArus".
6. Lisan al-Arab.
7. "Al-Mufradat Fi Gharaib al-Quran".
8. Al-Ahzab: 34 (selepas ayat Ahlul Bait di atas).
9. Hisham b. Muhammad al-Kalbi (m.240) seorang tukang cerita dan ahli sejarah nasab. Berkata Ibnu Asakir: Al-Kalbi

adalah seorang Syiah dan tidak boleh dipercayai.

10. "Tafsir al-Qurtubi": 14. 182-183.
11. "As-Sawaiq al-Muhriqah". 223.
12. Riwayat Bukhari.
13. Abu Abid Al-Qasim bin Salam, "al-Amwal": 320.
14. Ibnu Hajar, "as-Sawaiq al-Muhriqah".
15. Muhammad Abu Zuhrah", As-Syafiei": 24.
16. Hadis riwayat Muslim dan ahli-ahli hadis yang lain.
17. Lihat al-Hafiz az-Zahabi, "al-Muntaqa".
18. Riwayat at-Tarmizi. Hadis ini juga diriwayatkan oleh kitab-kitab Syiah. Lihat al-Majlisi, "Bihar al- Anwar".
19. Golongan ini dikenali juga dengan nama الرافضة (yang menolak), kerana menolak Syaikhain (Khalifah Abu Bakar dan Umar) serta sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Golongan Syiah pada mulanya menerima Imam Zaid bin Ali sebagai Imam mereka. Sekitar 15,000 orang Syiah Kufah telah berbaiah kepada Imam Zaid untuk menentang Hisham Bin Abdul Malik tetapi setelah tiba saat penentuan mereka menolak Imam Zaid kerana beliau menyambut baik terhadap Shaikhain dan enggan menolak kepimpinan keduanya. Imam Zaid lalu mengatakan kepada mereka: رفضتموني فانتم الرافضة
" kamu telah menolak aku, maka kamu adalah ar-Rafidah". Sejak daripada itu mereka dipanggil 'Rafidah'. Lihat al-Syahrastani, "al-Milal Wa al- Nihal", dan Ibnu Kathir, "al-Bidayah Wa al- Nihayah".
20. Al-Majlisi ,"Bihar al-Anwar", 35:225. Lihat juga Syed Muhammad Husin at-Tabatabaei, "al-Mizan Fi Tafsir Al-Quran," 16:320.
21. Ibid.
22. Sahih Bukhari, Kitab Tafsir. Peristiwa ini berlaku selepas Rasulullah diakad nikah dengan Zainab bt. Jahsy r.a. dan selesai jamuan walimah.
23. Al-Majlisi dalam "Bihar Al-Anwar" menyebut tentang Aisyah r.a.:

وبالجملة بغضها لأمير المؤمنين عليه السلام واولا وآخر هو أشهر من كفر ابليس ..... كما أنه كاف فى الدلالة على كفرها ونفاقها المانعين من قبول روايتها مطلقا.

Secara amnya kebenciannya (Aisyah r.a. terhadap Amiru Mukminin (Ali a.s.) secara total adalah lebih nyata daripada kufurnya iblis... demikian juga kebenciannya itu sudah cukup bagi menunjukkan kufur dan nifaqnya (Aisyah r.a. yang mana kedua-dua perkara ini menjadi penghalang untuk diterima riwayatnya secara mutlak - lihat "Bihar Al-Anwar" Jld. 28 Hlm. 150-151.

24. Lihat "at-Tuhfah al-Ithna ᶜAsyariah", Ikhtisar Syed Mahmud Syukri al-Alusi", hlm. 151.
25. Muhammad bin Ya'qub al-Kulaini (m 329H). Kitabnya "al-Kafi" adalah merupakan kitab hadis paling sahih di sisi Syiah setanding dengan Bukhari di kalangan Ahlus-Sunnah.
26. "Al-kafi Fil Usul", 2:18.
27. Ibid.
28. A-Wummi, 'al-I'tiqadat, "hlm: 103.
29. Al-Majlisi, "Bihar al-Anwar", 22.390.
30. Al-Majlisi, Op. cit. 26.280. Perlu diperingatkan di sini bahawa kebanyakan riwayat Syiah yang dikatakan daripada Imam Ja'afar Sadiq adalah dusta. Imam Ja'afar Sadiq adalah seorang ulama muktabar yang tidak mungkin akan menyeweleng daripada landasan Sunnah.
31. Ibid, Jld. 25, hlm 69.
32. Al-Kafi, Jld. 1:420.
33. Al-Majlisi, op. cit Jld. 22 hlm. 313
huraian lebih lanjut mengenai persoalan ini dan sikap mereka terhadap Al-Quran dalam tulisan saya: "Benarkah Syiah Tidak Kafirkan Sahabat?"
34. Perkataan Syiah di sini merujuk kepada Syiah Imamah atau yang lebih sesat daripada mereka sahaja; kerana Mazhab Zaidiah pada hakikatnya mempunyai pegangan yang sama dengan Ahlus-Sunnah.
35. "Rijal al-Kasyi", hlm. 111
36. Muhammad Abu Zuhrah, "Tarikh al-Mazahib al-Islamiah", Jld. 2, hlm. 546.
37. Al-Baghdadi, "al-Farq Bain al-Firaq," hlm. 22-23.
38. ابن المطهر الحلى فى منهاج الكرامة : اجتمعت الامة على عليا بعد نبينا أفضل من الانبياء غير اولى العزم ،وفى ...يله عليهم خلاق

39. Muhammad Abdul Wahab, "Risalah Fir Rad ʻAla al-Rafidhah", hlm. 29.
40. Kata Khomeini dalam كشف الاسرار

ان تهمة التحريف التى يوجهها المسلمون الى اليهود والنصارى انما تثبت على الصحابة •

41. Said Hawa, "al-Khumainiah", hlm. 20.
42. "As-Sawaiq al-Muhriqah", hlm. 381-382.
43. Al-Mamqani, 'Tangih al-Maqal'
44. "Nahj al-Balaghah", hlm. 82.
45. Lihat lampiran.

المراجع :

١) الهيتمى، احمد بن حجر، الصواعق المحرقة • بيروت: دار الكتب العلمية •

٢) ابو عبد الله ، القاسم بن سلام • الاموال: القاهرة ،مكتبة الكليات الازهرية •

٣) تقى الدين، احمد بن تيمية ، المنتقى من منهاج الاعتدال، دمشق: مكتبة دار البيان•

٤) احسان الهى ظهير، السنة والشيعة ،لاهور: ادارة ترجمان السنة •

٥) احسان الهى ظهير، السنة وأهل البيت،لاهور: ادارة ترجمان السنة •

٦) البغدادى،عبد القاهر بن محمد • الفرق بين الفرق،بيروت: دار الكتب العلمية •

٨) تقى الدين، احمد بن تيمية ، حقوق آل البيت،بيروت: دار الكتب العلمية •

٩) سعيد حوى، الخمينية : شذوذ فى العقائد وشذوذ فى المواقف•

١٠) الدهلوى، شاه عبدالعزيز احمد عبدالرحيم ، مختصر التحفة الاثنى عشرية•

١١) القرطبى، ابو عبدالله محمد بن احمد، الجامع لاحكام القران. القاهرة : دار الكتاب العربى للطباعة والنشر.

١٢) محمد ابو زهرة، تاريخ المذاهب الاسلامية. القاهرة : دار الفكر العربى.

١٣) محمد بن عبد الوهاب، رسالة فى الرد على الرافضة، مكة المكرمة، مطابع الصفا.

١٤) الكلينى، محمد بن يعقوب، الكافى فى الأصول، بيروت : دار الكتب الاسلامية.

١٥) المجلسى، محمد باقر بن محمد تقى، بحار الانوار، بيروت : مؤسسة الوفاء.

١٦) محمد رضا المظفر، عقائد الامامية، طهران، دركتا بخانة.

١٧) روح الله الخمينى، الحكومة الاسلامية.

١٨) الموسوى، عبد الحسين شرف الدين، المراجعات، بيروت، مؤسسة الاعلمى للمطبوعات.

LAMPIRAN 4

إنما يريد الله ليذهب عنكم الرجس أهل البيت ويطهركم تطهيرا (Al-Ahzab 33)

MARKAZ AHLUL BAIT

28 R'awal 1413/25 Sept. 1992 (Bil. 7)

SAHABAT: DI ANTARA YANG MUNAFIK DAN PEMBELA KEBENARAN

PENDAHULUAN

Firman Allah s.w.t:
'Di antara orang-orang Arab Badui yang di sekelilingmu dan juga di antara penduduk Madinah, mereka keterlaluan daan kemunafikannya. Kamu (Muhammad) tidak mengetahui mereka, tapi Kamilah yang mengetahui mereka'.(At Taubah : 101)

Ayat di atas dengan jelas mengambarkan bahawa wujudnya golongan munafik pada zaman Rasulullah sehinggalah ke hari ini. Persoalan yang utama ialah masyarakat pada hari ini masih menganggap golongan munafik dan musuh Allah dan Rasul sebagai sahabat yang tidak boleh dipertikaikan. Dan adakah mereka yang selama ini dianggap sebagai 'sahabat' itu benar-benar sahabat atau musuh Islam telah memutarbelitkan fakta.

BUKTI PENGKHIANATAN 'SAHABAT' TERHADAP RASULULLAH DAN SAHABAT SEJATI

1.Nabi melaknat sebahagian sahabatnya yang mengundurkan diri daripada menyertai tentera Usamah bin Zaid (18 tahun).
Lihat Ahmad Hambal, Musnad,6, hal. 319. Ibn Asakir, Tarikh Dimasyq,1,hal 44.Ibn Sa'd, Tabaqat,II, hal. 249, Ibn Athir, al-Kamil, II, hal 129., Al-Syahrastani, al Milal,I, hal 21.
Mereka ini ingkar kepada Rasulullah dengan pelbagai alasan seperti Usamah tidak layak dll.

2.PERANG UHUD DAN HUNAIN

'SAHABAT' telah meninggal Rasulullah seorang diri dalam Perang Uhud dan Imam Ali telah mempertahankan nyawa Rasulullah waktu itu. Dan Perang Hunain hanya tinggal 5 orang daripada 18.000 tentera Islam bertahan bersama Rasuullah. Mereka ini yang dianggap sebagai 'sahabat' telah dilaknat oleh Allah s.w.t:-

Firman Allah:-
'Ketika kamu lari tunggang langgang, tiada menoleh kepada seorang pun, sedang Rasul memanggil mu dari belakang. Kerana itu Allah menimpakan kepadamu kesedihan atas kesedihan'.(Ali Imran: 153)

'Hai orang-orang yang beriman,apabila kamu berjumpa dengan orang-orang kafir di medan perang, janganlah kamu melarikan diri'. (Al Anfal:15)

Yang lari pada waktu itu termasuklah mereka yang dianggap 'sahabat' utama seperti Khalid Al Walid, Umar, Muawiyah dll.(Sila buka kitab sejarah seperti Tarikh Tabari)Dan bolehkah mereka ini dianggap sahabat setelah lari dari peperangan atau mereka berijtihad bahawa boleh lari dalam peperangan.

3.TINDAKAN BUAS KHALID AL WALID
Beliau telah membunuh Malik Nuwairah pada peristiwa 'Al-Bithah' dan merampas isteri Malik Nuwairah (Ummu Tamim Al Minhal) walaupun mereka telah menyerah kalah. Kerana perbuatan itu Umar

berkata 'Demi Allah, akan ku rejam engkau' (Tarikh Ibn Atsir, Shahih Bukhari, jilid III, hal 47) Tetapi Abu Bakar tidak mahu menghukum Khalid. (Ibn Hajar, al-Isabah, jilid 3, hal 336)

4. PENGKAFIRAN KE ATAS UTHMAN

Zaid Al Arqam ditanya 'Di atas dasar apakah kamu mengkafirkan Uthman, dia menjawab. Tiga perkara: Menjadikan harta berpusing di kalangan orang-orang kaya, menyamakan sahabat Rasulullah dengan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan tidak beramal dengan hukum Allah.

Ammar bin Yassir berkata 'Jika tiga orang menghukum Uthman itu kafir maka akulah yang keempat' lalu ia membaca firman Allah 'Sesiapa yang tidak menghukum mengikut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kafir' (Ibn Abi Al Hadid, Syarh Nahj-al-Balaghah, jilid I, hal 239)

5. PERANG SIFFIN-PERTEMPURAN SAHABAT SEJATI DAN SAHABAT MUNAFIK

Sabda Rasulullah, 'Wahai Ammar kamu akan dibunuh oleh golongan yang zalim' (Ibnu Hajar, al-Isabah, III, hal 50). Ammar bin Yassir telah dibunuh oleh Abu al Ghadiyah yang berpihak kepada Muawiyah. Jelas di sini bahawa Zubair dan Talhah yang kononnya termasuk dalam 10 sahabat yang dijamin syurga termasuk dalam golongan Muawiyah yang dinyatakan oleh Rasulullah sebagai golongan yang zalim.

Di samping itu Ibnu Ziyad menyatakan bahawa Muawiyah adalah ketua Munafik (al-Dinawari, Akhbar al Tiwal, hal. 223). Sedangkan masyarakat Ahlul Sunnah menyatakan bahawa Muawiyah adalah sahabat Nabi (penulis wahyu). Oleh itu mana yang benar!. Begitu juga dengan Umar al Khattab menyatakan bahawa Saad Ubadah adalah seorang munafik (al Tabari, Tarikh, IV, hal 1845). al-Mughirah Syu'bah mengatakan Talhal dan Zubairlah yang membunuh Uthman (Ibn Qutaibah, al-Imamah wa al Siyasah I, hal. 65). Jika ini benar bererti hadis 10 sahabat dijamin syurga adalah jelas palsu atau Ibn Qutaibah yang tersilap dalam penulisan. Fikirlah dengan hati yang terbuka.

Periwayat hadis terbanyak iaitu Abu Hurairah telah dipukul oleh Khalifah Ummar sampai berdarah kerana mengelapkan wang baitulmal dan seorang pembohong besar dalam meriwayatkan hadis. (Ibnu Abd Rabbih, al Aqd al Farid, I, hal 26).

BUAT RENUNGAN HATI YANG BELUM TERHIJAB

Sesungguhnya sahabat bukan semuanya baik seperti yang disangkakan. Kebanyakkannya adalah terdiri daripada golongan munafik. Bukti yang dikemukakan di atas di ambil dari sumber Ahlul Sunnah serta sejarawan yang tidak pernah berlaku tidak adil dalam mencatatkan sesuatu peristiwa. Adalah silap menganggap semua sahabat adalah baik. Seharusnya kita tidak perlu sensitif jika terdapat bukti yang memburukkan sahabat yang sememangnya jahat yang selama ini dianggap mulia. Seharusnya kita sensitif bila terdapat sahabat yang menghina Nabi dan menentang sahabat yang baik dalam menegakkan kebenaran.

(Cetakan Semula Mengikut Salinan Asal)

MARKAZ AHLUL BAIT

28 R'AWAL 1413/25 Sept. 1992 (Bil. 7)

SAHABAT: DIANTARA YANG MUNAFIK DAN PEMBELA KEBENARAN

Pendahuluan

Firman Allah s.w.t:
' Di antara orang-orang Arab Badui yang dikelilingmu dan juga di antara penduduk Madinah, mereka keterlaluan dan kemunafikannya. Kamu (Muhammad) tidak mengetahui mereka, tapi Kamilah yang mengetahui mereka'. (At Taubah: 101)

Ayat di atas dengan jelas menggambarkan bahawa wujudnya golongan munafik pada zaman Rasulullah sehinggalah ke hari ini. Persoalan yang utama ialah masyarakat pada hari ini masih menggangap golongan munafik dan musuh Allah dan Rasul sebagai sahabat yang tidak boleh dipertikaikan. Dan adakah mereka yang selama ini dianggap sebagai ' sahabat' itu benar-benar sahabat atau musuh Islam telah memutarbelitkan fakta.

BUKTI PENGKHIANATAN 'SAHABAT' TERHADAP RASULULLAH DAN SAHABAT SEJATI.

1. **Nabi melaknat sebahagian sahabatnya yang mengundurkan diri daripada menyertai tentera Usamah bin Zaid (18 tahun).** Lihat Ahmad Hambal, Musnad, 6, hal. 319, Ibn Askir, Tarikh Dimasyq, 1, hal 44, Ibn Sa' d, Tabaqat, II, hal. 249, Ibn Athir, al-Kamil, II, hal 129. Al-Syahrastani, al-Milal, 1, hal 21. Mereka ini ingkar kepada Rasulullah dengan pelbagai alasan seperti Usamah tidak layak dan lain-lain.

2. **PERANG UHUD DAN HUNAIN**

'SAHABAT' telah meninggalkan Rasulullah seorang diri dalam perang Uhud dan Imam Ali telah mempertahankan nyawa Rasulullah waktu itu. Dan perang Hunain hanya tinggal 5 orang daripada 18,000 tentera Islam bertahan bersama Rasulullah. Mereka ini hanya dianggap sebagai 'sahabat' telah dilaknat oleh Allah s.w.t.:

Firman Allah:-
'Ketika kamu lari tunggang langgang, tiada menoleh kepada seseorang pun, sedang Rasul memanggilmu dari belakang. Kerana itu Allah menimpakan kepadamu kesedihan atas kesedihan' (Ali Imran :153).

' Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu berjumpa dengan orang-orang kafir di medan perang, janganlah kamu melarikan diri'. (Al Anfal: 15).

Yang lari pada waktu itu termasuklah mereka yang dianggap 'sahabat' utama seperti Khalid Al Walid, Umar, Muawiyah dan lain-lain. (Sila buka kitab sejarah seperti Tarikh Tabari) dan bolehkah mereka ini dianggap sahabat setelah lari dari peperangan atau mereka berijtihad bahawa boleh lari dalam peperangan.

3. **TINDAKAN BUAS KHALID AL WALID**

Beliau telah membunuh Malik Nuwairah pada peristiwa 'Al-Baithah' dan merampas isteri Malik Nuwairah (Ummu Tamin Al Minhal) walaupun mereka telah menyerah kalah. Kerana perbuatan itu Ummar berkata 'Demi Allah, akan ku rejam engkau'(Tarikh Ibn Atsir, Shahih Bukhari, jilid III, hal 47) Tetapi Abu Bakar tidak mahu menghukum Khalid. (Ibn Hajar, al-Isabah, jilid 3, hal 336).

4. **PENGKAFIRAN KE ATAS UTHMAN**

Zaid Al Arqam ditanya 'Di atas dasar apakah kamu mengkafirkan Uthman, dia menjawab. Tiga perkara: Menjadikan harta berpusing dikalangan orang-orang kaya, menyamakan sahabat Rasulullah dengan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya dan tidak beramal dengan hukum Allah.

Ammar bin Yassir berkata 'Jika tiga orang menghukum Uthman itu kafir maka akulah yang keempat' lalu ia membaca firman Allah 'Sesiapa yang tidak menghukum mengikut apa yang diturunkan Allah, maka mereka ini adalah orang-orang kafir' (Ibn Abi Hadidi, Syarh Nah-al-Balaghah, jilid 1, hal 239)

5. **PERANG SIFFIN-PERTEMPURAN SAHABAT SEJATI DAN SAHABAT MUNAFIK**

Sabda Rasulullah, 'Wahai Ammar kamu akan dibunuh oleh golongan yang zalim' (Ibnu Hajar, al-Isabah, III, hal 50). Ammar bin Yassir telah dibunuh oleh Abu al Ghadiyah yang berpihak kepada Muawiyah. Jelas di sini bahawa Zubair dan Talhah yang kononnya trmasuk dalam 10 sahabat yang dijamin syurga termasuk dalam golongan Muawiyah yang dinyatakan oleh Rasulullah sebagai golongan yang zalim.

Di samping itu Ibnu Ziyad menyatakan bahawa Muawiyah adalah ketua Munafik (al-Dinawari, Akhbar al-Tiwal, hal. 223). Sedangkan masyarakat Ahlul Sunnah menyatakan bahawa Muawiyah adalah sahabat Nabi (penulis wahyu). Oleh itu mana yang benar!. Begitu juga dengan Umar al Khattab menyatakan bahawa Saad Ubadah adalah seorang munafik (al Tabari, Tarikh, IV, hal 1845). Al-Mughirah Syu'aah mengatakan Talhah dan Zubirlah yang membunuh Uthman (Ibn Qutaibah,al-Imamah wa al Siyasah 1, hal 65). Jika ini benar bererti hadis 10 sahabat dijamin syurga adalah jelas palsu atau Ibn Qutaibah yang tersilap dalam meriwayatkan hadis. (Ibnu Abd Rabbih, al aqd al Farid, 1, hal 26).

BUAT RENUNGAN HATI YANG BELUM TERHIJAB

Sesungguhnya sahabat bukan semuanya baik seperti yang disangkakan. Kebanyakkannya adalah terdiri daripada golongan munafik. Bukti yang dikemukakan di atas diambil dari sumber Ahlul Sunnah serta sejarahw-an yang tidak pernah berlaku tidak adil dalam mencatatkan sesuatu peristiwa. Adalah silap menganggap semua sahabat adalah baik. Seharusnya kita tidak perlu sensitif jika terdapat bukti yang memburukkan sahabat yang sememangnya jahat yang selama ini dianggap mulia. Seharusnya kita sensitif bila terdapat sahabat yang menghina Nabi dan menentang sahabat yang baik dalam menegakkan kebenaran.

5. SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN OLEH

Oleh

Ust. Wan Zahidi Wan Teh

Soalan 1 oleh Osman Ahmad (Persendirian)

i) Saudara Wan Zahidi dan saudara Mohd Asri tidak sepatutnya menggunakan muka surat pertama dalam kitab 'Usul Al-Kafi' karangan Al-Kulaini sebagai hujah pegangan Syiah kerana Al-Kulaini ada menyebut, "Ini adalah himpunan hadis-hadis. Mana yang sesuai, terimalah. Mana yang tidak sesuai dengan Al-Quran dan Sunnah maka tolaklah".

ii) Jemaah, IRC, UMNO, PAS dan ABIM berpecah kerana engkar kepada hadith `Wilayah', Nabi Muhammad S.A.W. telah menghimpunkan 100 ribu para sahabatnya di Al-Gadir Khum dan mengangkat tangan Imam Ali dan berkata, "Inilah Khalifah dan pemimpin kamu selepas aku" (bukan semasa aku). Hadis ini tercatit dalam kitab Sunni dan sudah mencapai tahap mutawatir jika dikira dengan perkiraan Bukhari dan Muslim. Kita sekarang berpegang kepada Muawiyah dan Yazid kerana engkar pada Wilayah (sepatutnya pada Wilayah).

iii) Siapakah dua belas orang khalifah/imam daripada kaum Quraisy yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sahih Muslim (dalam Kitab Pemerintahan) selepas baginda?

Jawapan:

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk menjelaskan ajaran-ajaran batil yang terdapat dalam mazhab Syiah, bukan untuk mendekatkan antara Sunnah dan Syiah. Tujuan kita adalah untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan. Antara Sunnah dan Syiah

tidak mungkin didekatkan, kerana Syiah adalah suatu ajaran bidah dan Sunnah adalah ajaran yang hak. jadi kita perlu memisahkan antara ajaran yang hak dengan yang batil dengan cara menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan. Inilah pendekatan yang kami ambil dan kami yakini dalam mengendalikan seminar ini.

Mengenai kitab Al-Kafi karangan Al-Kulaini, Imam Khomeini sungguhpun tidak banyak menyebut rujukan dalam kitabnya al-Hukumah al-Islamiyyah tetapi telah menyebut Kitab 'Al-Kafi' sebagai rujukan. Alasan bahawa terdapat hadis dhaif dan kata-kata Al-Kulaini "seperti mana sesuai, terimalah" - tidak dapat diterima sebagai hujah. Kerana bagaimanakah boleh terdapat hadis-hadis yang jelas kufur dan syirik dalam sebuah kitab yang paling muktabar dalam mazhab Syiah. Lebih-lebih lagi kitab Al-Kafi itu dianggap setaraf dengan Al-Buhari dalam mazhab Ahli Sunnah - Adalah tidak logik Al-Kulaini seorang ulamak yang paling dipercayai (thiqah) di kalangan Sy iah tidak dapat membezakan antara Syirik dengan iman dan menyerahkan kepada pembacanya menentukan hadis manakah yang bertentangan dengan al-Quran dan manakah yang tidak bertentangan. Ini jelas menunjukkan bahawa kitab hadis Al-kafi yang menjadi pegangan umat Syiah itu hasil dari perancangan golongan zindiq yang ingin merosakkan akidah umat Islam.

6 KEADILAN SAHABAT MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Oleh
Dr. Huda Muhsin

Takrif sahabat

Al-Imam al-Bukhari ada menyatakan: sesiapa yang bersahabat dengan nabi atau melihat Baginda dari kalangan orang Islam, dia adalah dari kalangan sahabat baginda.[1]

Al-Imam Ahmad menyatakan: setiap orang yang bersahabat dengan Rasulullah s.a. w. setahun, sebulan, satu hari atau satu saat, atau dia melihat baginda maka orang itu adalah dari sahabat baginda.[2]

Al-Hafiz Ibn Hajar ada menyatakan: takrif yang paling sahih bagi sahabat ialah: orang yang bertemu dengan Nabi s.a.w., beriman kepadanya dan mati di dalam Islam.[3]

Dari takrif di atas dapat diketahui bahawa sahabat ialah orang yang bertemu dengan Rasulullah sekalipun sekejap dan beriman dengannya samada meriwayatkan hadisnya daripada Baginda atau tidak, orang itu pula mati di dalam Islam.

Ayat-Ayat Al-Quran Berkaitan Keadilan Sahabat

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyatakan tentang keadilan sahabat, antara lain: Firman Allah s.w.t.:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Bermaksud:

> "Kamu adalah sebaik-baik orang yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh dengan makruf dan menegah kemungkaran dan beriman kepada Allah" [4]

Perkataan kamu di dalam nas di atas sekalipun di tujukan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. maka yang lebih utama adalah kepada para sahabat, kerana khitab di dalam nas tersebut adalah kepada mereka sebelum merangkumi orang lain.

Firman Allah s.w.t. :

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا شُهَدَاءَ
عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Bermaksud:

> "Demikianlah kami jadikan kamu umat yang pertengahan iaitu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi kepada manusia dan Rasul menjadi saksi kepada kamu".[5]

Di dalam ayat di atas Allah telah menjadikan kamu sebagai satu umat yang dilantik menjadi saksi. Umat yang menjadi saksi adalah merupakan umat yang adil, maksud kamu di dalam ayat di atas sekalipun termasuk seluruh umat Nabi Muhammad s.a.w. tetapi yang lebih utamanya adalah para sahabat kerana 'khitab' di dalam ayat di atas sebelum ditujukan kepada orang lain ia adalah di tujukan kepada orang yang berada sewaktu ayat itu di turunkan, mereka itu adalah para sahabat. Firman Allah s.w.t. :

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنصَارِ وَالَّذِينَ
اتَّبَعُوهُم بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

Bermaksud:

"Orang-orang Muhajirin dan Ansar yang awal dan orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, Allah redha kepada mereka dan mereka redha kepada Allah.[6]

Mereka yang awal memeluk Islam dan mengikut Rasulullah dari kalangan Muhajirin dan Ansar tidak lain dari para sahabat, bahkan mereka ini adalah dari sahabat-sahabat agung. Orang yang mengikut jejak langkah mereka dengan berbuat ihsan pula adalah terdiri dari sahabat-sahabat lain dan juga sesiapa sahaja dari kalangan orang mukmin yang patuh kepada Allah dengan melakukan kebaikan.

Di dalam ayat ini Allah telah menyatakan bahawa Dia redha kepada sahabat-sahabat agung Rasulullah s.a. w. juga kepada orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan sebaik-baiknya. Ini termasuk sahabat-sahabat lain, juga orang mukmin lain yang mengikut jejak langkah mereka dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah s.w.t. :

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴿١٠﴾ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾ فِى جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾

Bermaksud s.w.t. :

"Orang yang bersegera melakukan kebaikan, dengan sendirinya termasuk orang-orang yang bersegera memeluk Islam, iaitu para sahabat agung Rasulullah s.a.w." [7]

Firman Allah s.w.t. :

لَّقَدْ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ
فَعَلِمَ مَا فِى قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Bermaksud:

"Sesungguhnya Allah redha kepada orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepada mu di bawah satu pohon, Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, Allah menurunkan ketenangan atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya)".[8]

Orang-orang mukmin yang melakukan perjanjian setia kepada Rasulullah s.a.w. adalah para sahabat, dengan itu ayat di atas adalah jelas Allah memuji para sahabat yang melakukan perjanjian setia dengan Rasulullah. Allah telah menjelaskan bahawa Allah telah redha kepada mereka.

Firman Allah s. w. t :

Bermaksud:

"Wahai Nabi cukuplah bagimu Allah dan orang-orang mukmin yang mengikut engkau."[9]

Orang mukmin yang mengikut Rasulullah ketika ayat itu di turunkan adalah para sahabat. Para sahabat adalah merupakan orang yang membantu dan menolong Rasulullah. Di dalam ayat ini Allah memuji sahabat-sahabat Rasulullah yang telah memberi pertolongan kepada Baginda.

Firman Allah s.w.t. :

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ
يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُوْلَٰٓئِكَ

هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ۝٨ وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ
يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً
مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ
وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ۝٩

Bermaksud:

> "Bagi orang fakir Muhajirin yang telah diusir dari kampung halaman dan harta mereka, mereka memohon kelebihan dan keredhaan dari Allah, mereka menolong Allah dan Rasulnya, mereka itulah sebenar-benarnya orang yang benar. Dan orang-orang yang telah menempati di negeri Madinah dan beriman sebelum mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa yang diberikan kepada orang-orang Muhajirin. Mereka mengutamakan orang-orang Muhajirin dari atas diri mereka, sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan siapa yang memelihara dirinya dari kekikiran maka mereka itulah orang yang beruntung."

Di dalam ayat ini Allah s.w.t. telah memberi pujian yang tinggi kepada orang-orang Muhajirin yang sanggup menjadi fakir kerana mereka diusir dari kampong halaman dan daripada memiliki harta mereka. Mereka hanya semata-mata menuntut kelebihan dan keredhaaan dari Allah s.w.t. Di dalam ayat di atas juga Allah memberi pujian kepada orang-orang Ansar yang cinta kepada orang Muhajirin. Mereka tidak ada sebarang irihati terhadap apa yang telah diperolehi oleh orang-orang Muhajirin. Mereka pula lebih mengutamakan orang Muhajirin dari diri mereka sendiri. Pujian Allah kepada Muhajirin dan Ansar di atas tadi adalah menunjukkan kepada keadilan mereka.

Ini merupakan sebahagian dari ayat-ayat Al-Quran yang memuji para sahabat Rasulullah s.a.w. yang sekaligus menunjukkan kepada keadilan mereka.

Keadilan sahabat melalui Hadis pula, boleh kita lihat melalui beberapa nas, di antaranya:

Sabda Rasulullah s.a.w. :

لا تسبوا أصحابي، لا تسبوا أصحابي فوالذي نفسي
بيده لو أن أحدكم أنفق مثل أحد ذهبا ما أدرك مد
أحدهم ولا نصيفه. (١١)

Bermaksud:

> "Jangan kamu memaki sahabatku, jangan kamu memaki sahabatku, demi Allah yang diriku di dalam kekuasaannya, jika salah seorang dari kamu membelanjakan emas (pada jalan Allah) seperti Gunung Uhud banyaknya, tidak sama satu `mud'(cupak) yang dibelanjakan oleh mereka dan tidak sama setengah `mud' pun yang dibelanjakan oleh mereka."[11]

Sabdanya lagi:

خير أمتي قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم
ثم أن بعدكم قوما يشهدون ولا يستشهدون ويخونون
ولا يؤتمنون وينذرون ولا يفون ويظهر فيهم السمن. (١٢)

Bermaksud:

> "Sebaik-baik umatku ialah yang berada pada kurunku, kemudian yang selepas mereka, kemudian yang selepas mereka.Kemudian selepas kamu terdapat satu kaum yang menjadi saksi sedangkan mereka tidak diminta menjadi saksi, mereka khianat dan tidak beramanah, mereka bernazar tetapi tidak menunaikan

dan ternyata kepada mereka mendakwa suatu yang tidak ada pada mereka". 12

Dari dua hadis di atas ternyata kedudukan dan martabat para sahabat yang begitu tinggi, di samping itu Hadis-hadis yang menunjukkan kepada ketinggian martabat seorang sahabat dan keadilan mereka seperti Hadis yang menunjukkan kelebihan Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Osman, Saidina Ali, Saidatina Khadijah, Saidatina Fatimah, Saidatina Aisyah dan lain-lain sahabat adalah amat banyak.

Berpandukan kepada ayat-ayat Al-Quran dan Hadis di atas maka para ulamak berpendapat bahawa sahabat-sahabat itu adalah adil, dan periwayatan mereka diterima.

Berkaitan dengan keadilan sahabat ini seorang tokoh terkemuka di dalam bidang Hadis iaitu Abu Zar'ah berkata:

اذا رأيت الرجل ينتقص أحدا من أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم فاعلم أنه زنديق لان الرسول صلى الله عليه وسلم عندنا حق والقرآن أن حق وأنما أذى الينا هذا القرآن والسنن أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم، وانما يريدون أن يجرحوا شهودنا ليبطلوا الكتاب والسنة والجرح بهم اولى وهم زنادقة. (١٣)

Bermaksud:

"Jika sekiranya kamu melihat seseorang mencaci salah seorang dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w., ketahuilah bahawa ia adalah seorang Zindiq, kerana bagi diri Rasul s.a.w. itu adalah haq(benar) dan al-Quran adalah haq(benar). Sesungguhnya sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. menyampaikan al-Qur'an dan al-Sunnah kepada kita. Sesungguhnya mereka (yang mencaci sahabat) ingin mencacatkan penyaksian kita dan membatalkan al-Qu'an dan al-Sunnah. Mencacatkan mereka itu adalah lebih utama kerana mereka adalah zindiq."13

Jawapan Kepada Hadis-hadis Yang Pada Zahirnya Menjatuhkan Keadilan:

Terdapat beberapa hadis sahih yang jika tidak difahami dengan sebenarnya menurut al-Quran dan as-Sunnah boleh dijadikan hujjah bahawa sahabat itu tidak adil, di antaranya:

Sabda Rasulullah s.a.w.:14

ليردن على ناس من أصحابى الحوض اذا عرفتهم اختلجوا دونى فاقول أصحابى فيقول لا تدرى ما احدثوا بعدك. (١٤)

Maksudnya:

"Sesungguhnya datang beberapa orang sahabatku ketelaga Kauthar. Setelah aku mengenali mereka, mereka di tarik dariku lalu aku berkata, sahabatku! Yang menarik itu pun menjawab, Engkau tidak tahu apa yang telah mereka lakukan selepasmu" 14

Sabda Rasulullah: 15

يرد على يوم القيامة رهط من أصحابى فيجلون عن الحوض فاقول يا رب أصحابى فيقول انك لا علم لك بما أحدثوا بعدك أنهم ارتدوا على أدبارهم القهقرى. (١٥)

Maksudnya:

"Beberapa orang sahabatku datang kepada aku lalu mereka ditarik dari menghampiri telaga. Maka aku pun berkata: Wahai tuhanku ia sahabatku! Tuhanku menjawab: Engkau tidak mengetahui apa

yang telah mereka lakukan selepas ketiadaanmu. Mereka kembali murtad." 15

Persoalannya siapakah yang dimaksudkan dengan "Ashabi" atau dalam riwayat lain "Asihabi" itu mereka ini ialah orang-orang munafik dan orang-orang murtad. Adalah harus orang-orang munafik di lihat oleh Rasulullah s.a.w. di akhirat kerana "Ghurrah" dan "Tahjil" dari kesan wudhu mereka, maka Nabi pun memanggil mereka. Kemudian diberi tahu kepada Nabi bahawa mereka ini bukan dari golongan orang yang engkau janjikan,kerana mereka tidak mati dalam Islam. Atau mereka yang dilihat oleh Rasulullah di dalam masa hayat Baginda kemudian mereka ini murtad selepas Baginda.

Selain dari hadis di atas hadis berbunyi:

من كنت مولاه فعلي مولاه

"Siapa yang aku maula maka Ali adalah `maulanya'".

Hadis ini dianggap oleh kaum Syiah sebagai wasiat dan telah dijadikan sebagai hujjah bahawa para sahabat telah mengingkari wasiat Rasulullah s.a.w. ini bahawa Saidina Ali adalah khalifah selepas Baginda. Oleh sebab mereka menolak wasiat Rasulullah ini keadilan mereka (sahabat-sahabat) gugur, mereka ini termasuklah Saidina Abu Bakar, Umar, Othman dan lain-lain.16

Bagi menjawab dakwaan ini kita mestilah memahami dengan sebenar makna perkataan 'maula' di dalam bahasa Arab.

Di dalam *'Mukhtar As-Sihah'* makna maula (مولى) ialah

المعتق، ابن العم، الناصر، الجار دان الحليف. (١٧)

Di dalam *'Lisan al-Arab'* makna 'maula' (مولى) ialah

الولى، العصبة، الموالى، المعتق، الناصر، المعتق، الجار، الشريك، الحليف دان لا بن٢٠ .

Di dalam *"An-Nihayah Fi Garib al-Hadith wa al-Athar"* perkataan maula itu merangkumi makna yang banyak iaitu:18

الرب، المالك، السيد، المنعم، المعتق، الناصر، المحب، التابع، الجار، ابن العم، الحليف، العقيد، الصهر، العبد، المعتق دان المنعم عليه. (١٨)

Dari apa yang dipaparkan di atas ternyata perkataan 'maula' itu mengandungi makna yang amat banyak iaitu, berbelas-belas maknanya. Oleh itu hadis ini tidak boleh dijadikan dalil yang jelas bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengangkat Saidina Ali r.a. sebagai khalifah setelah wafat Baginda. Jika hadis ini dijadikan hujjah, maka orang lain juga boleh berhujjah bahawa perbuatan Raulullah s.a.w. menyuruh Saidina Abu Bakar sebagai ganti di dalam sembahyang berjamaah se waktu Baginda sakit kuat yang membawa kepada wafat Baginda sebagai dalil bahawa khalifah setelah wafat Baginda adalah Abu Bakar r.a. bukan orang lain, apatah lagi apabila diminta supaya Umar menggantikannya Baginda tidak setuju.

Keadilan Sahabat Menurut Syiah

Syiah tidak menganggap semua sahabat itu adil bahkan kebanyakan mereka adalah tidak adil. Kata Nasruddin At-Tusi:

"Mereka yang memerangi Saidina Ali adalah kafir dan mereka yang menentangnya adalah fasik." 19

Menurut al-'Allamah al-Hilli pula:

"Orang yang memerangi Ali adalah kafir kerana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

"Orang yang memerangi engkau bererti memerangi aku, tidak shak lagi orang yang memerangi Nabi s.a.w. adalah kafir, adapun orang yang menentangnya

maka ulamak-ulamak kita berbeza pendapat ada yang menghukumkan mereka kafir kerana mereka menolak suatu yang pasti di sisi agama iaitu nas yang jelas dan mutawatir tentang keimanan Saidina Ali, dan ada pula yang mengatakan mereka adalah fasik."[20]

Menurut al-'Allamah al-Hilli lagi: "Saidina Ali r.a. merasa dizalimi oleh sahabat-sahabat itu, kerana yang berhak menjadi khalifah adalah dia tetapi mereka menghalanginya".[21]

Menurutnya lagi: "Orang-orang Arab dan Quraish iaitu para sahabat telah menzalimi Saidina Ali".[22]

Ibn Abi al-Hadid meriwayatkan di dalam Sharah Nahjul Balaghah. "Seorang berkata kepada Saidina Ali apa pendapat engkau sekiranya Rasulullah ada meninggalkan seorang anak lelaki dan ia seorang yang berakal dan baligh, adakah orang-orang Arab akan menyerahkan jawatan khalifah itu kepadanya". Jawabnya: "Tidak, bahkan mereka akan membunuhnya jika dia tidak mengikut kehendak mereka".[23]

Dari keterangan di atas ternyata bahawa menurut Syiah ramai dari kalangan para sahabat termasuk sahabat-sahabat agong, seperti Saidina Abu Bakar, Umar, Othman dan lain-lain adalah tidak adil bahkan menurut Syiah sahabat-sahabat tersebut dihukumkan samada kafir atau fasik. Oleh kerana itu ulamak-ulamak hadis Syiah tidak meriwayatkan hadis-hadis dari mereka!

As-Sheikh Mohamad Baqir al-Majlisi di dalam kitabnya: "Bihar al-Anwar al-Jamiah Lidurar Akhbar Aimmah al-Athar" ada meriwayatkan beberapa hadis yang diakui oleh Syiah mengenai kelebihan para sahabat r.a.

Di antara kelebihan para sahabat yang tercatat di dalam kitab itu ialah sabda Rasulullah s.a.w. : [24]

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: طوبى
لمن رآنى أو رأى من رآنى أو رأى من رأى من رآنى. (٢٤)

Bermaksud:

" Beruntunglah orang yang melihatku atau orang yang melihat orang yang melihatku, atau melihat orang yang melihat orang yang melihatku".

Sabda Rasulullah s.a.w. :[25]

أنا أمنة لأصحابى فاذا قبضت دنا من أصحابى ما
يوعدون وأصحابى أمنة لأمتى فاذا قبض أصحابى دنا من
أمتى ما يوعدون. ولا يزال هذا الدين ظاهرا على
الأديان كلها مادام فيكم من قدرآنى. (٢٥)

Bermaksud:
Daripada Amirul Mukminin a.s. katanya:

"Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda":

Bermaksud:

"Aku adalah amanah bagi sahabatku apabila aku meninggal dunia hampirkan kepada sahabatku apa yang dijanjikan untuk mereka, sahabat-sahabatku adalah amanah bagi umatku. Apabila sahabat-sahabatku meninggal dunia hampirlah kepada umatku apa yang dijanjikan untuk mereka. Agama ini akan terus muncul mengatasi semua agama lain selama terdapat di kalangan kamu orang yang melihatku".

Sabda Rasulullah s.aw.:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: طوبي لمن
رآني وآمن بي وطوبى ثم طوبى يقولها سبع مرات لمن
لم يرني وآمن بي. (٢٦)

Bermaksud:

> "Beruntunglah bagi sesiapa yang melihatku dan beriman denganku, dan beruntunglah siapa yang tidak melihatku tetapi ia beriman denganku". Diulangnya sebanyak 7 kali."

Kerana tidak mahu berpegang dengan zahir hadith tersebut maka pengarang berkata:

وينبغى أن تعلم أن هذه الفضائل انما هى لمن كان موءمنا منهم لا المنافقين كغاصبى الخلافة وأضرابهم وأتباعهم ولمن ثبت منهم على الايمان واتباع الأئمة الراشدين لا للناكثين الذين ارتدوا عن الدين.(٢٧)

Bermaksud:

> "Sebagaimana diketahui bahawa kelebihan yang tersebut di atas tadi adalah bagi orang yang beriman dari kalangan mereka, bukan orang yang munafik seperti orang-orang yang merampas khilafah daripada Sayyidina Ali, juga sekutu-sekutu mereka dan pengikut-pengikut mereka. Kelebihan ini juga didapati oleh para sahabat yang terus beriman dan pengikut para imam-imam yang Rashidin dan tidak didapati oleh mereka yang memungkiri janji serta murtad dari agama Islam".

Persoalannya ialah bagaimanakah sahabat-sahabat besar seperti Saidina Abu Bakar dikatakan merampas jawatan khalifah dari Saidina Ali yang membawa beliau termasuk di dalam golongan orang-orang fasik, munafik atau kafir? Jika demikian mengapa Rasulullah menyuruh beliau menggantikan Baginda menjadi imam di dalam sembahyang sewaktu Baginda sakit kuat yang membawa kepada wafat Baginda s.a.w. Adakah Baginda melantik orang kafir, munafik atau fasik menjadi imam? Di manakah 'kemaksuman' Rasulullah?

Kesimpulan

Berasaskan kepada al-Quran, dan Hadis maka menurut ahli Sunnah semua para sahabat itu adalah adil, tetapi menurut Syiah tidak semua para sahabat itu adil termasuklah sahabat-sahabat yang agong seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar, Othman dan lain-lain r.a. Oleh itu Syiah telah tidak meriwayatkan hadis dari mereka. Akibatnya kesahihan buku hadis al-Bukhari dipersoalkan dan lebih daripada itu kesahihan al-Quran akan tergugat!

NOTA KAKI:

1. Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, di dalam Fath Al-Bari, Mesir al-Muktabah As-Salafiah. Jld. 7, hlm. 3 (Kitab Fadhail Ashab an-Nabi s.a.w.)
2. Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali, Kitab al-Kifayat Fi ᶜilm al-Riwayah Muraja'ah Abdul Halim Mohd Abdul Halim, Kaherah, Matbaᶜah as-Sa'adah, Edisi pertama. hlm. 99.
3. Ibn Hajar, Ahmad ibn Ali, al-Isabah, Maktab al-Kulliyyat Azhariyyah, Mesir, Edisi pertama, Jilid 1, hlm. 7
4. Ali 'Imran: 110.
5. Al-Baqarah : 143.
6. Al-Taubah: 100.
7. Al-Waqi 'ah: 10 dan 11
8. Al-Fath. 18
9. Al-Anfal: 64
10. Al-Hasyr : 8.
11. Muslim, Sahih Muslim tahqiq Mohamad Fuad Abdul Baqi, Mesir, ᶜIsa al-Babi, 1955, hlm 1967.
12. Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari dalam Fath al-Bari, Jld. 7, hlm. 3. Muslim, Sahih Muslim, Jld. 4, 1967.
13. Ibn al-Arabi, Al-ᶜA'wasim Min al-Qawasim. Tahqiq Muhibuddin al-Khatib, Matba'ah as-Salafiah, al-Raudhah, al-Qahirah, 1396, hlm.34.
14. Al-Bukhari, Sahih Bukhari, Lihat Fath al-Bari, Juz 11, hlm. 464.
15. Ibid.

16. Al-Hakim,Al-Mustadrak `Ala as-Shahihain wa Bazilah al-Talkhis, al-Matbu'at al-Islami, Beirut, Jld, 4, hlm. 368, Ahmad ibn Hanbal, Jld. 4 hlm. 368.
17. Ar-Razi Mohd Ibn Abi Bakar, Mukhtar as-Sihah, Al-Haiah al-Misriyyah al-`Ammah Lil Kitab Mesir, hlm. 736.
18. Ibn al-Athir, An-Nihayah Fi Garib al-Hadith wa al-Athar, al-Maktabah al-Islamiyyah, Jld. 5, hlm. 228.
19. As Sayyid Ali Khan as-Syirazi, al-Darajat al-Rafi'ah Fi Tabaqat as-Syi'ah, Beirut, 1973 hlm. 33.
20. Ibid, hlm. 34.
21. Ibid, hlm 35.
22. Ibid.
23. Ibid.
24. Mohd Baqir al-Majlisi, "Bihar al-Anwar" Muassasah al- wafa', Beirut, 1983, Jld. 22 hlm. 313
25. Ibid, hlm. 310.

7 SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

Oleh

Prof. Madya Dr. Huda Muhsin

Soalan 1:

Pada umumnya, sahabat-sahabat Nabi adalah adil berdasarkan ayat-ayat Al-Quran. Bukan setiap individu sahabat akan masuk syurga kerana ada hadis yang mengatakan bahawa ada sahabat yang mati dalam keadaan kafir. Nabi s.a.w. tidak tahu melainkan apa yang tidak diberitahu oleh Allah dan pada pendapat saya, Nabi s.a.w. tidak diberitahu bahawa sahabat-sahabat ini akan menjadi sahabat seumur hayat. Saya merasakan bahawa keadilan sahabat adalah secara umum dan bukannya khusus.

Jawapan:

Jumhur ahli Hadith memberi takrif sahabat ialah orang yang berjumpa dengan Nabi s.a.w., beriman dengan Nabi dan mati dalam Islam. Keadilan sahabat adalah secara khusus termasuk Saidina Abu Bakar, Usman dan semua sahabat yang awal masuk Islam, pada zahirnya dalam Al-Quran serta nas-nas hadis yang menunjukkan keadilan Saidina Abu Bakar dan sahabat-sahabat lain. Saya telah membawa nas-nas secara umum daripada Al-Quran, hadis tentang sahabat serta nas-nas khusus mengenai ta'tif sahabat-sahabat adalah yang bertemu dengan nabi, beriman kepada nabi, mati dalam Islam dan semuanya adil. Sifat adil tidak bermakna mereka tidak melakukan kesalahan. Oleh itu kalau mereka melakukan kesalahan kita tidak boleh kata mereka tidak adil. Sahabat-sahabat mempunyai kedudukan yang tinggi.

Soalan 2:

Rasulullah s.a.w. berkata bahawa Imam Ali a.s. mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada diri baginda iaitu

a) Imam Ali a.s. dilahirkan dalam Kaabah
b) Imam Ali a.s. mendapat pendidikan yang tinggi dan sempurna oleh Rasulullah s.a.w. yang menerima wahyu.
c) Apa gunanya ada Al-Quran jika tidak ada Iimam-Imam yang boleh menyampaikan Al-Quran itu sendiri?

Jawapan:

Saya sekali-kali bukan hendak menolak kelebihan dan ilmu Saidina Ali. Dia adalah seorang yang alim tetapi jangan pula menolak sahabat-sahabat lain sebagai tidak alim. Adalah tidak betul jika dikatakan Saidina Abu Bakar tidak alim. Saidina Abu Bakar, Omar, Usman dan Abu Hurairah r.a. adalah orang-orang alim dan wara'.

Jika hadis itu sahih, ia hanya merupakan satu kelebihan bagi Ali untuk lahir dalam Kaabah tetapi tidak menunjukkan bahawa Ali semestinya menjadi Khalifah selepas Nabi s.a.w.

Hadis tentang Imam Ali mentafsirkan Al-Quran adalah satu hadis dhaif mengikut nota kaki dalam buku Al-Kulaini sendiri. Ahli Sunnah mentafsirkan bahawa tidak ada orang yang dapat memahaminya (Al-Quran) secara keseluruhannya kecuali Ali.

Soalan 3 oleh Abdul Ghani Ismail

i) Dari segi etimologi, "maula" bermaksud dalam peranan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. kerana dalam konteks hari itu, yang disebut adalah "sesiapa yang melindungi dan menerimaku sebagai maula hendaklah dia menerima Ali sebagai maula". Kenyataan itu sendiri memberi takrif bagi makna maula bagi Ali a.s.
ii) Rasulullah s.a.w. pernah menggantikan peranan beliau sebagai imam sembahyang kepada Abu Bakar. Kita tidak boleh menggunakan hujah bahawa menjadi imam semasa sembahyang berjemaah menunjukkan ia adalah terpilih menjadi khalifah sedangkan Ali adalah maula, satu perkataan yang digunakan untuk Allah?

Jawapan:

Hujah saudara yang tidak tepat kerana Nabi berkata, "Sesiapa yang aku adalah maulanya maka Ali adalah maulanya". Jadi apa erti "maula" dalam bahasa Arab? Ada empat belas dan berbelas-belas lagi maknanya. Oleh sebab itu ertinya adalah umum. Bagi saya, ia tidak dapat menjadikan hujah yang betul-betul jelas bahawa Ali adalah khalifah selepas Rasulullah s.a.w. Syiah menolak Abu Bakar sedangkan perjuangannya begitu besar mengorbankan harta benda dan sanggup mati untuk Rasulullah. Tidak pernah saya membaca daripada hadis bahawa Abu Bakar engkar pada Rasulullah. Jika Abu Bakar dihukumkan dengan hukuman besar pada taraf kafir, fasik dan munafik ini adalah perkara yang begitu besar. Kalau Nabi mewasiatkan Ali sebagai khalifah, Abu Bakar tidak mungkin mengengkari wasiat Nabi. Oleh sebab itu, adalah tidak benar bahawa Abu Bakar sanggup mengengkari wasiat Rasulullah s.a.w. kerana sirah dan sejarah hidupnya yang sentiasa taat kepada Rasulullah s.a.w. sehingga beliau digelar as-Siddiq r.a.

8 SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

Bagi Kertas Kerja VI, (Kertas Kerja Tidak Di terima)
Bertajuk "Perkembangan Syiah di Thailand"

Oleh

Ustaz Hussin Maleloh

Soalan 1:

Mahasiswa-mahasiswa di Selatan Thailand dibiayai oleh Kerajaan Syiah Iran untuk belajar di beberapa buah universiti di Bangkok. Anak muda berumur 13 hingga 15 tahun pula berpakaian ala Syiah di Masjid di Palakong. Mereka dibiayai oleh Syiah dan belajar kitab-kitab Syiah. Saya bimbang kalau istilah "tidak ada apa-apa kegiatan" di Thailand menyebabkan kita di Malaysia leka. Kita perlu berhati-hati. Syiah menyebarkan ajarannya dengan mudah kepada orang bukan Islam (iaitu yang beragama Buddha), lemah dan miskin.

Jawapan:

Pendapat saudara adalah sebagai tambahan kepada apa yang telah saya ucapkan tadi.

Soalan 2:

i) "Syiah" berasal daripada bahasa apa dan apa maknanya? (lughawi atau istilahi).
ii) Bagaimana kalimah syahadat Syiah?
iii) Saidina Ali lebih penting daripada sahabat-sahabat utama yang lain sebagai Khalifah kerana beliau adalah Ahlul Bait dan dilahirkan di Baitullah. Mengapakah Saidina Abu Bakar digelar as-Siddiq? Saya tidak percaya Syiah dengan ajaran sedemikian boleh berkembang.

Soalan 3:

Bagaimana sikap kerajaan Thailand yang bukan Islam? Apakah pertentangan antara Sunnah dan Syiah dieksploitasi, dimanfaatkan, dibesar-besarkan atau tidak?

Jawapan:

Syiah tidak menyentuh tentang keamanan negara. Soal agama pada umumnya diserahkan kepada pihak agama Islam dan badan-badan agama Islam selagi ia tidak menyentuh tentang keamanan negara. Gerakan-gerakan Syiah berjalan mengikut program-programnya sehingga akhirnya di mana satu perhimpunan besar telah di adakan dan kerajaan telahpun mengambil tindakan.

Soalan 6:

Ahli Sunnah wal Jamaah di Malaysia, Indonesia dan Thailand mempunyai sifat sabar, rendah diri, tidak suka memaki-maki dan mengeluarkan kata-kata kotor, sombong, angkuh, keras dan kurang ajar seperti Syiah. Pihak Syiah melaknatkan Muawiyah dan Yazid. Oleh itu, umat Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak boleh berdiam diri. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Apabila kamu lihat ada orang yang mencaci sahabat-sahabatku, katakan, hai Umar, "laknat ke atasmu".

9. PANDANGAN IMAM KHOMEINI DALAM KITAB AL-HUKUMAH AL-ISLAMIAH DAN KASYFU AL-ASRAR

Zakaria @ Mahmud Daud

Pendahuluan

Kajian ini ditulis untuk menjelaskan pandangan dan sikap Khomeini terhadap beberapa perkara yang ditulis dalam kitabnya terutama Kitab "al-Hukumah - al-Islamiyyah" atau "Wilayat al - Faqih" dan "Kitab Kasyf al-Asrar". Pandangan dan pendapat beliau perlu dijelaskan kepada umum khususnya kepada umat Islam Malaysia yang bermazhab Ahli Sunnah, semoga dengan penjelasan nanti, kita dapat mengetahui pandangan beliau yang sebenar terhadap beberapa masalah yang menyentuh ajaran Islam.

Daripada penjelasan ini nanti dapatlah kita mengambil kesimpulan adakah ajaran atau pandangannya bersesuaian dengan pandangan Ahli Sunnah atau sebaliknya dan juga kita boleh menilai siapa Imam Khomeini yang sebenar, kerana umat Islam di Malaysia sekarang ini berbelah bagi pendapat mengenai beliau. Ada segolongan mengatakan Khomeini seorang ulama Syiah yang sesat lagi menyesatkan manakala golongan lain pula mengatakan beliau adalah seorang mujaddid atau reforman, seorang ulama agung masa kini yang mengguling kerajaan Shah Iran dan dapat menubuh sebuah kerajaan Islam Iran di abad kedua puluh ini.

Untuk mengetahui buah fikiran dan pendapat beliau maka kita perlu mengkaji hasil karya tulisannya sendiri yang menjadi rujukan umum khususnya golongan Syiah Imamiyyah di Iran sekarang. Tanpa kita mengetahui buah fikiran beliau yang sebenar, kita tidak dapat membuat apa-apa komentar dan hukum terhadapnya. Untuk itu di bawah ini akan dijelaskan secara ringkas antara isi kandungan kedua-dua buah kitab tersebut.

PENGENALAN RINGKAS KEDUA-DUA KITAB TERSEBUT

Khomeini adalah seorang ulama besar golongan Syiah yang luas ilmu pengetahuan dan dia seorang pemimpin yang dikenali di seluruh dunia. Beliau telah menghasilkan beberapa buah kitab agama. Antara karya-karya tulisan beliau ialah: "Al-Hukumah al-Islamiyyah" atau "Wilayat al-Faqih", "Kitab Kasyf al-Asrar", "Kitab Tahrir al-Wasilah" dan lain-lain lagi.

Kitab "al-Hukumah al-Islamiyyah" sebagaimana yang ada ditangan penulis dicetak di Beirut, Lubnan, oleh percetakan "Muassasah al-`Alami, tanpa menyebut tahun ia dicetak. Kitab ini adalah himpunan daripada beberapa tajuk kuliah agama yang disampaikan oleh Khomeini kepada pelajar-pelajar agama di Najaf, di bawah tajuk ' Wilayah al-Faqih'. Kuliah tersebut bermula pada 13 Zulqi'dah 1398H sehingga 1 Zulhijjah tahun yang sama. [1] Tebal kitab ini adalah kira-kira 150 halaman, dan mengandungi 49 tajuk-tajuk kecil. Antara tajuk-tajuk penting ialah penjelasan mengenai pentingnya membentuk sebuah kerajaan Islam, menjelaskan hakikat undang-undang Islam dalam kewangan, pertahanan, hukum-hukum jenayah, menerangkan mengenai pemerintahan Islam dan syarat-syarat seorang pemerintah, haram berhukum kepada pemerintah yang zalim, dan ulama adalah rujukan dalam semua perkara dan lain-lain.

Kitab "Kasyf al-Asrar" pula setakat yang penulis tahu, dicetak dalam dua bahasa, pertama dalam bahasa Parsi (edisi asal) dan keduanya dalam bahasa Arab (edisi terjemahan). Edisi asal dalam bahasa Parsi dicetak di Qum oleh percetakan Dar Intisyarat Azadi di zaman revolusi. [2] Kitab asal berbahasa Parsi ini setebal kira-kira 350 halaman. [3] Adapun edisi Bahasa Arab telah diterjemahkan oleh Dr. Muhammad al-Bandari dan kata-kata aluannya ditulis oleh Dr. Ahmad al-Khatib, seorang pensyarah dari Fakulti Syariah, Universiti Jordan. Kitab ini setebal 344 halaman, di cetak oleh pencetakan Dar Ammar, Amman. Isi kandungan kitab ini pada keseluruhannya mengandungi jawapan Khomeini terhadap 12 persoalan pokok yang dikemukakan kepadanya. Di antaranya mengenai Tauhid, Imamah, kedudukan Fuqaha atau ulama Mujtahid, kerajaan dan tugasnya, undang-undang, hukum Nasakh-Mansukh al-Quran dan al-Sunnah, sebab-sebab orang ramai menjauhi diri daripada menghayati agama

dan lain-lain.

BEBERAPA PENDAPAT KHOMEINI DALAM KEDUA-DUA KITAB TERSEBUT

Di sini penulis akan menulis kajian mengenai kedua-dua kitab tersebut. Oleh kerana kitab ini besar, maka penulis hanya ingin menyebut beberapa pendapat dan pandangan beliau yang nampak kontroversi sahaja. Kemudian selepas disebut tiap-tiap pendapat beliau, penulis sertakan ulasan ringkas sebagai penjelas kepada pembaca sekalian. Kajian ini akan dimulakan dengan kitab "al-Hukumah al-Islamiyyah", kemudian diikuti dengan kitab "Kasyf al-Asrar".

A) PENDAPAT KHOMEINI DALAM "AL-HUKUMAH AL-ISLAMIYYAH" DAN ULASAN

Setelah dikaji isi kandungan kitab ini didapati terdapat beberapa pendapat Khomeini yang ganjil tentang beberapa perkara seperti kedudukan imam-imam dan kelebihan mereka, Khalifah-khalifah Islam terutama Khalifah Abu Bakar, Umar dan Othman r.a. dan lain-lain lagi. Antara perkara yang perlu disebut di sini ialah:-

i) KEDUDUKAN IMAM-IMAM

Mengenai perkara ini Khomeini menyebut bahawa kedudukan mereka begitu tinggi sehingga melebihi kedudukan para Rasul dan Malaikat, mereka juga dianggap tidak melakukan dosa (ma'sum), semua kata-kata imam dan pendapatnya semuanya betul dan benar dan tidak pernah salah, mereka tidak pernah lupa dan lalai. Makhluk seluruhnya tunduk dan patuh kepada mereka. Sebelum dicipta alam ini mereka adalah cahaya (Nur) yang duduk mengelilingi 'Arasy Allah'. Tentang hal ini Khomeini berkata:-

> "Maka sesungguhnya bagi imam-imam (ketua negara) itu mempunyai maqam dan kedudukan yang terpuji, darjah yang tinggi dan mempunyai kuasa 'Khalifah Takwiniyyah' (kuasa yang dilantik oleh Allah), segala atom-atom di dunia tunduk dan patuh

> kepada kekuasaannya".[4]

Beliau menyebut lagi:-

> "Dan di antara perkara penting dalam mazhab kita (mazhab Syiah), kita (beriktikad) bahawa imam-imam kita mempunyai maqam, atau kedudukan yang tinggi yang tidak sampai ke maqam tersebut oleh para Malaikat yang hampir (dengan Allah) dan tidak juga oleh para Nabi dan Rasul Allah".[5]

> "Mengikut riwayat-riwayat dan Hadith-hadith Rasulullah yang ada pada kita (orang-orang Syiah), bahawa Rasulullah s.a.w. dan semua Imam-Imam a.s, sebelum alam ini dijadikan mereka semua adalah Nur (cahaya), kemudian Allah menjadikan mereka mengelilingi Arasy-Nya dan Allah memberikan kepada mereka kedudukan yang paling tinggi (tidak diketahui kedudukan yang paling tinggi itu melainkan Allah jua) dan Malaikat Jibril berkata sebagaimana yang diriwayatkan oleh Hadith Mi'raj- jika aku hampiri sekadar satu jari lagi nescaya aku akan terbakar".[6]

Pada halaman lain Khomeini ada menyebut':-

> "Tidak tergambar kepada kita bahawa para imam itu bersifat lalai dan lupa ".[7]

Dan katanya lagi:-

> "Sesungguhnya ajaran para Imam sama seperti ajaran-ajaran al-Quran yang bukan untuk sesuatu generasi tertentu sahaja, bahkan ajaran itu untuk semua manusia di setiap tempat dan masa hingga ke hari Kiamat. Ia wajib dilaksanakan dan wajib diikuti".[8]

Ulasan:

Daripada petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Khomeini

menyanjung tinggi para imam dan meletakkan mereka ke taraf yang paling tinggi mengatasi taraf nabi-nabi dan malaikat. Alam seluruhnya tunduk kepada mereka, ajaran-ajaran dan buah fikiran mereka disamakan dengan ajaran al-Quran. Setiap pendapat dan kata-kata mereka mesti diikuti dan dilaksanakan dalam kehidupan. Ini berlawanan sekali dengan pandangan al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. serta pendapat ulama Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

Ulama Ahli Sunnah berpendapat bahawa tidak ada manusia yang lebih tinggi pangkat dan tarafnya mengatasi taraf para nabi dan Rasul. Selepas Rasulullah s.a.w., maka Khulafa' ar-Rasyidinlah orang yang paling mulia dan tinggi darjatnya, dan yang paling mulia di kalangan mereka ialah Abu Bakar r.a. kemudian diikuti oleh Omar ibn al-Khattab, Othman ibn Affan dan Ali ibn Abu Talib.

Tidak ada ajaran yang lebih tinggi daripada ajaran al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. Kedua-dua ajaran tersebut adalah sumber utama hukum syara', manakala sumber-sumber lain seperti Qias dan lain-lain diambil daripada al-Quran dan hadis dan dijadikan sumber ketiga, keempat dan seterusnya.

Anggapan mengatakan kata-kata imam sama dengan al-Quran dan lebih tinggi daripada hadith adalah pendapat yang melampau yang dan tidak boleh diterima.

ii) KEDUDUKAN KHALIFAH AR-RASYIDIN DAN PENENTUAN PERLANTIKAN ALI

Perkara kedua ialah mengenai kedudukan Khalifah ar-Rasyhidin dan beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w.. Semasa membicarakan tentang 'Kerajaan Islam', Khomeini tidak mengiktirafkan kerajaan ketiga-tiga Khalifah Abu Bakar, Umar dan Othman sebagai khalifah Islam, bahkan beliau tidak menyebut langsung kerajaan di zaman ketiga-tiga Khalifah tersebut. Beliau menganggap kerajaan Islam hanya ada pada zaman Rasulullah dan di zaman Saidina Ali dan juga di zaman beberapa orang imam mereka selepas itu, iaitu kerajaan dua belas Imam mereka. Beliau menganggap Saidina Abu Bakar, Omar dan Othman r.a. telah merampas hak Saidina Ali. Juga beliau mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah diabaikan oleh sahabat-sahabat lain dengan melantik Abu Bakar.

Mengenai perkara di atas Khomeini menyebut antara lain:-

> "Telah thabit (tetap) pada syara' dan pada akal bahawa sebagaimana pentingnya di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman Amirul-Mu'minin Ali bin Abu Talib r.a. mesti adanya sebuah kerajaan Islam (maka perkara itu) masih berterusan penting adanya sampai ke zaman kini".[9]

Di tempat lain beliau membawa bukti Nabi menentukan Ali sebagai penggantinya dengan berkata:-

> "Kami beriktikad (dan percaya) dengan walayah, dan kami beriktikad dengan sesungguhnya bahawa Nabi S.A.W. akan menentukan pengganti selepasnya dan memang Baginda melakukannya".[10]

Selepas beberapa baris beliau menambah:-

> "Dan demikianlah Rasulullah s.a.w. melakukan perlantikan (Ali menjadi khalifah selepasnya). Jika Baginda tidak melakukannya, maka Baginda tentunya tidak menyampaikan risalahnya dan penentuan khalifah selepas itu bertujuan supaya khalifah melaksanakan hukuman dan undang-undang (Allah), mengawalnya dan supaya melakukan keadilan sesama manusia. Ini adalah merupakan satu usaha bagi menyempurnakan tugas risalahnya".[11]

Di tempat lain beliau membawa bukti Rasulullah s.a.w .telah melantik Ali dengan berkata:-

> "Di Ghadir Khum (setelah pulang daripada) menunaikan Haji Wida', Nabi s.a.w. menentukan seorang hakim (Imam) sebagai penggantinya (iaitu Ali), dan bermula dari sinilah perselisihan faham mula tercetus di jiwa umat Islam, dan kalau sekiranya Nabi s.a.w. hanya menentukan Amirul-Mi'minin Ali sebagai mufti, sebagai pentafsir al-Quran atau sebagai seorang

ulama yang menerangkan hukum hakam agama, tentunya dia tidak ditentang oleh sesiapa pun, tetapi (kerana ditentukan menjadi penggantinya) maka (Ali) ditentang, diperangi dan dibunuh".[12]

Beliau juga menyebut:-

"Sesungguhnya (Nabi s.a.w.) telah menentukan Amirul-Mu'minin sebagai wali (imam) untuk orang ramai dan (bermula dari sini) berkekalanlah berpindahnya jawatan imam yang lain sehingga sampai kepada imam al-Mahdi al-Muntazar a.s".[13]

Penentuan Ali menjadi pengganti ini disebut lagi dalam kitab "Kasyf al-Asrar "dengan panjang lebar.

Ulasan:

Daripada petikan di atas jelaslah bahawa Imam Khomeini seolah-olah tidak mengiktiraf kerajaan Khalifah ar-Rasyidin kecuali di zaman Ali sahaja dan beliau juga menetapkan Sayyidina Ali telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai penggantinya, tetapi jawatan itu dirampas oleh ketiga-tiga khalifah. Ini bererti bahawa ketiga-tiga khalifah telah melakukan satu jenayah besar kerana melanggar hukum dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Baginda S.A.W. sedangkan yang sebenarnya Baginda tidak pernah menentukan sedemikian dan khalifah tersebut tidak bersalah. Hadith Ghadir Khum tidak boleh dijadikan hujah kerana beberapa sebab, antaranya:-

1. Perkataan Maula (مَوْلَى) dalam 'Hadith Ghadir Khum' bukan bermaksud 'khalifah atau Imam' atau 'ketua negara' tetapi memberi maksud, 'penolong' atau 'pembantu Baginda'.[14]

Maksud yang disebut ini disokong sendiri oleh al-Hasan al-Muthanna (المثنى) cucu Saidina Ali . Apabila beliau ditanya, **"Adakah tidak Rasulullah S.A.W. bersabda":-**

Ertinya: **Sesiapa yang aku ini penolongnya maka Ali adalah penolongnya**

Mendengar soalan itu beliau menjawab:-

"Ya! Akan tetapi, demi Allah (dengan kata-kata itu) Rasulullah s.a.w. tidak b e r m a k s u d (menentukan) Ali menjadi Imam atau Khalifah (selepasnya). Jika Baginda mahu melantik dia menjadi pengganti, tentu Baginda menyebut dengan terang, kerana Rasulullah selalu berterus-terang dengan orang Islam. Jika benarlah sebagaimana yang didakwa, tentu Baginda berkata begini, 'Wahai manusia, ini adalah pemimpin kamu dan pemerintah kamu selepas aku, maka hendaklah kamu semua mendengar kata-katanya dan mematuhinya'. Demi Allah jika sekiranya Allah dan Rasulnya telah memilih Ali menjadi pengganti dan pemerintah kepada orang-orang Islam selepas Baginda, tiba-tiba Ali meninggal tidak mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya tentu Ali merupakan orang yang mula-mula sekali melanggar perintah Allah dan Rasulnya.[15]

Jika sekiranya apa yang didakwa oleh Khomeini dan Syiah-syiah lain itu betul dan benar bahawa Nabi telah menentukan Ali menjadi Khalifah dengan disaksi oleh ramai para sahabat, maka mengapa mereka yang begitu ramai tidak membantah Saidina Omar dan Abu Bakar serta sahabat-sahabat lain yang berada di Saqifah membincangkan mengenai perlantikan Abu Bakar menjadi Khalifah? Sedangkan kita tahu para sahabat adalah antara umat Islam yang paling kuat mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya. Kalau benarlah apa yang didakwa, tentu mereka bangkit menentang keputusan tersebut. Manakala Sayyidina Ali sendiri pula tidak pernah mengemukakan hujah dan bukti yang dia lebih berhak daripada Abu Bakar, Omar dan Othman menjadi khalifah.

Semasa Ali tidak memberi baiah kepada Abu Bakar diawal perlantikannya, dia tidak berhujah dengan hadith itu bagi menuntut haknya menjadi khalifah. Ini semua membuktikan bahawa Hadith Ghadir Khum tidak boleh menjadi hujah yang Rasulullah s.a.w. telah menentukan Ali menjadi penggantinya sebaik sahaja Baginda wafat.

Dari sini jelas hujah mereka tidak boleh diterima.

iii) TIDAK MENGIKTIRAF KERAJAAN MUAWIYAH, UMAWIYYAH DAN ABBASIYAH

Khomeini juga menganggap kerajaan Muawiyah tidak sah, kerana itu beliau tidak mengiktirafnya, dan tidak mengiktiraf kerajaan Umawiyyah seluruhnya. Beliau berkata:-

> "Sesungguhnya Muawiyah telah membunuh ramai orang Islam dengan semata-mata disyaki (orang itu melakukan kejahatan) dan menawan orang ramai beberapa lama serta membuang negeri juga menghalau mereka dari rumahnya secara zalim, tidak ada kesalahan yang mereka lakukan kecuali kerana mereka beriman kepada Allah semata-mata. Kerajaan Muawiyah itu tidak melambang atau menyerupai kerajaan Islam, sama ada dari dekat atau jauh".[16]

Kemudian katanya lagi:-

> "Di awal Islam, golongan Umawiyyah dan pengikut-pengikutnya berusaha menghalang supaya kerajaan Imam Ali bin Abu Talib a.s. tidak teguh, sedangkan kerajaan itu diredai Allah dan Rasul-Nya. Dengan usaha jahat mereka itu berubahlah kedudukan pemerintahan serta menyelewenglah daripada Islam .... Kemudian selepas itu datang pula golongan Abbasiyah dan mereka pun mengikut jejak langkah yang sama dan menukar sistem khalifah dengan bentuk kekuasaan raja berketurunan".[17]

Ulasan:

Dari sini jelaslah Khomeini tidak mengiktirafkan kerajaan pimpinan Muawiyah, Kerajaan Bani Umawiyyah dan Abbasiyah. Beliau menganggap khalifah-khalifah zaman itu merampas hak Ahlul Bait secara kekerasan dan kezaliman. Apabila kerajaan Islam Bani Umaiyah dan Abbasiyah serta pimpinan Abu Bakar, Umar dan Uthman tidak diiktiraf oleh Khomeini, maka tidak ada lagi kerajaan Islam di

dalam sejarah dunia kecuali kerajaan pimpinan Rasulullah s.a.w. dan kerajaan di zaman Ali dan Husin sahaja. Kalau inilah pandangan beliau, maka tentunya pendapat itu tidak boleh diterima, kerana apa yang sebenarnya tidak demikian. Ahli Sunnah menganggap kerajaan Abu Bakar, Umar, Uthman dan kerajaan Bani Umawiyyah serta Abbasiyah adalah kerajaan Islam.

Ahli Sunnah dari kalangan Mufassirin, Muhaddisin dan Fuqaha, termasuk Imam empat mengiktiraf Kerajaan ini sebagai Kerajaan Islam. Manakala kesalahan yang dilakukan oleh setengah khalifah itu tetap salah. Kalau mereka bertaubat Insya Allah, Allah menerima taubat mereka.

IV) TIDAK MENGIKTIRAF KADI-KADI BUKAN DARIPADA KALANGAN SYIAH

Satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Khomeini dalam kitab "al-Hukumah al-Islamiyyah" ialah beliau tidak mengiktiraf kadi-kadi yang dilantik sama ada yang dilantik oleh Khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman atau oleh Khalifah Umawiyyah dan seterusnya. Di sini beliau membawa satu contoh hadith yang ia dakwa diriwayat oleh Abu Abdullah a.s.:-

> "Bahawa Abu Abdullah berkata, 'Amirul mu'minin Ali berkata kepada Syuraih (شُرَيْح) (seorang kadi dari kalangan sahabat), wahai Syuraih, sesungguhnya engkau telah menduduki satu majlis atau satu jawatan yang tidak harus menduduki majlis atau jawatan itu kecuali Nabi atau wasinya atau orang yang celaka,"[18]

Kemudian beliau menambah:-

> "Syuraih ini telah memegang jawatan kadi hampir 50 tahun, dan dia menyokong Muawiyah, memujinya serta menyebut sesuatu kebaikan yang dia bukan ahlinya. Sikap beliau demikian meruntuh kerajaan (Islam) yang telah dibina oleh Amirulmu'minin akan tetapi (walaupun sikapnya demikian), Saidina Ali

a.s. tidak berkuasa hendak memecatnya, kerana orang sebelumnya telah melantiknya".[19]

Ulasan:

Di akhir petikan di atas nampak kepada kita Sayyidina Ali r.a. takut kepada orang. Di manakah sifat berani yang ada pada Ali yang diakui oleh ahli Sunnah dan Syiah sehingga dia tidak berani merubah kesalahan? Ini tidak betul.

Sikap Khomeini tidak mengiktiraf kadi yang dilantik oleh kerajaan Islam yang bukan daripada kalangan Syiah, sebagaimana di atas itu bukanlah perkara baru bagi orang-orang Syiah, bahkan sikap demikian telah dipegang oleh ulama mereka dahulu dan sekarang.

Al-Kulaini, pengarang Kitab "al-Kafi" juga mengambil sikap yang sama, beliau berpendapat mana-mana kadi atau imam yang bukan daripada kalangan Syiah dianggap sebagai Taghut, dan sesiapa yang berhakimkan kepada kadi tersebut, maka orang-orang itu dianggap sebagai berhakim kepada Taghut.[20]

Jadi daripada petikan-petikan dan ulasan di atas jelaslah bahawa dalam kitab "al-Hukumah al-Islamiyyah", tulisan Khomeini itu terdapat banyak perkara yang berlawanan dengan pandangan Ulama Ahli Sunnah, dan banyak pula kata-katanya yang tidak boleh diterima termasuk kata-kata yang menghina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah juga kerajaan Umawiyyah dan Abbasiah. Dari sini penulis mengambil kesimpulan bahawa pendapat beliau itu tidak boleh diterima dan serentak dengan itu beliau tidak perlu disanjung tinggi oleh setiap umat Islam pengikut Ahli Sunnah.

Kemudian di bawah ini mari kita cuba melihat pendapat beliau dalam Kitab "Kasyf al-Asrar".

B) PENDAPAT KHOMEINI DALAM KASYF AL-ASRAR DAN ULASAN

Dalam dua belas jawapan Khomeini dalam kitab di atas didapati banyak buah fikirannya yang tidak tepat dan berbeza dengan pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antaranya beliau berpendapat:- meminta sesuatu hajat daripada orang mati atau batu-batu kubur tidak syirik, imam-imam mereka tidak terkena dosa bahkan dianggap ma'sum. Khalifah Abu Bakar dan Omar semasa hidupnya banyak

melakukan kesalahan yang berlawanan dengan al-Quran dan hadith, Malaikat Jibril turun membawa wahyu kepada Saidatina Fatimah binti Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan baginda dan Rasulullah s.a.w. takut kepada orang ramai untuk menyampaikan risalahnya dan lain-lain.

Dibawah ini diterangkan perkara itu dengan ringkas berserta dengan ulasannya.

i) MEMINTA SESUATU DARIPADA KUBUR ATAU DENGAN BATUNYA TIDAK SYIRIK

Semasa menerangkan mengenai tauhid beliau menyebut bahawa meminta sesuatu hajat daripada kubur atau batu dan tanah kubur imam-imam mereka tidak dianggap syirik. Di bawah tajuk kecil, "Meminta sesuatu hajat daripada orang mati tidak syirik", beliau berkata," Maka dengan itu meminta sesuatu hajat daripada batu kecil (حجر) atau daripada batu besar (صخر) tidak syirik, sekali pun (cara itu) satu amalan yang batil.[21]

Kemudian dalam menjawab soalan yang berbunyi: "Adakah meminta syafa'at daripada tanah (kubur para imam) dianggap syirik?"

Beliau berkata:-

> " Perkara itu tidak dianggap syirik dan kufur, apabila berlaku permintaan itu atas asas atau anggapan bahawa Allah berkuasa menerima permintaan melalui (imam-imam) yang bermati-matian kerana mempertahankan agama dan mengorbankan nyawa kerana Allah".[22]

Di tempat lain beliau menyebut, **"Kalau seseorang sakit datang menziarahi mana-mana kubur imam dan meminta supaya disembuhkan penyakitnya, maka penyakit itu akan sembuh."**

Beliau berkata:-

> "Akan tetapi banyak kita dengar tentang kubur imam dan sesungguhnya kita tahu bahawa beratus-ratus ribu orang yang datang melawat ke kubur-kubur imam pada tiap-tiap tahun dan mungkin di dalam

beberapa tahun itu akan lahirnya seorang yang dikehendaki oleh Allah akan sembuh penyakitnya dengan sebab dia berdamping dengan kubur imam-imam itu. Kalau sekiranya kamu pergi ke kubur dan meminta daripada Allah supaya disembuhkan daripada penyakit ganjil dan bodoh - Kedua-duanya adalah seburuk-buruk penyakit - mungkin doa kamu diterima dan jangan kamu berputus asa daripada rahmat Allah". (23)

Di tempat lain beliau menambah:-

"Sesungguhnya Allah telah memberi kuasa kepada tanah untuk menghidupkan roh, dan tidak harus seseorang berkata bahawa Allah tidak berkuasa - hendak menjadikan tanah yang tidak ada roh - boleh menghidupkan semua sesuatu" (24)

Ulasan:

Petikan di atas jelas bahawa Khomeini membolehkan seseorang meminta sesuatu hajat daripada kubur daripada batunya dan tidak dianggap syirik, sedangkan perkara itu adalah syirik besar kerana memohon sesuatu kepada yang lain daripada Allah s.w.t. menyembuh penyakit termasuk penyakit jahil dan bodoh ia boleh dilakukan dengan roh imam mereka di kubur. Cara ini menyalahi sunnah Allah dan berlawanan dengan ajaran Islam serta dengan sebab-musabab yang diharuskan. Islam mengajar umatnya supaya berubat dengan cara yang halal. Penyakit jahil dan bodoh hendaklah diatasi dengan belajar di samping berdoa kepada Allah S.W.T. Penyakit biasa pula hendaklah diubat melalui rawatan. Rasulullah s.a.w. menyuruh umatnya berubat apabila ditimpa penyakit. Baginda menyebut tidak ada penyakit yang tidak ada ubat kecuali mati.

ii) MEMBINA QUBBAH ATAS KUBUR IMAM DAPAT PAHALA BESAR

Khomeini juga membenarkan pengikutnya membina kubur Imam atau qubbah di atas kubur-kubur imam dan sesiapa yang

membina qubbah itu akan diberi pahala yang besar serta dihapuskan dosanya. Bagi menguatkan pendapatnya, beliau menyebut pendapat 'Syeikh al-Thusi' " yang menyebut bahawa :-

"Sayyidina Ali bertanya Rasulullah s.a.w., dan Baginda berkata kepadanya, "Sesungguhnya engkau (wahai Ali) akan berpindah ke Iraq dan akan dikebumikan di bumi Iraq". Kemudian Ali bertanya lagi, Wahai Rasulullah, apakah balasan pahala bagi orang datang menziarahi kubur-kubur kami dan mendirikan bangunan qubbah di atasnya?", Rasulullah menjawab, 'Wahai Abu al-Hasan (Ali), sesungguhnya Allah menjadikan kubur engkau dan kubur anak-anak engkau sebagai satu kawasan syurga dan sebagai satu tanah lapang daripada tanah lapang syurga. Allah telah memilih beberapa orang daripada makhluk-Nya dan memasukkan rasa kasih sayang kepada kamu di dalam hati mereka, dan mereka sanggup menanggung bala bencana dan kehinaan kerana mempertahankan kamu. Mereka mengulangi membina kubur-kubur dan datang menziarahi kamu (di kubur) sebagai tanda taqarrub mereka kepada Allah dan Rasul-Nya.... Sesungguhnya sesiapa yang membina kubur-kubur Kamu dan datang menziarahinya, maka pahalanya sama seperti dia bersama pengikut Nabi Sulaiman bin Daud membina al-Quds. Sesungguhnya sesiapa yang datang menziarahi kubur-kubur kamu, dia akan memperolehi pahala sebanyak 70 kali haji selain Haji Islam (haji wajib) , dan dihapuskan dosanya serta jadilah dia (bersih daripada dosa) seperti kanak-kanak yang baru lahir daripada perut ibunya'. (25)

Ulasan:

Lihatlah betapa beraninya Khomeini memetik riwayat palsu yang disebut oleh at-Thusi, sedangkan pendapat beliau itu berlawanan dengan hadith yang melarang umatnya membina qubbah di atas kubur.

Rasulullah s.a.w. bersabda:[26]

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم ان يجصص القبر
وان يقعد عليه وان يبنى عليه (صحيح مسلم ج ٩ كتاب الجنائز)

Ertinya: Jabir r.a. berkata, Rasulullah s.a.w.. melarang menambak kubur, duduk di atasnya dan membuat binaan di atasnya .

Mengenai membina Qubbah di atas kubur ini ramai ulama menegahnya, Imam asy-Syafie berkata:-

> "Sesungguhnya aku suka meninggikan kubur sekadar sejengkal (mengatasi tanah biasa) dan aku suka jangan dibina sebarang bangunan dan tembok". [27]

Ibn Hajar al Haitami dalam kitab al-Zawajir berkata:-

> "Dan wajib disegerakan meruntuh masjid-masjid dan bangunan-bangunan qubbah di atas kubur kerana bangunan itu lebih mudarat atau lebih bahaya daripada 'Masjid Dhirar' kerana ia diasaskan di atas maksiat kepada Rasulullah s.a.w.". [28]

Imam al-Syaukani pula menyebut:-

> "Berapa banyak telah berlaku kerosakkan disebabkan pembinaan qubbah di atas kubur dan memperelokkannya, antara kerosakan itu ialah orang-orang jahil beriktiqad mengenai binaan itu sama seperti iktiqad orang-orang kafir terhadap berhala mereka, sehingga mereka memuja dan memuliakan (bangunan dan kubur tersebut), kerana menganggap perkara itu berkuasa memberi sesuatu manfaat kepadanya dan dapat mengelak sesuatu bala". [29]

Selain daripada itu Nabi sendiri tidak ada menyebut ganjaran pahala yang begitu besar akan diberikan kepada orang yang membina kubur-kubur imam dan yang datang menziarahinya. Apa yang ada Baginda sebut, menziarahi kubur adalah sunat kerana ia boleh mengingati mati dan hari Akhirat.

iii) SAYYIDATINA FATIMAH MENERIMA WAHYU

Antara pendapat Khomeini lagi dia mengatakan Sayyidatina Fatimah menerima wahyu daripada Malaikat Jibril selepas Baginda s.a.w. wafat. Beliau berkata:-

> "Dalam hadith disebut bahawa selepas baginda wafat, Malaikat Jibril datang kepada Fatimah membawa beberapa berita ghaib dan Amir al-mu'minin (Ali) menjalankan tugas menulis berita ghaib itu dan itulah dia Mashaf Fatimah". [30]

Ulasan:

Adakah seseorang selain daripada Nabi dan Rasul menerima wahyu Allah? Mengikut aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah, orang yang menerima wahyu Allah hanya Nabi dan Rasul sahaja. Anak-anak para Rasul tidak pernah menerima wahyu kecuali jika dia juga menjadi nabi, seperti Nabi Sulaiman anak Nabi Daud a.s.

Apakah yang dimaksudkan oleh Khomeini bahawa wahyu tersebut adalah 'Mashaf Fatimah'? Adakah ia memberi maksud, "al-Quran lain yang diturunkan kepada Fatimah sebagai tambahan kepada al-Quran mashaf Uthman? Kalau inilah maksudnya, adakah ia berbeza dengan al-Quran mashaf `Othman itu? Jika "Ya!", maka sikap Khomeini itu sama dengan sikap ulama-ulama Syiah lain yang mengatakan al-Quran mashaf Uthman yang ada sekarang telah diubah dan dikurangkan beberapa ayat oleh Saidina Uthman. Manakala mashaf yang tidak diubah ialah "Mashaf Fatimah".

Hajj Mirza Husin bin Muhammad Taqi al-Nuri al-Tabarsi - seorang ulama agung Syiah - telah berpendapat demikian dan pendapatnya itu disokong olah ulama-ulama Syiah lain. Kerana itu pada tahun 1292H beliau menulis kitab berjudul :-

("Kata Putus Untuk Membuktikan Berlakunya Penyelewengan Kitab Suci Tuhan").

Dalam kitab ini beliau menyebut bahawa beratus-ratus pendapat ulama Syiah yang lain daripada pelbagai zaman mengatakan bahawa al-Quran sekarang telah berlaku penambahan dan pengurangan".[31]

Kalau inilah pandangan Khomeini, alangkah beraninya dia membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap al-Quran itu sendiri dan juga terhadap sahabat Rasulullah s.a.w. , khususnya Saidina Uthman r.a.

IV) TUDUHAN TERHADAP SAHABAT-SAHABAT RASULULLAH S.A.W. DAN MENGHINAMEREKA

Dalam tajuk "al-Imamah", Khomeini menyebut, Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Uthman banyak melanggar hukum-hukum al-Quran dan Hadis Rasul. Beliau mengatakan mereka gila kuasa, memeluk Islam secara nifaq, bertujuan mendapat kekuasaan. Sayyidina Uthman dan Muawiyah ialah sahabat yang bodoh dan tidak layak menjadi khalifah. Beliau menyebut hal ini dengan katanya :-

> "Kami di sini tidak ada sebarang hubungan dengan kedua-dua syeikh (Abu Bakar dan Umar) terhadap apa yang mereka lakukan yang berlawanan dengan al-Quran dan mempermainkan hukum Ilahi, menghalalkan dan mengharamkan sesuatu mengikut sesuka hati mereka, dan melakukan kezaliman ke atas Sayyidatina Fatimah, anak Rasulullah s.a.w.. Tetapi kami mahu menjelaskan tentang kejahilan mereka berdua terhadap hukum-hukum Ilahi dan agama, iaitu:-
>
> Abu Bakar menjatuhkan hukuman potong tangan kiri ke atas seorang pencuri, dan membakar seorang pencuri yang lain, sedangkan hukuman tersebut adalah haram. Beliau jahil mengenai hukum pusaka, beliau tidak menjatuhkan hukuman qisas ke atas Khalid bin al-Walid yang membunuh Malik bin Nuwairah dan mengambil isterinya pada malam itu juga.
>
> Adapun Umar, maka amalannya (yang menyalahi hukum) tidak dapat dihitung banyaknya. Antaranya dia menyuruh melaksanakan hukum rejam ke atas perempuan mengandung dan ke atas perempuan gila. Adapun Uthman, Muawiyah dan Yazid, maka orang ramai semua tahu keadaan mereka bertiga dengan jelas".[32]

Kemudian beliau menambah lagi :-

> "Orang seumpama mereka ini yang jahil lagi bodoh melakukan kezaliman, tidak layak memegang jawatan Imamah dan menjadi Ulu al-Amri".[33]

Di tempat lain disebut:-

> "Di awal-awal Islam beberapa orang sahabat Nabi yang terkenal suci dan bersih agamanya seperti Amirul-Mu'minin Ali, Sayyidina Hassan, Husin, Salman al-Farisi, Abu Dhar, al-Miqdad, 'Ammar, al-Abbas dan Ibn Abbas, mereka semua bangkit menentang (Abu Bakar dan Umar) dan mereka mahu melaksanakan perintah Allah dan perintah Nabi mengenai Ulu al-Amri". Tetapi pakatan yang lahir bersama lahirnya manusia dan kerana pengaruh hawa nafsu itulah yang menolak kebenaran . Perlantikan Abu Bakar di Saqifah untuk memerintah dianggap bermulanya perletakan batu asas yang salah.[34]

Ulasan:

Dari sini jelas bahawa Khomeini begitu berani membuat tuduhan karut kepada Abu Bakar, Umar,Uthman dan Muawiyah, sehingga dikatakan sahabat ini jahil dan bodoh, tidak mengetahui hukum Allah dan Rasul-Nya serta melanggarnya. Kalau sahabat seperti Abu Bakar, Umar dan Uthman dianggap jahat, jahil dan banyak melanggar hukum Allah, maka mengapa Baginda menggolongkan mereka bertiga ke dalam kumpulan 10 orang sahabat

yang dijamin masuk syurga. [35]

Kalau Abu Bakar jahat, mengapa Baginda mengambil beliau menjadi temannya semasa berhijrah dan mengambil Saidatina Aisyah sebagai isteri Baginda, dan Abu Bakar sebagai mertuanya. Kalau Umar jahat mengapa Baginda mengahwini anaknya Hafsah dan mengapa Sayyidina Ali mengahwinkan anaknya Ummi Kalthom dengan Umar, dan kalau Sayyidina Uthman juga jahat mengapa Nabi mengahwini kedua-dua anaknya Ummi Kalthom dan Ruqaiyyah dengan Uthman? Manakala Muawiyah pula mengapa dilantik oleh Baginda sebagai seorang penulis wahyu dan dilantik oleh Abu Bakar, Umar dan Uthman menjadi gabenor di Syam beberapa tahun? Adakah Rasulullah bersubahat dengan orang jahat? Tentu tidak!.

Sebenarnya sahabat-sahabat tersebut bukan jahat dan jahil sepertimana yang didakwa oleh Khomeini, tetapi beliau dan golongan Syiah keseluruhannya sengaja membenci ramai para sahabat Rasulullah s.a.w.. Manakala tuduhan yang dikemukakan oleh Khomeini terhadap ketiga-tiga orang sahabat Nabi itu sebenarnya telah dijawab oleh ramai ulama Ahli Sunnah dalam kitab-kitab mereka seperti Ibnu Hajar al-Haitami dalam kitab "as-Sawaiq al-Muhriqah Fi al-Radd Ala Ahl al-Bida' Wa al-Zandiqah" dan oleh asy-Syeikh Abdul Aziz ad-Dahlawi, dalam "Mukhtasar at-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah" dan lain-lain lagi.

V) SEBAB-SEBAB AL-QURAN TIDAK MENYEBUT DENGAN TERANG TENTANG PERLANTIKAN ALI MENJADI PENGGANTI BAGINDA S.A.W.

Selepas Khomeini menerangkan kejahilan Abu Bakar, Umar dan Uthman dan kezaliman mereka, beliau menyebut yang al-Quran ada menjelaskan secara terus terang mengenai perlantikan Ali menjadi pengganti Rasulullah s.a.w. Tetapi ayat-ayat itu dibuang oleh sahabat Rasulullah s.a.w. yang ada kepentingan. Katanya:-

> "Kita yakin bahawa jika sekiranya Allah menyebut perkara itu dengan terus terang dalam-al-Quran, maka perselisihan tidak akan terhapus, bahkan beberapa penyelewengan lain tetap akan berlaku pula". [36]
>
> "Kalaulah di dalam al-Quran Allah menyebut mengenai perlantikan imam (Ali) maka siapakah yang

> dapat memberi jaminan perselisihan sesama Islam tidak akan berlaku, kerana mereka yang mendakwa dirinya beragama Islam dan sahabat, juga oleh kerana mereka telah membuat pakatan, tentunya mereka tidak berpegang dengan ayat-ayat al-Quran dan mereka yang gila kuasa apabila mendapati matlamat mereka tidak tercapai dengan Islam, mereka akan menubuhkan pakatan (jahat) bagi menentang Islam". [37]
>
> "Kalaulah masalah Imamah telah dijelaskan oleh al-Quran dengan terang, maka mereka yang tidak mengambil berat terhadap Islam dan al-Quran - kerana mereka gila kuasa - tentunya akan mengambil al-Quran sebagai cara bagi mencapai matlamatnya, iaitu dengan membuang ayat-ayat al-Quran dan menggugurkannya daripada dilihat oleh orang ramai buat selama-lamanya". [38]

Ulasan:

Alangkah beraninya Khomeini membuat tuduhan palsu kepada Khalifah Rasulullah s.a.w.. dan lain-lain lagi sehingga dikatakan mereka berani menghapuskan ayat-ayat al-Quran demi untuk memperolehi hajat dan kuasa pemerintahan.

Kalau kita terima dakwaan beliau yang mengatakan para sahabat berani mengubah al-Quran, ini bererti dakwah dan didikan Nabi terhadap para sahabat tidak berjaya dan tidak berkesan, dan dakwah Baginda dianggap sia-sia. Baginda tidak dapat membentuk peribadi para sahabat dengan peribadi Islam. Kalau inilah yang berlaku, maka bukan sahabat sahaja yang dituduh oleh Khomeini, tetapi termasuk juga Rasulullah sendiri. Kalau ini berlaku, maka siapalah lagi yang mendapat didikan Baginda? Barangkali hanya Khomeini dan ulama-ulama mereka sahajalah yang mendapat didikan Rasulullah s.a.w. yang sebenar.

VI) ABU BAKAR DAN UMAR MELANGGAR HUKUM AL-QURAN

Tidak cukup dengan tuduhan-tuduhan di atas dilemparkan

kepada Abu Bakar dan Umar, bahkan ditambah lagi dengan tuduhan lain, sehingga dibuat dua tajuk khas. Pertama: Abu Bakar menyalahi al-Quran. Kedua: Umar menyalahi Kitab Allah . [39]

Dalam tajuk pertama Khomeini menyebut:-

"Di sini kami terpaksa menyebut beberapa contoh kedua-dua (Abu Bakar dan Umar) menyalahi al-Quran, antaranya ialah:-

I) Fatimah binti Rasulullah datang berjumpa dengan Abu Bakar dan meminta pusaka ayahnya. Abu Bakar menjawab bahawa Nabi bersabda maksudnya: "Kami para Nabi tidak membahagikan pusaka, apa yang kami tinggal adalah sedekah". Pendapat Abu Bakar ini berlawanan dengan al-Quran ayat 16, Surah an-Naml dan berlawanan dengan ayat 5 - 6 surah Maryam! [40]

II) Semua ulama sepakat mengatakan satu bahagian daripada harta zakat mesti diberi kepada orang muallaf (مؤلف) bahkan boleh diberi kepada orang kafir 1/3 daripada harta zakat untuk mengambil hati mereka dan untuk menarik mereka memeluk Islam akan tetapi Abu Bakar menggugurkan hukum ini dengan perintah Umar. [41]

Dalam tajuk kedua Khomeini menyebut beberapa contoh Sayyidina Umar melanggar hukum al-Quran, antaranya dikatakan beliau mengharamkan Nikah mut'ah. Umar menghukum jatuh talak tiga bagi suami yang menceraikan isterinya dengan talak tiga serentak. [42] Selepas menyebut perkara itu Khomeini berkata,

"Daripada semua yang telah disebut di atas, jelaslah kedua-kedua Syeikh (Abu Bakar dan Umar) melakukan perkara yang berlawanan dengan al-Quran". [43]

Ulasan:

Daripada petikan ini jelas sekali Khomeini masih tidak berpuas hati dengan tuduhan-tuduhan sebelumnya terhadap Abu Bakar dan Umar, ditambah lagi dengan tuduhan-tuduhan lain seperti dalam contoh-contoh di atas.

Mengenai Abu Bakar tidak memberi pusaka kepada Fatimah, Abu Bakar tidak jahat dan beliau tidak membuat hadith palsu, sebagaimana didakwa oleh Khomeini, tetapi kerana beliau mahu mengikut perintah Nabi di dalam hadith sebagaimana yang dijelaskan, hadith yang diterangkan oleh Abu Bakar itu adalah hadith sahih. Ibn Taimiyah menyebut :-

> "Hadith tersebut telah diriwayatkan oleh ramai para sahabat termasuk Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Talhah, al-Zubair, Saad, Abdul Rahman bin 'Auf, al-Abbas, isteri-isteri Nabi, juga Abu Hurairah r.a, kemudian ulama hadith meriwayatkan hadith itu daripada sahabat tersebut dan memasukkan ke dalam hadith dan musnad mereka". [44]

Apa yang didakwa oleh Khomeini bahawa sikap Abu Bakar itu berlawanan dengan ayat al-Quran, maka itu tidak timbul, kerana kedua-dua ayat yang dibawanya memberi maksud "mewarisi pangkat kenabian" bukan mewarisi harta pusaka. Ayat pertama bermaksud, Nabi Sulaiman mewarisi pangkat kenabian Nabi Daud. [45] Manakala yang kedua bermaksud Nabi Yahya mewarisi pangkat kenabian Nabi Zakaria. [46]

Apa yang dikatakan Sayyidina Abu Bakar tidak memberi habuan kepada muallaf (مؤلف) setelah mendengar pendapat Umar juga tidak boleh dianggap salah, kerana masa itu Islam telah kuat dan orang Islam telah ramai, kerana itu habuan tersebut tidak lagi wajib diberikan kerana semata-mata untuk memujuk dan mengambil hati golongan muallaf. Kerana itu apabila golongan tersebut datang kepada Umar meminta habuannya, Omar berkata: - Selepas dia berjihad "Habuan ini telah diberi oleh Rasulullah s.a.w. kepada kamu bertujuan untuk memuliakan Islam dan tidak perlu lagi memujuk atau mengambil hati kamu". Apabila perkara ini diketahui oleh Abu Bakar, beliau bersetuju dengan keputusannya. Persetujuan itu tidak dibantah oleh ramai para sahabat - termasuk Sayyidina Uthman dan Ali, bahkan kedua-dua mereka tidak memberi habuan tersebut semasa pemerintahan mereka. [47]

Kalaulah apa yang dilakukan oleh Abu Bakar dan Umar itu salah, mengapa Khomeini hanya mencela Abu Bakar dan Umar sahaja, dan tidak mencela Sayyidina Ali yang juga tidak memberi

habuan itu semasa pemerintahannya?

Apa yang dikatakan Sayyidina Umar mengharamkan nikah mut'ah juga tidak benar, kerana nikah tersebut telah diharamkan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. Banyak hadith menjelaskan perkara ini, antaranya, hadith Muslim daripada ar-Rabii bin Sabrah al-Hujani bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: " Wahai manusia, sesungguhnya dahulu aku telah mengizinkan kamu beristimta' dengan perempuan (Nikah mut'ah), sesungguhnya (sekarang) Allah telah mengharamkan perkara itu sampai ke hari Qiamat. Sesiapa yang ada padanya perempuan (yang dinikah secara ini) maka hendaklah dilepaskan dan jangan kamu mengambil daripadanya sebarang harta yang kamu berikan kepada mereka walaupun sedikit sebagai maskahwin).[48]

Jadi daripada ulasan-ulasan ringkas di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Abu Bakar dan Umar sebenarnya tidak melanggar hukum- hakam al-Quran dan hadis sebagaimana yang didakwa oleh Khomeini dan ulama-ulama Syiah yang lain tetapi apa yang dilakukan itu adalah menurut Sunnah Rasulullah s.a.w.

VII) DIKATAKAN RASULULLAH S.A.W. TAKUT HENDAK MENYAMPAIKAN PERINTAH ALLAH.

Perkara terakhir yang hendak disebutkan daripada apa yang ditulis oleh Khomeini dalam Kitab "Kasyf al-Asrar" ialah beliau menuduh Rasulullah s.a.w. takut dan gerun kepada umatnya untuk disampaikan perintah Allah mengenai perlantikan Sayyidina Ali. Baginda dituduh takut dan tidak berani hendak menerangkan hukum tersebut hingga turunnya ayat al-Quran memerintahkan supaya Baginda menyampaikan juga suruhan itu menerusi Firmannya:[49]

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ
وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ

Ertinya: Wahai Rasulullah s.a.w., sampaikan apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna engkau tidak sampaikan perutusanNya, dan Allah jualah akan memeliharamu daripada (kejahatan) musuh (Al-Maidah, 67).

Mengikut beliau, setelah turunnya ayat ini barulah Rasulullah s.a.w.. berani menyampaikan perintah tersebut, dan perintah itu katanya ialah perintah melantik Ali menjadi khalifah. Beliau berkata: "Jelas bahawa Muhammad s.a.w. sampai ke waktu itu (waktu turunnya ayat di atas) telah menyampaikan segala hukum yang diisyaratkan oleh Baginda di Ghadir Khum, kerana itu jelaslah perintah (dalam ayat) di atas adalah khusus mengenai perintah perlantikan Imam Ali".

"Daripada himpunan dalil dan hadith jelas bahawa Nabi memang takut dan gerun kepada orang ramai bagi (menyampaikan) dakwah perlantikan imam. Sesiapa yang membaca sejarah dan hadith, dia akan tahu bahawa Nabi memang takut hendak menyampaikan (perintah itu), akan tetapi Allah memerintahkan Baginda supaya menyampaikan perintah tersebut dan menjanjikan mahu mengawalnya, dengan itu Baginda menyampaikan perintah Allah."[50]

Ulasan:

Pendapat Khomeini di atas tidak boleh diterima, kerana Baginda s.a.w. tidak pernah takut kepada sesiapapun. Tidak terdapat dalam sirah Rasulullah s.a.w., yang menyebut Baginda takut kepada selain daripada Allah. Perintah dalam ayat di atas bukannya perintah perlantikan Ali sebagaimana yang didakwa oleh Khomeini.

Ulama Ahli Sunnah berpendapat bahawa perintah tersebut sebenarnya perintah Allah supaya Baginda menyampaikan - segala ajaran Islam yang diturunkan kepadanya - bukan perintah perlantikan Ali. Ibn Kathir semasa mentafsir ayat di atas berkata, "Allah Ta'ala bercakap dengan Nabi Muhammad s.a.w. (mewahyukan kepadanya) sebagai seorang Rasul dan seorang hambanya dengan memerintah kepada Baginda supaya menyampaikan segala ajaran agama yang disampaikan kepadanya, dan Rasulullah mengikut perintah itu serta mentaatinya dengan sempurna".[51]

KESIMPULAN

Daripada pendedahan pendapat Khomeini di dalam dua buah kitabnya bersama ulasan ringkas mengenainya dapatlah dibuat beberapa kesimpulan, antaranya:-

1) Banyak pendapat Khomeini bercanggah dan berlawanan dengan pandangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah khususnya mengenai aqidah, kedudukan para Sahabat Rasulullah, dan Imamah. Menurut Khomeini: Meminta sesuatu daripada kubur, batu-batu kubur dan qubbahnya tidak syirik. Sahabat-sahabat seperti Abu Bakar dan, Sayyidatina Fatimah dikatakan menerima wahyu selepas Baginda wafat dan Nabi Muhammad s.a.w. di katakan takut kepada sahabat.
2) Kerajaan Islam yang diiktiraf oleh beliau hanya kerajaan di zaman Rasulullah s.a.w., zaman Sayyidina Ali dan di zaman anak cucunya, selepas itu. Kerajaan di zaman Abu Bakar, Umar, Uthman dan kerajaan Umawiyyah juga Abbasiyah tidak diiktirafnya sebagai kerajaan Islam.
3) Menurut beliau, Nabi telah menentukan Ali menjadi Khalifah di Ghadir Khum, tetapi ditentang oleh ramai sahabat khususnya Abu Bakar, Umar dan Uthman. Sahabat tersebut dituduh sanggup mengubah al-Quran demi untuk kepentingan dunia dan kuasa.
4) Kalau sekiranya sahabat-sahabat tersebut jahat, gila kuasa dan lain-lain lagi, maka ini menunjukkan didikan Nabi tidak berjaya. Kalau ini berlaku, maka banyak ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi tidak boleh diterima, kerana disampaikan oleh sahabat yang tidak adil dan zalim. Sedangkan yang sebenarnya tidak demikian.
5) Bukan setakat itu sahaja penyelewengan Khomeini, bahkan beliau mengharuskan meroboh masjid jika perlu dan membatalkan hukum-hukum Islam. Dalam majalah "al-Baith al-Islam" yang dicetak di India bilangan 6, jilid 34, keluaran bulan Safar 1401H, ada memetik kata-kata Khomeini, antaranya, "Harus bagi pemerintah menutup masjid ketika perlu dan meruntuhkannya. Juga pemerintah boleh menghapus atau membatalkan mana-mana hukum daripada hukum Islam sama ada hukum-hukum ibadat atau lain-lain apabila hukum tersebut didapati menyalahi kepentingan Islam, juga pemerintah boleh menegah rakyat daripada menunaikan haji yang menjadi hukum Islam yang penting apabila ia boleh mendatangkan kemaslahatan kepada kerajaan Islam".

CADANGAN

Untuk mengakhiri penulisan ini penulis mencadangkan beberapa perkara. Antaranya:-

1) Para pembaca sekalian hendaklah mengambil berat tentang pandangan Khomeini dan pandangan Syiah seluruhnya, dan jangan terpengaruh tanpa usul periksa betul salahnya.
2) Pembaca yang berkemampuan diminta membaca buku-buku Arab dan lain-lainnya mengenai Syiah daripada karangan ulama Ahli Sunnah dan lain-lainnya. Dan maklumat yang diperolehi hendaklah disebarkan kepada umum, kerana dikhuatiri akan ramai golongan Ahli Sunnah akan menjadi Syiah atau bermazhab Syiah, terpengaruh dengan dakyah menghalalkan nikah mu'tah, sembahyang Jama' dan lain-lain.
3) Setiap dakyah dan propaganda mengagungkan Syiah dan Khomeini yang dilakukan oleh sesiapa sahaja perlu diawasi dan perlu berhati-hati supaya tidak terpengaruh.
4) Pihak-pihak berkenaan dengan hal ehwal keagamaan seperti Majlis Agama Islam, Pusat Islam dan lain-lain, hendaklah peka terhadap perkembangan Syiah di Malaysia sekarang, dan menghadapinya dengan bijaksana dan jika perlu mengharamkan risalah-risalah dan buku-buku Syiah .

NOTA KAKI

1. Lihat catitan di awal kitab "Al-Hukumah al-Islamiyyah".
2. Lihat kulit belakang "Kitab Kasyf al-Asrar", Arab.
3. Lihat Syeikh Muhammad Manzur Nu'mani,"al-Thaurah al-

Iraniyyah", hal: 49.
4. "Al-Hukumah al-Islamiyyah", hal: 52.
5. Ibid.
6. Ibid.
7. Ibid, hal: 51.
8. Ibid, hal: 113.
9. "Al-Hukumah al-Islamiyyah", hal: 26.
10. Ibid, hal: 18.
11. Ibid, hal: 19.
12. Ibid, hal: 131-132, Dr. Abdullah Mohd al-Gharib, " Waja'a Daur al-Majus", hal: 173.
13. Ibid, hal: 98.
14. Lihat Syah Ab. Aziz Waliyyullah al-Dahlawi, "Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna ^{c}Asyariyyah", hal: 160.
15. Ibid, hal: 160-161.
16. Ibid, hal: 71.
17. Ibid, hal: 33.
18. Ibid, hal: 74.
19. Ibid.
20. Dr. Abdullah Muhammad al-Gharib, "Al-Khomeini Baina al-Tattarruf Wa al-I'tidal", hal: 31.
21. "Kasyf al-Asrar", (Arab), hal: 49.
22. Ibid, hal: 59.
23. Ibid, hal: 140.
24. Ibid, hal: 62.
25. Ibid, hal: 84.
26. Al-Sayyid Sabiq, "Fiqh al-Sunnah", juzuk 1, hal: 554.
27. Ibid, juzuk 1, hal: 548.
28. Ibid, hal: 549-550.
29. Ibid, hal: 549.
30. "Kasyf al-Asrar", hal: 143.
31. A-Sayyid Muhibuddin al-Khatib, "Al-Khutut al-Aridhah", hal:9.
32. Ibid, hal: 126-127.
33. Ibid.
34. Ibid, hal: 128.
35. Lihat Termizi, juzuk,5, hal: 311, al-Jami' al-Saghir, juz: 6.
36. Kasyf al-Asrar, hal: 129.
37. Ibid, hal: 130.

38. Ibid, hal: 131.
39. "Kasyf al-Asrar", hal: 131:135.
40. Ibid, hal: 132.
41. Ibid, hal: 134.
42. Ibid, hal: 135-136.
43. Ibid, hal: 138.
44. Ibn Taimiyyah, "Minhaj al-Sunnah", juzuk 2, hal: 158.
45. Lihat, "Pimpinan al-Rahman", hal: 977.
46. Ibid, hal: 747-748.
47. Al-Sayyid Sabiq, "Fiqh al-Sunnah", juzuk 1, hal: 389-390.
48. "Sahih Muslim", juzuk 2, hal: 1025.
49. Surah al-Maidah, ayat: 67.
50. "Kasyf al-Asrar", hal: 150.
51. Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, juzuk, 2, hal: 77.

10 SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

Oleh

Ustaz Mahmud Daud

Soalan 1:

Mengapa tidak memberi perhatian berat terhadap Syiah yang terang-terangan menukar ayat-ayat Al-Quran, tidak mempercayai Al-Quran, mengingkari hadis-hadis Rasulullah s.a.w., Mereka mendakwa Imam-Imam menerima wahyu daripada Allah selepas wafatnya baginda s.a.w. Kita hanya sibuk membicarakan mengenai Zionisme, Salman Rusdie, orang yang meminta sesuatu dari wali Allah yang telah meninggal dan Puan Mariam dari Pasir Puteh, Perak yang mendakwa menerima wahyu daripada Allah s.w.t. Umat Islam Ahli Sunnah wal Jammah, perkara-perkara yang tidak begitu penting. Bahaya orang-orang munafik (Syiah) dalam tubuh badan Islam sebenarnya lebih bahaya daripada orang-orang kafir.

Soalan 2:

i) Adakah Syiah di Malaysia dipengaruhi oleh Khomeini seperti yang berlaku di Indonesia dan Thailand?

ii) Apakah garisan Syirik yang telah ditetapkan oleh Syiah sehingga ajaran mereka dilihat begitu melampau?

iii) Apa pendapat Ustaz tentang solat terawih dan azan subuh dua kali yang diingkari oleh ajaran Syiah kerana dikatakan sebagai rekaan Saidina Umar semata-mata.

Jawapan bagi i) dan ii):

Pengaruh Syiah di Malaysia dan kawasan Nusantara ini berasal daripada negara Iran apabila tercetusnya Revolusi Iran. Setelah berlakunya beberapa peristiwa yang tidak baik dan setelah tulisan-tulisan Imam Khomeini yang terbaru dikaji, tidak ada sebab bagi kita untuk menyokong dan membenarkan diayah Syiah. Ini berasaskan perbandingan daripada kitab-kitab yang ditulis oleh Ahli Sunnah wal jamaah dan Syiah sendiri.

iii) Hadis sahih di sisi Ahli Sunnah ini mungkin dianggap dhaif oleh Syiah. Saidina Omar bukan membidaahkan solat terawih. Nabi s.a.w. kerap melakukan qiamu lail ini. Dua tiga malan Nabi s.a.w. melakukannya dengan berjemaah bersama sahabat. Apabila bilangan ahli jemaah bertambah, Nabi s.a.w. tidak keluar untuk berjemaah lalu sahabat bertanya kenapa dan dijawab oleh baginda, "Aku bimbang takut-takut ia diwajibkan Allah". Hadis sahih yang lain yang dikaji oleh Ahli Sunnah ialah "Ikutlah Sunnahku dan Sunnah Khulafa' ar-Rasyidin", iaitu Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali. Jika ia dianggap bidaah, ia bidaah luhgawi sahaja.

Azan dua kali adalah sunnah Khulafa' ar-Rasyidin yang boleh diikuti. Kalau Abu Bakar, Omar dan Usman memang jahat kerana membuat hukum-hukum baru, bagaimana sikap Ali semasa dia memerintah? Mengapa Ali tidak membuat hukum baru membatalkan hukum yang dibuat oleh Umar dan Usman iaitu sembahyang terawih dan azan dua kali?

Soalan 3:

i) Apa agama sebenar orang Syiah?
ii) Nabi Muhammad yang manakaah yang diimani oleh mereka?
iii) Saidina Ali yang manakah yang ditaati oleh mereka memandang-kan
   a) Mereka beriktikad bahawa Allah bersifat bodoh (bada').
   b) Mereka percaya bahawa setelah baginda s.a.w. wafat, hanya beberapa orang sahaja yang benar-benar beriman. Ini bererti Rasulullah tidak berjaya menyampaikan risalahnya selama 23 tahun. Apakah benar Imam-Imam mereka lebih tinggi martabatnya daripada Nabi

Muhammad s.a.w.

iv) Siyah percaya bahawa imam kedua belas ialah Imam Mahdi. Jadi dari mana Imam Khomeini mendapat gelaran Imam dan siapakah yang mengangkat beliau dengan pangkat imam itu?

v) Kalau kita hendak menghapuskan aliran Syiah ini, kita harus memerhatikan pergerakan tokoh-tokoh Syiah. Tokoh-tokoh Syiah yang saya kenali iaitu Husein al-Habsyi (Bangir), Ahmad Barakbah (Pekalongan) dan Jamaluddin Rahmat (Bandung) perlu diberi perhatian untuk menghapuskan pengaruh Syiah.

Jawpan untuk soalan i hingga iv tanyalah pada penyokong-penyokong Syiah sendiri dan penyokong-penyokong Mutasya'yin.

v) Kita tidak boleh bertolak ansur dengan Syiah kerana ia bukan masalah furu' tetapi asas. Mengikut buku yang ditulis oleh Imam Khomeini berhubung dengan kitab fiqhnya, golongan Mutazilah dan Ahli Sunnah disebut sebagai najis dalam Bab Najis. Dalam Bab Penyembelihan, antara penyembelihan yang tidak halal dimakan ialah penyembelihan yang di akukan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak halal makan penyembelihan orang yang beragama Buddha dan Hindu tetapi boleh makan penyembelihan Ahli Kitab Yahudi dan Kristian. Ertinya secara tidak langsung, dia (Khomeini) telah mengkafirkan Ahli Sunnah.

Rujukan:

1. Al-Quran al-Karim.
2. Basmeih Sheikh Abdullah, Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, Percetakan Mas Sdn. bhd, Cetakan 1, 1980-1400.
3. Ad-Dahlawi, Syiah Ab. Aziz Waliyullah Ahmad Ab. Rahman Mukhtasar at-Tuhfah al-Ithnai 'Asyariah, tahqiq, Mahabbuddin al-Khatib, Dar al-Ifta' wa ad-Dakwah Wa al- Irsyad, Riyadh, 1404H.

4. Ad-Dimasyqi Imam Abu al-Fida' Ismail Ibnu Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, juzuk 2, Dar al-Fikr, t.t.
5. Al-Hgaib, Dr. Abdullah Muhammad, Waja'a Daurul al-Majus al-Ib'ad at-Iraniah, 1402, tanpa percetakan.
6. Al-ghaib, Dr. Abdullah Muhammad, al-Khomeini Baina at-Tatarruf Wa al-Afdal, t.t. tanpa percetakan.
7. Al-Khatib, as-Sayid Muhabbudin, al-Khulut al-'Aridhah, Muassasah Makkah, t.t.
8. Al-Khomeini, Imam al-Mujahid Rohullah, Al-Hukum Al-Islamiah, Muassasah al-'Alami, Bairut, t.t.
9. Al-Khomeini, Imam Rohullah, Kasyful Asrar (Arab) Dar Ammar, Aman, Cetakan I, t.t.
10. An-Nisaburi, Imam Abu al-Husain bin Hajjaj al- Qusyairi, Sahih Muslim, Tahqiqi Muhammad Fuad Ab Baqi, Dar al-Ifta' wa ad-Dakwah wa al-Irsyad, Riyadh, 1980-1400.
11. Nu'mani, Syaikh Muhammad Manzur, Ath-thaurah al-Iraniah Fi Mizan al-Islam, Dar as-Sahwah, 1984-1905.
12. Sabiq, as-Sayaid, Feqh as-Sunnah, juzuk 2, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t.
13. At-Tirmizi, Imam Abu 'Isa Muhammad Ibnu Isa, Sunan at-Tirmizi Wa Huwa An-jami' as-Sahih, juzuk 5, dar al-Fikr, Cetakan III, 1978-1398.
14. Ibnu Taimiah, Taqiuddin Ahmad bin Ab. Halim, Minhaj as-Sunnah, Bulaq, 7 juzuk 2, 1321.

11 SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

Oleh

Ahli-ahli Panel

Soalan 1: oleh Abdul Aziz Musa (Persendirian):

i) Sila beri hadis tentang kahwin mutaah, riwayatnya dan jenisnya.

ii) Sila nyatakan siapakah Abdullah Saba', bila dan di mana tempat lahirnya dan bila ia meninggal dunia.

iii) Soalan ini adalah tentang keadilan sahabat. Apakah hukum Yazid membunuh Ahlul Bait? Di sini berlaku khilaf di kalangan ulamak sendiri. Mengapakah kita tidak berani menghukum Yazid kafir sedangkan kita berani mengatakan Syiah itu kafir?

iv) Apakah kedudukan mazhab Wahabi di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah? Sekiranya ia adalah satu mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka ada lima mazhab dan bukannya empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jika bukan, apakah kedudukannya?

vi) Pihak penganjur sepatutnya menjemput pihak Syiah juga supaya kebenaran dapat diketahui.

Soalan 2:

i) Bahaya Syiah sudah sampai kepada akidah, akhlak, ummah dan negara untuk menggalakkan pembentukan sebuah negara Islam. Saya ingin ulasan daripada Ustaz Mohd Asri.

ii) Apakah sikap sebenar kita dalam menghadapi masalah Syiah di Malaysia? Adakah kita bersikap keras, lemah lembut atau mengkafirkan mereka?

iii) Apakah agenda bertindak kita terhadap permasalahan umat Islam yang kelesuan?

Soalan 3:

Soalan ini ditujukan khas kepada Drs. Mohd Nabahan dan Dr. Huda. Tolong jelaskan latar belakang hadis tentang Ghadir Khum. Adakah ia sahih atau dhaif dan mengapa Syiah bersungguh-sungguh untuk membelanya?

Soalan 4:

Siapakah dia Imam kedua belas yang diimami oleh Syiah?

Soalan 5:

Ustaz Mahmud Daud telah mengatakan ada dua orang ketua Syiah di Malaysia yang telah dilantik untuk menjalankan aktiviti Syiah di Malaysia. Sila sebutkan kedua-dua nama mereka.

JAWAPAN OLEH USTAZ WAN ZAHIDI WAN TEH

ii) Ulamak Zaidiyah adalah daripada Ahlul Bait. Dalam kitab hadis yang paling tua, 'Majmuah al-Ikhtiar' yang dikumpulkan oleh Imam Zaid sendiri, Imam Zaid telah ditanya tentang mutaah. Beliau menjawab, "Mutaah ini seperti darah, arak dan daging babi". Ijmak ulamak Ahli Sunnah dan al-Zaidiyah tentang kahwin mutaah adalah haram.

iii) Sebenarnya percubaan ulamak-ulamak Syiah Mutaakhirin untuk menafikan Abdullah Saba' adalah seperti percuba an mereka yang melakukan jenayah untuk menghapuskan kesan-kesan jenayah mereka. Abdullah Saba' disebut dalam hampir

semua kitab tarikh dan rijal Ahli Sunnah dan Syiah. Ulamak-ulamak Syiah yang menulis tentang tarikh ini seperti at-Thusi juga ada menyebut tentang Abdullah Saba' dalam "Rijal al-Kashshee" oleh Muhammad ibn Hasan ibn Ali at-Thusi Hal. 108. (lihat "Bahaya Syiah Kepada Aqidah" oleh Mohd Asri. Hlm. 5 dan 6). Orang dahulu tidak mengingkari Abdullah Saba'.

iv) Tentang riwayat sahabat yang adil adalah akidah Ahli Sunnah bahawa sahabat tidak berbohong terhadap Nabi s.a.w. Riwayat sahabat adalah sahih dan diterima. Syiah menyatakan bahawa ada beberapa orang sahabat sahaja yang pro-Islam selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. dalam "Rijal al-Kashshee". Ibid. Hlm. 12-13.

v) Wahabi ialah satu gerakan pada abad ke 18M yang dipimpin oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab bersama keluarga Diraja as-Saudi untuk menghapuskan khurafat syirik di Semenanjung Arab dan untuk menyatukan Semenanjung Arab yang diperintah oleh kabilah-kabilah. Ia adalah satu gerakan yang berjaya kerana ia adalah kombinasi antara ulamak dan umara'. Wahabi bukan satu mazhab. Ia sebenarnya mengamalkan mazhab Hanbali tetapi semua mazhab yang lain juga ada diamalkan. (Lihat "Wahabi Dan Reformasi Islam" oleh Drs Zainal Abidin Syihab. Pustaka Dian, Jakarta).

JAWAPAN OLEH USTAZ MOHD ASRI YUSOF

iii) Saya sudah menjawab tentang keadilan sahabat dalam kertas kerja saya. Syiah mengatakan bahawa pada suatu ketika dahulu, kebanyakan sahabat selalu minum arak. Apabila saya merujuk kepada kitab yang ditulis oleh Qurthubi, teksnya berbunyi, "Kebanyakan sahabat minum arak suatu ketika dahulu' bukannya "kebanyakan sahabat minum arak". Ada kesilapan dalam terjemahan dan ia boleh mengelirukan orang ramai.

Kadang-kala sikap sahabat terhadap Rasulullah s.a.w. adalah kasar, biadap dan digambarkan sebagai orang Badwi. Apakah sikap sahabat yang begini boleh adil dan tinggi kedudukannya? Bagi ulamak Ahli Sunnah Wal Jamaah, memang benar sahabat, pada suatu ketika dahulu, pernah kasar dan biadap tetapi dengan didikan Rasulullah s.a.w. mereka telah menjadi manusia yang begitu lembut, begitu seni dan pada waktu malamnya, mereka kuat bersembahyang dan pada siangnya mereka adalah pahlawan.

Kalau sahabat pernah minum arak dan biadap, mereka tidak terus minum arak dan biadap. Ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah berjaya mendidik satu umat yang begitu mundur dari segi akhlak yang tidak boleh dibentuk oleh peribadi lain selain Rasulullah s.a.w. dan mereka telah berjaya menguasai dunia dan mereka dapat memikat hati manusia pada ketika itu.

Tujuan golongan Syiah yang sebenarnya (pada pendapat saya) dengan selalu membangkitkan keadilan sahabat ialah untuk mempertikaikan hadis yang dibawa oleh sahabat. Siapakah yang membawa Al-Quran kepada kita? Syiah percaya kepada Al-Quran ini juga dan siapakah yang menyampaikan Al-Quran ini kepada kita daripada Rasulullah s.a.w.? Kalau keadilan sahabat dipertikaikan, Al-Quran juga akan kita pertikaikan kerana Al-Quran ini disampaikan melalui mereka kepada kita. Kenapa kita tidak mahu menerima hadis tetapi menerima Al-Quran yang dikumpul dalam zaman tiga orang Khalifah sebelum Saidina Ali r.a.? Saidina Ali tetap membaca Al-Quran itu. Kalau kita masih mempertikaikan keadilan sahabat, akhirnya Al-Quran sendiri juga akan dipertikaikan. Sememang maksud mereka (Syiah) dan sasaran mereka adalah ke situ (mempertikaikan Al-Quran), ini adalah kerana al-Quran tidak menyebut berkenaan wajib beriman kepada dua belas Imam untuk masuk syurga, perkara wasiat dan lain-lain. Sahabat menjadi ukuran dalam kebenaran iman orang lain. Rasulullah s.a.w. juga mengiktirafkan keadilan sahabat. Kalau keadilan sahabat terus dipertikaikan, maka golongan perawi

lagi dipertikaikan juga. Menurut Syiah, perawi-perawi ini adalah ditadbir oleh orang-orang jahat seperti Bukhari dan ulamak-ulamak lain.

Sepanjang pembentangan kertas kerja kami, para peserta tidak menafikan isi kebenaran kertas kerja dan rujukan-rujukan yang kami kemukakan. Tidak ada sesiapa yang mengatakan rujukan kami tidak betul. Saya juga telah bertanya semalam adakah semua Syiah menerima hadis daripada Jaafar as Siddiq dan Saidina Ali? Persoalannya ialah: Adakah Syiah yang mendakwa percaya kepada Imam Dua Belas yang maksum itu menerima semua ajaran daripada imam mereka Jaafar as-Siddiq?

Siapakah perawi-perawi Syiah dan bagaimana kedudukan mereka? Tokoh-tokoh Imam Syiah yang maksum sendiri seperti Imam Jaafar as Siddiq dan Muhammad Al-Baqir telah melaknat perawi-perawi utama Syiah. Sebaliknya perawi-perawi yang diiktiraf oleh Allah, Rasulullah s.a.w. dan sejarah yang telah membuktikan kejayaan umat Islam zaman awal, yang membuktikan keadilan dan kesetiaan mereka, mereka semua itu dikatakan telah ditolak oleh Imam maksum! Adakah kita hendak mengambil riwayat perawi-perawi Syiah yang dilaknatkan oleh Imam Jaafar as-Siddiq dan meninggalkan perawi-perawi Ahli Sunnah yang terdiri daripada sahabat-sahabat yang adil?

Saya telah mengemukakan rujukan Syiah dan kata-kata Imam yang maksum sendiri. Kalau mereka percaya kepada Imam maksum, golongan Syiah perlu ikut ajaran-ajaran Imam maksum. Ertinya mereka telah tidak sepenuhnya menerima ajaran Imam mereka. Perawi-perawi mereka telah dikatakan oleh Imam Jaafar lebih jahat daripada orang Yahudi.

Kalau ada kesalahan pada sahabat, hikmahnya, ia adalah untuk membuktikan perlaksanaan hukum Islam oleh Rasulullah s.a.w. Ada beberapa perkara yang tidak layak berlaku kepada Rasulullah s.a.w. yang maksum seperti berzina

tetapi ia boleh berlaku pada sahabat. Jadi bagaimana hendak melaksanakan, mempertikaikan dan membuktikan kepada dunia bahawa hukum berzina berlaku pada teori dan praktiknya? Rasulullah telah mempraktikkan hukum itu. Bagaimana jika ia tidak berlaku? Maka berlakulah penzinaan pada sahabat dan sahabat tersebut telah membuktikan bahawa ia mengamalkan ayat itu dan menyerahkan diri kepada Rasulullah untuk melaksanakan hukuman rejam. Setelah dia bertaubat, dia telah mendapat keampunan Allah dan keampunan Allah diakui di dalam Al-Quran.

JAWAPAN OLEH USTAZ DRS. MOHD NABAHAN HUSSEN:

1) Tentang persoalan mengenai Ghadir Khum salah satu dalil yang selalu digunakan oleh orang Syiah untuk menegaskan tentang perlantikan Ali ialah Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Maidah 67:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ

Bermaksud:

"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya, dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir".

Syiah kononnya menganggap bahawa ayat ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyembunyikan arahan Allah s.w.t. agar melantik Ali menjadi khalifah selepas baginda. Apabila Ahli Sunnah berkata bahawa ayat ini bukannya menyentuh tentang perlantikan Ali tetapi untuk menyampaikan risalah Islam amnya, Syiah pula mengemukakan dalil dari Surah al-Baqarah ayat 124:

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ
قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ

> Bermaksud:
> 'Dan (ingatlah), ketika nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku!) Jadikanlah jua (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman; "(permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan di dapati oleh orang-orang yang zalim"

Kononnya firman ini adalah sebagai qias (analogy) tentang perlantikan Ali sebagai Imam selepas Nabi s.a.w. Apabila Ahli Sunnah berhujah menentangnya, puak Syiah membawakan dalil dari Surah al-Syu^cara' ayat 214:

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

> Bermaksud:"Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat".

Waktu ayat ini turun Nabi s.a.w. mengumpulkan Bani al-Muttalib.

> "Wahai Bani al-Muttalib, Aku tidak boleh menyelamatkan kamu dari siksaan Allah di neraka. Maka ambillah bahagian kamu dari agama ini. Aku tidak boleh menyelamatkan kamu walaupun aku ini Rasulullah. Wahai Fatimah binti Muhammad, ambillah bahagianmu dari agama ini Anutlah agama ini. Ayahmu tidak boleh menyelamatkan kamu dari neraka".

Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda (kata orang Syiah), "Siapakah yang akan menjadi khalifahku?". Tidak seorang pun yang menjawab kecuali Ali. Tetapi Ali ketika itu umurnya berapa tahun? Dua tahun, tiga tahun atau tujuh tahun? Apakah anak kecil boleh menjadi khalifah? Bolehkah seorang anak kecil menjadi imam? Berapakah syarat-syarat imam?

Lihat di dalam kitab al-Ihtijaj, Kitab Usul Kafi, Kitab al- Nas Wa al-Ijtihad, Kitab al-I^clam ^cAla Dharurah al-Tasyayyu', Kitab Firaq al-Syi^cah dan lain-lain.

Apakah yang disuruh untuk disampaikan? Bagi Ahli Sunnah ayat ini meminta Rasulullah s.a.w. untuk menyampaikan seluruh wahyu yang diterima kepada umat manusia tanpa kecuali.

قُلْ إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكَ بِهِ ۚ
إِلَيْهِ أَدْعُو وَإِلَيْهِ مَآبِ

> Bermaksud:"Katakanlah : "Sesungguhnya aku hanya diperintahkan supaya menyembah Allah, dan supaya aku tidak mempersekutukanNya dengan sesuatu yang

lain; kepadaNyalah aku menyeru (manusia semuanya untuk menyembahNya), dan kepadaNyalah tempat kembaliku (dan kamu semuanya untuk menerima balasan)".

(al-Ra'd: 36)

Ahli Sunnah mengatakan apa yang diperintahkan itu ialah wahyu sedangkan Syi'ah menyatakan ketetapan bahawa Ali dilantik menjadi khalifah selepas Nabi s.a.w. Kalau ingin membicarakan soal ini manakah kalimatnya yang jelas? Manakah nas Sorih Qat'iyyah Dilalah yang jelas menceritakan tentang perlantikan Ali? Bila ayat ini turun dikatakan (oleh Syiah) bahawa Nabi s.a.w. takut mengumumkan perlantikan Ali. Pada masa itu Ali, Buraidah dan lain-lain diperintahkan oleh nabi s.a.w. bertugas ke negeri Yaman untuk memungut zakat. Komandan (ketua)nya ialah Ali.

Sesudah turun ayat يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك "kata orang Syiah, Rasulullah s.a.w. diamkan dahulu, disembunyikan dahulu kerana takut. Apa adakah Rasulullah s.a.w. takut? Jangankan Rasulullah s. a.w. kita juga tidak takut Li'ila' Kalimatullah (لاعلاء كلمة الله). Tidak ada bukti Rasulullah s.aw. takut. Sila baca analisa Sirah Rasulullah s.a.w. tentang militar (ketenteraan).

Di dalam Kitab al-Bidayah Wa al-Nihayah, Ali disuruh mengetuai angkatan memungut zakat. Pada masa itu Nabi s.a.w. bersama-sama para sahabatnya sedang mengerjakan Haji Wida'. Orang-orang Syiah mengatakan bahawa orang ahli Sunnah sengaja menutup cerita tentang hadis Ghadir Khum ini, tetapi cuba lihat dalam sahih Muslim, Sunan Abi Daud, al-Nasa'i, Musnad Imam Ahmad bin Hanbal dan barangkali lain-lain kitab hadis, kecuali tidak ada dalam Sahih Bukhari. Barangali inilah yang menyebabkan sakit hati orang Syiah terhadap Bukhari kerana dalil paling utama tidak ada dalam Sahih Bukhari. Tetapi saya suka menghiburkan orang Syiah juga, walaupun tidak ada dalam Sahih Bukhari, tetapi hadis itu ada dalam Kitab Tarikh al-Kabir dan Tarikh al-Soghir karangan Bukhari walaupun beliau tidak jamin hadis itu sahih.

Ali berjumpa dengan nabi s.a.w. menceritakan tentang tugas-tugasnya di Yaman. Rasulullah s.a.w. bertanya tentang apa-apa masalah sulit yang dihadapinya. "Ada", jawab Ali. Rasulullah s.a.w. bertanya "Apakah masalah itu?" Ali menjawab: "anggota pasukan saya membangkang'. Ketika itu Buraidah dan sahabat-sahabat yang bersama-sama dengannya masih belum muncul. Semasa Rasulullah s.a.w. masih berbincang dengan Ali, maka datanglah sekumpulan para sahabat yang ditinggalkan oleh Saidina Ali itu. Riwayat hadis ini datangnya dari Buraidah (semak kitab al-Bidayah Wa al-Nihayah) yang bermaksud:

> "Aku hina-hinakan Ali dihadapan Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Buraidah", Buraidah menjawab Ya, Rasulullah". Nabi bersabda: 'Tidakkah diriku lebih diutamakan di sisi orang mukmin daripada diri mereka sendiri?" Buraidah menjawab: "Ya, Wahai Rasulullah". Nabi bersabda: "Wahai Buraidah, sesiapa yang aku maula maka Ali adalah maula".

Jadi, maksud hadis ini bukannya melantik Ali, tetapi mendamaikan Ali dengan Buraidah. Bukannya Ahli Sunnah tidak mengakui hadis ini. Dalam Sunan Abu Daud berbunyi begini:

من كنت مولاه فعلي مولاه

Dalam Sunan Termizi lebih panjang:

من كنت مولاه فعلي مولاه

اللهم وال من والاه وعاد لمن عاداه .

bahkan dalam Mustadrak al-Hakim lebih panjang lagi.

Jadi ada riwayat yang panjang dan ada yang pendek. Oleh itu kita semak dengan ilmu hadis, mana hadis yang asli mana hadis yang ditambah oleh perawi. Akhirnya berdamailah Ali dengan Buraidah.

Maka oleh kerana Nabi s.a.w. tadi berfikir bahawa tadinya Buraidah telah mengecil-ngecilkan Ali, maka dalam hadis Ghadir Khum yang terkenal, Nabi s.a.w. mengumpulkan orang ramai lalu berpidato:

أيها الناس انما انا رجل يوشك ان يأتيني رسول
ربي فاجيب رسول ربي وانا تارك فيكم الثقلين
اولهما الثقل الاكبر وهو كتاب الله .

> Bermaksud: "Saya seorang lelaki biasa yang sudah dekat masanya akan datang utusan Allah kepada aku (malaikat maut) maka akan aku ikut utusan Allah itu (meninggal). Aku tinggalkan kepada kamu dua pegangan yang berat. Pegangan berat yang pertama ialah Kitab Allah.

Hadis ini diriwayatkan oleh Zaid bin Arqam. Zaid mengatakan saya sudah tua, sudah lupa yang seterusnya. Jadi peganglah kitab Allah jangan dilepaskan. Pada hujung khutbah itu menurut Zaid bin Arqam Rasulullah s.a.w. menyebutkan:

اذكركم الله في اهل بيتي ثلاث مرات

> Bermaksud: "Aku ingatkan kamu, tolong muliakan keluargaku" (diulang sebanyak tiga kali)

Kalau mahu bersatu, ya bersatulah dengan al-Quran. Al-Quran itu yang dibahagikan oleh Allah kepada Muhkamat dan Mutasyabihat. jadi berpeganglah dengan al-Quran sebagai neraca.

Seterusnya orang Syiah mangatakan, Ali dinaikkan ke atas tempat seperti pentas di mana Nabi s.a.w. mengangkat tangan Ali sehingga

nampak putih ketiak lalu melantik Ali dengan menyebut (من كنت مولاه فعلى مولاه). Hadis ini sebenarnya disalah tafsirkan. Sebab timbulnya (Asbabun Nuzul) hadis ini bukan untuk melantik Ali tetapi yang sebenarnya ialah untuk mendamaikan antara Ali dengan Buraidah. Lalu hujah apa lagi untuk menjelaskan perlantikan Ali? Hujah Hadis Safinah yang menjelaskan perumpamaan ahli keluargaku seperti safinah Nuh:

مثل اهل بيتي مثل سفينة نوح من ركب نجا ومن
ترك غرق.

Menurut Ibnu Taimiyyah dalam kitab Minhaj al-Sunnah hadis ini tidak ada sandarannya (هذا لا أصل له). Kemudian dalil apa lagi? Hadis Muakhah (حديث مو•اخاه) yang menjelaskan apabila Nabi sampai di Madinah lalu mempersaudarakan golongan Ansar dan Muhajirin. Tetapi pada masa itu tidak dipersaudarakan cuma Ali, Ya, memang sebab Ali pada masa itu masih bujang, mahu dipersaudarakan dengan siapa? Lalu Ali mengadu bahawa dia tidak dipersaudarakan dengan sesiapa. Jadi Rasulullah s.a.w. menjelaskan; "apakah engkau tidak suka wahai Ali, engkau bagiku seperti Harun dengan Musa". Harun dengan Musakan saudara kandung sedangkan Muhammad dan Ali bukan saudara kandung. Kata orang Syiah, bererti Ali adalah seperti Nabi dan Muhammad adalah Rasul Allah. Tafsiran ini adalah tafsir yang diselewengkan mengikut selera orang Syiah. Harun adalah Nabi dan Musa adalah Rasul maka Ali adalah Wasi dan Muhammad adalah Nabi secara qias sahaja oleh orang Syiah. Sebenarnya soal Harun dan Musa itu ditegaskan oleh ayat 29 - 30 Surah Taha:

وَٱجْعَل لِّي وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي ﴿٢٩﴾ هَٰرُونَ أَخِي

> Bermaksud: "Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluarga, iaitu Harun, saudaraku"

Pada hakikatnya tidak ada nas yang menentukan Ali sebagai nabi atau wasi tetapi Syiah pula mengatakan ada ayat yang menentukan perlantikan Ali sebagai Imam iaitu dalam surah al-Fatihah ayat 7:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ

Bermaksud:
"Iaitu jalan yang telah engkau kurniakan niᶜmat kepada mereka"

Menurut orang Syiah aya t ini tidak asli yang aslinya ialah . صراط من انعمت عليهم yang bermaksud, "jalan (Sirat) orang yang telah Engkau kurniakan niᶜmat kepada mereka" iaitu Siratu Ali (Jalan Ali). Tafsiran ini bukan tafsir muktabar tetapi tafsiran mazmun (dicela) yang mendewa-dewakan Ali. Mereka sangat taksub kepada Ali sebagai tipu muslihat untuk menghancurkan Islam kerana itu Saidina Ali r.a. pernah menganggap mereka sebagai pendusta yang lebih besar bahayanya dari golongan Khawarij.

Ayat ini sebenarnya ditafsirkan sendiri oleh nabi s.a.w. iaitu terdapat dalam surah al-Nisa' ayat 69: (Lihat al-Madkhal Li Dirasah al-Quran Wa al-Sunnah oleh Dr. Syaᶜban Muhammad Ismail, Penerbit Dar al-Ansar, Mesir, hlm. 313-314).

وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا

Bermaksud:
"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-

sama orang-orang yang telah dikurniakan niᶜmat oleh Allah kepada mereka, iaitu nabi-nabi dan orang-orang yang siddiqin (orang-orang yang amat benar imannya, bagaimana yang zahir begitulah batinnya), dan orang-orang yang syahid serta orang-orang yang salih. Dan amat eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat)".

2) Hadis-hadis sahih tegas menghukumkan kahwin mutaah itu haram. Kalau perlu mengkaji kesahihannya, mari kita belajar ilmu hadis. Kalau sesiapa merasa ingin menganggu gugat riwayatnya, jangan bicara ilmu hadis kalau tidak mengerti ilmu hadis. Tidak ada hadis yang diriwayatkan daripada sahabat lelaki dan perempuan berkenaan kahwin mutaah itu halal.

3) Di zaman ahli apabila Rasulullah berhijrah ke Madinah, Yaman Selatan, Yaman Utara, UEA, Bahrain, Qatar dan Kuwait masih dipengaruhi oleh sisa-sisa kerajaan Persia sebelum ia runtuh semasa zaman khalifah Umar al-Khattab r.a. Abdullah Saba' berasal dari San'a (Yaman) dan usianya hampir sama dengan usia Nabi Muhammad s.a.w. Pada akhir hayat Nabi, ada nabi-nabi palsu seperti Musailamah al-Kazab dan Tulaihah yang mengubah surah-surah Al-Quran seperti surah at-Kauthar untuk membuktikan bahawa mereka adalah nabi. Di San'a yang sering berlaku pergolakan, Rasulullah s.a.w. telah pernah mengutus Ali r.a. dan Khalid untuk menangkap orang-orang murtad. Di sana ialah pusat (base) Yahudi Persia dan sejarah Parsi (Iran) membuktikan bahawa orang Yahudi hidup dengan subur di Parsi selama beratus tahun.

Orang Syiah cuba mengubah sejarah. Suatu teori sejarah yang sudah diakui kebenarannya selama ini hanya dapat digugurkan apabila saudara mampu mengemukakan satu teori yang jauh lebih kuat daripada teori yang sudah ada. Ini adalah rumusan dalam pengujian kebenaran secara ilmiah dalam pengkajian sejarah.

Abdullah Saba' dihukum oleh Saidina Ali dengan hukuman mati dan dia berjaya lari ke Madain (nama lama bagi Tehran) dan bertemu dengan Mokhtar al-Sakafi yang mengembangkan Syiah Mokhtariah (salah satu daripada 42 furu atau cabang dan ranting Syiah).

4) Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab (digelar oleh musuhnya sebagai ketua Wahabi) adalah seorang ulamak yang sangat anti kepada khurafat, bidaah dan sebarang selewengan dengan agama. Wahabi ingin kembalikan umat Islam kepada Kitabullah dan Sunnah Rasulullah. Wahabi adalah daripada golongan Ahli Sunnah. Perkataan Wahabi telah dicipta oleh Penjajah Inggeris pada masa itu supaya penduduk Muslim di Mesir malah di seluruh dunia di pisahkan daripada gerakan Ahli Sunnah di Semenanjung Arab (untuk mensucikan agama Islam daripada bida'ah.

5) Ulamak kita dahulu sudah cuba untuk mendekatkan Ahli Sunnah dan Syiah tetapi tidak berhasil malah ia menguntungkan Syiah. Terdapat tujuh Teori Kelahiran Syiah seperti Teori Syiah, Teori Ibn Khaldun, Teori Dr. Abdul Karim, Teori Ibn Mutabar dan Teori Van Hausen (orientalis). Bacalah buku 'al-Ikhtiar' karangan at-Tabashi. Kalau hendak mengambil pendapat atau nukilan, ambillah dengan sepenuhnya dan betul.

Sesungguhnya Malaysia dan Indonesia telah dibangunkan oleh Ahli Sunnah. Persoalannya adalah; Adakah Syiah itu kafir? Dalam kaedah Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita mengkafirkan sesiapa yang dikafirkan oleh Allah (al-Quran) dan kita tidak mengkafirkan sesiapa yang tidak dikafirkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Di dalam Al-Quran ada disebut sesiapa yang mengatakan Tuhan itu tiga (trinity) adalah kafir. Orang Syiah mungkin tidak merasa kafir dan tidak memperhatikan ciri-ciri, tanda-tanda atau syarat-syarat kafir dalam Al-Quran kerana mereka meragukan atau mempersoalkan Al-Quran dan mereka tidak ada ukuran. Bila

orang-orang Syiah memiliki syarat-syarat kafir dalam Al-Quran, mereka adalah kafir. Kita berpegang teguh pada Kitabullah dan Sunnah Rasul.

Ibn Taimiyah ada berkata dengan jelas bahawa sesiapa yang dikafirkan oleh ayat Al-Quran dan oleh hadis, kita mesti kafirkan dan sesiapa yang tidak dikafirkan oleh ayat Al-Quran dan hadis, maka kita jangan kafirkan Imam Syafie juga tidak berani mengkafirkan orang yang tidak dikafirkan oleh Allah dan Rasul-Nya).

6) Apabila ayat 87 dalam surah Al-A'raaf diturunkan kepada Nabi s.a.w., baginda telah mengumpulkan Bani Mutalib lalu berkata, "Wahai Bani Mutalib, saya tidak bisa menyelamatkan kamu daripada siksaan Allah di neraka. Maka ambillah bahagian kamu daripada agama ini. Peganglah agama ini. Saya tidak bisa menyelamatkan kamu walaupun aku ini Rasulullah. Ya Fatimah binti Muhammad, ambillah bahagianmu daripada agama ini. Anutlah agama ini. Ayahmu tidak dapat menyelamatkan kamu daripada neraka". Lalu Rasulullah pun berkata lagi (kata orang Syiah), "Siapakah yang menjadi Khalifahku?" Menurut kitab-kitab Syiah tidak ada sesiapapun yang menjawab kecuali Ali. Kalaulah betul, berapa umur Ali pada ketika itu? Apakah kanak-kanak kecil boleh menjadi Khalifah atau Imam? Apakah syarat-syarat untuk menjadi Imam?

Ahli Sunnah mengatakan bahawa ayat ini memerintahkan Nabi supaya menyampaikan seluruh wahyu yang beliau terima kepada semua umat manusia tanpa kecuali. Syiah mengatakan bahawa ayat ini menyentuh tentang ketetapan Ali harus dilantik menjadi khalifah. Di mana kalimahnya? Di mana nas yang jelas menyebut kata-kata Ali? Tidak ada. Bagaimana logiknya?

Kalau lain iaitu ayat itu diturunkan kepada Nabi dan Nabi menyembunyikan dahulu ayat itu kerana takut mengumumkan perlantikan Ali lalu mengerjakan haji wada' dahulu. Pada waktu itu, Ali, Abu Hurairah dan beberapa sahabat lainnya r.a.

diperintahkan oleh Nabi untuk memungut zakat di Yaman dimana Komandan pasukan ke Republik itu ialah Ali. Apakah Rasulullah ada sikap takut lebih-lebih lagi kerana Allah? Tidak pernah ada bukti yang Rasulullah pernah takut. Rasulullah jelas adalah seorang pahlawan yang gagah berani, yang pandai dalam strategi politik dan strategi ketenteraan.

Hadis ini terdapat dalam kitab hadis Ahli Sunnah, Sahih Muslim, Abu Daud dan kitab-kitab hadis yang lain tetapi bagi Bukhari yang meriwayatkan hadis ini beliau tidak menjamin hadis ini adalah sahih.

Syiah mengatakan bahawa Ali diutuskan oleh Allah dalam ayat ketujuh dalam Surah At-Fatihah yang telah diubah. Mereka mengatakan, semuanya untuk Ali, taat setia mati kerana Ali. Sebaliknya kita mahu beramal selaras dengan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah. Tidak mungkin mencampurkan antara haq dan batilnya. Syiah adalah Syiah. Islam adalah Islam.

7) Bukan semua Syiah mengakui adanya Imam Mahdi. Ada yang hanya ada lima Imam atau enam Imam atau tujuh Imam sahaja dan ada yang mengiktirafkan sehingga dua puluh satu Imam. Jadi mana satu yang benar?

JAWAPAN OLEH DR. HUDA MUHSIN:

2i) Apabila melihat kebaikan pada seseorang, ambillah yang baik sahaja yang memang daripada ajaran Islam. Kita perlu tahu apakah ajaran asas Imam Khomeini iaitu ajaran Syiah yang dibawanya.

Memang dalam beberapa sudut pemimpin-pemimpin Ahli Sunnah dan ulamak-ulamak Ahli Sunnah mempunyai banyak kelemahan tetapi ia adalah kelemahan peribadi dan bukannya kelemahan Islam. Lihatlah Islam pada ajaran Islam yang

sebenarnya yang berasaskan pada Al-Quran dan Sunnah yang sahih.

ii) Buku yang jelas bertentangan dengan Islam atau menqiaskan patut diharamkan supaya tidak merosakkan pemikiran orang ramai.

JAWAPAN OLEH USTAZ MAHMUD @ ZAKARIA DAUD

Saya tidak mahu menyebutkannya walaupun permintaan saudara yang begitu bersungguh-sungguh.

12 SOALAN BERTULIS DARIPADA PESERTA SEMINAR

Sejumlah tujuh soalan bertulis telah di terima daripada peserta. Setelah di teliti di dapati bahawa sebanyak empat soalan telahpun dijelaskan oleh penceramah semasa soaljawab. Baki sebanyak tiga soalan lagi dijawab oleh penyusun.

Soalan: 1

a) Saya telah mengikuti beberapa ceramah agama daripada beberapa orang penceramah, ustaz dan ustazah tempatan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan agama kita. Dalam ceramah-ceramah mereka itu kami telah diingatkan supaya jangan terikut-ikut dengan cara Wahabi. Saya tidak faham tentang Wahabi ini sama ada ia salah atau sebaliknya. Saya berharap tuan dapat menerangkan dengan jelasnya apakah itu Wahabi.

b) Jika telah disepakatkan bahawa ajaran Wahabi itu bukanlah ajaran yang sesat, malahan ia telah mewarisi ajaran Sunnah itu sendiri maka bolehkah pihak Pusat Islam sendiri membuat kenyataan/ ststement secara terbuka mengenai kebenaran Wahabi ini?
disyaki mengikuti dan mengamalkan fahaman Syiah ini, apakah cara-cara/langkah-langkah terbaik untuk saya ambil supaya dapat membawa kembali 'individu' tersebut mengikut jalan Ahli Sunnah.

Saya tujukan soalan ini kepada Al-Fadhil Ustaz Huda dan dijemput kepada mana-mana ahli panel yang mempunyai pandangan/ cadangan.

Soalan : 2

Saya tertarik dengan jawapan tuan tentang Wahabi tetapi baru-baru ini saya dan ramai kawan-kawan saya mendengar di Radio bahawa seorang Ustaz (yang agak terkenal) mengatakan bahawa kita umat Islam di Malaysia harus berhati-hati dengan ajaran baru ini! Adakah ini salah dari segi aqidah dan yang kedua apakah perbezaannya antara Wahabi dan Sunnah.

Catatan Penyusun Bagi Soalan 1 dan 2

Perkataan Wahabi adalah perkataan yang boleh mengelirukan bahkan ia digunakan untuk menakutkan atau menghina. Perkataan ini sering digunakan untuk bermaksud mazhab Wahabi di Arab Saudi. Pada hakikatnya, tidak ada mazhab Wahabi dalam sejarah Islam, yang ada ialah gerakan Islam anjuran Sheikh Muhammad Ibn Abdul Wahab (1705-1787) pada abad 18M untuk mensucikan agama Islam daripada tambahan-tambahan dan khurafat. Pada zaman ibn Abdul Wahab kaum Arab di Semenanjung Arabia berpecah belah, selalu berperang antara satu dengan yang lain berpuak-puak, dan agama mereka penuh dengan khurafat dan amalan bidaah seperti amalan 'tawassul' iaitu meminta sesuatu hajat melalui wali-wali Allah, membina Qubbah atas kubur dan tawaf mengelilingi kubur. Pencurian dan pembunuhan sering berlaku dan perjalanan mereka yang ingin menunaikan 'Haji' pun penuh dengan bahaya daripada perompak. Sheikh Muhammad Abdul Wahab telah berjaya bekerjasama dengan 'Umara'(raja-raja) keluarga Saudi, untuk membersihkan agama daripada khurafat dan bidaah, serta melaksanakan hukum syariat berdasarkan al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Dari segi ini beliau adalah seorang mujadid (membetulkan agama) yang telah mendapat kejayaan yang cemerlang untuk menegakkan negara berdasarkan kepada Syariat Ilahi dalam abad kesembilan belas dan kedua puluh ini. Kelemahannya sememang ada, tetapi sekurang-kurangnya negara itu mengiktiraf keagungan hukum Ilahi. Sheikh Muhammad adalah pengikut mazhab Ahmad bin Hanbal dan Kerajaan Arab Saudi menghukum mengikut kitab fiqah mazhab Hanbali.

Soalan: 3

3.1. Pertama saya menyentuh tentang Revolusi Iran yang saya tahu:

a) Imam Khomeini sebagai pemimpin ada juga silapnya. Nabi Muhammad s.a.w. sendiripun pernah ditegur oleh Allah s.w.t. tentang kesilapan beginda mendahulukan pemuda-pemuda Quraisy daripada Umi Kalthum yang miskin dan buta itu. Namun begitu orang yang mendapat petunjuk itulah orang yang sedar daripada kesilapannya.

b) Imam Khomeini adalah seorang pemimpin mujadid yang dapat menyelaraskan anak-anak muda daripada tergelincir ke lembah kekafiran melalui budaya barat (kuning) sehingga dapat mencetuskan Revolusi dan membina Republik Islam Iran yang memang sekarang ini sangat digeruni oleh penentang Islam walaupun Amerika Syarikat.

c) Dalam buku sejarah hasil karangan Prof. Hasbi Ash-Shiddieqy didapati mereka (Syiah) saling membawa hadis palsu kerana didorong oleh keta'suban.

d) Sekarang terpulang pada diri kita sendiri apakah kita hendak menjadi orang yang mementingkan ijtihad/perbedaan pendapat itu lagi. Oleh itu jadilah manusia yang mengambil ilmu dengan berhati-hati supaya tidak menyebabkan orang tidak faham dan jangan menjadi penyambung lidah bagi orientalis yang ingin melemahkan Islam melalui mazhab Syiah ini.

e) Saya rasa di dalam seminar ini dihadiri juga oleh kaum Sunnah dan Syiah, semoga Syiahnya bukan Syiah yang berorientasikan kapitalist atau Syiah Imamiyyah yang tergolong dalam Syiah yang sesat tetapi adalah Syiah Zaidiyyah (yang sederhana).

Catatan Penyusun Bagi Soalan 3.

a) Daripada ajaran Syiah, Imam-Imam Syiah yang duabelas adalah 'maksum' (bebas) daripada kesalahan. Imam boleh membuat syariat yang baru! Dia boleh menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Rasulullah s.a.w. Institusi Imam sangat berbeza sekali dengan maksud Imam atau Khalifah disisi ahli Sunnah Wal Jamaah. Kenyataan ini diakui oleh Khomeini dalam bukunya *Hukumat al-Islamiyyah.* Imam Khomeini yang digelar sebagai "Ayat Allah" dianggap oleh pengikut-pengikutnya sebagai wakil bagi Imam yang maksum yang ghaib itu. Khomeini tidak membenarkan walaupun satu masjid didirikan di Teheran untuk Ahli Sunnah,

sungguhpun gereja Kristian dan Yahudi ada terdapat di Teheran.

b) Ketua-ketua Komunis dan ketua-ketua lain pun ada yang berjaya menghapuskan budaya kuning di dalam masyarakat mereka. Metodologi Islam adalah secara dakwah, bukan melalui revolusi dan membunuh. Amerika pun pernah gerun kepada cabaran komunis Rusia. Juga kalaulah Amerika benar gerun kepada cabarab Syiah di Iran, mengapa pula Amerika, Perancis dan England serta Russia berazam untuk melindungi kaum Syiah di Selatan Iraq sekarang. Adalah lebih baik bagi mereka untuk menggunakan Saddam Hussien untuk melemahkan kaum Syiah di negara Iraq terlebih dahulu. Pada zahirnya Revolusi Iran di gambarkan sebagai suatu revolusi di cetuskan oleh rakyat Iran sendiri. Itu pendapat umum. Tetapi ada bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa Revolusi ini di bantu oleh gerakan zionis antarabangsa. Perkara ini perlu di selidiki dengan rapi bukan dengan emosi, kerana implikasinya sangat jauh sekali!. (Sila lihat keratan akhbar di Bahagian Rujukan).

c) Penggunaan hadis-hadis palsu adalah amalan istimewa golongan Syiah sehingga mereka menganggap Sahih Bukhari tidak boleh dipercayai.

d) Masalah di depan kita ini bukannya dalam bidang ijtihad atau syariat tetapi dalam bidang akidah atau kepercayaan (rukun) atau soal pokok dan bukan rantingnya. Setiap Muslim perlu berhati-hati supaya tidak sesat dengan fahaman Syiah. Ini adalah kerana terdapat paling banyak buku yang ditulis dan digalakkan oleh orang Orientalis yang mirip kepada kepercayaan sufi al-Mulhid al-Falsafah dan Syiah Imamiyyah...

Syarikat-syarikat Buku Antarabangsa di Barat lebih senang hati untuk menyebarkan buku-buku yang mirip kepada aliran Sufi yang sesat dan Syi'ah dalam sejarah Islam. Terdapat dalam sejarah Islam pada abad pertama Hijrah aliran Syi'ah yang dibawa oleh Abdullah ibn Saba' telah

menyebabkan permusuhan antara sahabat-sahabat hingga Khalifah Othman r.a. telah dibunuh disebabkan oleh fitnah dan hasutan dari golongan Syi'ah . Pada abad ketujuh Hijrah pengikut Syi'ah telah membantu tentera Tartar (Hulagu) memusnahkan Baghdad pada tahun 1258 Masehi.

An-Naseer at-Toosee seorang sarjana Syi'ah yang terkenal telah menonggang kuda mengiringi Hulagu di hadapan tentera Tartar dan bersamanya mengatur pembunuhan secara besar-besaran terhadap orang Islam yang tidak berdosa. Ibn al-'Alqamee, Perdana Menteri Syi'ah juga memainkan peranan penting dalam bencana tersebut. Ghaayyaath Khudaabundah Muhammad, ketua Tartar yang menjadi Syi'ah telah membuat pakatan dengan tentera Salib ketika mereka membunuh dan mengancam pengikut-pengikut Islam Sunni pada abad 10 Masehi.

Republik Syiah Iran yang sungguhpun berjiran dengan Afghanistan tidak menolong pihak Mujahiden menentang tentera Komunis, sebaliknya pengikut Syi'ah mengecil-ngecilkan Jihad tentera Mujahiden.

Tentera Komunis apabila terpaksa melarikan diri daripada Kabul, telah meninggalkan bahagian timur Kabul di kuasai oleh general militari komunis lama bernama Abdul Rashid Dostum yang telah memilih untuk menyokong Kommander Ahmad Shah Masood daripada Jami'at-e Islam di Utara. Selain daripada itu, parti Syiah Hizb-e Wahdah di ketuai oleh Mazari menguasai daerah selatan Kabul. Parti Syiah ini menimbulkan masalah untuk menuntut suku daripada jumlah kerusi parlimen walaupun penduduk Syiah di Afghanistan adalah tidak lebih daripada tujuh persen. Engineer Gulbudin Hikmatyar, Kommander ahli Sunni yang paling popular terpaksa duduk diluar mengepung Kabul sungguhpun beliau telah dilantik sebagai ketua menteri, kerana masalah Masood telah memilih untuk bekerjasama dengan general komunis Dostum yang kejam pada zaman Presiden Najibullah.

Di Beirut, Labenon gerakan Syi'ah bernama **Amal** yang diketuai oleh Nabi Berrie telah membuat pakatan dengan tentera Kristian Maronit dan melancarkan serangan **ke atas khemah pelarian Palestin di Sabra, at-Shatilla dan di Burj al-Barajinah** pada tahun 1985 (The Mirage in Iran oleh Dr. Ahmad Al-Afghaanee, 1987, hlm. 25). Ratusan orang pelarian Palestin telah terbunuh! Dunia Islam telah diberi gambaran yang sengaja dikaburkan oleh media massa Barat. Peristiwa serangan ke atas orang pelarian Palestin itu oleh golongan Syi'ah sepatutnya menjadi suatu pelajaran bagi umat Islam. Sebuah buku setebal 500 halaman bertajuk: Wa Jaa-a Dawr al-Majoos (Kedatangan Giliran Orang Majusi) telah menceritakan bencana yang sedih itu.

e) Masalah di Malaysia dan di Nusantara bukannya Syiah Zaidiyyah tetapi masalah fahaman Syiah Imamiyyah. Imam Khomeini pernah berkata ingin mengeksport "Revolusi Iran" kepada negara Muslim yang lain. Mereka mencurahkan tenaga dan wang ke arah tujuan ini sungguhpun rakyatnya sekarang lebih miskin daripada zaman Pemerintahan 'Shah' Iran. Keadaannya adalah serupa dengan keadaan di Russia sebelum dan selepas Revolusi Bolsheviks pada tahun 1918. Nyawa dan tenaga banyak terkorban. Karl Marx telah membuat suatu kesilapan (atau satu rancangan Zionis) yang sangat mengecewakan manusia di planet bumi ini. Umat Muslim tidak sepatutnya masuk ke dalam lubang yang sama.

f) Kini media massa Barat heboh menamakan Revolusi Iran sebagai 'Revolusi Fundamentalis' Islam. Yang sebenarnya mereka tahu kerana Pusat-Pusat Pengajian Orientalis sudah lama membuat kajian bahawa revolusi ini adalah dianjurkan oleh kaum yang bergelar Syiah sahaja di Iran kerana kaum ahli Sunni di hambat, dibunuh dan dipenjarakan, oleh itu kerana mereka itu dianggap sebagai musuh politik dan ideologi. Kaum Syiah telah mengikuti metodologi revolusi Komunis iaitu bersifat ganas, buas, membunuh, mencabar serta menakutkan rakyatnya. Media Massa Barat bersubahat dengan Khomeini dengan tidak memberi jumlah orang yang

telah dibunuh oleh Kerajaan Khomeini dengan jelas dan sengaja mengecilkan angka-angka tersebut. Media massa Barat merasa enak menggelarkan pengikut Khomeini sebagai 'Radical Muslims' (Muslim yang radikal) dengan tujuan untuk mempamerkan bahawa Islam ganas, Syiah itulah Islam dan orang fundamentalis adalah orang pelampau.

Wa Allahu 'alam bissawab

RUJUKAN:

a) Dr. Mouse Al-Mousawi. *The Miserable Revolution.* Baghdad: Dar Al-Ma'mum. 1987.

b) Muhd. Kamil al-Husyimi. *Hakikat Akidah Syiah.* Terjemahan 'Aqaidus-Syi'ah fi-Mizan oleh Prof. Dr. H.M. Rasjidi. Jakarta Indonesia: Bulan Bintang. 1989.

c) Mohammed Mansor Nomani'. *Khomeini Revolusi Iran dan Aqidah Syiah.* Terjemahan oleh Abu Muhammad. Kuala Lumpur: Islamic Publ. House. 1989.

d) Ahmad Al-Afghaanee. *The Mirage In Iran.* Brooklyn, N.Y: Tawheed Publications. 1988.

13. CADANGAN-CADANGAN BERTULIS DARIPADA PESERTA SEMINAR

Urusetia Seminar telah menerima sebanyak lima belas cadangan daripada peserta Seminar seperti berikut:

Cadangan 1 oleh Farawahida Hj. Mohd Yusof, Akademi Islam, Universiti Malaya

Saya mengharapkan agar satu revolusi dikeluarkan oleh pihak penganjur untuk mendesak pihak berwajib seperti pihak Kerajaan, Kementerian Pendidikan, Pusat Islam dan majlis Agama Islam, ahli Akademik untuk mengambil tindakan ke atas golongan Syiah kerana:

a) akidahnya jelas telah menyeleweng
b) ramai pemimpin Syiah terdiri daripada ahli akademik yang bertauliah dengan kelulusan Ph.D dan lain-lain. Oleh itu, ramai para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) misalnya di Universiti Kebangsaan malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM), telah mengamalkan kahwin mut'ah dan mengemparkan ibubapa pelajar serta masyarakat (berleluasanya zina)

Pensyarah-pensyarah mempengaruhi markah-markah para pelajar dalam peperiksaan sekiranya mereka tidak menjawap mengikut 'selera' Syiah!

Cadangan 2

a) Saya berharap agar masa dapat dianjurkan seminar seperti ini lagi sebagai lanjutan kepada seminar ini dan diharapkan dapat diperuntukan masa yang lebih panjang untuk sesi soal jawab pembentangan kertas kerja.

Cadangan 3

Memandangkan ajaran Syiah semakin berkembang di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, kami mencadangkan supaya pihak Pusat Islam mengenal pasti siapakah antara pensyarah-pensyarah yang telah memainkan peranan mereka 'mensyiahkan' aqidah para pelajar Muslim.

Seterusnya Pusat Islam mengenal mengambil tindakan yang wajar terhadap mereka supaya fenomena ini dapat dibendung walaupun tidak sepenuhnya.

Cadangan 4

1. Haramkan semua risalah yang dikeluarkan oleh Ahlul Bait yang berleluasa terutama di Institusi Pengajian Tinggi.
2. Kertas kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar ini dijilidkan dan disebarkan seluruh Malaysia.

Cadangan 5 oleh Nazarudin Ibrahim, Universiti Kebangsaan Malaysia

Saya mencadangkan supaya seminar seumpama ini meliputi tajuk:
i) peranan syiah dalam menghalang pembentukan kerajaan Afghanistan.
ii) pengkhianatan Syiah sepanjang zaman.

Cadangan 6 oleh Ust. Zainal Abidin, Persendirian

Resolusi
1) Seminar ini mengeluarkan surat kepada agensi kerajaan supaya Syiah di Malaysia diharamkan sebagai Pengancam negara.
2) Pengikut-pengikutnya hendaklah disenarai hitamkan oleh Pusat Islam.
3) Mencari Pusat perkembangannya di Malaysia.

Cadangan 7 oleh Md. Yunus Abdul, Universiti Malaya

Saya menyokong Pusat Islam atau mana-mana badan menganjurkan debat terbuka antara ulama Sunnah dan Syiah di Malaysia. Mudah-mudahan tersingkap apa yang palsu.

Cadangan 8 oleh Rosli Kemin, Johor Baharu

Saya menganjurkan supaya seminar seperti ini dapat diadakan terus-menerus ke semua peringkat di seluruh negara dan menerbitkan buku-buku, risalah-risalah, ceramah-ceramah dan sebagainya tentang penyelewengan ajaran Syiah, menyarankan kepada pihak-pihak tertentu supaya mengambil tindakan-tindakan sewajarnya serta mengharamkan semua penerbitan-penerbitan dan risalah-risalah yang menyesatkan.

Cadangan 9 oleh Pusal Abu Sufiah, Akademi Islam, Universiti Malaya

Saya mencadangkan agar kerajaan Malaysia menyatakan pendirian yang tegas terhadap golongan Syiah sama ada mengistiharkan Syiah sebagai mazhab yang tidak diiktirafkan sebagai mazhab Muktabar dan kerajaan mesti juga mengambil langkah-langkah yang tegas dalam melenyapkan fahaman Syiah. Kementerian dalam Negeri mestilah sedar bahawa Syiah adalah satu ancaman yang lain yang boleh menguggat kestabilan negara.

Cadangan 10 oleh Hilmi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Usul Seminar:
1) Forum: Penjelasan Aqidah Sunnah dan Syiah di televisyen
2) Pusat Islam menyenaraikan kitab-kitab pro-Syiah.

Cadangan 11 oleh Suraiya Hj. Ashaary, Universiti Kebangsaan Malaysia

1) Mencadangkan supaya diadakan seminar atau ceramah tentang tajuk ini kepada semua pelajar sama ada di peringkat sekolah atau Universiti sebagai pendedahan kepada mereka yang tidak tahu.
2) Diadakan diskusi secara baik antara Ahli Sunnah dengan Syiah Imamiyyah.

Cadangan 12 oleh Norlela Yasin

Setelah meneliti akidah Syiah Imamiyyah adalah jelas dan nyata bahawa ia menyimpang daripada kehendak al-Quran dan as-Sunnah seperti fahamannya yang syirik, imamah, engkar al-Quran dan mengkafirkan para sahabat, maka saya mencadangkan Pusat Islam Malaysia agar menyenaraikan Syiah sebagai kelompok ajaran sesat nombor satu yang perlu diharamkan di Malaysia.

Cadangan 13 oleh Rosyah Abd. Malik, Universiti Malaya

Saya mencadangkan agar pihak penganjur dengan kerjasama Kementerian Penerangan mendedahkan kepada masyarakat Malaysia melalui media massa, secara siaran langsung untuk mendedahkan kepalsuan Syiah.

Cadangan 14 oleh Hj. Wan Mohd Shaqir Abdullah, No. 40 Jalan Batu Geliga 1, Kuala Lumpur

1) Oleh sebab kertas kerja Mahmud @ Zakaria Daud menyebut tentang karangan Khomeini yang di tulis dalam bahasa Parsi dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab maka saya mencadangkan supaya penelitian yang teliti di buat ke atas karangan tersebut.
2) Saya mencadangkan supaya membuat rujukan langsung kepada karangan aslinya dan ia diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh suatu jawatankuasa supaya dapat dibuat kajian dengan saksama.

Cadangan 15 oleh Zahiyah Hj. Haris, Masnun Hj. Musa, Akademi Islam, Universiti Malaya

Kami mencadangkan supaya diadakan mengikut organisasi seperti:
1) dimulakan dengan pandangan atau pengenalan Syiah, pengertian Syiah, jenis-jenis Syiah dan sebagainya.
2) memberi peluang kepada pendokong Syiah untuk memperkatakan sendiri tentang pegangan Syiah yang mereka ikuti.

Catatan daripada Penyusun bagi cadangan 15(6)

Cadangan untuk berbincang dengan penganut Syiah Imamiyyah adalah baik tetapi ada masalah besar kerana amalan "Taqiyyah" yang disuruh dalam ajaran Syiah. Berikut adalah satu petikan daripada buku 'Hukum Ulamak-Ulamak Islam Terhadap Syiah' oleh Ibnu Omar (1987) daripada mukasurat 29 dan 30.

SYIAH DAN TAQIYYAH (CAKAP BOHONG)

Golongan Syiah menjadikan amalan taqiyyah ini sebagai prinsip atau dasar yang asasi yang wajib dan mustahak bagi semua ahli mereka mengamalkannya demi untuk kebaikan mereka bersama. Ibnu Babawaih al-Qumi, seorang ulamak Syiah yang wafat pada tahun 381 Hijrah berkata: "Bahawa sesungguhnya iktiqad kita dalam taqiyyah adalah wajib. Sesungguhnya sesiapa yang meninggalkannya adalah seperti dia meninggalkan amalan biasa yang wajib seperti sembahyang... dan sesiapa yang meninggalkannya sebelum keluarnya imam al-Mahdi maka dia telah keluar daripada agama Allah Ta'ala dan agama Nabinya dan para-para imam"[1]

Begitulah juga pandangan anak muridnya, as-Sheikh al-Mufid, yang dianggap sebagai mujadid(pejuang) mazhab al-Ithna 'Ashara' dalam kurun yang keempat Hijrah yang telah menegaskan: "Taqiyyah

dibenarkan apabila takut ke atas (keselamatan) diri sendiri; dan sesungguhnya dibenarkan dalam keadaan tanpa ketakutan ke atas harta benda dan untuk usaha-usaha kearah kebaikan. Dan pendapatku ialah sesungguhnya kadang-kadang ia adalah wajib tanpa sebarang sebab yang mewajibkannya"[2]

Banyak hadis-hadis palsu telah diriwayatkan sebagai dasar dalam membentuk prinsip taqiyyah mereka ini. Al-Kulaini dalam kitabnya 'al-Kafi'. Bab Taqiyyah telah meriwayatkan bahawa imam mereka yang kelima, Abu Ja'afar telah berkata: "Taqiyyah itu adalah daripada agamaku dan agama nenek moyangku, tiada beriman sesiapa yang tidak mengamalkan taqiyyah'.[3] Juga, daripada Abu Umar al-A'ajami yang berkata: "telah berkata Abu Abdullah alahi assalam kepadaku: 'Hai Abu Umar, sesungguhnya sembilan persepuluh daripada agama ialah taqiyyah : tiada agama bagi sesiapa yang tiada mengamalkan taqiyyah'.[4]

Juga, daripada Abu Basir yang berkata: "Abu Abdullah alahi assalam berkata: 'Taqiyyah itu daripada agama Allah. Aku bertanya: Daripada agama Allah? Jawabnya: Ya, demi Allah, daripada agama Allah".[5]

RUJUKAN

1. ١ ــ عقائد الشيعة الامامية للقمى (ص ١١٠ ــ ١١١).

2. ٢ ــ اوائل المقالات للشيخ المفيد (ص ٩٧).

3. ٣ ــ الكافى فى الأصول باب التقية (٢١٩ جـ ٢ ص ١ طهران، ص ٤٨٤ جـ ١ ص ١ الهند).

4. ٤ ــ المصدر السابق (ص ٢١٧ جـ ٢ ص ١ ايران، ٤٨٢ جـ ١ ص ١ الهند).

5. ٥ ــ المصدر السابق (ص ٢٢٢ جـ ٢ ص ١ ايران، ص ٤٨٥ جـ ١ ص ١ الهند).

BAHAGIAN BACAAN LATAR DAN BAHAN-BAHAN RUJUKAN

14. GERAKAN SYI'AH DI NUSANTARA KINI

Oleh

Ust. Muhammad Rivai BatuBara

Firman Allah:

"Dan di antara manusia ada orang yang ucapannya tentang kehidupan dunia menarik hatimu, dan dipersaksikannya kepada Allah akan isi hatinya, pada hal ia adalah penentang yang paling keras"
(Q.S. Al Baqarah 204)

PENDAHULUAN

Kehadiran Syi'ah di pentas Nusantara kini adalah merupakan fenomena baru di penghujung abad kedua puluh ini. Bila dan dimana Syi'ah mula-mula diperkenalkan kepada masyarakat Nusantara, sukar untuk dipastikan. Kebanyakan pengkaji sejarah tentang kemasukan Islam ke Nusantara mengatakan bahawa Islam yang mula-mula sampai di Nusantara dibawa oleh orang-orang Sunni.[1] Dengan itu, mazhab Ahlus Sunnah wal Jama'ah adalah mazhab yang dominan di Nusantara semenjak berkurun-kurun yang lalu.

Namun setelah terjadinya revolusi Iran pada tahun 1979, mazhab Syi'ah mulai mendapat perhatian. Sepertimana halnya di negeri-negeri yang lain, maka di Nusantara pun tidak sedikit jumlahnya orang yang terpesona, malah mengkagumi revolusi ini. Berikutan dengan itu, mulailah dilakukan kajian-kajian terhadap mazhab Syi'ah. Persoalannya bukan hanya berhenti di sini, tetapi adanya usaha untuk mengembangkan fahaman dan 'aqidah Syi'ah di kalangan pengikut-pengikut Sunnah di Nusantara ini, selaras dengan maksud Iran untuk mengeksport revolusinya ke bahagian dunia lainnya.

Dalam hubungan ini soalan yang patut ditimbulkan, apakah kawasan Nusantara yang dominan dengan fahaman Sunnahnya semenjak

berkurun-kurun yang lalu tidak terlepas dari menjadi sasaran hasil dari usaha-usaha mengeksport revolusi Iran dengan fahaman Syi'ahnya? Atau dengan lain-lain perkataan, adakah berlaku usaha-usaha penSyi'ahan terhadap pengikut-pengikut Sunnah di Nusantara ini?

Di sini penulis akan cuba mencatitkan aktiviti-aktiviti Syi'ah di Thailand, Malaysia dan Indonesia.

THAILAND

Dari 30 Mei hingga 13 Jun 1988 yang lalu, penulis bersama dua orang du'at telah pergi melawat Bangkok dan Thailand Selatan. Kami telah bertemu dengan Syaikhul Islam dan Perwakilan Rabithah Alam Islami di Bangkok dan dengan para du'at yang ada di Bangkok dan Thailand Selatan, di samping melawat kawasan-kawasan Yala, Pattani, Narathiwat, Stul, Trang, Pattalong dan Hadyai. Dari lawatan dan pembicaraan-pembicaraan tersebut dapat dikumpulkan tentang aktiviti-aktiviti Syi'ah di sana sebagai berikut;

1. Di Bangkok kegiatan Syi'ah lebih ditumpukan di kalangan pelajar-pelajar Islam yang sedang menuntut di universiti-universiti, terutama universiti Ram Khanheang.

2. Ada sejumlah pelajar yang dihantar ke Iran untuk mendalami Syi'ah dan setelah kembali ditugaskan untuk mengembangkan fahaman Syi'ah.

3. Penerbitan Syi'ah "Dar Ahlul Bait" di Bangkok sangat aktif menerbitkan dan menyiarkan secara percuma risalah-risalah, majalah dan buku-buku Syi'ah dalam bahasa Siam, Arab dan Inggeris ke seluruh masjid, sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah Kerajaan yang ada di Bangkok dan Thailand Selatan. Akhbar Al-Jihad disebarkan setiap minggu.

4. Menyewa hotel-hotel selama dua atau tiga hari untuk mem-

bincangkan hikmah haji mengikut konsep Syi'ah, sehingga para peserta terpengaruh dengan fahaman mereka, seperti terjadi di Bangkok dan Nakhon. Juga mengadakan perbincangan yang berterusan dengan para pemuda dan pelajar.

5. Di bandar Yala pada 27 Ramadhan 1408H yang lalu, mereka mengadakan demonstrasi dan berarak di sekelilig bandar Yala, dengan menjulang slogan-slogan Syi'ah dan gambar Ayatullah Khomeini dan pemimpin-pemimpin Iran untuk memperingati hari Quds. Para penunjuk perasaan didatangkan dari luar Yala dengan kerjasama pertubuhan pemuda di Yala dengan bantuan kalangan tertentu. Perarakan yang sama berlaku juga ketika memperingati hari Maulud Nabi sebelumnya. Ada beberapa orang tokoh di Yala berusaha mempengaruhi pemuda kepada Syi'ah.

6. Di Pattani dan Narathiwat mereka aktif mengadakan ceramah -ceramah di beberapa tempat dan berusaha memujuk pemuda untuk dihantar belajar ke Iran.

7. Di Stul, iaitu dekat kampung Salong, mereka baru saja selesai membangun masjid menjelang bulan Ramadhan 1408H. Masjid ini cukup menarik dan diberi nama masjid Al Imam al Baqir. Di dalamnya didapati kitab-kitab rujukan Syi'ah yang penting dan baru, selain batu-batu pipis kecil yang dipercayai dipergunakan pada waktu sujud dalam shalat mengikut ajaran Syi'ah. Dari maklumat yang diperolehi bahawa berdekatan dengannya akan dibuka sebuah madrasah. Berdasarkan kepada keadaan dan kedudukan masjid ini dipercayai bahawa ianya akan dijadikan pusat kegiatan Syi'ah di kawasan ini.

8. Di dekat bandar Trang, sebuah lagi masjid Syi'ah bernama masjid Al Imam Al Mahdi, yang dibangun semenjak beberapa tahun yang lalu. Ketika kami sampai di masjid ini kami mendapati seorang guru muda yang telah mendapat pendidikan di Iran sedang mengajar sekumpulan pelajar-pelajar muda yang didatangkan dari berbagai daerah. Di dalam masjid ini juga penuh dengan kitab-kitab rujukan Syi'ah. Di sekelilingnya

ada asrama pelajar yang dipenuhi dengan gambar Ayatullah Khomeini. Di dinding sebelah luar masjid ini ada tertulis: "Dengan namanya yang maha tinggi, bahawa Sayyid Muhammad Zaki telah meletakkan batu asas masjid Al Imam al Mahdi di Trang, Thailand: pada tarikh 10 Syawal 1405H/ 29-6-1985". Tulisan ini dalam bahasa Arab dan Siam.

9. Selain dari itu pernah dilaporkan oleh sebuah akhbar di Bangkok, bahawa puak Syi'ah telah menggunakan masjid lama yang dibina pada kurun ke 17 di Pattani sebagai pusat kegiatan mereka. Pengikut-pengikut mereka didatangkan dari wilayah-wilayah Pattalong, Trang, Nakhon si Tamarat dan Stul. Perbuatan mereka ini telah menimbulkan perbalahan di kalangan orang-orang Islam di Selatan Thailand, yang majoritinya pengikut Sunnah. Demikian dinyatakan oleh salah seorang anggota jawatan kuasa Hal Ehwal Islam di Yala.

MALAYSIA

Sungguhpun kegiatan Syi'ah di Malaysia sudah banyak diketahui umum melalui pemberitaan akhbar-akhbar harian dan mingguan, polemik dan penulisan makalah melalui akhbar dan majalah, seminar-seminar, ceramah-ceramah, perbincangan dalam halaqah tertentu dan sebagainya, namun kiranya perlu lagi disebut di sini, di antaranya;

1. Sebuah akhbar berbahasa Melayu bertarikh 25-10-1983 melapurkan bahawa sekumpulan rakyat Malaysia termasuk tiga orang guru agama di Selangor sedang giat menyebarkan ajaran Syi'ah dari Iran di negeri Selangor dengan cara pergi dari rumah ke rumah. Ahli-ahli kumpulan itu telah pergi ke Iran selama dua minggu atas bantuan pihak tertentu.

2. Akhbar-akhbar tempatan pernah menyiarkan bahawa kumpulan Syi'ah Imamiah telah wujud di Petaling Jaya dengan bilangan seramai 200 orang dan sebilangan mereka dihantar ke Pakistan dan Iran. Mereka juga mempunyai sebuah sekolah

di Melaka.

3. Sebuah akhbar mingguan bertarikh 6-8-1983 memberitakan bahawa sejumlah ulama dan tokoh Islam dari Malaysia telah menghadiri Muktamar Alami lil Hajji tajaan Iran di Dakka Bangladesh pada 26 hingga 30 Jun 1983.

4. Pada 16-7-1984, bertempat di perpustakaan awam Kota Bahru telah di langsungkan seminar haji yang dihadiri oleh lebih kurang 300 orang peserta. Tujuannya untuk mempelajari haji mengikut risalah Imam Khomeini dan Muktamar Haji Alami. Seminar ini adalah sebagai lanjutan Muktamar Haji Alami, di India dan Bangladesh, tetapi ianya bersifat tempatan. Gambar-gambar Khomeini dan pemimpin-pemimpin Iran memenuhi ruang seminar.

5. Pada 19-7-1987 seminar haji kedua telah berlangsung di sudut penulis Dewan Bahasa dan Pustaka atas anjuran Pusat Pemikiran dan Media Islam Al Alami. Di antara resolusi-resolusi yang diambil ialah : bahawa haji mempunyai dua dimensi, politik dan rohani. Haramain mesti ditadbir oleh Badan Islam Antarabangsa di bawah ulama Islam yang amat layak. Taat kepada Imam Khomeini adalah penting bagi menjamin kedaulatan Islam dan kenangan terhadap golongan umat yang tertindas dalam perjuangan menentang musuh Islam kini. [2]

6. Sebuah mingguan Islam bertarikh 2-10-1987 melaporkan bahawa Syi'ah Imamiah telah hidup dengan subur di kalangan ulama tertentu dan setengah mereka telah terpengaruh dengan fahaman itu. Selanjutnya mingguan itu menyiarkan pendapat seorang ulama dan tokoh akademik yang disegani yang menyeru para alim ulama supaya jangan lagi bertolak ansur dengan kesesatan ajaran Syi'ah dan berusaha menulis buku-buku yang menunjukkan percanggahan 'aqidah syi'ah dengan 'aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah.

7. Penyebaran risalah-risalah Quds oleh Gerakan Pembebasan Al Quds Malaysia ke serata masjid-masjid dan tempat penting, yang memuat ucapan-ucapan para pemimpin revolusi Iran dengan komentar yang cukup memberangsangkan.

8. Memperingati Hari Quds Antarabangsa pada hari Jumaat terakhir bulan Ramadhan 1407, dimana pengerusinya menyampaikan perutusan Imam Khomeini.

9. Ceramah-ceramah oleh tokoh-tokoh yang berpengaruh untuk menyakinkan pendengar tentang penerimaan ummat Islam terhadap Syi'ah Imamiah seperti yang berlaku di beberapa tempat di pantai timur.

10. Penampilan makalah-makalah yang membela dan mempertahankan 'aqidah Syi'ah melalui akhbar dan majalah tertentu.

11. Perbincangan oleh kumpulan tertentu atau pengajian melalui halaqah tertentu untuk mendalamkan pengetahuan dan mengukuhkan keyakinan terhadap Syi'ah.

INDONESIA

Sebagai dimaklumi bahawa Indonesia adalah negara yang dihuni oleh jumlah terbesar ummat Islam di dunia yang sedang berdepan dengan berbagai tentangan yang ingin menghakis kepercayaan umat terhadap Islam dari berbagai aliran kepercayaan yang merosak 'aqidah Islamiah, seperti kristenisasi, sekularisasi, reaktualisasi, ahmadiah qadyani, aliran kebatinan, inkarus sunnah dan sebagainya. Namun dengan 'aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah ia masih mampu bertahan. Kini ia terpaksa pula berdepan dengan fenomena baru iaitu gerakan Syi'ah yang aktif dan agresif di tengah-tengah Ahlus Sunnah, yang membawa perpecahan kepada kaum muslimin di Indonesia. Dalam hubungan ini, majallah Al Muslim un dalam rencananya antara lain menyatakan: "Revolusi Syi'ah Iran telah membawa kekacauan di beberapa negara Islam, termasuk Indonesia. Di beberapa tempat mereka telah melakukan tindakan-tindakan ofensif yang menimbulkan perpecahan

di kalangan kaum muslimin. Ajaran-ajaran Syi'ah yang jelas bertentangan secara 'aqidah dengan ajaran Islam telah banyak membuat keraguan di kalangan pemuda muslim disini. Sementara kalangan cendekiawan yang semula telah turut membesar-besarkan revolusi itu, kini bungkem tak bersuara. Revolusi Syi'ah telah meninggalkan bibit permusuhan dan perselisihan di kalangan muslimin Indonesia." [3]

Majlis Ulama Indonesia melalui Rakernes pada 5 Jamadil Akhir 1404H/8 Maret 1984 telah membuat beberapa keputusan mengenai perbezaan pokok di antara faham Syi'ah dengan mazhab Ahlus Sunnah wal Jama'ah, sambil menggesa ummat Islam Indonesia yang berfaham Ahlus Sunnah wal Jama'ah agar meningkatkan kewaspadaan terhadap kemungkinan masuknya faham yang didasarkan atas ajaran "syi'ah". [4]

Berbicara mengenai kegiatan Syi'ah di Indonesia, bapak Muhammad Natsir, mantan Perdana Menteri dan Ketua Partai Masyumi, yang kini menjawat sebagai Ketua Dewan Dakwah Islamiah Indonesia menyatakan antara lain-lain; "Semenjak permulaan tahun delapan puluhan mulailah berdatangan kitab-kitab mengenai aliran Syi'ah dalam bahasa Arab melalui beberapa alamat di Jawa Tengah dan Jawa Timur dan beredar dari tangan ke tangan. Para alim ulama kita tahu, tapi diam. Sementara itu mulailah terbit buku-buku dan brosur-brosur tentang aliran Syi'ah dalam bahasa Indonesia. Ada berupa karangan sendiri, ada yang berupa terjemahan dari buku-buku bahasa Arab dan Inggeris. Diterbitkan di Jawa Barat, Jawa Tengah, Jawa Timur dan lain-lain serta mendapat pasaran pembaca yang luas juga, terutama di kalangan angkatan muda kita. Selangkah lagi, kelompok demi kelompok dari kalangan mahasiswa dan pelajar-pelajar kita sudah mulai ziarah ke Teheran melalui Kuala Lumpur dan New Delhi, sekalipun peperangan Iran-Iraq sedang berkobar. Sekembalinya membawa literatur aliran Syi'ah. Yang menarik perhatian pula ialah bahawa ada di antara pemuda-pemuda kita itu yang bila akan shalat meletakkan sebuah batu kecil di depan tempat sujud. Memang begitu antara lain cara shalat yang dilakukan oleh banyak penganut aliran Syi'ah. Sewaktu-waktu ada yang bersedia shalat berjema'ah bersama teman-teman lain berimamkan seorang yang bukan Syi'ah. Tetapi

kemudian diulanginya lagi shalat itu juga sendirian. Menurut pelajaran yang mereka terima, tidak sah shalat bila diimami oleh seorang yang bukan Syi'ah. Kalau perkembangan sudah demikian, apakah para alim ulama kita di Indonesia patut "mendiamkan saja"? Tak patut, dan tidak boleh! "Kata berjawab, gayung bersambut!" [5]

Selanjutnya untuk mendapatkan gambaran lebih jauh mengenai perkembangan Syi'ah di Indonesia kini, penulis telah pergi mengunjungi Dewan Dakwah Islamiah Indonesia di Jalan Keramat Raya 45 Jakarta dari 24-28/1/1990 yang baru lalu. Di antara beberapa maklumat yang dapat penulis catitkan ialah:

1. Ekoran daripada revolusi Iran tahun 1979, ramai daripada kalangan angkatan muda, pada tahun 1980 telah dapat di kesan kegiatan Syi'ah di Cempaka Putih Jakarta atas usaha seorang Doktor yang telah berhasil mempengaruhi sejumlah anak-anak muda dan mahasiswa.

2. Dengan tersebar luasnya buku-buku dan risalah-risalah yang datang daripada Iran, pengkajian terhadap Syi'ah dan pengaruhnya semakin meluas ke tempat-tempat lainnya.

3. Pada tahun 1981, beberapa orang pergi ke Qum Iran atas undangan Iran dan membawa pulang literatur Syi'ah serta mengembangkan fahaman Syi'ah di Indonesia.

4. Kini tempat-tempat penting yang menjadi gerakan Syi'ah ialah: Jakarta, Bandung, Tasikmalaya, Pekalongan, Jokjakarta, Surabaya, Bangil, Malang, Jember, Lampung, Palembang, Bengkulu, Padang, Medan, Ujung Padang dan Menado.

5. Sasaran utama mereka untuk masa kini ialah para remaja dan mahasiswa, terutama mereka yang agak kosong dari asas-asas pengetahuan agama. Mereka sangat aktif mengadakan diskusi-diskusi dan perdebatan-perdebatan dalam majlis-majlis yang diadakan khas untuk itu. Di Bandung ada sebuah majlis ta'lim yang dikenali dengan Al Ashar sebagai sarana untuk membina

fikrah Syi'ah di kalangan mahasiswa di bawah asuhan seorang cendiakawan dan penulis terkena yang menjadi pensyarah di UNPAD. Beliau dianggap sebagai marja' Syi'ah dan sangat aktif mengunjungi bandar-bandar dan tempat-tempat yang menjadi gerakan Syi'ah.

6. Mereka juga telah berhasil membuka beberapa pesanteren. Di antaranya ialah pesanteren Yapis di Bangil, sebuah pesanteren di Pekalongan di bawah asuhan seorang alumni Qum. Mereka juga sedang mempersiapkan sebuah perguruan tinggi di Ciputat Jakarta.

7. Mereka juga mempunyai beberapa penerbitan. Di antaranya ialah Yapi di Surabaya dan Al Mizan di Bandung yang sangat produktif menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah mengenai Syi'ah. Di Jember Jawa Timur ada sebuah yayasan bernama Al Hujjah.

8. Lapuran dari Sumatera Barat mengatakan bahawa ketika ini pentolan-pentolan Syi'ah sangat aktif mempengaruhi para pemuda dan intelek yang kosong jiwanya, sehingga ada yang telah menukar namanya dengan nama-nama Syi'ah, menangisi gambar Khomeini di tengah-tengah keluarga dan meletakkan batu kecil di tempat sujud ketika shalat.

9. Kahwin mut'ah telah berlaku di beberapa tempat seperti di Tanjung Periuk, di Cempaka Putih Jakarta Barat, di Cikoko Jakarta Selatan, Bandung dan Lampung.

10. Pada 30-31/7/1988 telah berlangsung pertemuan Syi'ah se-Jawa di Wisata Kaliurang. Di antara keputusan yang dimbil ialah:
   a) Memperingati Ghadir Khum
   b) Mempersiapkan acara 10 Muharram
   c) Mendirikan sebuah pesanteran di Jawa Tengah

Demikianlah beberapa catitan yang dapat diambil dari berbagai lapuran dan kenyataan orang-orang tertentu, yang walaupun sifatnya agak sederhana, tetapi sudah cukup kiranya menjadi petunjuk kepada kita bahawa satu fenomena baru gerakan Syi'ah sedang beroperasi di kubu-kubu Ahlus Sunnah di persada Nusantara ini.

Apakah sebab-sebab Syi'ah atau pemikiran Syi'ah diterima di rantau ini? Jawapannya memerlukan kajian yang teliti. Namun demikian saya akan cuba memperkatakan beberapa sebab yang penting dalam pengamatan saya; di antaranya ialah:

Bahawa perbezaan yang mendasar dan percanggahan yang nyata di antara 'aqidah Syi'ah dengan 'aqidah Ahlus Sunnah masih terselindung, tidak diketahui dan tidak disedari oleh kebanyakan Ahlus Sunnah, khasnya di rantau ini.

KEPERCAYAAN SYI'AH YANG BERCANGGAH DENGAN AQIDAH ISLAM

Dalam hubungan ini perlu disebut beberapa masalah yang menjadi pegangan dan keyakinan Syi'ah Imamiah yang bercanggah dengan 'aqidah Ahlus Sunnah:

a) Masalah Imamah:

1. Kepercayaan kepada Imam, adalah pokok yang utama yang membezakan Syi'ah Imamiah dari golongan lainnya. [6]

2. Para Imam itu dipilih dan ditentukan oleh Allah. [7]

3. Mengenal para Imam adalah menjadi syarat iman. [8]

4. Menta'ati Imam adalah wajib dan mengingkarinya adalah kafir. [9]

5. Para Imam adalah ma'ksum sebagaimana para Nabi dan Rasul. [10]

6. Para Imam mempunyai maqam yang tidak mungkin dicapai oleh para Malaikat dan Nabi sebagaimana dinyatakan oleh Imam Khomeini di dalam bukunya Al Hukumah Al Islamiyyah.

   "Dan sesungguhnya di antara yang wajib diimani di dalam mazhab kita ialah bahawa Imam-Imam Syi'ah itu mempunyai kedudukan yang tidak mungkin dicapai oleh para Malaikat dan Nabi." [11]

7. Semua atom di alam semesta ini wajib tunduk dan patuh kepada Imam dan semuanya berada di bawah kekuasaannya. [12]

8. Ajaran para Imam adalah sama dengan ajaran Al Quran dan wajib melaksanakan dan mematuhi sebagaimana ditegaskan oleh Khomeini di dalam buku yang sama:

   "Dan sesungguhnya ajaran para Imam adalah sama seperti ajaran Al Quran; dia tidak dikhususkan kepada satu jenerasi sahaja, tetapi untuk seluruh jenerasi, pada setiap waktu dan tempat hingga ke hari kiamat wajib melaksanakan dan mematuhinya." [13]

9. Para Imam tahu bila dan di mana ia akan meninggal dunia dan ia tidak akan meninggal kecuali dengan kehendaknya.

10. Para Imam tahu apa yang sudah terjadi, apa yang akan terjadi, apa yang ada dilangit, apa yang ada di bumi, apa yang ada di syurga, apa yang ada di neraka dan tidak ada yang tersembunyi bagi mereka. [15]

Imamah ialah masalah Walayah yang menjadi rukun Islam yang penting dalam pandangan Syi'ah. Di dalam Usul al Kafi, tajuk Kitabul Imam wa kufur. Bab Da'aimul-Islam, ada tersebut:

Dari Zurarah; dari Abi Ja'far A.S., ia berkata: "Islam diasaskan

kepada lima perkara, iaitu shalat, zakat, haji, puasa dan walayah." Berkata Zaharah: "Aku bertanya. "Manakah yang paling utama di antara lima perkara itu?" Ia berkata "Yang paling utama ialah walayah, sebab ialah kuncinya." [16]

Malahan mereka mengatakan bahawa Imamah itu telah termaktub dalam semua suhuf para Nabi, sesuai dengan riwayat para imam mereka yang ma'shum:

Dari Abil Hasan A.S. ia berkata "Walayah Ali telah termaktub dalam semua suhuf para Nabi, dan Allah tidak akan mengutus Rasul melainkan dengan Nubuwwah Muhammad S.A.W. dan washiah Ali A.S." [17]

b) Tahrif Al Quran:

Kalau Imamah itu telah disebut oleh semua suhuf para Nabi, mengapa Al Quran tidak menyebutnya? Mereka menjawab bahawa Al Quran pun ada menyebutnya. Ini berdasarkan riwayat-riwayat para imam mereka yang ma'shum bahawa Imamah Imam Ali itu telah disebut beratus kali di dalam Al Quran, tetapi orang-orang yang memegang jawatan khalifah selepas Rasulullah S.A.W. wafat telah menyelewengkan (tahrif) akan ayat-ayat itu, atau mengeluarkan kalimat-kalimat yang menyebut tentang keImanan Ali dan para imam selepasnya[18]. Dari sinilah bertolaknya pemikiran mereka yang mengatakan berlakunya tahrif terhadap Al Quran. Yang lebih menarik perhatian lagi, ialah kepercayaan mereka bahawa Al Quran (yang ada pada mereka) mengandungi tujuh belas ribu ayat seperti yang diriwayatkan oleh imam mereka:

Dari Hisyam bin Salim, dari Abi Abdillah A.S. ia berkata: Sesungguhnya Al Quran yang dibawa oleh Jibril kepada Muhammad S.A.W. adalah tujuh belas ribu ayat". [19]

Malahan mereka mendakwa bahawa pada mereka ada apa yang disebut dengan 'Mushaf Fatimah'. Ini berdasarkan riwayat imam mereka juga:

"Berkata Abu Abdillah: Dan sesungguhnya di sisi kita ada Mushaf Fatimah. Tahukan mereka apa itu Mushaf Fatimah? Ia (Abu Abdillah) berkata: Iaitu Mushaf yang padanya seperti Quran kamu ini tiga kali ganda." [20]

Mengenai berlakunya tahrif Al Quran ini ulama yang dihormati di kalangan Syi'ah Al-Allamah Nuri Al Thibrisi telah menegaskan di dalam bukunya "Fashlul Khitab Fi Ithbati Tahrifi Kitabi Rabbil Arbab". Malahan As Sayyid Ni'matullah al Jazairi mengatakan bahawa berlakunya tahrif al Quran merupakan riwayat yang mutawatir dari sumber-sumber Syi'ah." [21]

c) Pendirian Syi'ah terhadap Sahabat Nabi:

Kata-kata yan g diucapkan oleh orang-orang Syi'ah terhadap sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W. sungguh berat sekali. Bukan sahaja berupa caci maki, hina nista, tetapi juga meluahkan kata-kata yang tidak wajar diucapkan kepada seorang muslim, apatah lagi para sahabat yang telah diridhai oleh Allah dan diperakui keutamaan dan keadilannya oleh Rasulullah S.A.W. Orang-orang Syi'ah menuduh sahabat-sahabat Rasulullah itu mengingkari wasiat perlantikan Ali oleh Rasulullah dalam peristiwa Ghadir Khum (mengikut kepercayaan mereka), menuduh para sahabat menyeleweng Al Quran, bahkan mengecap para sahabat sebagai orang -orang yang murtad, fasiq, zalim dan kafir. Buku-buku Syi'ah penuh dengan cerita-cerita khurafatdan tuduhan-tuduhan yang tidak dapat diterima oleh akal terhadap sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W. telah murtad, kecuali beberapa orang sahaja. [22]

Ayatullah Khomeini di dalam bukunya "Kasyful Asrar" dengan terang-terang mengatakan bahawa khalifah yang tiga, Abu Bakar, Umar dan Othman, mencari kepentingan dunia dan seburuk-buruk makhluk. Mereka menerima Islam di mulut sahaja, kerana ingin memerintah dan berkuasa.

Pada zahirnya mereka muslim, tetapi pada bathinnya mereka kafir dan zindik. Mereka bersedia melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat dan tujuan mereka. Sebagaimana mereka boleh menyelewengkan Al Quran, sekiranya keadaan menghendaki demikian, atau mereka-reka hadis yang tidak benar. Sesungguhnya hati mereka kosong dari perasaaan takut kepada Allah dan sememangnya mereka tidak beriman. Seandainya mereka lihat untuk mencapai matlamat mereka tersembunyi dengan meninggalkan Islam dan mengambil sikap permusuhan seperti Abi Jahal dan Abi Lahab, niscaya mereka akan melakukan demikian tanpa ragu-ragu." [23]

Apabila sudah sampai demikianlah martabat dan kedudukan sahabat dalam pandangan mereka, maka di manakah kita letakkan sahabat yang mana dari merekalah kita menerima ajaran-ajaran Islam ini? Dan apa pulakah yang harus kita katakan kepada Rasulullah yang mendidik mereka? Dan kepada Al-Quran yang mereka katakan telah berlaku penyelewengan? Dan kepada Imam-Imam mereka yang mempunyai kedudukan mengatasi Malaikat dan Nabi? Dan banyak lagi masalah-masalah 'aqidah dan furu' yang tidak mungkin ada titik temu dan bercanggah secara terang-terangan dengan 'aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Tetapi hal-hal ini masih terselindung dari kebanyakan orang sehingga mereka mudah terpengaruh dengan di'ayah Syi'ah yang menjalankan pendekatan taqiyyah.

SEBAB-SEBAB PEMIKIRAN SYI'AH DITERIMA DI RANTAU INI

a) Terlalu kagum dan terpesona dengan revolusi Iran serta ketokohan Ayatullah Khomeini di dalam menumbangkan kekuasaan Shah.

Revolusi Iran berlaku ketika dunia Islam sedang bergelora

dengan semangat kebangunan semula ummat Islam, yang ditandai dengan gerakan-gerakan belia untuk menghayati kehidupan Islam dan merindui lahirnya masyarakat Islam yang mengamalkan undang-undang dan cara hidup Islam yang murni. Mereka sudah jelak dengan cara hidup barat yang dipaksakan melalui kuasa dan peraturan yang dipersiapkan oleh barat semasa penjajahan dahulu. Tiba-tiba meletus revolusi Iran dan berhasil menumbangkan kuasa Shah yang menjadi lambang wajah hidup barat. Secara tabienya, tidak dapat dihindarkan kalau banyak orang terpukau dengan revolusi Iran, apatah lagi slogan-slogan indah yang cukup menarik seperti: revolusi Islam, menegakkan pemerintahan Islam, membebaskan mustadh'afin dari kezaliman mustakbirin, mewujudkan perpaduan ummat Islam untuk membebas Baitul Maqdis dari cengkaman Yahudi Zionis dan sebagainya. Kadang-kadang dengan lantang dan beraninya menyelar kuasa-kuasa besar dan paling pandai mempergunakan momentum yang penting seperti isu Salaman Rushdi umpamanya. Maka tidaklah hairan kalau ada orang yang berharap bahawa revolusi Iran dapat merelisasi cita-cita dan harapan ummat, terutama di masa awal revolusi. Tetapi harapan hanya fatamorgana! Dari masa ke semasa semakin jelaslah, untuk apa dan ke arah mana revolusi Iran bergerak?! Betulkah revolusi Islam berjalan seperti yang dicanangkan?! Betulkah Islam yang murni dan syumul telah dijadikan dasar pemerintahan? Betulkah rakyat jelata atau kaum mustadh'afin telah mendapat pembelaan dari kaum mustakbirin? Betulkah ada kejujuran untuk mewujudkan perpaduan ummat Islam dari segala aliran dan mazhab? Betulkah hendak membebaskan Baitul Maqdis dari cengkaman Yahudi Zionis? Dan banyak lagi pertanyaan yang perlu diajukan? Kalau betul revolusi Islam seperti yang dicanangkan mengapa mahkamah-mahkamah revolusi menjatuhkan hukuman mati kepada ribuan orang tanpa mengikut lunas-lunas Islam? Mengapa harta-harta rakyat dirampas. (24) Kalau betul Islam syumul dijadikan dasar pemerintahan, mengapa perlembagaan Republik Islam Iran menyatakan bahawa agama rasmi ialah Islam dan mazhab Ja'fari Ithna 'Asyariah, yang memperkukuhkan rasa kelompok dan

perkauman?(25) kalau betul golongan lemah telah mendapat pembelaan, mengapa terjadi pencabulan hak-hak asasi yang membawa hukuman mati kepada lebih 25,000 orang dan mangsa penjara lebih 60,000 orang? (26). Kalau betul untuk mengujudkan perpaduan, mengapa dikorbankan permusuhan dengan negara-negara Islam, terutama negara-negara jiran? Kalau betul hendak membebaskan Baitul Maqdis dari cengkaman Yahudi Zionis, mengapa pada masa yang sama mendapat senjata dari Israel? Untuk yang akhir ini telah dijelaskan dengan nyata, berikut dengan dokumen-dokumennya oleh Husein Al Hasyimi di dalam bukunya "Al Harbul Musytarak Iran wa Israel". Dan mengenai trajedi revolusi Iran telah dipaparkan dengan jelas oleh Dr. Musa Al Musawi di dalam bukunya "Al Thaurah al-Baisah". Dengan menatap kedua buku ini akan nampaklah hakikat yang berlaku di dalam revolusi Iran dan pemimpinnya Khomeini. Kiranya menjadi renungan bagi orang-orang yang terpukau dan terpesona dengan revolusi Iran dan pemimpinnya:

b) Kesungguhan, kegigihan serta kepandaian mereka menyiarkan fahaman Syi'ah ke serata tempat.

Berikutan dengan berlakunya revolusi Iran pada tahun 1979, surat khabar, majalah serta risalah-risalah mengenai revolusi telah sampai ke serata dunia, termasuk Nusantara ini. Kemudian datang pula kitab-kitab mengenai Syi'ah. Majalah Al Mujtama' bil. 843, 25 Rabi'ul Awwal 1408H mengatakan: "Bahawa pemerintah Teheran mengeluarkan belanja untuk propaganda sama persis dengan belanja perang. Mereka lebih mengutamakan untuk menyiarkan buku-buku yang lebih bercorak pemikiran revolusi Iran dan mengelirukan 'aqidah Sunnah. Mereka telah mencetak berjuta-juta buku dalam berbagai tajuk di dalam berbagai bahasa di dunia. Malahan di beberapa bandar yang penting di dunia mereka telah menubuhkan pusat-pusat penyiaran dan penerbitan dengan kerjasama penulis-penulis tempatan. Selain itu, pusat-pusat Islam di Washington, di beberapa tempat di Amerika dan

Kanada. Bahkan Australia, Thailand, Britain, Jerman Barat, Belandan dan Sepanyol telah "dikuasai" oleh mereka. Di England dan Belgium terjadi pertembungan di antara mereka dengan Ahlus Sunnah dalam usaha mereka menguasai setengah masjid." [27]

Di kalangan orang-orang yang telah terpengaruh dengan pemikiran Syi'ah pun ada kesungguhan dan kegigihan untuk mengembangkan fahaman ini melalui tulisan-tulisan mereka di akhbar-akhbar atau majalah-majalah tertentu malahan menulis buku atau menterjemahkan buku-buku Syi'ah yang dikira boleh diterima oleh pembaca. Mereka sangat pintar untuk mengambil petikan-petikan dari buku-buku Ahlus Sunnah atau kenyataan-kenyataan ulama dan tokoh-tokoh Sunni, yang dikira boleh diperkuat hujjah mereka. Sikap "Taqiyyah" banyak membantu mereka untuk mempengaruhi orang lain. Taqiyyah bererti menampakkan (mengatakan) sesuatu yang tidak sama dengan hati nurani, dan menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan apa mereka sembunyikan. Ia merupakan asas yang penting ketika bergaul dengan orang lain yang bukan Syi'ah Imamiah, terutama dengan Ahlus Sunnah.[28] Pertemuan-pertemuan, perbincangan, perdebatan, majlis ta'lim, halaqah-halaqah yang teratur dan berterusan adalah sarana-sarana yang dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Dengan kesungguhan dan pendekatan yang baik, mereka berjaya mengembangkan pemikiran Syi'ah khasnya di kalangan golongan terpelajar dan belia-belia yang bersemangat.

c) Sikap masyarakat di rantau ini, khasnya orang-orang Islam yang penuh toleransi dan agak liberal di dalam menerima fahaman-fahaman yang datang dari luar.[29] Ini dapat diperhatikan dari sikap mereka di dalam menghadapi pertembungan berbagai aliran fahaman yang datang kepada mereka, kadang-kadang bersikap acuh tak acuh dan menganggap mudah dalam soal-soal prinsip dan pendirian.

d) Kurangnya usaha-usaha para ulama Ahlus Sunnah untuk

memperjelaskan kepada masyarakat tentang percanggahan 'aqidah Syi'ah dengan 'aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah, baik melalui penerangan atau penulisan. Kalaupun ada usaha-usaha yang dilakukan hanyalah atas usaha perseorangan atau pihak-pihak tertentu dengan tidak ada penyelarasan, kecuali oleh Dewan Dakwah Islamiah di Indonesia. Buku-buku ilmiah yang ditulis mengenai masalah ini amat terbatas, sehingga masyarakat kurang mendapat kesempatan untuk mengetahuinya.

Berbicara mengenai pendukung fahaman Syi'ah di rantau ini serta ciri-ciri gerakan mereka, maka di antara yang dapat dikesani ialah:

Di Thailand, orang-orang Syi'ah hanya dapat mempengaruhi orang-orang yang kurang asas pengetahuan agama dan para belia serta mahasiswa yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan madrasah. Adapun di kalangan orang awam fahaman Syi'ah kurang diterima, terutama di wilayah-wilayah Yala, Pattani dan Narathiwat. Ini juga disebabkan pengaruh dan wibawa para ulama dan du'at kita didaerah-daerah ini. Tetapi di kawasan-kawasan yang kurang madrasah, seperti Stul, Trang, Pattalong dan Nakhon si Tammarat, mereka lebih mudah menyebarkan fahamannya.

Di Indonesia, pengaruh Syi'ah lebih ketara di kalangan remaja dan mahasiswa. Ini mungkin aktivis-aktivis Syi'ah lebih menumpukan gerakan mereka di kalangan golongan ini. Seperti di Thailand, fahaman Syi'ah lebih mudah diterima oleh mereka yang kurang pengetahuan agamanya, atau yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan pesanteren, kerana seperti dimaklumi di pesanteren mereka telah terbina lebih dahulu dengan fahaman Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Para aktivis Syi'ah di sini terdiri dari sarjana-sarjana yang mendapat pendidikan di Iran dan Amerika Syarikat. Pengaruh mereka di kalangan orang awam sangat terbatas. Ini mungkin disebabkan Syi'ah dan pemikirannya masih asing sukar difahami. Berlainan dengan Thailand dan Indonesia, di

Malaysia pemikiran Syi'ah dapat mempengaruhi setengah ulama kita, seperti yang dapat dikesan dari tulisan-tulisan mereka di dalam akhbar dan majalah tertentu. Juga di kalangan beberapa orang-orang yang mempunyai latar belakang pendidikan madrasah. Yang menarik perhatian, ada orang yang berkata: "Kita hanya mengambil dari segi politiknya?", yakni merujuk kepada revolusi Iran. Bukankah revolusi tu lahir dari `aqidah Syi'ah dan untuk kepentingannya?

Adapun ciri-ciri gerakan mereka cukup teratur, aktif dan gigih, walaupun belum sampai ke tingkat militan. Bagaimanapun sejarah gerakan Syi'ah mempunyai ciri-ciri yang militan. Ini disebabkan pengaruh doktrin Imamah yang tidak mungkin bertolak ansur dengan sebarang pemikiran yang lain. Doktrin ini diperkuat oleh konsep "Wilayatul Faqih" yang dicipta oleh Khomeini. Secara globalnya, Wilayah Faqih bererti kekuasaan orang yang faham hukum-hukum Islam dan kekuasaan yang dimaksud merupakan kekuasan tertinggi dan membawahi kekuasaan lembaga-lembaga legislatif, eksekutif dan judiciari. Dalam konsep Wilayatul Faqih tidak ada kedaulatan rakyat, manakala prinsip syuro atau Musyawarah tidak mendapat tempat. Wilayatul Faqih berlaku dan menguasai seluruh dunia. Semua kekuasaan yang tidak tunduk kepada Wilayatul Faqih diisytiharkan sebagai kekuasaan yang tidak sah." [30] Sesungguhnya begitu sikap "Taqiyyah" selalu digunakan ketika berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain.

FAHAMAN SYI'AH YANG GANJIL DAN ASING DARIPADA AJARAN ISLAM

Berbicara mengenai bahaya fahaman Syi'ah kepada 'aqidah dan kesatuan ummat, maka seperti yang telah diperkatakan di atas, bahawa 'aqidah Syi'ah secara terang-terang bercanggah dengan 'aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Bukan sahaja dalam masalah-masalah Imamah, Wilayah, Tahrif al Quran

dan pandangan mereka terhadap Sahabat, tetapi masih banyak lagi perkara-perkara ganjil yang sangat asing dari i'tiqad Ahlus Sunnah wal Jama'ah. Di antaranya adalah kepercayaan mereka terhadap:

a) "Bada-a", yang bererti munculnya sesuatu kepada Allah yang tadinya tidak ketahui, sehingga Allah terpaksa mengubah firman, perbuatan dan hukumNya, sesuai dengan apa yang nampak kepadaNya. Dengan demikian Allah S.W.T. mempunyai sifat jahl. [31]

b) "Al raj'ah iaitu, kepercayaan bahawa sesudah Mahdi yang ditunggu-tunggu datang, Nabi Muhammad S.A.W., Ali, Hasan, Husen dan sekalian Imam-Imam akan datang kembali ke dunia. Demikian juga lawan-lawan mereka, iaitu Abu Bakar, Umar dan lain-lain dikembalikan juga ke dunia. Pada waktu itu mereka melakukan pembalasan terhadap lawan-lawannya itu. Sesudah itu mereka semuanya mati kembali dan akan dihidupkan lagi pada hari kiamat. [32]

c) "Al-Jafr", iaitu suatu wadah yang terbuat dari kulit, isinya berupa pengetahuan tentang apa yang telah dan akan terjadi sampai hari kiamat. Dan berisikan ilmu para Nabi, para pewasiat dan cendekiawan bani Israil yang terdahulu. [33]

Sesungguhnya masih banyak lagi perkara-perkara ganjil, baik mengenai usul ataupun furu' yang sangat bertentangan di antara kepercayaan dan 'amalan Syi'ah dengan Ahlus Sunnah, yang tidak dapat dipaparkan dalam kertas yang terbatas ini.

MASALAH POKOK OLEH AL USTAZ ABUL HASAN ALI AL NADWI

Namun perlu diingat bahawa persoalan 'aqidah adlah persoalan yang paling pokok dan mendasar. Al Ustaz Abul Hasan Ali al Hasani al Nadwi menegaskan:: "Sesungguhnya 'aqidah

adalah merupakan garis pemisah di antara dakwah dan perjuangan para Nabi dengan propaganda ideologi-ideologi yang lainnya, di mana untuk ini mereka telah membayar dengan harga yang mahal dan tidak mau tawar menawar, kerana bagi mereka kayu ukur untuk menerima atau menolak sesuatu, berhubung atau terpisah dengan sesuatu iaitu 'aqidah.

Dengan ini, jugalah Islam terpelihara dalam bentuknya yang murni hingga ke hari ini, kerana para pendukungnya tidak mahu menyerah kalah atau terpesona di hadapan kekuatan apapun sekiranya 'aqidah tercabar dan tidak akan mendiamkan diri apabila 'aqidah yang murni itu dinodai dengan pemikiran yang menyesatkan walaupun di sana ada kepentingan dunia bagi Islam dan muslimin, atau kerana hendak mengelakkan perpecahan. Malangnya generasi baru yang terpelajar hari ini sudah ketandusan minat terhadap kepentingan 'aqidah ini. Di samping itu, di dalam banyak hal, kayu ukur yang digunakan untuk menilai sesuatu bukan lagi Al Quran, Al Sunnah, maka cukuplah apabila seseorang itu berjaya mendirikan sebuah pemerintahan dengan nama Islam, tampil dengan kegagahannya, berani mencabar kuasa-kuasa barat, maka ia disanjung dan dianggap sebagai pemimpin yang ideal." [34]

Ungkapan ini dikaitkan dengan pendirian mereka yang mengkagumi Khomeini, yang walaupun dengan jelas memperkukuh pendiriannya pada Imamah dan kecamannya terhadap para Sahabat melalui tulisan-tulisannya yang tersebar dengan luas, sepatutnya tidak dianggap lagi sebagai pemegang panji-panji revolusi Islam, pengasas negara Islam dan pemimpin Mithali di kalangan Sunni, sekurang-kurangnya. Tetapi pemikiran Islam, yang menginginkan kejayaan dan kemegahan Islam telah menempatkannya sebagai "Imam yang ditunggu-tunggu kepadanya sampai ke atas fanatik yang tidak mungkin dikritik dalam segala hal." [35]

Peringatan Syeikh Abul Hasan An Nadwi, selaku pemikir Islam terkemuka, yang karya tulisnya banyak dijadikan rujukan

dalam menghadapi berbagai fenomena yang timbul di abad ini, patut dijadikan bahan renungan oleh semua pihak.

Berdasarkan fenomena -fenomena yang sedang berkembang kini menunjukkan bahawa masalah 'aqidah tidak dijadikan kayu ukur dalam mengambil tindakan dan gerakan. Hasil kajian dan penelitian mempastikan bahawa 'aqidah Syi'ah Imamiah bercanggah dengan 'aqidah Ahlu Sunnah wal Jama'ah. Dengan adanya gerakan Syi'ah di Nusantara kini, maka ummat Islam di rantau ini terpaksa lagi menghadapi fenomena baru, iaitu perpecahan yang menyulitkan penyatuan ummat, yang berpunca dari percanggahan 'aqidah. Semoga Allah S.A.W. memberi Taufiq kepada hambaNya ke jalan yang benar.

NOTA KAKI

1. Risalah seminar "Masuknya Islam ke Indonesia" oleh Panitia seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia Medan, m.s. 77- 88 dan "Islam di Asia Tenggara, Perspektif Sejarah" oleh LP3ES, m.s. 7-9.
2. "Risalah Quds" yang tersebar pada tahun 1987.
3. "Majallah Al Muslimin", Indonesia.
4. "Pertentangan antara Syi'ah dan Sunnah". Terbitan Media Dakwah Jakarta, m.s. 30-32.
5. "Syi'ah dan Sunnah" oleh Ihsan Ilahi Zhahiri terjemahan Bey Arifin, m.s. 9-10.
6. "Al Mujmal fis Syi'ah wa Mu'taqadatihim", oleh Agha Barzak al Teherani, m.s.39.
7. "Al Thaurah al Iraniah fi Misan al Islam", oleh Syekh Muhammad Mansur Nukmani,m.s. 28 dan 102. m.s. 28 day 102.
8. "Al Usul min al Kafi", oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ya'cub al Kulaini, j.I. m.s. 138.
9. Idem, m.s. 144.

10. Idem, 156-157.
11. "Al Hukumah al Islamiyyah" oleh Imam Khomeini, m.s. 52.
12. Idem, m.s. 52.
13. Idem, m.s. 113.
14. "Al Usul min al Kafi" oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ya'cub al Kulaini j, I, m.s. 383 dan 384.
15. Idem, m.s. 388-389.
16. Idem, j. II, m.s. 16.
17. Idem, j. I, m.s. 363.
18. "Al Thaurah al Iraniah fi Mizan al Islam" oleh Syekh Muhammad Mansur Nukmani, m.s. 189.
20. Op. Cit, j. II, 463.
21. Idem, j. I. 186.
22. "Al Thaurah al Iraniah fi Mizan al Islam" oleh Syekh Muhammad Mansur Nukmani, m.s. 196-200 dan Al Syi'ah wa Tahrif al Quran Muhammad Malullah m.s. 89.
23. "Al Thaurah al Iranaiah fi Mizan al Islam" oleh Syekh Muhammad Mansur Nukmani, m.s. 173, dan Al Tasyayyu' Baina mahum al A'imah wal mafhum al Farisi oleh Muhammad Al Bundari, m.s. 377.
24. "Al Dustur al Baisah" oleh Doktor Musa Al Musawi, m.s. 144.
25. Al Dustur al Irani fil Mizan al Islami dalam Nahju Khomeini fi Mizan al fikri al Islami, oleh sekumpulan Pengarang m.s. 25.
26. "Al Athar al Mudammirah lit-thaurah al Khomeiniyyah" `Alalah `alamil Islami, oleh Doktor Muhammad Abdul Alim Mursi, m.s. 103.
27. "Al Thaurah al Mudammiarah lit-thaurah al Khomeiniyyah `Alal `alamil Islami, oleh Doktor Muhammad Abdul Alim Mursi, m.s. 109.
28. "Pertentangan Antara Syi'ah dan Sunnah". Terbitan Media Dakwah Jakarta, oleh Drs. Dahlan Bashray Thariry LSO.m.s. 21.
29. "Ikhtisan Sejarah Islam dan Hubungannya Yang Khusus Dengan Malaya" oleh M.A. Rauf, m.s. 127.
30. Risalah "Wilayatul Fakih" oleh Yayasan Islam Al Qalam Jakarta, dan "Al Thaurah al Baisah" oleh Dr. Musa Al Musawi m.s. 49-52.

31. "Sejarah dan Dokumen-dokumen Syi'ah" oleh Syiekh Dr Abdul Mun'in al Nemr, m.s. 49-52.
32. "Imam Mahdi" oleh H.M. Arayad Thalib Lubis, m.s. 52, dan "Mukhtashar al Tuhfah al Ithna Asyariah" oleh Sayyid Mahmud Syukri Al Alusi m.s. 200-201.
33. "Sejarah dan dokumen-dokumen Syi'ah" oleh Syekh Dr. Abdul Mun'im al Nemr, m.s. 101 dan 113, dan Al Usul min al

15. DI ANTARA AKIDAH SYIAH YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM

Oleh

Ust. Mohd Asri Yusof

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah agama yang terakhir, lengkap, terjamin dan universal. Ia mempunyai daya untuk membimbing, membina, dan mengeluarkan peribadi-peribadi dan generasi contoh sampai qiamat. Ia juga mempunyai kemampuan dan kekuatan rahsia untuk mempertahankan dirinya daripada segala bentuk serangan dan ancaman. Sejarah mentakrifkan bahawa setiap fahaman dan fitnah yang ditujukan terhadap Islam pasti menerima kegagalan dan kekalahan.

Kemampuan dan kekuatan Islam yang luar biasa itu sangat menyakitkan hati musuh-musuh Islam, kerana itu sejak zaman permulaan Islam sampai ke hari ini mereka tidak henti-henti merancang dan menyusun fitnah yang boleh memecahbelahkan umat Islam dengan mencipta ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang berbagai-bagai untuk menimbulkan keraguan terhadap Islam. Mereka sedar bahawa selagi umat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. mereka akan bersatu padu dan menjadi benteng kukuh untuk memelihara Islam sehingga tidak mungkin akan ada satu kuasa yang dapat merobohkannya.

Ketika wilayah-wilayah daripada dua kuasa besar dunia, Rom dan Farsi satu demi satu jatuh ke bawah pemerintahan Islam dan tidak mampu bertahan lagi, apatah lagi melawannya dengan kekuatan senjata, ketika itu musuh-musuh Islam bermuafakat untuk menyusup masuk ke dalam masyarakat Islam dan menggugatkannya dari dalam. Sasaran mereka ialah orang-orang yang baru memeluk agama Islam yang belum lagi diresapi betul-betul oleh ajaran Islam dan masih belum terhapus daripada jiwa mereka saki baki ajaran agama mereka yang lalu. Melalui taktik-taktik ini mereka telah berjaya dan kejayaannya terbukti jelas dengan syahidnya Khalifah Islam yang ketiga Saidina Uthman ibn Affan r.a.

Gerakan musuh Islam atas nama Islam yang pertama ini dikenali di dalam sejarah Islam dengan "Gerakan Abdullah bin Saba' dan rakan-rakannya". Gerakan ini telah meletakkan batu-batu asas ajaran dan fahamannya yang kemudiannya terbina di atas asas-asas itu sebuah bangunan kukuh bernama 'Syiah Rafidah'.

Taktik yang sama telah digunakan oleh musuh-musuh Islam di zaman kemudiannya dengan berbagai-bagai nama seperti Babiyyah, Bahaiyyah, Qadianiyyah, Batiniyyah, Ingkar Sunnah dan lain-lain tetapi gerakan-gerakan yang lain daripada Syiah tidak dapat bertahan lama kerana asas-asasnya tidak begitu kukuh dan mereka pula tidak seperti Syiah yang mengamalkan prinsip 'taqiyyah'.

Semua gerakan tersebut pada hakikatnya telah disusun dan dirancang untuk memusnahkan ajaran Islam. Ini dapat diketahui dengan jelas apabila dikaji akidah-akidahnya berdasarkan kitab-kitab mu'tabar di kalangan mereka.

Walaupun golongan Syiah sangat kuat berpegang dengan prinsip taqiyyah dan sebelum ini agak sukar untuk mendapatkan kitab-kitabnya, namun selepas tercetusnya revolusi di Iran mereka merasakan sudah kuat dan sudah sampai masanya untuk mendedahkan kitab-kitabnya yang selama ini disembunyikan dari muka dunia. Dengan itu mudahlah bagi kita untuk mengkaji ajarah Syiah dari sumbernya sendiri dan semoga kemenangan revolusi di Iran itu akan menamatkan riwayat Syiah yang selama ini dikaitkan dengan Islam apabila umat Islam di dunia menyedari tentang akidah-akidah mereka yang bercanggah dengan Islam.

Kertas kerja ini ditulis khusus untuk mendedahkan sebahagian daripada akidah Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah untuk menjadi bahan renungan dan peringatan bagi orang-orang yang terpengaruh dengan ajaran Syiah khasnya dan umat Islam di tanah air kita amnya.

Walaupun banyak akidah-akidah Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah yang bercanggah dengan Islam, tetapi di dalam kesempatan ini kita hanya mengemukakan empat aqidah mereka yang terang-terang bercanggah dengan akidah Islam dan dengan keempat-empat akidah ini atau salah satu daripadanya setengah ulama Islam di zaman lampau telah mengkafirkan Syiah .

Empat akidah yang diketengahkan nanti ialah:

(1) Akidah al-Tahrif Fi al-Quran.
(2) Akidah al-Imamah Wa al-Walayah.

(3) Akidah takfir al-Sahabah.
(4) Akidah al-Raj'ah.

1. Akidah al-Tahrif Fi al-Qur'an

Ia adalah suatu akidah bahawa Al-Qur'an yang ada ditangan umat Islam hari ini sudah diubah, ditokok tambah dan diselewengkan.

1.1 Kepercayaan ini termasuk di dalam dharuriat aliran Syiah seperti yang dikatakan oleh Sayyid Hasyim al-Bahrani, seorang ahli tafsir Syiah yang besar di dalam muqaddimah tafsirnya yang bernama 'al-Burhan', "Saya yakin tentang benarnya (fahaman tentang Al-Qur'an sudah diseleweng dan ditokok tambah) setelah diselidiki dan dikaji riwayat-riwayat dan athar-athar sehingga kita boleh memutuskan bahawa kepercayaan kepada perkara ini adalah salah satu daripada dharuriat aliran Syiah".[1]

Syeikh Ali Asghar Al-Burujardi salah seorang tokoh Syiah di abad ketiga belas menulis di dalam buku aqidahnya, "Wajib kita beri'tiqad bahawa Al-Qur'an yang asal tidak diubah dan ditukarganti (isinya). Al-Qur'an yang asal ini ada pada Imam Al-Asr (Imam Mahdi)- semoga Allah menyegerakan kemunculannya, dan tidak ada pada orang lain. Sesungguhnya orang-orang munafiq telah mengubah dan menukar gantikan Al-Qur'an yang ada pada mereka itu".[2]

1.2 Pengakuan tentang tokoh-tokoh Syiah tentang aqidah ini: Allamah al-Nuri al-Tabarsi menaqalkan daripada Mulla Baqir al-Majlisi bahawa beliau berkata, "Tidak tersembunyi lagi bahawa hadits ini dan banyak hadith-hadith yang lain jelas menunjukkan tentang Al-Qur'an yang ada ini telah dikurangkan dan diubah. Hadith-hadith ini sampai kepada mutawaatir ma'nawi, membuangkan kesemuanya boleh menghilangkan sama sekali kepercayaan kita kepada hadith-hadith malah saya yakin bahawa hadith-hadith tentang perkara ini tidak kurang dari hadith-hadith yang menthabitkan Imamah".[3]
Di dalam tafsir Al-Qummi, pengarangnya Ali bin Ibrahim al-Qummi seorang pentafsir yang tertua di dalam Syiah menyebutkan di dalam muqaddimahnya, "Ada antara isi Al-Qur'an itu nasikh dan mansukh. Ada antaranya muhkam dan ada pula mutasyabih... Ada di antaranya berlainan daripada yang diturunkan oleh Allah."[4]

Di dalam kitab Fasl al-Khitab, Allamah Husain ibn Muhammad Taqiy al-Nuuri At-Tabarsi menukilkan kata-kata Sayyid Ni'matullah Al-Jazaairi, "Bahawa tokoh-tokoh Syiah telah sepakat tentang sahihnya hadith-hadith yang sampai ke peringkat mutawatir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan Al-Qur'an.[5]

Di antara ulama dan tokoh-tokoh Syiah yang mempercayai demikian dan telah menulis dalam kitab mereka masing-masing ialah al-Kulaini, al-Barqi, al-Iyasyi, al-Nu'mani Furat bin Ibrahim, Ahmad bin Taha al-Tabarsi, al-Majlisi, al-Sayyid Ni'matullah al-Jazairi, al-Hurr al-Amili, Allamah Al- Fatuni dan Sayyid al-Bahrani. Mereka yang tersebut itu berpegang kepada beberapa ayat Al-Qur'an dan riwayat-riwayat yang tidak mungkin diketepikan sebagaimana yang disebutkan oleh Sayyid Tayyib al-Musawi di dalam "Muqaddimah Tafsir al-Qummi" hal. 23 hingga 24.

1.3 Contoh Al-Qur'an yang ditakrifkan:
Di sini kita akan mengemukakan beberapa contoh al-Qur'an yang ditakrifkan menurut Syiah

13.1 Al-Kulaini meriwayatkan di dalam al-Kafi daripada Abu Basir daripada Abu Abdillah a.s. berhubung dengan firman Allah di dalam surah al-Ahzab ayat 71,

Dengan mendakwa bahawa ayat ini bermaksud:
"Sesiapa yang taat kepada Allah berhubung dengan walayah Ali dan walayah Imam sesudahnya maka

sesungguhnya dia mendapat kemenangan yang besar. Demikianlah ayat ini diturunkan."[6]

1.3.2 Al-Kulaini meriwayatkan lagi di dalam kitab yang sama daripada Abdullah bin Sinan daripada Abi Abdillah a.s. berhubung dengan firman Allah di dalam Surah Taha ayat 115, ia mendakwa bahawa ayat ini bermaksud:

> "Dan sesungguhnya kami berpesan kepada Adam pada masa lalu dengan beberapa pesanan berhubung dengan Muhammad, Ali, Fatimah, Al-Hasan, Al-Hussain dan para Imam dari zuriat mereka. Tetapi dia lupa. Demi Allah, Beginilah ayat itu diturunkan kepada Muhammad s.a.w."[7]

1.3.3 Seorang tokoh hadith dan fiqh Syiah yang terkenal di abad ke 6H, Ahmad bin Ali bin Abi Talib At-Tabarsi di dalam kitabnya "al-Ihtijaj" meriwayatkan bahawa, "Seorang zindiq telah mengemukakan beberapa kritikannya terhadap Al-Qur'an kepada Saidina Ali, lalu beliau menjawab kritikan-kritikan itu. Antara kritikannya ialah tentang ayat 3 Surah al-Nisa'.

Menurut kaedah nahu, ayat ini mengandungi jumlah syartiyyah. Apa yang diperlukan oleh jumlah syartiyyah daripada jaza'nya tidak terdapat di dalam ayat ini sedikitpun. Sebagai menjawab kritikan itu Saidina Ali berkata, "Ia adalah antara ayat yang digugurkan oleh munafiqin daripada Al-Qur'an. Sebenarnya di antara perkataan itu terdapat lebih daripada 1/3 Al-Qur'an yang terdiri daripada ayat-ayat khitab dan ayat-ayat qasas."[8]

"al-Kasysyi" juga telah menaqalkan riwayat ini daripada At-Tabarsi di dalam tafsirnya "al-Shafi" j.1 hal. 11.

1.4 Golongan yang bertanggungjawab di dalam usaha menokok tambah Al-Qur'an itu menurut Syiah berdasarkan kitab-kitab mereka yang muktabar ialah para sahabat Rasulullah s.a.w.

1.4.1 Allamah Kamaluddin Maitham al-Bahrani menulis tentang pengumpulan Al-Qur'an oleh Saidina Uthman r.a. bahawa "Beliau telah menyatukan orang ramai di atas qiraat Zaid ibn Thabit sahaja dan membakar mashaf-mashaf yang lain. Beliau telah membatalkan (membuangkan) ayat-ayat yang tidak syak lagi sebahagian daripada Al-Qur'an."[9]

1.4.2 At-Tabarsi meriwayatkan dalam riwayat Abu Dhar al Ghifari (tersebut) bahawa setelah Rasulullah s.a.w. wafat, Saidina Ali mengumpulkan Al-Qur'an dan membawanya ke muka Muhajirin dan Ansar. Beliau telah menunjukkan Al-Qur'an itu kepada mereka, mengingatkan wasiat Rasulullah s.a.w. kepadanya. Abu Bakar membukanya. Pada muka surat pertama lagi rahsia kejahatan mereka (sahabat) telah terdedah. Umar terus melompat dan berkata, "Wahai Ali, ambillah semula mashaf ini, kami tidak memerlukannya. "Ali a.s. pun mengambilnya dan terus pulang. Kemudian Zaid ibn Thabit di panggil. Dia adalah orang yang ahli tentang al-Quran. Umar berkata kepadanya," Sesungguhnya sebentar tadi Ali datang dengan membawa Al-Quran yang di dalamnya tercatat segala kejahatan Muhajirin dan Ansar. Kami bercadang hendak menyusun Al-Quran dan membuang daripadanya cerita-cerita yang mengaibkan golongan Muhajirin dan Ansar."
Maka Zaid pun mengambil tugas itu. Kemudian Zaid berkata "Apabila saya selesai menyusun Al-Quran mengikut permintaan kamu itu, dan Ali akan mengemukakan Al-Quran yang disusunnya, tidakkah menjadi sia-sia apa yang kamu lakukan ini?". Umar berkata, " Kalau begitu, apa helahnya?" Zaid menjawab,"Kamu lebih tahu tentang helahnya," Maka Umar pun berkata," Tidak ada helah lain selain daripada kita membunuhnya, dengan itu kita tidak lagi diganggu olehnya."
Umar pun merancang untuk membunuhnya melalui Khalid ibn al-Walid tetapi ia tidak mampu melaksanakan rancangannya itu. Setelah dilantik menjadi Khalifah, mereka (para sahabat) meminta Saidina Ali menyerahkan Al-Quran itu kepada mereka (sebenarnya untuk menyelewengkan isi Al-Quran itu). Saidina Ali berkata," Mana boleh, tidak ada lagi jalan untuk mendapatkan Al-Quran itu. Aku hanya mengemukakan kepada Abu Bakar supaya hujah tetap ke atas kamu dan kamu tidak dapat berkata

apa-apa pada hari kiamat nanti: 'Sesungguhnya kami tidak mengetahui tentang perkara ini', atau kamu berkata; 'Engkau tidak pernah membawa al-Quran ini kepada kami'. Sesungguhnya Al-Quran yang ada padaku ini tidak dapat disentuh kecuali oleh orang-orang yang suci dan penerima wasiat daripada anak cucuku sahaja."

Mendengar keterangan Ali a.s itu Umar berkata,"Adakah waktunya al-Quran itu akan dipastikan? "Ali a.s menjawab, "Ya, apabila bangkit orang yang bangkit (Imam Mahadi) daripada keturunanku, dia akan mengemukakannya itu dan mengajak manusia menggunakannya."[10]

1.5 Ulama-ulama mutaqaddimin Syiah kecuali empat orang daripada mereka telah sepakat tentang berlakunya penyelewengan dan tokok tambah pada Al-Quran yang ada ini. Mereka berempat itu ialah;

i) Ibn Babwaih al-Qummi yang digelarkan dengan Syeikh Saduq (w 381 H).
ii) Sayyid Murtada yang digelar dengan Allamul Huda (w 436 H).
iii) Abu Ja'far At-Tusi (w 460H)
iv) Abu Ali At -Tabarsi (w 458H)

Walau bagaimanapun kempat-empat mereka ini berdasarkan kitab-kitab mereka keempat-empat orang juga telah mengakui hakikat ini. Penafian mereka adalah berdasarkan taqiyyah.

Untuk mengetahui mengapakah mereka berempat ini menafikan wujudnya penyelewengan dan begitu juga setengah ulama mutaakhirin Syiah yang lain sedangkan hadis-hadis yang menyebutkan perkara ini sudah sampai ke peringkat mutawatir dan mustafid seperti disebutkan oleh Mirza Hussain Muhammad Taqiy Al -Thabarsi al-Nuri di dalam bukunya "Fasl al-Khitab", perlulah kita merujuk kepada keterangan al-Sayyid Ni'matullah al-Jazairi selepas beliau membuktikannya yang Al-Quran yang ada ini telah diselewengkan dan ditokok tambah dengan hadis-hadis mustafidh dan mutawatir.

Kata beliau, "Ya, memang benar Sayyid Murtada, Syeikh Saduq dan Syeikh Tabarsi berbeza pendapat tentang perkara ini, mereka mengatakan yang Al-Quran yang ada dalam dua kulit mushaf ini ialah Al-Quran yang diturunkan, tidak ada yang lain daripadanya juga tidak berlaku apa-apa perubahan atau pindaan.

Yang jelas kata-kata mereka ini lahir daripada beberapa muslihat. Antaranya ialah menutup pintu kritikan (musuh-musuh Syiah) bahawa sekiranya boleh berlaku perubahan, pindaan dan tokok tambah pada Al-Quran ini, bagaimana boleh kita beramal mengikut peraturan-peraturan dan hukum-hukumnya? Jawapan tentang perkara ini akan diberikan nanti. Sebabnya ialah bagaimana kita akan menganggap tokoh-tokoh tersebut mempercayai Al-Quran yang ada tidak diubah atau ditokok tambah sedangkan mereka sendiri telah meriwayatkan banyak hadith-hadith di dalam karangan mereka yang menunjukkan telah berlakunya semua perkara tersebut......"

1.6 Sebenarnya faktor yang mendorong golongan Syiah berpegang dengan aqidah ialah:

1.6.1 Golongan Syiah mempercayai Imamah adalah salah satu aqidah yang penting bagi mereka. Seseorang yang tidak menerimanya dianggap sebagai kafir. Oleh kerana tidak terdapat di dalam Al-Quran satu ayatpun yang secara jelas menunjukkan keimanan 12 orang Imam mereka, maka mereka mencipta satu aqidah bahawa al-Quran yang ada ini telah diubah dan diselewengkan daripada asal untuk membenarkan akidah mereka.

Ini dapat dilihat daripada kenyataan yang dinukilkan oleh Sayyid Mohsein al-Kasysyi daripada seorang ahli tafsir besar di sisi Syiah iaitu al-'Ayasyi. Beliau telah menyebutkan di dalam tafsirnya satu riwayat daripada Abi Jaafar a.s. Katanya , "Sekiranya tidak berlaku tokok tambah di dalam kitab Allah, tentulah tidak tersembunyi hak kami (hak Imamah) kepada orang-orang yang mempunyai fikiran waras."[12]

1.6.2 Oleh kerana Al-Quran yang ada ini penuh dengan pujian dan keutamaan yang diakui oleh Allah terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w, maka golongan Syiah yang begitu dendam terhadap para sahabat tidak dapat menerima Al-Quran yang

ada ini sebagai Al-Quran yang sebenarnya dan mereka menganggap segala pujian dan keutamaan para sahabat yang tersebut di dalam Al-Quran ini adalah hasil ciptaan dan rekaan para sahabat.

1.6.3 Al-Quran yang ada ini telah diusahakan pengumpulannya oleh sahabat-sahabat agung Rasulullah s.a.w. seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Uthman r.a. sedangkan mereka ini yang mengikut Sayyidina Ali dan berlaku zalim dan kejam terhadap Ahlul Bait.

1.6.4 Di antara matlamat penting Syiah daripada aqidah ini ialah untuk membebaskan manusia daripada ikatan agama dan beramal dengan hukum-hukum Allah. Jika akidah ini tidak diperkenalkan bagaimanakah orang-orang Islam akan dapat melepaskan dirinya daripada hukum-hukum Allah? Untuk itu mereka meriwayatkan hadith-hadith yang palsu atas nama Imam-Imam Ahlul Bait dan Rasulullah s.a.w. sendiri. Antaranya ialah apa yang diriwayatkan oleh al-Kulaini dalam al-Kafi daripada Yazid ibn Muawiah katanya; Abu Ja'far berkata," Agama tidak lain hanya cinta." Kemudian Abu Ja'far berkata,"Ada seorang lelaki datang menemui Nabi dan berkata, "Wahai Rasulullah, aku cintakan orang-orang yang sembahyang tetapi aku sendiri tidak sembahyang dan aku cintakan orang-orang yang berpuasa, tetapi aku sendiri tidak berpuasa." Mendengar kata-kata orang itu Rasulullah s.a.w. lantas berkata," Engkau akan bersama orang yang engkau cintai." [13]

2. Akidah al-Imamah dan al-Walayah iaitu kepercayaan bahawa Imam-imam dua belas itu dilantik berdasarkan nas dan mereka adalah ma'sum.

2.1 Kedudukan kepercayaan ini di dalam ajaran Syiah.

2.1.1 Kepercayaan ini begitu penting di dalam ajaran Syiah, sehingga ia merupakan salah satu syarat keimanan dan dianggap diantara rukun-rukun Islam yang terpenting. Setiap nabi yang datang telah mengakui keimanan dan walayah Ali dan seseorang yang tidak mengenal Imam-Imamnya dianggap

tidak mengenal Allah. al-Kulaini mengemukakan riwayat daripada Fudhail daripada Abi Ja'far a.s. kata beliau, ' Islam ditegakkan di atas lima perkara; sembahyang, puasa, zakat, haji dan walayah. Pada hari al-ghadir tidak ada satu pun daripada rukun-rukun yang tersebut ditekankan sebagaimana penekanan diberikan kepada al-Walayah." [14]

Al Kulaini meriwayatkan lagi daripada Zurarah daripada Abu Ja'far a.s. kata beliau,"Islam ditegakkan di atas lima perkara iaitu sembahyang, zakat, puasa, haji dan walayah." Zurarah pun berkata "Aku pun bertanya yang manakah antara rukun-rukun yang tersebut itu paling utama?"Abu Jaafar menjawab, " Walayah- lah yang paling utama.' [15]

Di dalam kitab "Bashair al-Darajat" dan al-Kafi tersebut riwayat daripada Abu Abdillah a.s. beliau berkata, "Walayah kami adalah walayah Allah yang mana tidak diutuskan seorang Nabi pun melainkan pasti dia membawanya." [16]

2.2 Allah tidak mungkin dikenali tanpa dikenali terlebih dahulu para Imam dan orang yang tidak mengenali Imam adalah sesat.

2.2.1 Diriwayatkan daripada Abu Abdillah a.s. katanya,"Kamilah orang yang difardukan Allah supaya ditaati. Setiap orang mesti mengenali kami. Tidak dimaafkan orang yang tidak mengenali kami. Orang yang mengenali kami adalah mukmin. Sesiapa yang tidak mengenali kami dan menolak kami, dia adalah kafir. Sesiapa yang tidak mengenali kami tetapi tidak menolak kami adalah sesat, sehinggalah dia kembali kepada petunjuk yang Allah fardukan ke atasnya iaitu kewajipan mentaati kami. Sekiranya dia mati di dalam kesesatannya maka Allah akan melakukan apa yang dikehendaki-Nya terhadapnya." [17]

2.2.2 Diriwayatkan daripada Abu Hamzah kata beliau; Abu Ja'far berkata kepadaku,"Sesungguhnya orang yang mengenali Allah sahaja yang menyembah Allah. Sesiapa yang tidak mengenali Allah bererti dia menyembahnya dalam kesesatan." Aku

(Abu Hamzah) bertanya,"Semoga diriku dijadikan tebusan untukmu, apakah yang dimaksudkan dengan mengenali Allah? "Beliau (Abu Jaafar) menjawab, "Membenarkan Allah, membenarkan RasulNya s.a.w., menerima Ali dan Imam-Imam sebagai Imam yang benar dan pembawa petunjuk dan berlepas diri daripada musuh-musuh mereka (para Imam). Begitulah Allah dikenali."[18]

2.2.3. Diriwayatkan daripada Jabir, beliau berkata; Aku mendengar Abu Ja'far a.s.berkata,"Sesungguhnya orang-orang yang mengenali Allah dan Imam-Nya daripada kalangan kami Ahlul Bait sahaja yang mengenali Allah dan menyembah-Nya. Orang yang tidak mengenali Allah dan tidak mengenali ImamNya daripada kalangan kami Ahlul Bait sebenarnya dia tidak mengenaliNya dan menyembah selain daripada Allah. Demi Allah! Begitulah cara mereka sesat."[19]

2.3. Imam-imam dua belas itu ma'sum, mempunyai kuasa yang luar biasa, mempunyai darjat yang lebih tinggi daripada para Nabi dan Rasul dan para malaikat yang muqarrabun, boleh menghalalkan dan mengharamkan segala sesuatu dan mereka juga menjadi penentu kepada ahli syurga atau ahli neraka. Imam yang kelapan di sisi Syiah iaitu Imam Ali ibn Musa al-Ridha a.s. di dalam satu ucapannya yang panjang lebar telah mengemukakan ciri-ciri dan keutamaan para Imam. Di dalam ucapannya beliau beberapa kali menjelaskan tentang kema'suman para Imam. Antara lain beliau menyebutkan, "Dia adalah maksum, disokong, diberi taufik dan diluruskan segala tindak tanduknya daripada pihak Allah. Dia terpelihara daripada segala kesalahan dan kegelinciran. Allah menentukannya dengan sifat-sifat seperti ini supaya dia menjadi hujah kepada hamba-hamba-Nya dan menjadi penyaksi ke atas makhluk-Nya."[20]

Mereka boleh menghalalkan apa yang dikehendaki oleh mereka dan mengharamkan apa yang dikehendaki oleh mereka. Setiap yang dikehendaki oleh mereka pastilah dikehendaki oleh Allah.[21]

Khatimat al-Muhaddithin Allamah Baqir al-Majlisi di dalam kitabnya "Hayat al Qulub" menulis," Daripada riwayat-riwayat mu'tabar yang insyaAllah akan disebutkan nanti akan diketahui bahawa martabat Imamah lebih tinggi daripada martabat nubuwah".[22]

Ayatullah al-Uzma Ruhullah Khomeini di dalam kitabnya, "al-Hukumah al-Islamiyyah" dengan jelas menegaskan "Bahawa sesungguhnya antara dharuriyyat dan aqidah-aqidah asasi bagi mazhab (Syiah Imamiyyah Ithna' Asyariyyah) ialah para Imam mempunyai suatu maqam yang tidak sampai kepadanya malaikat muqarrab dan Nabi yang diutuskan."[23]

Al-Kulaiini meriwayatkan tentang keutamaan dan darjah Sayyidina Ali dan Imam-Imam selepasnya daripada Imam Ja'far al-Sadiq. Kata beliau,"Apa yang dibawakan oleh Ali ku ambil dan apa yang dilarang olehnya ku hentikan. Keutamaan yang diperolehinya sama seperti keutamaan yang diperolehi oleh Muhammad dan Muhammad mempunyai keutamaan di atas semua makhluk Allah Azzawajalla. Orang yang mengkritik salah satu hukum yang diberikan olehnya (Ali) sama seperti orang yang mengkritik Allah dan Rasul-Nya. Orang yang menolaknya sama ada dalam perkara kecil atau besar sama seperti melakukan syirik terhadap Allah. Amirul Mukminin (Ali) adalah pintu Allah yang tidak dapat didatangi kecuali melalui pintu itu dan beliau merupakan jalan yang mana orang yang mengikuti jalan yang lain akan binasa. Demikian juga keutamaan yang diperolehi oleh imam-imam yang membawa petunjuk sesudahnya satu demi satu."[24]

Di dalam riwayat yang sama al Kulaiini menyatakan Abu Abdillah (Ja'far al Sadiq) menyebutkan Amirul Mu'minin (Sayyidina Ali) selalu berkata," Aku adalah pembahagi syurga dan neraka daripada pihak Allah. Aku adalah pembeza (antara kebenaran dan kebatilan) yang agung. Padaku ada tongkat (Musa), misam (penanda di antara seseorang mukmin dan munafiq). Sesungguhnya para malaikat, Ar-Ruh (Jibrail) dan para Rasul telah mengakui aku sebagaimana mereka telah mengakui Nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya aku telah dibebankan sama seperti Nabi Muhammad s.a.w. iaitu bebanan

daripada Allah. Rasulullah s.a.w. akan dipanggil (pada hari qiamat nanti) dan diberikan persalinan, aku juga akan dipanggil dan diberikan persalinan. Dia (Muhammad s.a.w) akan diminta bercakap, aku juga diminta bercakap. Maka pada ketika itu aku juga akan bercakap seperti dia.

Aku telah dikurniakan beberapa keistimewaan yang tidak pernah dikurniakan kepada sesiapapun sebelumku. Aku mengetahui ajal manusia dan bencana yang menimpa mereka. Aku juga mengetahui nasib keturunan dan cara penyelesaian yang bijaksana. Tidak terlepas daripadaku pengetahuan tentang sesuatu yang berlalu dan tidak tersembunyi daripadaku sesuatu yang ghaib. Aku menyampaikan berita gembira dengan izin Allah dan menunaikannya daripada pihak-Nya. Semua ini adalah daripada Allah yang telah memberikan kemampuan kepadaku untuk menguasai semua yang tersebut dengan ilmu-Nya yang luas."[25]

2.4 Di antara kepercayaan Syiah berhubung dengan Imamah ialah kepercayaan tentang ghaibnya Imam yang ke-12 di dalam dua macam ghaibah;

i) Ghaibah Sughra
ii) Ghaibah Kubra

Sebenarnya bolehlah dikatakan kepercayaan kepada ghaibah ini sebagai satu keajaiban di dalam dunia aqidah.

Kisah kelahiran Imam yang kedua belas yang dianggap sebagai Imam Mahdi dan Sahib al-Zaman penuh dengan keajaiban dan tidak kurang hebatnya daripada Kisah 1001 malam. Sehinggakan ulama-ulama Syiah sendiri tidak mengetahui tentang kelahiran seorang yang akhirnya dianggap sebagai Imam yang ke dua belas iaitu Imam Mahdi anak Imam yang kesebelas Syiah Hassan al-Askari.

Ghaibah Sughra bermula dari 260H - 328H. Pada masa Ghaibah Sughra ini menurut kepercayaan Syiah ada beberapa orang yang dianggap sebagai duta-duta Imam Mahdi kepada orang ramai dan pada masa itu Imam Mahdi dianggap masih dihubungi oleh orang-orang tertentu. Antara mereka ialah Abu Hasyim Daud

bin Al-Qasim Al-Ja'fari, Muhammad bin Ali bin Bilal, Abu Amar Uthman bin Sa'id al-Samman, Umar al-Ahwazi, Ahmad bin Ishaq dan lain-lain lagi.

Setelah itu dianggap bermula zaman ghaibah kubra sehingga kepada suatu masa yang tidak dapat ditentukan oleh sesiapa pun."

2.5 Kata Khomeini di dalam kitabnya "al-Hukumah al-Islamiyyah", "Sesungguhnya Imam Mahdi telah menghilang diri di dalam Ghaibah Kubranya lebih 1000 tahun lampau. Barangkali kehilangannya itu akan berterusan selama beberapa ribu tahun lagi sebelum tiba masa keperluan mengkehendaki munculnya Imam yang dinantikan itu. "[26]

2.6 Al-Tabarsi menaqalkan kata-kata Imam Syiah yang kesembilan iaitu Muhammad bin Ali berhubung dengan Imam yang ke dua belas di dalam kitabNya "Al-Ihtijaj". Kata beliau, "Dialah orang yang kelahirannya tersembunyi daripada orang ramai dan dirinya akan terus ghaib daripada penglihatan mereka. Sahabat-sahabatnya yang sama dengan bilangan ahli Badar iaitu seramai 313 orang daripada seluruh pelusuk bumi akan berkumpul kepadanya. Apabila telah berkumpul orang-orang ikhlas sebanyak bilangan tersebut bersamanya, ketika itu Allah akan menzahirkan urusan-Nya (akan mengeluarkannya daripada Ghaibah Kubranya).'[27]

Riwayat ini bermakna di sepanjang zaman ghaibah Imam Mahdi ini tidak lagi wujud sebanyak bilangan tersebut orang-orang Syiah yang ikhlas walaupun pada zahirnya mereka kelihatan ramai. Bagaimanakah agaknya Syiah yang ikhlas ini!!

Mulla Baqir al-Majlisi menaqalkan satu riwayat daripada Imam al-Baqir bahawa beliau berkata, "Apabila al-Qaim daripada keluarga Muhammad s.a.w. muncul, Allah akan menolongnya melalui para malaikat dan orang yang mula-mula sekali berbai'ah kepadanya ialah Muhammad dan selepas itu Ali."[28]

Di dalam kitab yang sama Mulla Baqir al-Majlisi menaqalkan satu riwayat daripada Muhammad al-Baqir yang berasal daripada

kitab "Ilalu al- Syaraa'i" karangan Ibn Babwaih al-Qummi kata beliau,"Apabila muncul Imam Mahdi nanti, beliau akan menghidupkan kembali Aisyah dan akan menjalankan hukum had(zina) ke atasnya dan akan membalas dendam Fatimah terhadapnya." [29]

3. Aqidah mengkafirkan sahabat

Kepercayaan Syiah tentang majoriti para sahabat telah murtad tidak tersembunyi kepada sesiapa sahaja yang pernah membaca kitab-kitab Syiah, sehingga bolehlah dikatakan tidak ada sebuah kitab Syiah yang muktabar terutamanya yang ditulis oleh ulama -ulama mereka yang lalu melainkan pasti tersebut di dalamnya riwayat-riwayat yang mengkafirkan atau memurtadkan para sahabat atau melaknat, memaki hamun dan melakukan Tabarri c Tabarra - iaitu menyatakan sikap berlepas diri dan tidak mempunyai hubungan kasih sayang) terhadap mereka. Tidak terlepas daripada tuduhan-tuduhan ini, sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. seperti Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Abdul Rahman bin 'Auf, isteri-isteri Rasulullah s.a.w. dan lain-lain.

Di sini kita akan mengemukakan beberapa contoh sahaja daripadanya;

3.1 Al Kulaini meriwayatkan daripada Abu Ja'far As-Sadiq kata beliau, "Para sahabat telah menjadi murtad sepeninggalan Rasulullah s.a.w. kecuali tiga orang daripada mereka." Aku bertanya (kata perawi)' Siapakah tiga orang tersebut?' Abu Ja'far menjawab, "Miqdad ibn Aswad, Abu Dhar al-Ghifari dan Salman Al-Farisi..." [30]

Al-Kulaini meriwayatkan daripada Hanan daripada ayahnya daripada Abi Ja'far a.s. Ayahnya berkata; Aku bertanya kepadanya (kepada Abi Ja'far),"Anak-anak Yaakub bukan para Nabi?" Beliau menjawab, "Tidak , tetapi mereka adalah keturunan para Nabi. Mereka tidak meninggal dunia melainkan dalam keadaan bahagia dan bertaubat dan menyesali apa yang telah mereka lakukan dan sesungguhnya Syaikhain (Abu Bakar dan Umar) meninggal dalam keadaan tidak bertaubat dan tidak

menyesali apa yang mereka lakukan terhadap Amirul Mu'minin Ali a.s. Ke atas mereka berdua laknat Allah, para malaikat dan manusia sekaliannya." [31]

3.2 Syaikh al-Tusi meriwayatkan bahawa Kummait bin Zaid datang menemui Abu Ja'far a.s. lalu bertanya Abu Ja'far tentang Syaikhain (Abu Bakar dan Umar), Abu Ja'far menjawab, "Tidak berlaku pertumpahan darah dan tidak diputuskan sesuatu hukuman yang tidak sesuai dengan hukum Allah, hukum Nabi dan hukum Ali a.s. melainkan dosanya diletakkan ke atas bahu mereka berdua."

"Mendengar jawapan Abu Ja'far, Kummait berkata, "Allahu-Akbar! Allahu Akbar! Cukuplah , cukuplah!" [32]

Di dalam satu riwayat yang lain At-Tusi mengemukakan satu lagi riwayat iaitu Kummait berkata ," Ketika Kummait berkata demikian , Abu Abdillah (Ja'far al-Sadiq) sedang bertelekan di atas bantal tetapi sebaik sahaja Kummait berkata demikian, beliau terus membetulkan duduknya dan meletakkan bantal di bawah dadanya kemudian berkata, "Tanyalah." Kummait berkata," Saya mahu bertanya tuan tentang dua orang itu (Abu Bakar dan Umar). Abu Abdillah berkata, "Wahai Kummait ibn Zaid, tidak tumpah darah dengan cara tidak sebenar di dalam Islam, tidak diperolehi harta daripada sumber yang tidak halal, dan tidak dicampuri perempuan secara haram melainkan dosa semuanya terletak ke atas bahu mereka berdua sehingga muncul al-Qaim kita (Imam Mahdi). Kita golongan daripada Bani Hasyim menyuruh sama ada orang-orang tua dan orang-orang muda daripada kalangan kita memaki mereka berdua dan begitu juga menyatakan sikap berlepas diri dari mereka ." [33]

3.3 Allamah Baqir al-Majlisi menulis di dalam kitabnya "Hayat-al-Qulub" bahawa `al-Ayyasyi telah meriwayatkan dengan sanad yang muktabar daripada Imam Ja'far al-Sadiq bahawa Aisyah dan Hafsah telah meracun Rasulullah s.a.w. sehingga Rasulullah s.a.w. wafat kerananya. [34]

4. **Aqidah al-Raj'ah.**

Salah satu aqidah Syiah yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam ialah kepercayaan mereka tentang akan dibangkitkan para Imam sebelum qiamat untuk menuntut bela atau menghukum orang-orang zalim yang telah merampas hak-hak mereka. Kepercayaan ini merupakan perkara yang telah disepakati oleh para ulama Syiah.

4.1 Syaikh al-Mufid berkata, "Golongan Imamiyyah sependapat tentang wajibnya raj'ah (kembali) sebahagian besar daripada orang-orang mati ke dunia sebelum qiamat."[35]

4.2 Syarif al-Murtadha yang digelarkan di kalangan orang-orang Syiah dengan 'Alam al-Huda' di dalam jawapannya kepada persoalan raj'ah yang dikemukakan kepadanya berkata, "Pegangan Syiah Imamiyyah ialah Allah Ta'ala akan membangkitkan (menghidupkan semula) ketika munculnya Imam Mahdi satu golongan yang telah terdahulu meninggal daripada Syiahnya dan satu golongan yang lain daripada musuh-musuhnya."[36]

4.3 Al-Majlisi meriwayatkan daripada Jaafar al-Sadiq a.s. bahawa beliau berkata, "Orang yang mula-mula terbelah bumi kerananya dan bangkit ke dunia (sebelum qiamat) ialah Husain ibn Ali dan raj'ah itu bukanlah umum tetapi ia suatu yang khusus. Tidak akan kembali (bangkit sebelum qiamat) kecuali mukmin sejati atau kafir sejati." [37] Al-Majlisi meriwayatkan daripada Bukair bin A'yan katanya, "Orang yang aku tidak ragui (Ja'far al-Sadiq) telah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. dan Ali akan bangkit sebelum qiamat (raj'ah)."[38]

Diriwayatkan daripada Ja'far al-Sadiq beliau berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Tuhanku telah memperjalankan aku pada waktu malam dan mewahyukan kepadaku dari balik tabir apa yang diwahyukan-Nya dan telah bercakap denganku apa yang dicakapkan-Nya. Antara percakapan-Nya denganku ialah: "Wahai Muhammad, Ali adalah orang yang paling akhir Aku mengambil nyawanya daripada para Imam dua belas."[39]

Setelah mengemukakan beberapa banyak riwayat tentang raj'ah al-Majlisi berkata di dalam kitabnya "Bihar al-Anwar", "Ketahuilah wahai saudara, aku yakin bahwa engkau tidak meragui lagi tentang raj'ah, setelah aku menjelaskan kedudukannya yang telah dijimak oleh Syiah di setiap zaman dan kepercayaan tentangnya di kalangan mereka terlalu jelas dan umum bagaikan matahari di siang hari. Bagaimanakah seseorang mu'min akan meragui kebenaran para Imam mereka yang suci di dalam hadis-hadis mutawatir yang telah diriwayatkan daripada mereka lebih 200 orang dan telah diriwayatkan pula oleh lebih 40 orang tokoh-tokoh ulama yang dipercayai terdapat di dalam lebih daripada 50 karangan mereka masing-masing."[40]

5. **Penutup:**

Demikianlah serba ringkas kita bentangkan aqidah-aqidah Syiah daripada kitab-kitab muktabar mereka. Semoga keterangan-keterangan yang diberikan memberi manfaat kepada kita semua dan semoga Allah sentiasa membimbing kita ke jalan yang lurus.

Firman Allah:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

Bermaksud: "Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau belokkan hati-hati kami setelah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkau Tuhan Yang Maha Mengurniakan."
(Surah Al'Imran- ayat 8).

Nota:

(1) *Al-Bahrani - al-Burhan fi Tafsir Al-Quran*-Muqaddimah Fasal 4, hal. 49.
(2) Al-Burujardi - *'Aqaidu al-Syiah* - hal. 27.
(3) An-Nuuri At- Thabarsi -Fashlu Al-Khitaab- hal. 353.
(4) Al-Qummi-Tafsir Al-Qummi- Muqaddimatu Al-Kitab- j. 1 hal. 5.
(5) An-Nuuri At-Thabarsi-Fashlu Al-Khitaab - hal. 30
(6) Al-Kulaini- Al-Kafi - Al-Hujjah Min Al Kafi -j. 1 hal 414.
(7) Al-Kulaini - Al- Usul Min Al-Kafi j.1. hal. 119.
(8) Ahmad bin Ali At-Thabarsi - Al-Ihtijaj hal. 119.
(9) Maitsam Al-Bahrani -Syarah Nahju Al-Balaghah j. 11 hal 1.
(10) At Thabarsi - Al-Ihtijaj hal. 76 - 77.
(11) Ni'matullah Al-Jazaairi - Al -Anwar An-Nu'maniah - j.2 hal.357.
(12) Al-'Ayasyi -Tafsir As-Shafi -Muqaddimah keenam -hal.10.
(13) Al-Kulaini -Ar - Raudhah Min Al-Kafi -j.8 hal.
(14) Al-Kulaini -Al-Usul Min Al-Kafi -j.2 hal. 20.
(15) Al-Kulaini -Usul Kafi -j.2 hal.18.
(16) Bashaairu Ad-Darajat -j.2 Bab 9.
(17) Al-Kulaini -Al-Kafi -j.1 hal.187.
(18) Al-Kulaini -Al-Usul Min Al-Kafi- j.1 hal. 180.
(19) Ibid - hal. 181.
(20) Ibid - hal. 203.
(21) Ibid - hal. 441.
(22) Baqir Al-Majlisi- Hayaatu Al-Qulub -j.3 hal.10
(23) Khomeini -Al-Hukumah Al-Islamiah -hal.52.
(24) Al-Kulaini -Al-Usul Min Al-Kafi -j. 1 hal. 196
(25) Ibid - hal. 196-197.
(26) Khomeini -Al-Hukumah Al-Islamiah -hal. 26
(27) At-Thabarsi - Al-Ihtijaj 'Ala Ahli Al-Lajaj -hal. 230
(28) Al-Majlisi - Haqqu Al-Yaqin -hal. 139.
(29) Ibid - hal. 139.
(30) Al-Kulaini -Ar-Raudhah Min Al-Kafi -j.8 hal. 245.
At-Thusi -Rijal Al-Kasyi -j.1 hal.6
Al-Majlisi - Hayaatu Al-Qulub -j.2 hal.640
(31) Al-Kulaini -Ar-Raudhah Min Al-Kafi -j.8 hal. 246.
(32) At-Thusi -Ikhtiar Ma'rifati Ar-Rijal -j. 3 hal. 205 -206.
(33) Ibid - hal. 206 - 207.

(34) Al-Majlisi -Hayaatu Al-Qulub - j..2 hal.870
(35) Syaikh Mufid -Awaailu Al-Maqaalat -hal. 52
(36) Mohsein Al-Amin -A'yaanu As-Syiah-j. 1 hal. 132
(37) Al-Majlisi -Biharu Al-Anwar -j. 13 hal. 210
Al-Kasyi -Tafsir As-Shaafi - j. 1 hal. 959
(38) Al-Majlisi -Biharu Al-Anwar - j. 13 hal. 210
(39) Ibid hal. 217
(40) Al-Majlisi -Biharu Al-Anwar -j. 13 hal. 225.

Gambar Buku-Buku Rujukan Penting Bagi Masalah Syi'ah. Dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.
(Lihat Mukasurat 213)

Gambar Buku-Buku Rujukan Penting Bagi Masalah Syi'ah Dalam Bahasa Arab.
(Lihat Mukasurat 214)

17. BUKU-BUKU RUJUKAN PENTING BAGI MASALAH SYI'AH. DALAM BAHASA MALAYSIA DAN INGGERIS.

1) Shah Abdul Aziz Al-Dahlawi.
Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas. Penterjemah Salahuddin Abdulah. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992.

2) Abul Hassan Ali Nadwi.
Syiah: Islam Pada Awal Abad Dan Kelahiran. K. Lumpur: Nurin Enterprise. 1990.

3) Sayyid Muhibbuddin Al-Khatib.
Asas-Asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas (Imamiah). Alih Bahasa Hj. Salahuddin Abdullah. K. Lumpur: utusan Printcorp.Sdn.Bhd.

4) Muhammad Asri Yusoff.
Syi'ah Rafidah: Di antara Kecuaian Ulamak dan Kebingungan Ummah. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 1992.

5) Ehsan Elahi Zaheer.
Shias & Shiaism. Translated by Iftikhar Ahmad Shaikh. Lahore: Idara Tarjuman Al-Sunnah. 1986.

6) Abdullah Muhammad Ghareeb.
Khomeini : A Moderate Or a Fanatic Shi'ite. Edited by Abu Ameenah Bilaal Philips. K. Lumpur: Pustaka Usaha Murni. 1987.

7) Abdur-Rahman Ibn Al-Jawzee.
The Devil's Deception of The Shee'ah. Translated and Edited by Abu Ameenah Bilaal Philips. K. Lumpur: Pustaka Usaha Murni. 1987.

8) Muhibuddeen Al-Khateeb.
Al-Khutoot Al-'Areedah. An Exposition And Refutation Upon which the shite religion is based. Translated by Mahmoud Murad. K. Lumpur: Pustaka Usaha Murni. 1987.

18. BUKU-BUKU RUJUKAN PENTING BAGI MASALAH SYI'AH DALAM BAHASA ARAB.

١) احسان الهى ظهير. الشيعة والتشيع فرق وتاريخ. لاهور باكستان: ادارة ترجمان السنة. الطبعة الثالثة ١٩٨٤م.

٢) احسان الهى ظهير. الشيعة والسنة، الرياض: دار طيبة للنشر والتوزيع، ١٩٧٣م.

٣) احمد بن حجر الهيتمى المكى. الصواعق المحرقة فى الرد على اهل البدع والزندقة. بيروت: دار الكتب العلمية، الطبقة الثانية، ١٩٨٥م.

٤) احمد بن تيمية. المنتقى من منهاج الاعتدال. مختصر منهاج السنة اختصره الحافظ ابو عبدالله محمد بن عثمان الذهبى (٦٧٣ – ٧٤٨). دمشق: مكتبة دار البيان.

٥) الامام ولى الله احمد عبدالرحيم الدهلوى، مختصر التحفة الاثنى عشرية. الرياض: الرئاسى العامى لادارات البحوث العلمية والافتاء والدعوة الارشاد ١٤٠٤ هـ.

KERATAN UTUSAN MALAYSIA
25HB. FEBRUARI 1993.

Pengaruh Syiah harus disekat

KUALA LUMPUR 26 Feb. — Mazhab Syiah harus disekat daripada mempengaruhi umat Islam di negara ini kerana ia boleh mengakibatkan perpecahan umat, kata Mufti Selangor Dato' Ishak Baharom.

Ia akan mengakibatkan umat Islam berbalah sesama sendiri daripada segi hukum sehingga boleh menyebabkan mereka kafir mengkafir sesama sendiri.

"Syiah tak sesuai kalau dibiarkan tumbuh di Malaysia ... kerajaan mesti mengambil tindakan keras kalau ada yang terbabit... ia paling tidak, akan memecahbelahkan perpaduan (umat Islam)," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di pejabatnya di Shah Alam hari ini.

Ishak berkata Syiah adalah satu daripada mazhab dalam Islam tetapi ia tidak termasuk dalam mazhab yang empat iaitu Syafie, Hanafi, Maliki dan Hambali.

Terdapat banyak perkara yang berlainan terutamanya daripada segi akidah, pegangan dan syariah (undang-undang), dengan fahaman ahli Sunnah wal Jamaah.

Mufti Selangor itu berkata walaupun anggota Syiah terbahagi kepada banyak puak dan ada juga fahamannya yang betul pada pandangan ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi pada umumnya mazhab Syiah itu adalah bercanggah dengan ahli Sunnah wal Jamaah.

Beliau memberi contoh ada anggota Syiah yang mengkafirkan sahabat-sahabat nabi seperti khalifah-khalifah Saidina Abu Bakar, Umar dan Othman, sedangkan mengikut fahaman ahli Sunnah wal Jamaah, para sahabat telah dijamin masuk syurga.

Syiah sebaliknya hanya mengiktiraf Saidina Ali sebagai khalifah.

Ishak, yang bimbang dengan perkembangan mazhab Syiah di negara ini sejak akhir-akhir ini, berkata Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menyiasat kegiatan markas Ahlul Bait di Kajang, yang dilaporkan menjadi pusat ajaran Syiah di Selangor.

Siasatan

Sebarang tindakan terhadap mereka bergantung kepada hasil siasatan, katanya.

Kelmarin Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman yang mengulas laporan akhbar mengenai kira-kira 300 penuntut Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) disahkan terbabit dengan golongan Syiah, menyifatkan perkembangan itu sebagai serius dan mengancam akidah umat Islam.

ISHAK BAHAROM

Sebuah akhbar melaporkan hari ini bahawa tiga markas pergerakan mazhab Syiah telah dikesan bergerak aktif di negara ini iaitu Madrasah Al-Attas di Johor Baharu, Sekolah Agama Darul Al-Falah di Kuala Sungai Baru, Melaka dan Markas Ahlul Bait di sini. — Bernama.

Syiah tidak perlu disebar - Nik Aziz

KOTA BAHARU 26 Feb — Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, mazhab Syiah tidak perlu disebarkan di negara ini kerana mazhab yang diamalkan oleh umat Islam di negara ini iaitu mazhab Al-Sunnah Wal Jamaah sudah mencukupi dan lengkap.

"Saya tidak setuju Syiah disebar di sini. Kita sudah cukup dengan mazhab Sunnah Wal Jamaah," katanya kepada para pemberita ketika ditemui selepas kuliah mingguannya di pejabat Pas sini hari ini.

Nik Aziz bagaimanapun berkata, bagi mengatasi masalah gerakan Syiah itu, umat Islam yang mengamalkan mazhab Sunnah perlu membuktikan bahawa mazhab itu juga mampu menaikkan Islam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai gerakan Syiah yang dikesan bergerak aktif di negara ini.

Nik Aziz yang juga Ketua Ulama Pas Pusat turut mempersoalkan adakah orang yang menyebarkan Syiah itu menganggap bahawa mazhab Sunnah itu salah.

Menteri Besar itu berkata, pengikut-pengikut Syiah tidak boleh mengatakan mazhab Sunnah itu salah kerana sudah ada persetujuan di Teheran, Iran (pengamal mazhab Syiah) dan Al-Azhar, Mesir (pengamal mazhab Sunnah Wal Jamaah) yang mengakui kebenaran mazhab Sunnah.

"Tiada sebab bagi penyebar-penyebar fahaman itu di negara ini menolak persetujuan itu dan membuka masalah yang baru pula," katanya.

Beliau berkata, lebih elok tumpuan diberikan kepada membanteras sekular daripada Syiah kerana sekular menolak Al-Quran.

Pusat Islam sedang kesan

KUALA LUMPUR 26 Feb. — Pusat Islam sedang mengesan pergerakan anggota-anggota fahaman Syiah di negara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya tidak lama lagi.

Sumber di Pusat Islam memberitahu *Utusan*, kerajaan juga memandang serius pergerakan tersebut yang menggunakan sekolah-sekolah agama untuk menyebarkan fahaman mereka.

"Pusat Islam berpendapat beberapa pendirian mahzab tersebut tidak betul seperti mengatakan sembahyang tarawih bidaah, malah pernah mengkafirkan Khalifah Omar," katanya.

KERATAN UTUSAN MALAYISA
2HB. MAC 1993.

Pendukung Syiah dikenalpasti

KUALA LUMPUR 1 Mac — Lima orang pensyarah dan dua bekas pensyarah dari dua buah institusi pengajian tinggi di sini, adalah antara 11 orang yang dipercayai menjadi pendukung dan penyokong utama pergerakan mazhab Syiah di negara ini.

Menurut satu sumber, kelima-lima pensyarah itu kini sedang mengajar di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Selain daripada itu, mereka juga dibantu oleh dua orang tokoh politik dan seorang bekas kerani Bank Negara Malaysia (BNM) yang kini menetap di Damansara dekat sini.

"Daripada lima orang pensyarah UM itu, seorang daripadanya juga terlibat dalam sebuah persatuan agama yang terkemuka di mana Yang Dipertuanya juga menyokong kuat pergerakan mazhab Syiah," kata sumber itu kepada *Utusan* ketika ditemui di sini hari ini.

Sumber itu memberitahu, salah seorang daripada pensyarah di UM tersebut dianggap sebagai 'Bapa Syiah Malaysia' oleh pengikut-pengikut Syiah kerana telah memimpin mazhab itu sejak sekian lama dan bertanggungjawab menjalankan kegiatan mencari ahli-ahli baru di universiti berkenaan.

Dua bekas pensyarah yang terlibat pernah mengajar di UM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta merupakan pengikut Syiah yang paling kuat.

Menurut sumber itu lagi, pensyarah-pensyarah yang terlibat sering menggunakan kelas pengajian di Fakulti Pengajian Islam UM untuk menyebarkan fahaman Syiah.

"Ini termasuklah mengugut pelajar supaya menjawab setiap soalan berhubung agama Islam mengikut fahaman Syiah," kata sumber itu.

LIHAT MUKA 2

Pendukung Syiah dikenalpasti

Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, jelas sumber itu lagi, pelajar-pelajar berkenaan akan diberi 'Gred F' iaitu markah gagal.

Sumber itu juga memberitahu, pelajar-pelajar juga digesa supaya mengamalkan fahaman Syiah dalam kehidupan harian mereka termasuk soal-soal ibadat seperti sembahyang.

"Apa yang mendukacitakan, terdapat sesetengah pelajar yang terpengaruh menunaikan ibadat agama Islam mengikut fahaman Syiah," kata sumber itu.

Sumber itu menambah, dua bekas pensyarah yang terlibat dalam kegiatan mazhab itu pernah mengajar di Jabatan Pengajian Islam, UM pada awal tahun 80an dan di UKM pada awal tahun 70an.

"Bekas pensyarah UKM ini sering dijemput memberi ceramah oleh pengikut-pengikut Syiah di Bandar Baru Bangi," katanya.

Amerika rancang lindungi Syiah

LONDON, Ahad — Amerika Syarikat sedang menimbang cadangan mengebom daik (dykes) yang dibina oleh Iraq bagi mengeringkan air di kawasan penduduk Syiah di selatan negara itu, lapor mingguan Britain, *The Observer*, hari ini, yang memetik sumber di Amerika.

Penduduk Syiah menentang pemerintahan Presiden Saddam Hussein.

Menurutnya, 'cadangan mengebom daik raksasa sedang dalam pertimbangan Washington' berikutan tekanan ahli Kongres yang percaya tindakan segera perlu diambil bagi menyelamatkan mereka.

Daik itu dibina bagi menghalang air Sungai Tigris dan Euphrates (Furat) daripada masuk ke kawasan penduduk Syiah itu yang tinggal kawasan itu selepas kegagalan pemberontakan terhadap Saddam selepas Perang Teluk pada 1991.

Minggu lalu, *The Observer* menyiarkan laporan lengkap yang menuduh Baghdad cuba melancarkan pembunuhan beramai-ramai dengan mengeringkan kawasan di selatan dan meracun air.

Laporan itu menyatakan, peringkat air di kawasan utara masyarakat Syiah itu sudah turun sebanyak dua meter.

Minggu ini, *The Observer* memetik surat daripada pertubuhan hak asasi manusia yang beribu pejabat di New York, *Middle East Watch*, kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). — AFP